NAFAS TERAKHIR

Utsman Noury Thoubbasy

PENERBIT
ERKAM

"Ya Allah,

Peliharalah kami dari orang-orang yang menenggelamkan dan membinasakan dirinya dalam rayuan godaan dunia ini!,

Wahai Tuhanku,

Wahai Dzat Yang Maha Mengasihi, Berikanlah kami sebuah anugerah, sebagaimana Engkau berikan kepada hamba-hamba-Mu yang sholeh sebuah anugerah berupa nikmat, keberkatan dan sifat yang terpuji, hiasilah kami dengan hiasan yang menghubungkan kami dengan-Mu, serta jadikanlah hidup dan mati kami seperti halnya hidup dan mati mereka; hamba-hamba-Mu yang sholeh."

"Ya Allah,

Kurniakanlah kepada kami sebuah anugerah, sepertimana Engkau berikan kepada mereka anugerah berupa cinta, kasih sayang dan rasa kekhusyu'an, jadikanlah kami hamba-hamba-Mu yang sentiasa dapat memperoleh dan memandang segala ciptaan-Mu serta ketetapan-Mu dengan kaca mata iman, selalu mengalirkan air mata kerana kekesalan, dan anugerahkanlah kepada kami ampunan-Mu, serta jadikanlah kami sebagai hamba-hamba-Mu yang berwajah cerah, bercahaya, berseri-seri dengan jiwa yang ridha pada hari di mana kami bertemu dengan-Mu."

NAFAS TERAKHIR

Utsman Noury Thoubbasy

Judul asli dalam bahasa Turki:	Gönül Bahçesinden Son Nefes
Penulis:	Utsman Noury Thoubbasy
Penterjemah:	Zulkaeen Ahmad Lc.
Grafik dan Desain:	Râsim Şakiroğlu
ISBN:	978-9944-83-646-3
Address	Ikitelli Organize Sanayi Bölgesi Mah. Atatürk Bulvarı, Haseyad 1. Kısım No: 60/3-C Başakşehir, Istanbul, Turkey
Tel:	(+90-212) 671-0700 pbx
Fax:	(+90-212) 671-0748
E-mail:	info@islamicpublishing.net
Web site:	www.islamicpublishing.net
Penerbit:	Darul Arqam
Language:	Malay

NAFAS TERAKHIR

Utsman Noury Thoubbasy

MUQADDIMAH

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang dimuliakan nama-nama-Nya; Tuhan yang menganugerahkan kepada kita -hamba-hamba-Nya yang lemah lagi hina- kenikmatan dan ketenangan iman.

Selawat dan salam ke atas semulia-mulia makhluk Baginda Muhammad SAW yang telah membimbing umatnya keluar daripada kegelapan menuju kepada cahaya keimanan. *Amma Ba'du*:

Buku yang diketengahkan ini adalah sebahagian daripada rencana-rencana yang diterbitkan dalam majalah '*Alton Oluq"*. Kemudian –dengan izin Allah SWT- kami berjaya mengumpulkannya untuk dijadikan sebuah buku. Dalam ruangan ini juga, kami akan paparkan kandungan buku ini secara ringkas.

Sesungguhnya manusia di saat dilahirkan ke dunia yang pasti diduga terhadapnya segala ujian dan cubaan. Manusia diibaratkan berdiri di hadapan pintu kehidupan abadi. Kehidupan abadi ini pula terdapat dua pintu; pintu pertama membawa manusia kepada kerugian dan pintu kedua pula membawa manusia kepada kemenangan dan kebahagian yang berkekalan selama-lamanya. Manakala 'nafas terakhir' (iaitu kesudahan usia seseorang hamba Allah SWT) akan menentukan pintu manakah yang akan dilalui oleh seseorang untuk sampai ke alam kehidupan yang abadi.

Dalam konteks ini, setiap detik dari usia yang kita miliki seharusnya dilalui dengan keindahan yang sentiasa segar tentang betapa indahnya "Nafas Terakhir" yang dinanti-nanti. Ianya merupakan gambaran yang melahirkan rasa rindu yang mendalam pada saat-

saat tersebut. Situasi ini adalah seperti saat kita membuka mata, meluaskan pemikiran kita bagi mendapat gambaran sebenar untuk kita menuju ke alam yang kekal abadi melalui 'pintu' yang telah disediakan. Maka dengan itu, kita akan sentiasa ingat dan berwaspada dengan saat-saat terakhir kita semasa hidup di alam fana ini.

Hakikatnya, isyarat atau peringatan awal tentang keadaan hidup kita di alam akhirat digambarkan melalui saat-saat kematian kita. Seseorang yang baik sewajarnya mempersiapkan dirinya untuk melalui saat-saat tersebut semasa di dunia ini lagi. Oleh itu, bagi mencapai matlamat memperoleh kehidupan yang bahagian di akhirat, kita hendaklah sentiasa istiqamah, tulus, ceria dan tenang. Kita juga seharusnya menghiasi kegidupan kita dengan amal-amal soleh kerana kehidupan ini umpama titsan-titisan air yang memenuhi gelas. Keruh atau jernihnya air dalam gelas tersebut pastinya ada kaitannya dengan jernih atau kotornya titisan-titisan air itu. Titisan terakhir yang menjadikan gelas itu kosong samalah seperti "nafas-nafas terakhir" bagi kehidupan setiap orang. Hal ini telah dijelaskan melalui sebuah riwayat:

"*Seseorang itu akan mati sama seperti keadaan yang biasa dilukukannya ketika hiudp, dan dia akan dibangkitkan di Padang Masyhar sama seperti keadaan kematiannya*"[1]

Nafas-nafas terakhir diumpamakan seperti cermin yang sangat jernih, tanpa debu pun di atasnya, memantulkan diri orang yang berdiri dihadapan. Seseorang itu akan mengenali dirinya dalam sebaik-baik rupa (bentuk) dan sejujur-jujurnya mengenai dirinya pada nafas terakhir sepertimana dijelaskan oleh Najib Fadhil, penyair Turki, katanya:

1. Al-Munawi; faidhu-l-qodir, syarh al-jami' as-shogir, juz 5 hal 663

"pada detik-detik nafas terakhir itu; detik-detik di mana tidak ada lagi penghalang antara seseorang dan malaikat maut, tidak ada hal yang paling berkesan kecuali kemampuan seseorang untuk mengucapkan: selamat datang, wahai malaikat maut."

Sesungguhnya himpunan amal seorang hamba selama hidupnya di dunia akan diperlihatkan di depan mata dan hati pada ketika itu. Oleh sebab itu, tiada lagi gambaran mendalam atau 'ibrah (pengajaran) pada saat-saat kematian bagi manusia

Pada hakikatnya, seluruh hembusan nafas dan waktu yang kita lalui dengan ibadah, akhlak mulia serta pergaulan yang baik diibaratkan seperti kompas dan petunjuk kepada kita pada saat "nafas terakhir." Pada masa yang sama, ia adalah gambaran keadaan kita di akhirat kita yang sedikit sebanyak menjadi gambaran kehidupan kita di akhriat hasil daripada amalan hidupa kita di dunia.

Sesungguhnya kehidupan di alam kubur –yang berterusan sehingga datangnya hari kiamat- tergantung kepada kedudukan atau keadaan amalan dan perlakuan semasa di dunia. Kita mungkin dapat merangka atau merancang sendiri kehidupan di alam kubur sepertimana yang kita inginkan. Kita boleh merubah 'maut' kepada pertolongan dan 'malam pengantin' (saat paling bahagia di dunia) bagi menggantikan keadaan yang ngeri dan menakutkan, juga tidak menjerumus ke arah kerugian yang nyata. Ini adalah salah satu jalan atau lorong bagi mereka yang sentiasa bersiap sedia untuk melalui perjalanan yang diingini selepas kematian.

Seorang hamba sama seperti mereka yang menjadikan perjalanan usia-usia mereka sebaik-baik keadaan, lebih diberkati. Maka, mereka sering menempatkan diri mereka pada majlis-majlis mengingati Allah SWT sama seperti makhluk lain. Mereka menghidupkan waktu tengah malam (sahur) dengan beribadat kepada-Nya. Waktu adalah waktu yang penuh dengan keberkatan dan

cahaya Ilahi. Jelaslah bahawa mereka yang tidak menjadikan tengah malam seperti berjaga di siang hari atau menghabiskan waktu tengah malamnya hanya dengan tidur, mereka adalah orang yang sentiasa menghalang keberkatan dan cahaya ilahi hadir pada diri mereka. Kehilangan kesempatan memperoleh keberkatan dan nur Ilahi samalah seperti hilangnya hujan berkat yang gugur di atas padang pasir, lautan dan batu-batu keras lagi licin.

Bagi memastikan hamba-hamba Allah SWT tidak terjerumus ke dalam kerugian dan kelalaian seperti di atas, mereka seharusnya tidak menjauhikan diri daripada naungan al-Quran dan bertafakkur (merenung) dan juga mempelajari dan mendalami serta merenung setiap makna yang dikandung padanya. Oleh yang demikian, terdapat tiga perkara utama dalam hidup ini akan menonjolkan ciri-ciri ketuhanan yang sempurna bagi Pencipta iaitu manusia, al-Quran dan alam semesta.

Daripada tiga perkara seperti dinyatakan di atas, alam semestalah yang sangat berkesan untuk menonjolkan hakikat ilahi. Ianya seumpama buku yang sangat besar, penuh dengan tanda-tanda yang sangat menarik di samping menyerlahkan lagi kelebihan-kelabihan Pencipta. Semesta diibaratkan seperti al-Quran yang tak bersuara namun kandungannya mudah didengar, dilihat serta direnungi. Sedangkan al-qur'an sendiri adalah kalam yang terkandung di dalamnya segala apa yang ada di dalam dunia dan alam semesta.

Sementera itu, manusia adalah titik tengah (antara al-Qur'an dan alam semesta) untuk memperoleh maklumat kita terputus salah satu daripada kedua-duanya dan titik pertemuaan antara kedua-duanya. Ianya juga merupakan sebuat tanda yang menjelaskan kebesaranNya; Dzat Yang Maha Tinggi. Maka, bagi mereka yang mengetahui tentang perasaan ini – dalam naungan al-Qur'an dan tafakkur- akan mendapati bahawa al-Qur'an sentiasa didahulukan dan ilmu

akan mengekorinya. Hal ini kerana al-Qur'an bukan ilmu seorang insan yang lemah, akan tetapi ianya ilmu rabbani yang dikurniakan kepada umat manusia. Allah SWT meletakkan pada al-Qur'an asas segala ilmu yang terdapat dalam dunia ini. Pada waktu yang sama, Dia mencipta kemampuan berfikir sebagai satu perantara atau cara bagi meneroka segala ilmu pengetahuan yang baharu.

Dari sudut lain, jelaslah kepada kita bahawa al-Qur'an dan tafakkur merupakan hakikat yang paling agung untuk kita jadikan matlamat dalam hidup. Kebenaran-kebenaran ini mampu diperoleh melalui kemantapan dan penyuburan pemikiran yang kita miliki dengan berpandukan al-Qur'an. Kaedaan ini samalah seperti sebutir biji-bijian yang tumbuh berkembang hingga menjelma menjadi sepohon yang kuat disebabkan tanah yang subur. Namun demikian, meskipun cahaya al-Qur'an tidak akan padam begitu juga hidayah dan petunjuknya tidak akan berakhir, tetapi daya penerimaan kita serta pemikiran kita sama seperti seperti biji-bijian yang kering tidak mampu tumbuh di atas tanah yang subur. Dalam konteks ini, kita sebagai hamba Allah SWT yang amat kerdil perlu mengakui bahawa tiada kurniaan yang paling berharga bagi kita kecuali dapat memikirkan tentang kehebatan dan keagungan Allah SWT melalui bimbingan al-Qur'an.

Demikianlah, sesungguhnya hati yang selalu diiringi dengan tafakkur tentang hakikat dan kebenaran dapat disucikan dengan bertaubat dan menitis air mata tanda keinsafan selama berada dalam kehidupan dunia yang fana ini. Dunia yang dianggap sebagai medan ujian dan tempat yang disalahgunakan untuk meneruskan perbuatan maksiat serta kesalahan-kesalahan. Situasi di atas digambarkan oleh penyair bagi mereka terutamanya ahli ibadat:

"mereka berusaha dan bersungguh-sungguh
demi berada dalam ruang lingkup rohani

Mereka memikul beban dan merangkak di atas bumi
Bertasbih sebanyak mungkin
Sebanyak bintang-gemintang di langit
Mereka berdoa di penghujung barisan
Jika pandangan mata mereka terpeleset kepada hal lainnya
Deras tangisan mereka pun tak terbendung lagi
Sebagai ganjaran mereka sepanjang usia

Dan juga, mereka selalu berdoa kepada Allah, sentiasa berusaha mencapai kebenaran yang hakiki, Allah SWT. berfirman, yang ertinya:

"*Katakanlah (wahai Muhammad kepada golongan yang ingkar): 'Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadat kamu kepada–Nya; (apabila kamu telah mengetahui bahawa Tuhanku telah menetapkan tidak menghargai seseorang pun melainkan keranan doa ibadatnya) maka sesungguhnya kamu telahpun menyalahi (ketetapan Tuhanku itu); dengan demikian, sudah tentu balasan azab (disebabkan kamu menyalahi itu) akan menimpa kamu."* (QS. Al-Furqaan: 77) -TPR

Demikianlah, sesungguhnya mereka yang hidup dalamannya sentiasa memikirkan keagungan Ilahi, mampu menjadi khaira ummah (sebaik-baik ummat). Oleh sebab itu, mereka memperelokkan tingkah laku dan gerak geri dalam kehidupan mereka sebagai médium meneruskan dakwah menuju kebenaran dan kebaikan. Bagi mencapai matlamat sebenar khaira ummah, hanya satu jalan yang harus dilalui iaitu jalan dakwah yang menyeru ke arah kebenaran dan kebaikan. Sehubungan itu, Allah SWT berfirman yang maksudnya:

"*Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk*

dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)." (QS. A-li 'Imran: 110) -TPR

Hakikatnya, sesiapa yang bersemangat dan aktif dalam menjalankan tugas mulia iaitu *amar makruf nahi mungkar* dengan kaedah atau cara yang dituntut, mereka ini sebenarnya telah mengisi hati-hati dan perasaan mereka dengan sifat lemah lembut, toleransi dan keindahan Islam. Mereka telah memperlihatkan contoh teladan yang baik dari sudut percakapan, perbuatan dan keperibadian dalam melaksanakan tugas dakwah dan memberi galakan untuk melakukan kebaikan dan menyampaikan kebenaran. Mereka merealisasikan dakwah tersebut berasaskan perintah suci daripada-Nya yang tersirat dalam ayat:

"Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah[2] *kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."* (QS. An-Nahl: 125) -TPR

Fenomena di atas adalah cerminan kepada keindahan perangai keperibadian orang-orang yang beriman serta perbuatan mereka, keindahan yang terpancar dari lubuk hati dan kehidupan mereka. Hal ini kerana seseorang yang beriman memiliki kemuliaan secara materi atau non materi. Demikian juga di dalam diri setiap orang mukmin terdapat kekayaan yang tak terhingga, kerana ketidak bergantungannya terhadap pemberian orang lain. Mereka berniaga dengan etika yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW., etika yang menjadikan perniagaan mereka dipenuhi oleh keberkahan. Mereka

---

2. Perkataan yang tegas dan benar yang dapat membedakan antara yang hak dan yang batil.

tiada mengenal riba. Semua harta benda yang dimiliki adalah pinjaman yang baik yang diberikan kepada Allah SWT.. Dalam konteks ini, seorang mukmin selalu memperhatikan unsur agama iaitu Allah Maha Melihat segala transaksi di antara mereka. Mereka juga sangat teliti dalam hal hutang-piutang, kerana orang yang beriman tentunya telah menjalin hubungan kasih sayang dengan Allah dan rasul-Nya serta para wali. Antara bukti bagi mengambarkan keeratan hubungan tersebut ialah sikap mereka yang sentiasa menunai janji, selain itu juga tidak pernah mengungkit-ungkit pemberian mereka kepada orang lain pun tidak meminta untuk disebut-sebut, tidak perlu kepada pengakuan dan pengiktirafan terhadap apa yang dilakukan. Demikian lah sifat-sifat serta perangai yang menggambarkan betapa berimannya mereka, betapa suci dan luhurnya jiwa mereka.

Para Pembaca yang dimuliakan….

Sesungguhnya tajuk-tajuk dan perkara-perkara yang ingin diketengahkan dalam buku kami yang diberi nama “Nafas-nafas Terakhir” adalah himpunan daripada apa yang dijelaskan di atas.

Di samping itu, kami juga akan memaparkan sebuah cerita tentang salah seorang daripada kekasih-kekasih Allah yang telah mengadap-Nya dengan wajah yang berseri-seri kerana dia telah mempersiapkan dirinya untuk menghadapi saat-saat nafas terakhirnya dengan jiwa yang mulia kisah ini ada dalam judul “Musa Afandi –semoga Allah memberikan rahmat mensucikan jiwanya- dari Iman ke Ihsan”, kisah ini akan memberikan kita sebuah gambaran yang harus diikuti. Dalam penutup buku ini juga kami sertakan sebuah identifikasi (idenntification) dari pihak majalah “Alton Ouluq” yang berhubungan dengan buku kami “Tasawuf, dari Iman ke Ihsan”, sebuah karya penyentuh hati yang mengajarkan kita tata cara tasawuf; jalan mereka para manusia dengan jiwa yang bersih. Cara

mendalami al-Qur'an dan Sunnah serta menghayatinya iaitu mampu menyingkap rahsia-rahsia yang terdapat di dalamnya.

Setiap perbuatan, perkataan dan tingkah laku yang berlawanan dengan apa yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dianggap tidak betul (batil). Ungkapan yang sesuai untuk mengambarkan situasi ini ialah kata-kata yang menyatakan bahawa syariat bagi manusia ibarat adalah ukuran yang tepat bagi seorang arkitek. Secara ringkasnya, mungkin kita menyatakan iannya beragama (mengamalkan agama) tanpa tasawuf. Akan tetapi, beragama ini kadang-kadang terhalang daripada memperoleh ihsan. Dengan kata lain, kehidupan Islam tanpa didasari oleh tasawuf tidak mampu membawa manusia untuk melaksanakan ibadat melalui konsep "beribadahlah seakan-akan engkau melihat Allah" kerana tasawuf akan membimbing dan mendidik jiwa manusia.

Bagi mereka yang tidak dapat mencapai darjat ihsan tersebut, hidup mereka dalam keadaan kesempitan dan mengalami kesukaran untuk menghadapi saat-saat nafas terakhirnya. Pelaksanaan ibadat kita –supaya kita mampu menuju ke alam akhirat dengan aman dan tenteram ketika menghembus nafas terakhir- melalui pintu ibadah di bawah slogan "beribadahlah seakan-akan engkau melihat Allah".

Satu perkara lagi yang harus kita ingat ialah sesungguhnya manusia sentiasa berhadapan dengan sebab-sebab kematian yang tidak dijangka siang atau malam, samada diketahui atau tidak diketahui. Kematian akan dihilang dan disembunyikan dari manusia pada setiap masa. Berkata Maulana Jalaluddin al-Rumi, dalam al-matsnawi menggambarkan situasi itu, katanya "Sebenarnya, setiap detik adalah suatu kematian dari sebahagian jiwanya, dan setiap detik adalah waktu penyerahan jiwa serta setiap detik juga mengurangkan umur manusia".

Hakikatnya, manusia sentiasa menjauhi dirinya daripada dunia yang fana ini, pada masa yang sama, langkah pula makin hampir

kepada kubur (kematian). Bukankah hari-hari yang kita lalui itu merupakan sorotan bagi hidup kita?.

Setiap batu yang derada di perkuburan (yang dikelilingi dengan pangilan maut) merupakan penasihat yang jujur bagi menyatakan keadaan semasa iaitu kematian yang pasti. Semoga kewujudan tempat perkuburan di tengah-tengah kota, kawasan masjid, di tepi-tepi jalan menjadi peringatan paling berkesan mengenai hari kematian. Secara tidak langsung ianya akan mengajak manusia merancang kehidupan di dunia kerana ingat tentang kematian. Sesungguhnya susunan perkataan (yang dianggap lemah) tidak mampu menanggung beratnya sebuah kematian yang dahsyat. Segala kekuatan dan kekuasaan akan berakhir dengan menemui kemusnahan (kematian).

Kematian adalah 'qiamat' kecil bagi manusia. Kita sewajarnya bersiap sedia dan beringat-ingat bagi menghadapi kimat kecil kita agar kita tidak menyesal. Hal ini kerana setiap yang fana sudah pasti akan bertemu dengan malaikat maut di suatu tempat dan masa yang tidak diketahui. Malahan tiada tempat yang boleh lolos untuk melarikan diri daripada menemui kematian. Oleh itu, manusia dalam keadaan ini perlulah menghayati apa yang difirmankan oleh Allah SWT.: "*Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat)*" (al-Dzaaariyat: 50), serta mengakui dan yakin mengenai tempat dituju dan tempat kembali hanyalah rahmat Allah SWT.

Mana-mana manusiapun –kecuali para Nabi dan Rasul- dalam keadaan ini sudah pasti tidak merasa selesa atau aman daripada berhadapan dengan mara bahaya iaitu tergelincir daripada landasan iman yang betul. Oleh yang demikian, seseorang itu mestilah berusaha menilai dan menghargai nikmat usia yang dikurniakan kepadanya mengikut apa yang selayaknya. Satu-satunya jalan untuk selamat daripada ancaman kematian ialah berusaha memperolah keberkatan hidup dengan menggunakan baki usia yang dimiliki ke arah kebai-

kan dan amal soleh. Mereka yang telah membuat persediaan untuk mati sebagai pengganti kepada rasa takut untuk mati adalah mereka yang akan menemui mati yang dianggap sebagai satu cara untuk sampai ke alam kehidupan yang kekal abadi. Mereka adalah ahli-ahli ibadat yang bahagia telah menemui 'keindahan mati' iaitu kerehatan dan ketenangan dengan kematian.

Akan tetapi, bagi mereka yang lupa tentang kehidupan akhirat dan menjalani kehidupan di dunia dengan penuh kelalaian, mereka tidak akan dapat menghindar diri dari perasaan mengigil ketakutan saat berdepan dengan kematian yang menakutkan. Jalaluddin al-Rumi menagaskan:

wahai, anakku…!

Sesungguhnya kematian seseorang sesuai dengan yang ia inginkan,

Dan juga sesuai dengan bentuk dan model bagaimana yang ia inginkan

Kematian akan menjelma sebagai musuh bagi mereka yang memusuhi dan selalu menghindari serta membencinya

Mereka tiada berfikir bahawa kematian adalah ambang pintu yang menghantarkan mereka kepada hadirat Allah SWT.

Namun, kematian dapat juga menjelma sebagai teman dekat bagi mereka yang menjadi teman dekat serta mencintainya.

Hakikatnya, kematian itu ibarat cermin yang sangat jernih, tidak kusam dan tidak tercemar. Setiap manusia akan melihat melalui cermin tersebut perjalanan usianya yang meliputi kebaikan dan keburukan dengan sejelas-jelasnya. Pada saat itu, tiada tabir untuk menutup kelalaian dan kerakusan (keras kepala) daripada pendengaran dan penglihatan. Sebaliknya semua penghalang (tabir) itu akan

terbuka untuk membuat pengakuan atas semua perkara di samping menuntut akal fikiran dan perasaan kepada penyesalan terhadap apa yang telah dilakukan. Justeru, kita seharusnya menjadikan nafas-nafas terakhir (saat kematian) sebagai cerminan untuk melihat perjalanan hidup kita untuk kita menyemai rasa kesal dan rugi terhadap pelakuan kita semasa badan masih bernyawa.

Semoga 'cermin' ini akan masuk ke dalam kehidupan kita di saat kita menjalani kehidupan yang berteraskan al-Qur'an dan Sunnah. Hak ini kerana orang-orang yang sebenar memperoleh kebahagiaan ialah mereka yang mampu mengetahui dan menyedari diri mereka sendiri sebelum datangnya ajal (kematian).

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua saudara saya, M. Ali Asymali, dan M. Akif Junay yang telah banyak membantu saya dalam penyusuanan buku ini. Saya memohon kepada Allah SWT. agar menjadikan amalan ini sebagai sedekah jariyah bagi mereka, serta memberikan pahala atas kesungguhan mereka dalam membantu saya.

"Wahai Allah…

Jadikan nafas terakhir kami nantinya…

Sebagai jendela…

Tempat kami menyaksikan pahala kami serta ketentuan-Mu yang telah Engkau tetapkan untuk kami pada alam yang abadi…

Amin…

Utsman Noury Thoubbasy

Istanbul, 2010

Nafar Terakhir
(I)

Sesungguhnya manusia sentiasa berdepan dengan kematian sepanjang hayatnya. Contohnya, sakit yang datang secara tiba-tiba, kejadian-kejadian buruk yang tidak disangka-sangka, musibah-musibah yang menimpa dan juga kecelakaan hidup yang sentiasa wujud pada setiap masa dalam kehidupan ini.

Tidakkah semua perkara yang di atas mengambarkan bahawa betapa dekatnya kematian dengan manusia.

NAFAS-NAFAS TERAKHIR (1)

Sesungguhnya Allah SWT telah mengkhususkan pada diri-Nya sendiri sahaja yang memiliki sifat al-Baqa' (Yang Kekal). Oleh yang demikian, kesudahan perjalanan semua hamba Allah SWT adalah musnah (*fana'*). Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

"Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa." (QS. Ar-Rahman: 26)- TPR

dan dikukuhkan lagi dengan firman-Nya yang bermaksud;

"Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami akan menguji kamu dengan kesusahankan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan" (QS. Al-Anbiya': 35) -TPR

Hakikatnya, mati adalah hak(milik) kepada yang hidup (semua makhluk).

Maka dengan itu, setiap manusia yang hidup hendaklah sentiasa memikirkan tentang hakikat kebenaran hidup ini iaitu saat-saat berhadapan dengan kematian, sesuai dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan (apabila sampai ajal sesdeorang) datanglah "sakaratul-maut" membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu): "Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya." (QS. Qaaf: 19) -TPR

Tujuan manusia diutuskan ke bumi yang fana ini adalah untuk diuji dan diduga oleh penciptanya. Oleh itu, matlamat utama manusia ialah mendapat keredaan Allah SWT dalam hidupnya seterusnya mendapat syurga Allah SWT yang menjadi *dar al-Salam* kepada umat manusia di alam akhirat. Jalan atau cara untuk mencapai matlamat tersebut semuanya terkandung dalam kebenaran yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

"Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberi pertolongan sesuatu apapun. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati selamat sejahtera." (QS. As-Syu'araa': 88-89) -TPR

Bagi mencapai matlamat tersebat iaitu menghadap Allah dengan hati yang tenang, manusia seharusnya mensucikan jiwanya terlebih dahulu. Intipati daripada pensucian jiwa ialah penyerahan jiwa dan raga di bawah perintah Allah SWT, ketaatan dan meneladani rasul-Nya. Ianya dapat diperolehi daripada kemampuan seseorang untuk menghayati taraf hidup keNabian yang mengambil masa dua puluh tiga tahun atau lebih tepat berjaya memperoleh kecintaan terhadap Rasulullah SAW melalui kecintaan dalam lubuk hati. Hal ini disebabkan Allah SWT menurukan al-Qur'an terus ke hati Rasulullah SAW dengan perantaraan Jibril as. Maka, segala ibadat perbuatan, percakapan, pergaulan dan tingkah laku Baginda dianggap sebagai tafsir (terjemahan yang terdapat dalam al-Qura'n) bagi al-Qur'an.

Bagi meneladani semua itu, disyaratkan bagi setiap mereka yang beriman hendaklah menempatkan Nabi Muhammad SAW. sebagai orang yang pertama dalam hatinya, mencintai Baginda melebihi rasa cinta kepada anak, iateri, sanak audara, harta benda dan segala apa yang dia miliki. Dengan kain alain, tahap cintanya kepada Rasulullah SAW melebihi cintanya kepada segala yang ada di dunia ini.

Mengapa demikian? Kerana rasa cinta kepada Rasulullah SAW ini akan membuahkan bibit cinta kepada Allah SWT. Melalui kecintaan terhadap Rasulullah SAW, kita dapat menyemai cinta kepada Allah SWT.

Bagi merealisasikan kebenaran ini, disyaratkan untuk setiap mereka yang beriman hendaknya menjadikan Nabi Muhammad SAW. sebagai orang yang pertama dalam hatinya, mencintai beliau lebih dari cinta kepada anak, istri, sanak saudara, harta benda, dan segala yang ia miliki. Dengan kata lain, cintanya kepada Rasulullah melebihi cintanya kepada segala yang ada di dunia ini. Begitu juga halnya, dengan mencintai Allah kita secara tidak langsung mencintai Rasulullah SAW. Maka dengan demikian, kita akan mewajibkan hati nurani kita bertindak untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Ini adalah langkah terbaik untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi saat-saat terakhir. Sebagaimana titisan air yang terakhir jatuh ke dalam gelas yang menyebabkannya menitis secara berterusan dan memenuhi gelas tersebut. Ianya seolah-olah tindak balas yang berlawanan dengan titisan sebelumnya. Begitu jugalah dengan nafas yang akan dihembuskan di akhir hayat, hembusan-hembusan yang sebelumnya sangat berpengaruh pada yang terakhir kali itu. Nafas terakhir kita akan menentukan apa yang terhasil daripadanya berdasarkan rentetan pernafasan sebelumnya. Oleh itu, persediaan bagi menghadapi saat-saat terakhir. ianya mempunyai hubungkait dengan kemampuan kita mengambil kesempatan dari situasi itu hinggalah saat-saat terakhir.

Maka bagi mereka yang menghabiskan usia mereka dengan menyemai kecintaan kepada Allah dan rasul-Nya dan selalu menghiasi waktu-waktu selama hidupnya dengan kebaikan dan amal soleh, mereka akan melewati masa-masa terakhirnya, saat-saat nafas terakhirnya dengan kebahagiaan yang tak terkira, mereka mengucapkan

dua kalimat syahadat, mengucapkan kalimat tauhid, mereka mendapatkan kabar gembira yang telah dijanjikan. Rasulullah SAW. bersabda:

"sesiapa (di dunia ini) perkataan terakhirnya adalah 'laa ilaaha illallah' (tidak ada Tuhan selain Allah) maka ia akan masuk syurga" (HR. Abu Daud)

Sesiapa daripada mereka yang menghabiskan masa hidupnya di dunia ini dengan selalu berada di bawah naungan kalimat tauhid, mereka akan menuju kembali kepada Allah dengan kalimat tersebut pada saat-saat terakhir dalam hidupnya. Ketika mereka menyebut '*laa*' daripada kata-kata *"laa ilaaha illallah (tidak ada Tuhan selain Allah)",* mereka telah secara tidak langsung ia telah menghapuskan dari dalam hatinya segala bentuk gangguan yang tidak kekal, kebergantungan kepada nafsu syahwat dan mendewakan hawa nafsu. Bersama-sama dengan lafaz '*laa*', mereka memenuhi hati-hati mereka dengan kecintaan kepada Allah SWT sahaja dan meninggalkan segala yang berkenaan dengan hawa nafsunya. Mereka dengan penuh sedar bahawa segala hal selain Allah pasti akan binasa. *Fana'*.

Segala apa yang diciptakan oleh Allah SWT di dunia ini bukanlah sia-sia belaka, Akan tetapi, tujuan hidup manusia di dunia ini adalah untuk mengapai kebahagiaan di akhirat. Oleh sebab itu, Allah SWT telah memberi peringatan kepada kita sebagai hamba-Nya dengan firman-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman!, Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam". (QS. Ali Imran: 102)- TPR

Sesungguhnya kematian pasti akan datang kepada setiap yang hidup. Kematian ialah saat perpisahan terbesar dengan dunia yang sementara ini. Perpisahan ini diibaratkan sebagai kiamat kecil yang

akan kekal hidup ruhnya dalam alam itu (alam kubur). Oleh itu, seharusnya kita tidak lupa bahawa manusia akan berhadapan siang dan malam dengan sebab atau penyebab kepada kematian yang tidak dapat ditegah atau dijangka kehadirannya. Justeru, kematian akan menunggu manusia pada setiap masa, sesuai dengan peringatan Maulana Jalaluddin al-Rumi katanya:

"setiap detik yang dilalui oleh manusia adalah sebuah kematian dari sebahagian jiwanya, dan setiap detik pula adalah waktu untuk menyerahkan jiwanya, dan setiap kali detik berlalu, setiap kali itu juga lah umur seseorang berkurang".

Adakah kita sebenarnya menjauhi diri hari demi hari daripada kehidupan yang sementara lantas mendekatkani langkah ke alam kubur pada setiap hari?. Sebenarnya kita ada setiap hari adalah memutuskan sisa-sisa usia kita. Bukankah semakin hari berlalu, semakin berkurang juga masa hidup kita?

Jalaluddin Ar-rumi kembali mengingatkan kita tentang situasi di atas supaya manusia tidak lalai berhadapan dengan gelombang kehidupan yang cepat berlalu umpama sungai yang mengalir deras, katanya:

"Wahai manusia, lihatlah sisa-sisa nyawa pada dirimu di depan cermin, jangan engkau tertipu dengan kenyataan, sungguh semua yang muda akan menjadi tua, sungguh bangunan yang kukuh suatu masa nanti jua akan runtuh menjadi debu."

Nafas terakhir kita adalah kerahsiaan ilahi yang dikelilingi oleh begitu banyak nikmah (pengajaran). Terjadinya kematian –iaitu kebenaran yang kita ketahui pasti akan datang menjelma- dan masa kejadiannya berkaitan dengan ketentuan Allah SWT.

Sesungguhnya, manusia seringkali berdepan dengan kematian -malah tidak terhitung banyaknya- sepanjang hidupnya. Penyakit-

penyakit yang dihidapi, kejadian-kejadian buruk yang tidak terduga tibanya, pelbagai musibah, bencana alam, dan segala yang medatangkan bahaya kepada kehidupan setiap insan. Setiap detik-detik yang berlalu tidak diambil perhatian kerana kelemahan dan kelalaian manusia. Bukankah semua ini memberi satu gambaran kepada kita bahawa benteng rapuh antara hidup dan mati?

Dalam situasi begitu, manusia telah banyak kali –tidak terkira bilangannya- berada di bawah naungan ayat-ayat suci al-Qur'an seperti yang dijelaskan sebelum ini. Dari sudut lain, tealah banyak peluang dan kesempatan yang telah diberikan secara berterusan dan berulang kali dalam kehidupan di dunia ini. Sebaliknya manusia seharusnya berkeadaan waspada dan mengambil perhatian terhadap peluang yang diberikan. Jika lalai, mereka hanya dapat melihat potongan-potongan umurnya berlalu begitu sahaja setiap saat tanpa mengambil hikmah dan pelajaran, mereka hanya berdiam diri, ibarat batu yang keras dijatuhi air hujan yang deras, batu itu diam tak bertindak.

Pada asasnya, kita telah 'mati' semenjak kita dilahirkan, namun kematian itu bukanlah kematian secara langsung, namun kematian dengan berkurangnya bagian hidup kita di dunia ini dengan berlalunya hari-hari yang kita lewati. Semakin banyak hari yang kita lewati, semakin berkuranglah ajal hidup ini.

"Dan (hendaklah diingat bahawa) sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya[3]*(kepada keadaan serba serba lemah; hakikat ini memang jelas) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya?"*(QS. Yaasin: 68)- TPR

Diceritakan kisah seorang lelaki soleh, namanya Qus bin Sa'idah, dia hidup pada masa sebelum Nabi Muhammad SAW., le-

3. Kembali menjadi lemah dan kurang akal, seperti anak kecil

laki ini berdiri di tengah-tengah pasar 'Ukaz di Makkah, dia berpidato kepada mereka yang berada di pasar tersebut, dia menceritakan sebuah kabar gembira akan datangnya seorang Nabi akhir zaman, sekaligus mengingatkan seluruh masyarakat tentang kehidupan sementara di dunia ini dengan ucapan yang menarik. Dalam pidatonya beliau menyeru:

"Wahai manusia! Dengar dan sedarlah! Ketahuilah bahawa setiap yang hidup pasti akan mati! Dan yang telah mati sudah tiada! Dan apa-apa yang akan datang pasti akan datang; hujan, tumbuh-tumbuhan, rezeki-rezeki, bahan makanan, para bapak, ibu, kehidupan, kematian, pertemuan, perpisahan, tanda-tanda, dan bumi yang memiliki pasak, lautan yang berombank! Mengapa aku melihat manusia datang dan pergi, pergi dan tiada kembali?! Apakah mereka rela dengan menetap di sana? Ataukah mereka ditinggalkan di sana dan tertidur?!"

"Aku bersumpah, sungguh di sisi Allah ada agama yang lebih dicintai-Nya dari pada agama yang kalian anut saat ini, dan sesaat lagi akan datang kepada kalian seorang Nabi yang akan menaungi kalian. Beruntunglah mereka yang beriman kepadanya, maka beliau akan menunjukinya. Celakalah mereka yang berselisih dengannya dan berbuat aniaya."

"Celakalah mereka yang diliputi kelalaian! Generasi-generasi terdahulu! Coba perhatikan, wahai kalian semua! Dimana leluhur-leluhur kalian?! Dimana mereka kaum Tsamud dan 'Aad?! Dimana para Fir'aun yang kejam dulu?! Dimana mereka yang dahulu berfoya-foya dengan nikmatnya dunia itu?! Dimana mereka yang dahulu semena-mena, melampaui batas, berbuat seenaknya itu?! Mereka yang mengumpulkan harta benda lalu menyimpangnya dan berkata aku lah tuhanmu yang agong?! Di mana?! Bukankah mereka lebih kaya raya dari pada kalian?! Bukankah mereka lebih

panjang masa hidupnya dibanding kalian?! Sungguh mereka telah dilenyapkan oleh keberlebih-lebihan mereka! Mereka dibinasakan oleh kesombongan dan kebermegah-megahan mereka! Itulah tulang-belulang mereka yang tersisa, itulah rumah-rumah mereka yang dibina oleh serigala-serigala yang menggonggong hancur porak-poranda, sekali-kali janganlah engkau seperti mereka, ingatlah pada Dzat Yang Maha Esa; Allah SWT., Tuhan yang tidak beranak lagi tidak diperanakkan!

Hari-hari yang kita lalui adalah sebuah penyempurnaan usia yang terbatas ini, setiap kita akan menjumpai saat-saat nafas terakhir terhembus, meninggalkan dunia. Dan bagi mereka hamba-hamba yang soleh, hamba-hamba yang rindu kepada-Nya, sungguh saat-saat nafas terakhir mereka terhembus bukan merupakan sebuah kematian tetapi menjadi sebuah kehidupan. Kehidupan dengan penuh kebahagiaan samalah seperti indahnya malam pengantin. Bagi menyempurnakan apa yang mereka hajati seperti diatas, kita harus lebih dahulu mengerti salah satu rahsia kematian sebelum datangnya kematian sebenar iaitu "mati" sebelum ajal menjemput; "*muutu qabla an tamuutu!"* matilah sebelum kalian dimatikan. Dengan menjadikan kematian kita nanti sebagai permulaan hidup yang baru, maka terbinalah kehidupan yang dipenuhi dengan kebahagiaan hakiki. Sayyidina Ali bin Abi Talib pernah menyatakan bahawa:

"Manusia tidur terlelap, sedang ketika ajal menjemput mereka baru tersedarkan akan tidurnya!" (Ali bin Abi Talib)

Maka, untuk menjalani kehidupan dengan "mati" sebelum mati ini, kita tidak akan mampu menghancur perasaan hawa nafsu dan keinginan kepada dunia dalam hidup ini dengan jiwa yang dibelenggu oleh nafsu kebinatangan. Akan tetapi, kita dapat meneruskan kehidupan ini dengan jiwa suci (jiwa ketuhanaan) yang ditiupkan oleh-Nya ke dalam diri manusia.

Oleh itu, sungguh celaka mereka yang ketika dijemput oleh malaikat maut dalam keadaan lalai dari mengingat-Nya dan terlepas ridha-Nya. Orang yang beriman kepada-Nya akan selalu mengerti bagaimana seharusnya dia hidup, dan bagaimana dia mati. Orang yang beriman kepada-Nya juga sentiasa menempatkan dirinya pada jalan yang akan membawanya daripada bentuk iman menuju ihsan; kerana tiada seorangpun –kecuali para Nabi dan rasul- memiliki ketenangan dalam hal yang berkaitan dengan situasi dan keadaan ketika dia akan mati, dan dalam apa bentuk dia akan dibangkitkan nanti?!

Namun demikian, Nabi Yusuf as. tetap berendah hati dan berdoa memohon kepada Allah SWT., difirmankan dalam al-Qur'an bahawa Nabi Yusuf as. berkata:

"Engkaulah Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat, sempurnakanlah ajalku (ketika mati)dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang salih." (QS. Yusuf: 101) -TPR

Ayat di atas mengandung makna yang sangat tinggi dan mendalam bagi kita sebagai manusia biasa. Jika seorang Nabi seperti Nabi Yusuf as. memohon dan berdoa kepada Allah demikian rupa, bagaimana keadaannya dengan manusia biasa?!

Dalam pada itu, setiap hamba yang inginkan hati yang baik, seharusnya dia meneruskan kehidupannya dalam keadaan takut dan berharap iaitu takut kepada-Nya mengharapkan reda daripada-Nya. Di samping itu, perkukuhkan keadaan dalaman (hati) dengan kesedaran dan pengawasan hati. Selalu menjalani masa hidupnya dengan menyibukkan diri penuh harap agar akhir nafasnya diakhiri dengan penuh keimanan, dan menjaga agar saat-saat kematian diakhiri dalam keadaan tersebut.

Pada saat nafas terakhir dihembuskan, tersirat darinya sebuah gambaran bagaimana seseorang akan menjalani kehidupan di akhirat nantinya. Al-Qur'an memaparkan salah satu fenomena yang menceritakan tentang proses berimannya ahli-ahli sihir Fir'aun ketika berhadapan dengan mukjizat Nabi Musa as.. Mereka beriman dan mengekalkan iman mereka hingga akhir nafas. Iman merupakan anugerah Allah yang diberikan kepada mereka. Ahli sihir Fir'aun sujud seketika menerima cahaya iman daripada Allah pada saat melihat mukjizat Nabi Musa as.

"Mereka berkata: 'kami beriman kepada Tuhan semesta alam', (iaitu) Tuhan bagi Nabi Musa dan Nabi Harun." (QS. Al-A'raf: 121-122) -TPR

Namun, Fir'aun yang kurang akalnya itu marah dengan sebab para pengikutnya telah beriman dan mengikuti Nabi Musa as. Fir'aun yang terkenal dengan sikap sombong dan angkuh mengancam mereka dengan menyatakan mempercayai dirinya bahawa dialah yang menguasai jiwa dan raga mereka dengan kekuasaan yang dimiliki sebagai raja.

"Fir'aun berkata: Patutkah kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya ini adalah perbuatan tipu daya yang kamu lakukan dalam bandar ini kerana kamu hendak mengeluarkan penduduknya daripadanya. Oleh itu, kamu akan mengetahuinya (akibatnya). Demi sesungguhnya, aku akan memotong tangan dan kaki kamu secara bersilang, kemudian aku akan memalang kamu semuanya" (QS. Al-A'raf: 123-124) -TPR

Namun, ahli-ahli sihir itu tetap berpegang teguh dengan apa yang telah mereka imani, mereka tidak gentar dengan apa yang diperkatakan oleh Fir'aun kepada mereka.

"Mereka menjawab: (ugutanmu itu) tidaklah menjadi hal! Sesungguhnya kami (tidak gentar), kerana kepada Tuhan kamilah kembalinya kami. Sesungguhnya kami sangat berharap supaya Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-rang yang mula-mula beriman (dalam peristiwa itu)." (QS. As-Syu'araa: 50-51)

Alangkah indah apa yang mereka lakukan, alangkah indah bentuk ibadah yang mereka pertahankan. Bahkan dalam keadaan sempit serta terancam sekalipun mereka tetap mempertahankan keimanan mereka, mereka kembali dan hanya mengharap kepada Allah SWT.. Bukan sekadar menjaga diri daripada dianiaya dan diancam oleh Fir'aun, namun lebih daripada itu mereka ingin selamat di mana saat nafas terakhir dihembuskan. Mereka mempertahan tindakan mereka itu demi menjaga jiwa mereka dari ketidak berimanan di samping mengharap ridha-Nya agar saat kematian mereka berada dalam keadaan berserah diri dan dipenuhi dengan iman. Mereka berkata:

"Dan tidaklah engkau (hai Firaun) marah (dan bertindak menyiksa) kami melainkan kerana kami beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami, ketika sampainya kepada kami. (mereka berdoa) 'Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepada-Mu))." (QS. Al-A'raaf: 126) -TPR

Dan pada akhirnya, mereka kembali kepada Allah SWT. dalam keadaan syahid, kerana mereka dianiaya sebab hidayah yang mereka peroleh, mereka disalib, dipotong tangan dan kakinya.

Sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang pembesar Najran di Yaman, mereka adalah orang-orang yang melampaui batas, mereka menyiksa orang-orang yang beriman di antara mereka, mereka menyiksa orang-orang yang beriman itu dengan menghumban mereka ke dalam parit yang dipenuhi dengan abu yang membara,

namun meski demikian dahsyat siksa yang mereka rasakan, mereka tetap mempertahankan keimanan mereka kepada Allah SWT., mereka tiada berpaling dari lurusnya iman yang mereka yakini, mereka tidak takut akan siksa yang mereka hadapi kerana iman dan kepercayaan mereka yang sudah mendalam telah memberikan kekuatan yang tak terkira.

Habib, salah seorang dari penduduk Najran yang direjam dan dibunuh kerana ia beriman dan berdakwah; mengajak orang lain untuk beriman. Namun meski demikian adanya, dia justeru merasakan ketenangan ketika tiba saat nafas terakhirnya dihembuskan. Dia meninggalkan dunia yang sementara ini dengan tenang namun ada sedikit penyesalan yang dia rasakan, bukan kerana dirinya sendiri, namun kerana kaumnya yang tidak memahamii apa yang dia ajarkan, katanya:

"Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui." (QS. Yaasin: 26)

Dia merasa tenang walaupun dia direjam di dunia, namun dia akan mendapati kebahagiaan yang tak terkira nanti di akhirat iaitu kebahagiaan yang tiada penghujungnya.

Penduduk Romawi dan Yunani, para penyembah berhala pada awal mula tersebarnya agama Kristian, mereka menganiaya orang-orang yang beriman kepada Allah –pada waktu itu- dengan mengadu mereka untuk berhadapan dengan binatang buas dalam satu arena pertandingan sedang mereka menyaksikan perkelahian antara haiwan buas dan orang mukmin. Mereka menyaksikan itu dengan suka cita.

Dan mereka orang-orang yang beriman, yang tengah diadu, mereka bertarung melawan haiwan yang ganas itu, mereka berjuang bukan untuk agar dapat tetap melangsungkan hidup di dunia ini, namun mereka melakukan itu semua agar mereka dapat tetap mem-

pertahankan keimanannya mereka. Walaupun mereka diseksa sebegitu rupa, tetapi mereka tetap sabar dan rela sebab mereka yakin apa yang ada di sisi Allah pasti lebih baik dan lebih berharga.

Apa yang kita tidak boleh diragui bahawa keteguhan mereka di atas adalah natijah yang terbit daripada kemampuan mereka dalam mengolah hidup mereka untuk tetap yakin bahawa mereka selalu "bersama" Allah SWT. Dari itu, kemampuan untuk kekal 'bersama' Allah merupakan titik ibadah yang paling tinggi dan istimewa. Kemampuan seseorang "menghadirkan" Allah dalam setiap gerak-geriknya menyebabkan dia merasa bahawa Allah ada bersamanya bila dan di mana pun dia berada.

Dikisahkan bahawa pada suatu ketika ada seseorang yang memberikan nasihat kepada khalayak umum, dan di antara khalayak tersebut terdapat Syaikh Asy-Syabli. Orang yang menasihati itu mengingatkan kepada sesama akan huru-hara hari kiamat. Dan di saat dia hampir selesai dari nasihatnya, dia menyampaikan soalan yang akan diajukan oleh-Nya kepada hamba-hamba-Nya nanti ketika berada di alam kubur: bahawa setiap hamba akan dipersoalkan tentang ilmunya, bagaimanakah ilmu itu diamalkan? Yang kedua adalah tentang hartanya, ke arah manakah dia menginfakkannya? Dan yang ketiga adalah tentang ibadahnya, dan bagaimana dia memelihara dirinya terhadap hal-hal yang halal dan yang haram. Serta masih banyak lagi yang akan dipersoalkan kepada setiap orang di alam kubur nantinya.

Setelah mendengar penjelasan orang tersebut, Syaikh Asy-Syabli mengangkat suara seraya berkata kepada orang yang sebelumnya menyampaikan nasihatnya: "*wahai engkau yang menasihati, sesungguhnya Allah tidak banyak bertanya seperti itu, Allah hanya akan bertanya: 'wahai, hamba-Ku, Aku selalu ada bersamamu, sedangkan engkau, bersama siapa engkau selama ini?"*

Hakikatnya, sehebat-hebat panduan atau kaedah yang perlu dipegang ialah kita hidup bersama kebenaran-Nya dan tidak mensiasiakan waktu yang diberikan oleh-Nya. Ungkapan yang paling indah bagi mengambarkan keadaan itu ialah kata-kata orang bijak pandai bahawa waktu yang berlalu tanpa bersama-Nya adalah waktu yang hilang (tidak bernilai).

Dalam hal ini, Rasulullah SAW. telah menjelaskannya kepada kita ketika Baginda menasihati Abdullah bin Umar ra., sambil memegang bahu Abdullah, Baginda bersabda:

"jadilah engkau di dunia ini seperti orang asing, atau seperti orang yang menyeberangi jalan." (HR. Bukhari)

Dengan nasihat ini, Abdullah bin Umar selalu mengingatkan sesama ketika berada dalam majlis-majlisnya, beliau selalu berpesan:

"Jika kamu berada pada petang hari, maka jangan menunggu pagi! Dan jika engkau ada pada pagi hari maka jangan menunggu petang! Ambillah bekal ketika kamu sihat untuk hari ketika kamu sakit, dan juga dari hidupmu untuk matimu!" (HR. Bukhari)

Kenyataan di atas menjelaskan kepada kita bagaimana seharusnya kita menjalani kehidupan ini kehidupan yang sebenar-benarnya. Rasulullah SAW. selalu berdoa dengan kerendahan diri dan ketawadukan kepada Allah SWT, katanya:

"Ya Allah, tidak ada kehidupan kecuali kehidupan akhirat."

Jelaslah, kehidupan para sahabat ra. dipenuhi dengan kelebihan-kelebihan dan pengajaran berharga yang tidak terkira dan tidak terhitung.

Khubaib bin Uday ra. ketika berada di tahanan orang-orang musyrik sebagi tawanan yang akan dibunuh, hanya memiliki satu ke-

inginan sebelum benar-benar binasa di tangan orang-orang musyrik tersebut, keinginan beliau adalah ingin menyampaikan salam kepada baginda Rasulullah SAW., salam dengan penuh cinta dan kasih sayang. Namun dia membukakan kedua matanya menghadap langit seraya berdoa kepada Allah kerana dia tidak dapat menemui sesiapa yang boleh dimintanya untuk menyampaikan salam kepada Rasulullah itu, katanya : *"Ya Allah, aku tidak menemukan seseorang yang dapat aku minta tolong kepadanya untuk menyampaikan salamku ini kepada Nabi-Mu maka aku mohon kepada-Mu, Ya Allah, sampaikanlah salamku ini kepada baginda rasul."*

Pada saat yang bersamaan Rasulullah SAW. sedang duduk bersama para sahabat di Madinah, tiba-tiba Baginda berkata:

"wa 'alaihi-s-salam wa rahmatullah... (dan kesejahteraan serta kasih sayang Allah juga atasnya)"

Para sahabat kehairanan mengapa Rasulullah tiba-tiba menjawab salam, lalu mereka bertanya kepada Rasulullah: *"ada apa wahai rasul?",* Baginda menjawab: *"Jibril datang menyampaikan salam Khubaib kepadaku."*[4]

Rasul pun mengatakan kepada para sahabat bahawa Khubaib termasuk dalam mereka yang syahid, *"dia jiranku (bersamaku) di syurga"* ucap Rasulullah SAW.

Dan ada satu lagi riwayat yang menceritakan tentang kerinduan yang hakiki, iaitu di saat penghujung perang Uhud, ketika perang Uhud telah selesai, Rasulullah SAW. memerintahkan para sahabat untuk mencari mereka yang syahid terbunuh dan juga mereka yang terluka, dan pada saat itu Rasulullah teringat kepada Sa'ad bin Rabi' ra., salah satu sahabat yang paling diperhatikan oleh Rasulullah SAW.

4. Lihat: Shahih Bukhari, al-maghazi, 10; Al-waqidi, hal 280-281

Dari Makhramah bin Bakir, dari ayahnya, dia berkata: ketika perang Uhud telah selesai, Rasulullah SAW. memerintahkanku untuk mencari Sa'ad bin Rabi', beliau berkata kepadaku: *"jika engaku bertemu dengannya (Sa'ad bin Rabi'), maka sampaikan salamku kepadanya, dan katakan kepadanya: 'bagaimana keadaanmu?"* kemudian aku mengelilingi ahli pasukan yang terbunuh, maka aku menemuinya terbaring dalam keadaan nazak, aku lihat dia terluka dengan banyak tusukan panah dan libasan pedang, aku pun terus menghampirinya dan berkata: *"wahai Sa'ad, Rasulullah menyampaikan salamnya kepadamu, dan Baginda bertanya bagaimana keadaanmu?"* Sa'ad pun menjawab: *"ala rasulillahi-s-salaam, wa alaika-s-salaam... (kesejahteraan atas Rasulullah dan juga atasmu), katakan kepada Rasulullah: "wahai Rasulullah, aku menemukan keharuman syurga", dan juga sampaikan kepada kaum Ansar, "bahawa Allah tidak akan memberi maaf kepada mereka yang masih hidup namun tidak membela dan membantu Rasulullah.'* Setelah dia selesai menyampaikan pesan tersebut, dia pun meninggal dunia.

Ungkapan yang disampaikan oleh Sa'ad bin Rabi' ra. di atas merupakan wasiat bagi segenap umat Islam. Pada waktu yang sama kalimat-kalimat terakhir yang diungkapkan oleh Sa'ad adalah kalimat penghadapannya sebagai perpisahan dengan dunia.

Ada satu kisah yang tidak kurang menarik dari kisah-kisah sebelumnya, iaitu sebuah kisah yang terjadi ketika perang Yarmouk, kisah tentang betapa luhurnya akhlak para sahabat, Hudzaifah bin Yaman menceritakan betapa dahsyatnya perang Yarmouk ketika itu, setelah selesai perang, dia berjalan menyusuri para korban perang yang terbaring tak berdaya, begitu ramai di antara kaum muslimin yang telah meninggal dunia, dan ramai juga yang terluka parah.

Hudzaifah dengan sisa-sisa tenaga yang dia miliki pada saat itu, dia mencari saudara sepupunya, setelah beberapa saat berkeliling di

antara para korban perang yang tengah menjemput ajalnya masing-masing itu, akhirnya dia menemui saudara sepupunya, namun alangkah menyedihkan apa yang dia lihat, saudara sepupunya itu tak berdaya, sekujur tubuh yang lemah kerana banyak luka, air matanya pun jatuh berguguran membasahi wajahnya.

Hudzaifah pun mendatangi saudaranya dengan membawakannya air, dia mengerti bahawa di tengah suasana yang panas seperti itu pasti saudaranya sangat kehausan, gurun pasir yang membara oleh terik mentari yang menyala-nyala itu menyebabkan setiap yang ada di sana merasa dahaga. Namun demikian saudara sepupu tersebut tidak mau menerima pemberian air dari Hudzaifah, sebab ia mendengar sahabat yang lainnya tengah kehausan juga, ia adalah Ikrimah ra.

Hudzaifah, setelah melihat saudara sepupunya lebih mengutamakan orang lain dari pada dirinya sendiri, akhirnya dia pun memenuhi permintaan saudara sepupunya itu, Hudzaifah mendatangi Ikrimah dengan membawakan air yang sebelumnya akan diberikan kepada saudara sepupunya itu. Namun demikian, meski dia juga sangat dahaga oleh panasnya mentari, dia menolak pemberian air itu. Kerana dia juga mendengar teriakan sahabat lainnya yang memerlukan air.

Apabila Ikrimah mendengar teriakan itu, dia menghulurkan tangannya lalu mengisyaratkan kepada Huzaifah agar membawa air kepada Iasy. Walaupun dia (Ikrimah) juga tidak sempat minum seperti al-Harith. Huzaifah tersentuh melihat akhlak para sahabat yang mulia ini iaitu selalu mendahulukan sahabat yang lainya.

Hudzaifah akhirnya membawa bekas berisi air dan berjalan antara pejuang-pejuang syahid, ketika sampai ke tempat Iasy, dia terdengar kata-kata terakhir daripada Iasy, katanya:

"Ya Allah, kami telah mengorbankan jiwa dan raga kami dalam memperjuangkan iman ini, maka masukkanlah kami ke dalam golongan mereka yang syahid di jalan-Mu, dan maafkanlah dosa-dosa kami."

Mendengar itu Hudzaifah langsung memberikan kepadanya air yang dibawanya, namun apa daya, Malaikat maut lebih dahulu menjalankan tugasnya, dia meninggal sebelum sempat meneguk air yang dibawakan oleh Hudzaifah, dia telah meneguk sejuknya air *syuhada'*. Beliau memerhatikan air yang dibawanya untuk Iasy, namun waktu membatasinya. Dia sempat menyempurnakan lafaz kalimah syahadah yang telah terlebih mendahuluinya.

Melihatkan keadaan itu, beliau bergegas kembali menemui Ikrimah, lalu menghulurkan bekas air, namun Ikrimah terlebih dahulu syahid. Kemudian dengan segera menuju ke arah saudara sepupunya, dengan penuh harap sekiranya dia masih punya kesempatan untuk memberikan air yang dibawa. Namun, sekali lagi dia sedikit lebih lambat dari pada malaikat maut. Saudara sepupunya telah pergi dengan tenang. Dia pun menjadi sebahagian mereka. Para *syuhada'* yang tiga itu.[5].

Huzaifah ra menceritakan apa yang berlaku pada dirinya, katanya: "Aku berdepan dengan berbagai kejadian, namun tiada satupun daripadanya betul-betul memberi kesan yang mendalam malah tidak menggerakkan hati dan perasaannya melainkan kejadian tersebut (semasa perang Yarmouk)"

Manusia yang pada asalnya tidak memiliki apa-apa ikatan kecuali perasan kasih dan sayang antara satu sama lain. Perasan kekitaan (merasa satu) yang timbul dalam diri mereka, kasih sayang se-

---

5. Lihat: Al-Qurthubi, 18, 28 (al-hasyr, 9); Zaila'I, nashb ar-raayah, 2, 318; Al-Hakim, Al-Mustadrak, juz 3, 270/5058.

tiap seorang daripada mereka yang telah sampai pada tahap ingin melakukan yang terbaik kepada saudaranya. . Ikatan Islam yang terjalin di antara mereka melebihi ikatan keluarga sendiri hingga ke akhir hayat sekalipun.

Dia mengulangi firman Allah di bawah ini:

"Wahai Tuhan kami,, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan matikanlah kami dalam keadaan muslim (berserah bulat-bulat kepada-Mu)" (QS. Al-A'raaf: 126)- TPR

Hudzaifah menyatakan "Aku telah melihat kejadian tersebut sehingga ianya meninggalkan kesan yang mendalam dalam benak pemikiranku, sebagai tanda atau bukti kesabaran dan kegigihan serta keimanan yang dikuasai perasaan yang sangat mengkagumkan. Aku tetap menempuhinya dengan perasaan riang dan suka cita disebabkan tahap keimanannya yang tinggi itu.

"Ya Allah, anugerahkan kepada kami 'khusnul-khaatimah', dan jadikan detik-detik nafas terakhir kami di dunia ini sebagai pintu masuk ke dalam (kebahagiaan) kehidupan yang kekal abadi..." amin.

❁

Nafas Terakhir
(II)

"Sesungguhnya tujuan hidup di dunia ini adalah untuk menjadi sebaik-baik hamba Allah SWT, dengan menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT, menyerahkan jiwa dan raga kepada-Nya. Dan engkau, engkau adalah hamba yang baik, kerana engkau meneladani seseorang yang paling mulia; baginda Nabi Muhammad SAW, engkau meneladaninya kerana satu alasan, iaitu kerana engkau ingin menjadi hamba sebaik-baiknya hamba, iaitu hamba Allah yang lemah lembut serta peka perasaannya."-Penulis

NAFAS TERAKHIR (II)

Untuk meninggalkan dunia dalam keadaan seorang hamba yang beriman, kita seharusnya menjadikan nafas-nafas yang dibekalkan di dunia ini bersedia untuk menghadapi nafas-nafas terakhir. Ianya bertujuan mendapat kehidupan yang selesa dan tenang di akhirat, maka berusahalah dengan bersungguh agar kehidupan di dunia sentiasa dipenuhi dengan amal-amal soleh. Setiap amalan itu pula dibina atas sifat istiqamah, keindahan dan ketenangan serta bersedia. Hal ini telah dinyatakan dalam sebuah hadith:

"Keadaan seorang manusia ketika meninggal nantinya, akan sama dengan keadaan sesuatu yang dia cintai semasa hidupnya, mereka akan dibangkitkan dan dikumpulkan di padang mahsyar dalam keadaan bagaimana ketika dia meninggal dunia."(Al-Munawi; *faidh al-qadir syarh al-jami' ash-shoghir*, juz 5, hal 663).

Juga dinyatakan dalam sebuah hadith lain, maksudnya:

"Setiap manusia akan dibangkitkan dalam keadaan ketika dia meninggal dunia." (HR. Muslim)

Banyak lagi contoh peringatan seperti di atas, sehinggakan tidak terkira. Keadaan di atas adalah salah satu daripada contoh-contoh yang keadaannya penuh dengan kesabaran dan hikmah:

Diceritakan bahawa salah seorang mu'adzin (tukang azan) di Kota "Adah Bazari", datang menziarahi seorang tua bernama Musa Afandi setelah selasai menunaikan solat zohor. Ketika sedang menyemberangi jalan dengan menunggang basikal untuk menuju

ke arah lain setelah lampu isyarat hijau menyala, tiba-tiba muncul sebuah kereta dengan lajunya ke arahnya. Pemandu itu tidak memberhentikan keretanya di lampu isyarat merah, lalu keretanya bertembung dengan lelaki tersebut. Akibat pelanggaran yang kuat itu, lelaki (tukang azan) telah tercampak terbang ke uadara. Ketika jatuh, beliau menyatakan sesuatu, iaitu satu ungkapan yang diluahkan dengan tenang dan indah tanah sambil sambil disaksikan oleh pemandu yang melanggarnya itu dan sekumpulan manusia yang berada di sekelilingnya. Beliau berkata "Wahai Tuhanku, aku akan datang menemui-Mu".

Demikianlah keadaannya, kita mampu merubah diri kita menjadi seperti di atas ketika menghadap Allah SWT nanti, iaitu mendapat segala sukacita dan ketenangan pada saat menghembuskan nafas terakhir. Kita akan merasa gembira berdepan dengan saat itu (kematian), iaitu saat-saat yang ditakuti oleh setiap seseorang. Oleh itu, berdoalah agar kegembiraan di saat menghembuskan nafas terakhir akan kita perolehi nanti. Amin.

Situasi ini amat sesuai dengan Arab yang dinyatakan dalam perumpamaan yang tepat dan padat, iaitu "*(Takar) bekas yang berisi air dipecahkan di laluan air*". Ini bermaksud, jika hati kita sentiasa sibuk dengan sesuatu perkara semasa hidup kita, ia juga akan disibukkan dengannya pada saat-saat kematinnya. Hati seseorang yang sentiasa ingat kepada Allah SWT semasa hidupnya akan sentiasa ingat kepada-Nya pada saat menemui ajalnya.

Apa yang pasti, perkara ini bukanlah berlaku secara mutlak, tetapi terdapat juga pengecualiannya. Ini bererti, kadang-kadang seorang hamba Allah telah menghiasi hidupnya dengan amal soleh dan kebaikan serta berusaha ke arah itu menaruh harapan dimatikan dalam beriman. Namun begitu, dia tidak boleh berpegang kepada prinsip ini semata-mata, kerana ianya bukanlah sesuatu yang pasti

melainkan mendapat rahmat daripada Allah SWT. Begitulah sebaliknya, seseorang yang telah melakukan dosa dan maksiat tidak seharusnya putus harapan daripada mengharapkan rahmat serta keampunan Allah SWT. Hal ini kerana pengakhiran sebuah kehidupan (saat-saat kematian) adalah kerahsiaan besar daripada Allah SWT. "*Ya Allah, jadikanlah penghabisan hidup kami sebagai hamba-hamba-Mu yang mendapat husnul al-khatimah*". Amin.

Sementara itu, dalam al-Qura'an al-Karim, banyak diceritkan kisah hamba-hamba Allah yang soleh, iaitu mereka yang bersungguh-sungguh untuk mendapat status mati dalam iman ketika menghembus nafas terakhir, sebagai contoh teladan kepada semua. Juga dipaparkan kisah hamba-hamba-Nya yang meninggal dalam keadaan kesediahan kerana kufur dengan Allah SWT, iaitu mereka yang menyerahkan diri mereka untuk dipimpin oleh nafsu syahawat walaupun kehidupan mereka selama ini dipenuhi dengan amal-amal soleh.

Contoh mereka yang kufur kepada Allah SWT ialah iblis, Qarun, Bal'am bin Ba'awra'. Mereka ini tidak menilai dan tidak memanfaatkan diri mereka dengan ilmu dan pengetahuan yang diperolehnya. Begitu juga dengan Ta'labah yang merupakan seorang sahabat telah terpesona dengan kemewahan hidup di dunia.

Sepertimana yang kita sedia maklum, iblis adalah makhluk yang telah memiliki darjat tinggi di sisi Allah SWT. Akan tetapi, ekoran kesombongan dan keangkuhannya yang tidak melihat kelebihan, ketinggian dan kemuliaan dalam mentaati perintah Allah, iblis mendakwa dirinya lebih mulia daripada Nabi Adam as. sehingga ia meragui (kemuliaan Adam). Iblis mendakwa dirinya lebih mulia dan lebih terhormat daripada Nabi Adam sehingga ia sanggup menyanggah dan ingkar pada perintah Allah. Disebabkan kesombongan dan

keingkaranya itu, iblis telah kekal sebagai makhluk yang paling rendah dan hina sekali darjatnya sehinggalah ke hari kiamat.

Demikian juga Qarun, pada permulaan kehidupannya, Qarun seorang hamba yang miskin dan soleh, dia juga seorang yang pandai mentafsirkan kitab Taurat selepas Nabi Musa as. Namun begitu, dia juga telah ditipu dengan bisikan hawa nafsunya dan tipu daya syaitan sehingga hatinya cenderung kepada kemewahan dunia. Qarun mula khianat dengan harta yang dijaganya, malah dia melampau batas serta tenggelam dalam kemewahan hartanya. Ketika Nabi Musa as. memerintahkannya untuk membayar zakat dari harta dan kekayaannya, dia telah merendah-rendahkan arahan itu dan dengan berani menolaknya. Lantas berkata kepada Nabi Musa as.: *"(Wahai Musa), apakah engkau tamak akan hartaku ini? Padahal aku sendiri lah yang bekerja keras mendapatkan semuanya?"*

Tanpa disedari, Qarun telah menjadikan dirinya lalai dan juga melampau batas dalam tindakannya sehinggalah dia musnah kerana hartanya itu. Dengan kata lain, Qarun mula merasa dengki dengan kelebihan luar biasa yang dimiliki oleh Nabi Musa dan Nabi Harun as. Qarun telah berlebih-lebih dalam iri hatinya kepada Nabi Musa sehingga dia mempersoalkan kesucian Nabi Musa as.. Kesudahannya, Qarun dibinasakan oleh Allah SWT bersama-sama harta-hartanya ke dalam perut bumi. Kerana harta kemewahanlah Qarun menjadi sombing dan bangga diri.

"Sesungguhnya kelalaian manusia yang sangat tercela adalah ketika mereka lalai akan hakikat Allah swt; Sang Maha Kuasa, Pemilik segala kerajaan yang ada di langit dan di bumi; dan ketika hati mereka tenggelam dalam tipu daya gemerlapnya dunia: harta benda, kekuasaan, kedudukan, dsb."

Bal'am bin Ba'wara juga seorang hamba Allah yang soleh dan memiliki *karamah*, serta dikurniakan oleh Allah SWT dengan ilmu

yang tinggi. Dia sangat terkenal dalam kalangan bani Isra'il sebagai salah seorang ulama dan aulia' yang tersohor di zaman tersebut. Setelah itu, dia telah kehilangan keadaan kesucian jiwanya, malah dia tenggelam dalam tipu daya dunia kerana hatinya telah tunduk kepada desakan dan keinginan hawa nafsunya. Akhirnya, dia mati dalam keadaan kafir, dan al-Quran merakamkan cerita ini melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan bacakanlah (Muhammad) kepada mereka, berita orang yang telah Kami berikan ayat-ayat Kami kepadanya, kemudian dia melepaskan diri dari ayat-ayat itu, lalu dia diikuti oleh syaitan (sampai dia tergoda), maka jadilah dia termasuk orang yang sesat. Dan sekitanya Kami menghendaki niscaya Kami tinggikan (Darjat)nya dengan (ayat-ayat) itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan mengikuti keinginannya (yang rendah), maka perumpamaannya seperti anjing, jika kamu menghalaunya dijulurkan lidahnya dan jika kamu membiarkannya ia menjulurkan lidahnya (juga). Demikianlah perumpamaan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah-kisah itu agar mereka berfikir." (QS. Al-A'raaf: 175-176)

Manakala cerita Tsa'labah ialah cerita yang mengambarkan seorang sahabat yang hidup pada zaman Rasulullah Muhammad saw yang juga telah tertipu dengan kemewahan dunia. Tsa'labah, dahulunya seorang hidup sebagai seorang ahli ibadah yang banyak melakukan ibadat, berubah kepada nasib malang daripada kehidupan yang bahagia kepada kecelakaan yang kekal. Pada awalnya, dia adalah seorang yang selalu pergi ke masjid untuk solat berjamaah dan sering mememani Rasulullah SAW, namun setelah dia menjadi orang berharta dan kaya raya, hatinya dipenuhi dengan kecintaan kepada dunia. Sementara itu, dia mula meninggalkan solat berjemaah, enggan mengeluarkan zakat sehingga akhirnya dia menerima akibat buruknya, iaitu kerugian yang amat besar. Di sebalik menya-

takan perasaan kesalnya kerana tidak mengikuti pesanan Rasulullah SAW, dia menyerahkan 'nyawa'nya kepada Allah SWT dalam keadaan kata-kata Rasulullah SAW terngiang-ngiang di telinganya, Rasulullah SAW berkata:

"Celakalah engkau wahai Tsa'labah, sungguh (harta) sedikit namun selalu disyukuri adalah lebih baik daripada yang banyak namun tidak disyukuri."[6]

Sufyan Ats-tsauri -salah seorang ulama besar dalam bidang tasawwuf- dia adalah seroang pemuda, namun perangainya sudah terlihat tua dan belakangnya pun membongkok. Dan apabila dia ditanya tentang apa sebenarnya yang terjadi pada dirinya? Dia menjawab:

"Aku memiliki seorang guru, aku selalu berlajar dan menuntut ilmu kepadanya, namun yang aku sedihkan adalah ketika guruku ini menjelang ajalnya, dia tak dapat untuk mengucapkan kalimat syahadat, padahal aku sendiri yang mentalqinnya, aku bimbing dia untuk menirukanku mengucapkan syahadat, namun gagal, dia sama sekali tidak bersuara. Dan ketika aku melihat kejadian ini aku pun menjadi tua dan belakangku menjadi bongkok."

Kisah-kisah di atas menceritakan bahawa kesudahan hidup seseorang sangatlah misteri, tidak dapat diagak atapun diteka, siapapun tidak akan pernah dapat mengetahui bagaimana dia nantinya akan mengakhiri hidup ini. Para penyihir Fir'aun, mereka hidup dalam kesesatan, namun pada akhir hayat mereka, mereka dimatikan dalam iman dan diberikan hidayah oleh Allah SWT. Berlainan sekali dengan Qarun dan Bal'am, mereka hidup dalam naungan iman dan

6. Lih: tabari, tafsir, juz: 14, hlm: 370-372. Tafsir ibnu Katsir, juz: 2, hlm: 388.

hidayah-Nya, malangnya mereka menutup suratan amalan mereka dengan kerugian yang nyata. Demikianlah, sejauhmanapun seseorang itu memperoleh tempat dan kedudukan yang tinggi, sesungguhnya nafsu dan syaitan sentiasa menanti insan bergelar manusia. Hanya dengan sekadar sedikit ruang dibukakan, nafsu dan syaitan akan menempatkan dirinya untuk mengalih manusia daripada berada pada jalan yang benar (*al-sirat al-mustaqim*). Hal ini kerana syaitan telah berjanji kepada Allah SWT bahawa dia akan menyesatkan manusia sepertimana firman Allah SWT yangb bermaksud:

"(Iblis) berkata, "kerana Engkau telah mengusirku sebagai yang sesat maka aku akan menghalangi manusia dari jalan-Mu yang benar dan lurus." (QS. Al-A'raaf: 16)

Tidak terhenti di situ, iblis pun meminta kepada Allah agar diizinkan menggoda umat manusia sehinggalah datangnya hari kiamat. Dan demi menguji keimanan umat manusia selama hidup di dunia, Allah SWT pun menerima permintaan iblis itu. Namun meski demikan, iblis sendiri telah menyatakan bahawa ia tidak akan mampu menggoda mereka yang selalu ikhlas dalam beramal.

"(Iblis) memohon: 'Ya Tuhanku, berilah tempoh penangguhan padaku sampai hari kebangkitan. Allah berfirman: Aku berikan kamu penangguhan waktu. Sampai waktu yang telah ditentukan. Iblis memohon: "Ya Tuhanku, kerana Engkau telah memutuskan aku sesat, akan kujadikan kejahatan diatas muka bumi nampak indah bagi manusia dan aku bersumpah akan menyesatkan mereka semua. Kecuali hamba-hamba Mu yang ikhlas."[7] (QS. Shaad: 79-83)

Melainkan para anbia, pastinya tiada seorangpun terselamat daripada bahaya tergelincir imannya. Maka dengan itu setiap hamba

7. Orang-orang yang diberi taufik untuk menaati segala petunjuk dan perintah Allah.

Allah yang beriman harus selalu berusaha gigih dan sekuat tenaga dalam mensyukuri nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada seluruh umat dengan cara yang bersesuaian. Hanya satu cara sahaja yang membolehkan seseorang terselamat daripada kesengsaraan dan penderitaan semasa mati, iaitu dengan cara beusaha untuk hidup dengan cara yang betul. Hal ini kerana, bersedia untuk mati adalah cara terbaik untuk menemui-Nya sebagai jalan untuk mencapai kehidupan abadi, berbanding merasa takut untuk menghadapi kematian. Mereka yang telah beramal soleh adalah hamba-hamba Allah SWT yang berjaya menemui-Nya dan mencapai ketenangan (mati dalam keindahan iman).

Dan bagi mereka yang menghabiskan waktu hidupnya di dunia dengan terus menerus lalai dan lupa tentang kewujudan kehidupan akhirat, dia tidak akan terselamatkan dari perasaan takut menghadapi kematian. Kerana orang yang selalu beramal baik tentunya menjadikan kematian adalah sebagai awal mula kehidupan baru dengan kebahagiaan abadi, sedang mereka yang lalai akan selalu takut pada kematian, sebab jika ajal mereka datang dan mereka masih dalam keadaannya yang lalai itu, dia pun sedar itu adalah awal dari segala kesengsaraan yang abadi.

Dengan kata lain, setiap orang –dengan izin Allah- dapat memilih seperti apakah keadaan dirinya ketika menghembuskan nafas terakhir. Jalaluddin Ar-Rumi mengatakan: *"Anakku, keadaan kematian setiap manusia nantinya tergantung bagaimana keadaan jiwanya selama dia hidup, maka bagi mereka yang menghindar dari kematian dan berfikir bahawa dia tidak akan kembali kepada Allah swt, dia akan mendapati kematian sebagai musuh baginya, musuh yang menakutkan. Namun sebaliknya, bagi mereka yang selalu mencintai kematian, maka kematian dijadikannya sebagai sahabat karib yang sangat dirindukannya."*

"Wahai jiwa yang takut akan kematian, wahai jiwa yang berusaha menghindar darinya, pada hakikatnya engkau tidaklah takut akan kematian itu, tetapi engkau patut terlebih takut pada buruknya keadaan dirimu ketika ajal menjemput."

"Kerana sebenarnya bukanlah bayangan kematian yang engkau takutkan, namun bayangan dirimu sendiri lah yang engkau takutkan. Bayangan dirimu sendiri yang buruk. Bayangan yang menghantuimu saat ajal menjemput. Perumpamaan jiwa yang dikandung badanmu itu, ibarat sebatang pohon, dan kematian adalah daun-daunnya. Setiap daun pula adalah dari jenis daun yang sama dan pokok yang sama dengan daunnya."

Demikianlah, mana-mana manusia yang melampaui sifatnya semasa hidup di dunia ini, memutuskan peringkat-peringkat menuju jalan yang tetap ke arah memiliki sifat kebaikan yang tersimpan dalam dirinya, iaitu jika seseorang itu berada pada peringkat "mati sebelum mati", dia akan lihat bahawa kematian adalah langkah pertama untuk menuju kepada Allah SWT Yang Maha Besar, sifat yang tidak dapat digambarkan oleh manusia. Begitulah keadaanya, kematian yang menyebabkan ketakutan yang teramat sangat pada kebanyakan manusia berubah kepada kerinduan untuk menemui Pencipta Yang Agung dalam hati suci bersih dan sangat memahami.

Saat-saat terakhir bagi Rasulullah SAW adalah saat munculnya hayat pada benih-benih cinta dan rasa rindu yang bergabung. Hal ini kerana Rasulullah SAW berada dalam keadaan penuh kecintaan serta patuh kepada arahan Tuhannya, saat Baginda bersama-sama dengan semua makhluk lain sepanjang hayatnya. Oleh itu, bertukarlah saat kewafatannya kepada saat paling bahagia umpama "malam pengantin".

Tiga hari sebelum Rasulullah saw. kewafatannya, malaikat Jibril diutus Allah datang kepadanya lalu berkata: Ya Ahmad

(Muhammad)! Allah SWT telah mengutuskan daku kepada engkau sebagai menghormati dan memuliakan serta Tuhanmu mengutus daku untuk melihat keadaan engkau dengan pertanyaan, bagaimanakah keadaan engkau?. Baginda menjawab: "Wahai Jibril! Aku dapati diriku dalam kesedihan dan aku dapati diriku dalam susah hati".

Pada hari kedua, sekali lagi Jibril berjumpa dengan Baginda dan soalan yang sama diajukan kepadanya. Rasulullah SAW juga menjawab sepertimana jawapan hari pertama Jibril menemuinya.

Pada hari ketiga, iaitu pada hari ajal Rasulullah telah tiba, Jibril datang kembali menemui Rasulullah dan datang bersamanya ialah malaikat maut. Turun bersama kedua malaikat itu ialah malaikat-malaikat, dikatakan kepadanya (Rasulullah) bahawa Ismail berada di antara langit dan bumi, dia tidak naik ke atas langit pun turun ke bumi sejak di mana bumi dipenuhi oleh tujuh puluh ribu malaikat, tidak kurang tidak lebih. Maka Jibril pun datang dan menyapa rasulullah untuk menanyakan keadaanya, Rasulullah pun menjawab seperti halnya hari-hari sebelumnya. Diselubungi dengan rasa susah hati dan kesedihan.

Lalu Jibril menyampaikan bahawa malaikat maut ingin bertemu dengan Rasulullah: *"Wahai Rasulullah, malaikat maut datang bersamaku, ia ingin meminta izin kepadamu, yang mana ia belum pernah meminta izin seperti ini kepada seseorang sebelummu, ia pun tidak akan melakukannya kepada seseorang sesudahmu nanti."*

"Ya, persilakan sahaja malaikat maut itu." Jawab Rasulullah.

Maka malaikat maut mendatangi rasulullah dan berkata kepada beliau: *"Wahai Muhammad, wahai rasulullah, Allah telah mengutusku untuk datang kepadamu, Allah mengutuskan daku agar memenuhi permintaanmu, jika engkau memerintahkanku untuk menjemput dan mencabut nyawamu, akan aku lakukan. Namun jika eng-*

kau menghendaki agar aku tidak melaksanakannya saat ini, maka aku pun akan melakukannya, demikian Allah memerintahkanku."

"Benarkah begitu, wahai malaikat maut?" ujar rasulullah.

"Benar, wahai rasulullah, demikian Allah memerintahakanku!"

Maka malaikat Jibril pun berkata kepada rasulullah: *"Wahai Muhammad, wahai Rasulullah, sungguh Allah sangat merindukanmu!*

Mendengar itu, Rasulullah pun meminta kepada malaikat maut agar segera melaksanakan tugasnya. Segera mencabut nyawanya. Dan malaikat maut pun melaksanakan tugasnya setelah sebelumnya malaikat Jibril menyampaikan salamnya kepada Rasulullah:

"Kesejahteraan atasmu, wahai Rasulullah, telah selesai sudah tugasku untuk turun ke bumi menyampaikan wahyu."

Dengan demikian Rasulullah saw. kembali ke hadrat Allah swt bersama malaikat maut yang menjemputnya.

Aisyah ra. mengungkapkan betapa banyak nikmat Allah yang dia terima, salah satu nikmat terbesar yang dia dapat dari Allah adalah ketika detik-detik nafas terakhir Rasulullah dihembuskan, Baginda berada di rumah Aisyah, iaitu hari yang dikhususkan kepadanya mengikut penjadualan Rasulullah SAW.

Aisyah berkata: *"Pada detik-detik terakhir itu, di saat aku merengkuh rasulullah, datang kepada kami Abdurrahman, dia membawa siwak, dan aku melihat gerak-gerik rasulullah seakan Baginda menginginkan siwak tersebut. Lalu aku ambilkan siwak tersebut dan Baginda pun langsung menggunakannya. Aku pun membantunya dengan lemah lembut. Setelah selesai Baginda membasuh mukanya dengan air yang disediakan oleh Umar masa itu. Baginda berkata:*

'tidak ada Tuhan (yang patut disembah) kecuali Allah. sungguh kematianku sudah mendekat.' Lalu Baginda menadahkan tangannya seraya berkata "Syurga...syurga..." hingga ajal Baginda tiba lalu terkulailah tangannnya."

Demikianlah perjalanan Rasulullah SAW yang meninggalkan perjalanan hidupnya yang dipenuhi dengan kenangan-kenangan indah yang mengambarkan bahawa Baginda merindukan saat-saat pertemuannya dengan Allah SWT. Baginda berpindah daripada kehidupan dunia yang fana ini menuju kepada kehidupan abadi (Shahih Bukhari, Al-Maghazi, 83).

Hisamuddin, murid dari Jalaluddin Ar-Rumi menukilkan saat gurunya meninggalkan alam dunia. Dia (Jalaluddin) yang menjalani kehidupan yang penuh bersemangat dan merindui untuk menemui Tuhan Pencipta Alam pada saat kematiannya, iaitu setelah sekian lama dia hidup sebagai hamba-Nya dalam suasana yang dipenuhi cahaya *ubudiyah*. Hisamuddin berkata:

"Pada suatu hari, Syaikh Shodruddin menemui bersama kerabat-kerabatnya; pembesar-pembesar marga Darwish untuk melawat guru saya, Maulana Jalaluddin yang sedang sakit. Ketika mereka melihat keadaan Jalaluddin, mereka merasa sedih lalu berkata Syaikh Shodruddin kepadanya: "Allah menyegerakan kesihatan engkau, mengurniakan kepadamu kesihatan dan kesejahteraan". Lantas, Jalaluddin berkata: Tahniah di atas doa kesejahteraan, sesungguhnya jarak antara yang merindu dan yang dirindui umpama setebal bulu. Adakah engkau tidak suka aku menemui-Nya, dan tidak suka cahaya bercantum dengan cahaya?.

Pernyataan itu menjelaskan bahawa Jalaluddin Ar-Rumi tidak menganggap kematian adalah sebab untuk rasa kesedihan dan ketakutan seperti yang dialami oleh kebanyakan orang. Tetapi sebaliknya, menemui mati bagi dirinya adalah umpama terselamat dan

bebas daripada kegelapan, iaitu perpindahan untuk menemui Allah SWT, pemilik segala keindahan secara mutlak. Beliau mengambarkan keadaan kematian dengan hal dirinya, lalu berpesan:

"Jika nafas terakhirku telah terhembus, jangan kamu kira aku benar-benar mati. Kerana meskipun aku sudah mati, kematian itu sendiri adalah kehidupan bagiku. Ia ibarat sahabat karibku yang datang dan menjemputku pergi."

Tidak diragui lagi bahawa kehidupan tenang dan damai yang dilalui di dunia oleh kekasih-kekasih al-Haq seperti Jalaluddin Ar-Rumi, Yunus Amr, Aziz Mahmud Hada'i berterusan dan berkekalan hingga ke alam kubur. Kematian yang mendatang adalah paluan kepada kedamaian dan ketenangan.

Yahya Kamal, seorang penyair Turki membuat sebuah syair tentang kematian, sungguh indah dia menggambarkannya:

Kematian ibarat masa rehat dan musim bunga kepada yang rindu kepada Ilahi
Hati mereka melambung ibarati asap yang menguap di merata tempat sepanjang masa
Di dalam kubur yang (dia) terbaring dibawah naungan pepohon kegembiraan yang merendang
Mawar-mawar mekar di waktu hampir pagi dan kicauan burung bulbul kedengaran pada setiap malam

Kematian yang begitu indah ini hanya dapat diraih jika selama hidup kita di dunia selalu berada pada jalan yang lurus. Jalan yang telah ditunjukkan oleh-Nya. Jalan dengan penuh ketaatan dan menjauhi segala larangan-laranan-Nya. Sering beribadah dan bersedia dengan kedatangan ajal yang selalu mengintai, tak kira di mana dan bila pun ia datang.

Allah SWT berfirman:

“Dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yang diyakini terjadi (ajal).” (QS. Al-Hijr: 99)

Itulah panduan yang dituruti semasa hidup oleh semua kekasih Allah SWT.

Orang yang mengerti dan mencintai Allah SWT, akan menghiasi kehidupan yang dikurniakan oleh Allah SWT sebagai satu amanah, dengan ibadat. Menghambakan kepada-Nya serta sentiasa mengikuti jalan yang lurus. Dia sentiasa berusaha sekuat tenaga dalam meraih dan mendapatkan pemberian yang paling istimewa dari Allah SWT, iaitu berupa hati yang bersih yang hanya dapat diraih dengan ibadah yang sungguh-sungguh dan istiqamah.

Perumpamaan hal di atas dapat dilihat pada diri Rasulullah ketika ajal telah mendekatinya. Beliau berbisik kepada dirinya menyebut ungkapan *“syurga… syurga…”* Demikian itu, adalah gambaran kepada nilai pengibadatan dan nilai kepatuhan kepada Tuhan. Ianya akan berkekalan pada mereka yang memahami tentang keistimewaan ini dan mengikuti jejak Rasulullah SAW.

Seperti halnya Sami Afandi –semoga Allah mensucikan jiwanya-, dia adalah salah seorang daripada yang dikasihi oleh Allah SWT. Sepanjang usianya, dia selalu mengikuti sunnah Rasulullah SAW, dan pada saat ajal menjemputnya, dia telah memberikan kita sebuah fenomena yang patut dicontohi. Dia sangat mencintai Allah dan Rasul-Nya, seluruh hatinya dipenuhi dengan rasa rindu kepada Rasulullah. Ibarat seorang yang berjalan di atas salji lalu meninggalkan kesan laluan, kemudian seseorang datang selepas itu, lantas berjalan di atas laluannya dan mengikuti jalan yang dilaluinya. Begitulah halnya Sami Afandi, dia telah mengikuti jejak Rasululah SAW, menghabiskan usianya dengan mengikuti sunnah dan jalan kebenaran yang dibawa oleh Nabinya..

Nafas terakhir yang dihembuskan oleh Sami Afandi menjadi buktinya, terbukti ketika dia menghembuskan nafas terakhirnya, orang-orang yang berada di sekitarnya mendengar kalimat-kalimat yang diucapkannya pada akhir hayatnya, iaitu *"Allah... Allah... Allah..."* demikian kalimat yang kedengaran dari Sami Afandi ketika hampir dengan saat kematiannya. Tidak hanya melalui lisannya, namun tubuhnya pun bergetar mengiringi kalimat-kalimat yang diucapkannya. Ini membuktikan bahawa dia sangat mencintai Allah dan merindui Rasulullah SAW, rindu yang mendalam, rindu dan rasa cinta yang berasal dari lubuk hati yang paling dalam.

Kesimpulannya, segala amalan yang dilakukan oleh mereka telah meletakkan dirinya di dunia dan di akhirat sebagai seorang hamba sangat baik di sisi Allah SWT. Sesiapa yang mencintai Allah SWT dan mengikuti sunah Rasul-Nya akan menjadi seorang hamba yang lemah lembut, penyayang, dan alim. Dalam pada itu, kita mungkin mencapai kedudukan paling mulia dan ditabalkan sebagai *"sebaik-baik hamba Allah",* iaitu kita menyerahkan sepenuh hatinya kecintaan kita kepada Allah. Dan dengan keadaan rohani dan kecintaan kepada Allah meguasai diri, kita mampu untuk membersihkan hati daripada kekotoran hati dan segala macam penyakit-penyakitnya.

Dan jika kita dapat melakukan semua itu, Allah akan memancarkan cahaya-Nya ke dalam hati tersebut. Natijahnya, setiap orang akan hidup dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi saat-saat terakhir, iaitu menemui Allah SWT. Sebaliknya jika keburukan dan kehilangan nilai suci dalam jiwa, ia akan mengakibatkan seseorang itu lupakan Allah SWT. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

"Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, sehingga Allah menjadikan mereka lupa akan diri sendiri. Mereka itulah orang-orang fasik." (QS. Al-Hasyr: 19)

Hakikatnya, setiap dosa yang dilakukan oleh manusia berpunca apabila kita mula melupakan Allah. Sesiapapun dalam kalangan hamba-Nya apabila menyebut "Allah", dia akan memberi perhatian khusus kepada hakikat sebuah kematian. Ini kerana seseorang itu akan megambil berat dan penuh perhatian dalam soal beribadat, berhati-hati dengan tingkah laku dan pergerakannya, tidak melukakan atau menguris perasaan hati orang lain, iaitu tidak melukakan hati orang lain dengan tutur kata atau perlakuan yang tidak baik.

Allah telah mengingatkan akan hal itu melalui beberapa ayat dalam al-Qur'an tentang kewajipan menjaga diri dan perasan hati kita agar tidak menyakiti orang lain, iaitu perlakuan yang boleh mengakibatkan kita menangis dan menyesali perbuatan buruk kita semasa hidup. Oleh itu, kita sewajarnya menjalani kehidupan di bawah panjí-panji ketaatan kepada Allah sesuai dengan firman-Nya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman!, Bertakwalah kamu dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sekali-kali kamu mati kecuali setelah berserah diri kepada Allah (Islam)". (QS. Aali-Imraan: 102)

Usia manusia di dunia yang fana ini, panjang ataupun pendek, ianya tidak akan memberi apa-apa kesan kerana yang penting adalah bagaimana kesedahan usia tersebut. Allah berfirman:

"Sewaktu mereka menyaksikan kedahsyatan hari kiamat mereka merasa seolah-olah tinggal di dunia hanya satu petang atau pagi sahaja" (QS. An-Naazi'aat: 46)

Oleh yang demikian, seharusnya setiap waktu pagi dan petang selalu diisi dengan penghambaan, beribadah dan taat kepada Allah SWT. Nasihat yang disampaikan oleh al-Junaid al-Baghdadi adalah berupa sebaik-baik peringatan kepada kita, katanya:

"Satu jam di dunia lebih berharga daripada seribu tahun pada saat hari kiamat, kerana ketika sudah di akhirat kelak tidak ada lagi kesempatan untuk beramal soleh."

Begitulah hendaknya, seharusnya bagi kita menjadikan hari-hari mendatang sebagai satu peluang keemasan untuk melakukan pengabdian, kebaikan, beramal ibadat dan taat kepada-Nya. Gambaran terbaik ialah hari-hari yang dilalui semasa mengerjakan ibadat. Haji adalah bentuk latihan kepada kita bagi menghadapi saat terakhir dalam episod kehidupan. Pada luarannya, ibadat haji diibaratkan sebagai perhimpunan manusia di Mahsyar, pakaian ihram umpama kain kafan, dan Arafat pula tempat untuk memohon keampunan dan berserah kepada Allah SWT. Ketika jemaah melontar di Jamrah, kita membayangkan lontaran itu adalah untuk bertujuan menunjukkan perasaan benci kepada syaitan. Kita berusaha untuk menghindari dan memerangi syaitan yang selalu menyerang dan menggoda setiap manusia. Merejam juga umpama kita menyerang dan berlawan dengan nafsu dalaman kita dan seterusnya menjauhi keseronokan dan kecintaan kepada kehidupan dunia. Akhirnya, setelah selesai menunaikan ibadat haji, para jamaah kembali suci -seperti bayi yang baru dilahirkan- dan ingat akan kewajibannya terhadap Allah SWT. Ringkasnya, ibadat haji adalah satu gambaran kecil bagi kita untuk melalui kehidupan di dunia ini, langkah-langkah dan urutan-urutan yang harus mereka dahulukan dan akhirkan.

"Ya Allah, berikanlah kepada kami kurniaMu, berikanlah kepada kami kesempatan melaksanakan haji seperti yang tersebut di atas, Ya Allah, berikanlah kepada kami kesempatan untuk hidup

dalam naungan cahayaMu, demi menjadi perantara dan penyebab indahnya nafas terakhir kami nantinya, nafas terakhir yang dihiasi kerinduan dan rasa cinta kepadaMu hingga kami kembali kepada keindahan yang hakiki…" amin!

❁

Nafas Terakhir (II)

"Perumpamaan nafas terakhir yang dihembuskan oleh setiap insan seperti halnya sebuah cermin yang jernih tanpa ada satu debu pun di atasnya, pada saat itu setiap insan dapat menyaksikan bagaimana ia melewati kehidupannya selama ini, semuanya akan tergambar dengan begitu jelas pada saat nafas terakhir ini, segala kebaikan dan keburukan akan diperlihatkan dalam gambaran yang sejelas-jelasnya! Dan pada saat itu segala tabir akan terbuka, tiada manusia yang kuasa memalingkan penglihatan serta pendengarannya saat itu, dia akan menyaksikan seluruh adegan kehidupannya, jiwa dan raga serta fikiran akan mengakui dan menyedari apa yang sedang diperlihatkan saat itu, penyesalan pun tak berguna lagi. Oleh sebab itu semakin baik kehidupan seseorang, semakin baik pula apa yang akan ia lihat nanti di saat-saat terakhir nafasnya berhembus."

NAFAS TERAKHIR (III)

Detik-detik terakhir kehidupan seseorang adalah umpama cermin yang berkilat, dan akan memantulkan 'objek' dengan sejelas-jelasnya. Setiap manusia akan menyedari siapa dirinya yang sebenarnya disaat dia menghembuskan nafas terakhirnya. Dia akan menemui gambaran dirinya yang sebenar-benarnya dalam gambaran yang sangat alami. Sangat jernih. Apa adanya. Pada ketika itu perhitungan setiap amalan selama dia hidup akan dipertontonkan di depan mata hati dan juga kedua-dua matanya. Sesungguhnya kematian itu adalah sebuah fenomena yang penuh dengan akan hikmah dan pegajaran bagi seluruh umat manusia.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Qur'an, iaitu betapa menyesalnya Fir'aun atas segala perkara yang telah dilakukannya sepanjang kehidupannya di dunia. Ketika dia ditelan oleh lautan, dia menyedari bahawa dia telah lalai dan leka. Dia juga menyedari bahawa dirinya yang ia agung-agungkan hingga mengaku sebagai tuhan adalah sebuah rayuan nafsu yang hina. Namun, penyesalan itu sudah tidak berguna dan tidak membawa apa-apa kebaikan lagi, semua sudah terlambat. Dia menyedari bahawa betapa bodohnya dirinya selama ini, iaitu dia menghabiskan usianya dalam kesia-siaan dan kerugian yang nyata.

al-Qur'an menegaskan hal tersebut:

Dan kami bawakan Bani Israil menyeberangi laut, lalu Fir'aun dan tenteranya mengejar mereka dengan penuh dendam. Sehingga ketika laut hampir menenggelamkannya, dia berkata: "Aku beriman

bahawa tiada Tuhan selain Tuhan yang dipercayai oleh Bani Israil dan aku termasuk orang-orang yang berserah diri”. *(QS. Yunus: 90)*

Namun, segalanya sudah terlambat. Tiada guna pengakuan Fir’aun saat itu. Ketika ia telah tenggelam di dalam laut merah tersebut, di saat ia mengaku bahawa ia telah beriman kepada Allah dengan harapan ia dapat selamat dari amukan laut yang menggulungnya. Allah SWT menjawab:

Dikatakan kepadanya: “Kini kamu sedar, sejak dahulu kamu sudah derhaka, dan berbuat kerosakan. *(QS. Yunus: 91)*

Maka amat rugilah mereka yang semasa dalam keadaan sihat selalu menggunakan waktunya untuk melayani tuntutan hawa nafsu serta melakukan maksiat tiada henti, lalu bertaubat ketika jatuh sakit dan hampir menghadapi saat kematian. Penyesalan dan keimanan seseorang pada saat itu tidaklah banyak membawa manfaat, malahan menjadi sia-sia belaka. Sesungguhnya menunda-nunda taubat dan penyesalan hingga pada saat sakaratul maut adalah sebuah tipu daya dan kelalaian yang nyata dan jelas amat tidak berguna. Dan selama keadaan seseorang selalu seperti itu, ia akan tenumbang-ambing di dalam derasnya ombak kehidupan. Terpelanting ke sana ke sini tanpa arah tujuan. Dan mereka yang menjalani hidupnya dalam kelalaian hingga datang ajalnya, ia akan menemukan betapa pahitnya akibat dari kelalaiannya selama ini. Jelaslah, hidup di dunia adalah sebuah ujian dari Allah SWT, Dia telah banyak memberi peringatan kepada mereka yang lalai dan lupa akan tujuan utama diciptakan kehidupan ini. Allah berfirman:

Setiap jiwa akan merasakan kematian, kami mengujimu dengan kebaikan dan keburukan sebagai cubaan. Dan hanya kepada kami, kamu semuanya akan dikembalikan. *(QS. Al-Anbiyaa’: 35)*

Dialah yang menciptakan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu sekalian, siapa diantara kamu yang paling baik amalnya dialah yang maha perkasa lagi maha pengampun. (QS. Al-Mulk: 2)

Sehubungan itu, segala amal ibadah, pergaulan, dan akhlak yang kita lakukan selama hidup di dunia ini, serta setiap nafas yang kita hembuskan selama ini adalah ibarat sebuah kompas yang menunjukkan nafas terakhir kita. Ia merupakan sebuah paparan dan gambaran seperti apa keadaan kita di akhirat nanti.

Imam Ghazali berkata:

"Barang siapa belum sampai pada tingkatan makrifat, ia tidak akan dapat menyaksikan bagaimana akhirat. Dan barang siapa tidak mensyukuri nikmat ketika masih di dunia, ia tidak akan mendapatkan apa-apa di akhirat. Dan sungguh apapun yang kamu tanam selama di dunia pasti kamu akan menuainya di akhirat kelak. Dan kamu akan mati dalam keadaan bagaimana kamu selama ini menjalani hidup di dunia, dan kamu akan dibangkitkan dalam keadaan bagaimana kamu ketika mati. Dan demikianlah barang siapa yang sampai pada darjat makfitullah dan mengerjakan segala kewajibannya maka ia akan mendapati dirinya berada dalam nikmat yang setara ketika di akhirat kelak."

Oleh itu, setiap insan mesti bersedia dengan amal ibadat untuk menghadapi saat kematian. Juga bersedia menerima segala pembalasan atas segala amal dan perbuatan yang dilakukan selama ini, iaitu perbuatan baik dan juga buruk yang berupa ganjaran dan hukuman.

Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

"Wahai orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu-batu berhala; yang dijaga oleh malaikat yang kejam lagi

kasar, mereka sama sekali tidak menderhakai Allah tentang apa yang diperintahkan kepada mereka. Dan mereka selalu melaksanakan segala yang dperintahkan." (QS. At-Tahrim: 6)

"Dan apabila roh-roh dipertemukan (dengan tubuh)."(QS. At-Takwir: 7)

"Maka ke manakah kamu akan pergi?"(QS. At-Takwir: 26)

Ayat-ayat di atas memberi peringatan kepada setiap manusia agar selalu berwaspada dan sedar akan jalan mana yang seharusnya dilalui, dan sejauhmanakah ia bersedia ke arah itu?. Oleh itu, kita semestinya berhati-hati dan berjaga-jaga sepanjang hidup kita, iaitu selama badan masih bernyawa sehinggalah ketika ajal datang menjemput.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah jika seseorang itu membiarkan dirinya hanyut dan leka dengan keseronokan dunia, dia akan menempuh kebinasaan dan kecelakaan ketika berada di alam kubur. Semua orang tidak akan tahu berapa lama ia akan berada di alam kubur, kemungkinan juga masa hidup di alam kubur lebih lama daripada masa ia hidup di dunia, bahkan berkali lipat lebih lamanya. Maka dengan itu, kita sebagai makhluk yang berakal sudah seharusnya sentiasa bersiap sedia (membuat persiapan) untuk menjalani kehidupan di alam barzakh dan untuk kehidupan kekal di alam akhirat yang datang setelahnya.

Dari sudut lain, dengan adanya cahaya iman di dalam hati orang-orang yang beriman, mereka akan merasakan betapa bayangan kematian yang menakutkan itu menjadi begitu menyenangkan, gelapnya bayangan kematian yang menghantui pun berubah menjadi cahaya terang benderang, menjadi kabar gembira akan adanya kehidupan yang abadi selanjutnya, itu semua berasal dari iman yang tertanam di dalam hati mereka.

Bagi orang yang beriman, kubur-kubur yang tertulis padanya nama-nama bukanlah sebuah tempat yang menakutkan. Akan tetapi, ianya merupakan sebuah tempat yang 'bisu' yang mampu memberi petunjuk dan nasihat.

Bagi seorang mukmin sejati, kehidupan dunia ini adalah sebuah kehidupan yang bercampur dengan kematian. Hati mereka yang tenang dan tenteram kerana kehidupan mereka sentiasa bersedia untuk menemui 'kematian' itu. Ringkasnya, saat-saat terakhir kita adalah saat yang paling indah dalam hidup kita jika hati kita dipenuhi dengan kecintaan kepada Allah SWT. Sebaliknya, jika kehidupan kita berakhir dengan kecintaan kepada dunia serta lari dari saat kematian, pastinya kita akan rugi serugi-ruginya.

Persiapan yang sempurna untuk kehidupan akhirat kelak tidak akan tercapai kecuali dengan menjadi makhluk Allah yang berperilaku dan berakhlak sesuai dengan apa-apa yang dicintai-Nya. Al-Qur'an pun telah menjelaskan semua itu, bahawasanya seorang hamba seharusnya selalu memiliki sifat-sifat yang dicintai oleh Allah SWT, seperti sifat kasih sayang, pemaaf, membantu sesama, selalu beribadah hingga menjadi hamba yang bertakwa, zuhud, dan ihsan. Dengan kata lain, itu semua dapat diperoleh jika seorang hamba benar-benar mencintai Allah SWT.

Seorang yang beriman –berdasarkan ciri-ciri di atas- seharusnya dapat menjadi sebahagian daripada individu yang murah hati, gemar berbuat baik, berkorban, dan pemurah. Dan juga harus menjadikan dirinya sebagai orang yang bertakwa lagi jujur. Pada masa yang sama, ia harus menjauhi segala sifat yang tidak baik, menghindari semua sifat yang tidak disukai oleh Allah SWT, seperti iri hati, dengki, sombong, berlebih-lebihan, aniaya, fitnah, *ghibah*, mengadu domba, dan berdusta. Kerana itu semua akan sangat berpengaruh

terhadap persiapan setiap manusia untuk menghadapi nafas-nafas terakhirnya kelak.

Menjadi satu kewajiban bagi seorang hamba Allah untuk mensucikan nafas terakhirnya dengan *husnu-l-khatimah*, iaitu dengan mensucikan hatinya terlebih dahulu agar iman dapat masuk ke dalamnya. Maka dengan itu, hatinya akan menjadi suci dan terhindar dari keburukan sebab hatinya selalu dihiasi dengan perangai yang mulia.

Hati yang telah sampai pada tahap ketakwaan yang sebenarnya akan berada pada satu titik paling utama yang sangat kuat dalam mencari petunjuk Allah selama hidup di dunia. Jalaluddin Ar-Rumi –semoga Allah mensucikan jiwanya- menjelaskan betapa pentingnya sebuah pensucian jiwa. Katanya:

"Sesungguhnya membuat sebuah kuburan bukanlah dengan batu-batan yang disiapkan itu, bukan juga dengan kayu-kayu dan kain-kain kapan yang ada. Namun, membuat kuburan yang sesungguhnya adalah dengan menggali sebuah lubang di dalam hati, sebuah lubang yang bersih lagi suci, sebuah lubang yang terdapat di dalam sebuah alam yang suci, itu semua tidak dapat dibuat kecuali dengan menghapus bersih segala sifat egois yang bersarang, dan tentunya dengan persiapan jiwa untuk menghadap ke hadirat Allah SWT"

Untuk mensucikan hati dan jiwa dengan sempurna, tidak cukup hanya dengan mencintai Allah swt sahaja, namun juga harus diiringi dengan cinta kepada Rasulullah Muhammad SAW. Bukti dari kesungguhan rasa cinta kepada Allah adalah dengan taat kepada-Nya, dan barang siapa mengaku mencintai Allah namun ia selalu tidak mentaati-Nya maka ia adalah orang yang bermain-main dan hanya melakukan tipu daya terhadap dirinya sendiri.

Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

"Katakanlah! 'Jika ayahmu, anakmu, saudaramu, isterimu, keluargamu, dan harta kekayaan yang kamu peroleh, serta perniagaan yang kamu khuatir rugi dan tempat tinggal yang kamu sukai, lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah hingga Allah mendatangkan keputusan-Nya." Allah tidak member petunjuk kepada mereka yang fasik." (QS. At-Taubah: 24)

Oleh yang demikian, sudah semestinya bagi kita semua untuk menjadikan rasa cinta kepada Allah dan rasul-Nya sebagai rasa cinta yang paling utama, cinta yang mengatasi cinta-cinta kepada yang lain. Justeru, cinta yang demikian kuat ini harus kita jaga dan pertahankan hingga saat terakhir, iaitu saat nafas dihembuskan. Perkara tersebut tidak akan dapat diperoleh melainkan dengan mendirikan ibadah dan melakukan perbuatan baik dan amal soleh.

Terdapat perbezaan ketara pada peringkat ibadah seseorang, iaitu bentuk penghambaan yang ditunjangi oleh hati yang cintakan dunia serta jauh daripada kecintaan kepada Allah dan bentuk penghambaan dengan tulus dan hati yang penuh dengan rasa cinta dan rindu kepada Allah SWT.

Kerana seorang yang beriman dan hatinya penuh dengan cinta kepada Allah tersebut akan selalu menyelaraskan segala gerak-geriknya dengan cinta tersebut, cinta kepada Allah dan rasul-Nya, iaitu cinta yang mencerminkan segala perkara yang dilakukannya baik dalam berinteraksi dengan sesama manusia atau pun ketika beribadah kepada Tuhan Yang Maha Esa. Dan salah satu ciri khas yang menjadikan seorang mukmin sangat khusyu' dalam beribadah adalah kerana ia selalu menyiapkan dirinya untuk menghadapi nafas terakhirnya.

Allah SWT telah menjelaskan di dalam al-qur'an beberapa sifat orang yang beriman yang akan selamat di dunia dan akhirat adalah sebagai berikut:

"Berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solat mereka." (QS. Al-Mu'minun: 1-2)

Sebaliknya, Allah juga menjelaskan bagaimana keadaan seseorang yang mendirikan solat tetapi ia lalai dan tidak khusyu', Allah berfirman:

"Maka celakalah orang-orang yang melaksanakan solat, (iaitu) mereka yang lalai dalam solatnya."[8] (QS. Al-Maa'un: 4-5)

Sepertima kita maklumi, matlamat dari semua ibadah yang diperintahkan oleh Allah adalah bahawasanya Allah SWT ingin melihat wujudnya keseimbangan antara hati dan jasad seorang manusia, dan itu bukan hanya dalam solat, namun juga dalam seluruh ibadah yang ada seperti puasa, zakat, haji, dan bersedekah.

Ibadah puasa, misalnya, ibadah ini mengajarkan kita agar semakin mengenali betapa besar nikmat Allah yang telah dianugerahkan kepada kita. Di samping itu, hati kita disibukkan dengan perasaan sedih dan berfikir agar diri kita peka untuk membantu mereka yang memerlukan.

Pada masa yang sama, sesungguhnya ibadah puasa, iaitu ibadat yang menahan diri kita melakukan sesuatu (sekalipun sesuatu yang halal sebelumnya) untuk tempoh tertentu, adalah panduan untuk kepentingan mengawal diri daripada melakukan sesuatu perkara yang tidak jelas, iaitu perkara-perkara syubhah dan haram.

8. Orang-orang yang tidak menghargai serta melalaikan pelaksanaan dan waktu-waktu solat.

Manakala dalam ibadah haji, seseorang akan merasakan betapa kerdil dirinya di hadapan Pencipta. Seseorang akan mengenakan baju ihram yang sangat mirip dengan busana akhir hayat, iaitu kain kapan. Ini secara tidak langsung merupakan perkara yang mengingatkan kita tidak mempunyai kekuatan langsung berbanding kekuasaan Allah SWT. Bahkan semua makhluk akan kembali kepada Allah dan semua manusia terdaya dan tidak dapat berbuat apa-apa di hadapan-Nya.

Bagi seorang mukmin yang menginfakkan hartanya ke jalan Allah, dia harus menyedari bahawa segala harta benda yang dimilikinya itu hanya satu kurniaan dari Allah dan semua itu akan kembali kepada-Nya, iaitu pemilik hakiki. Selain dari itu, jika seseorang sudah dapat menjiwai keadaan di atas, bagaimana mungkin dia akan berfikiran buruk dan dengki kepada harta orang lain?!

Sesungguhnya perasaan cinta seorang hamba kepada Allah, iaitu cinta yang menjadi tunjang segala ibadat hanya terserlah dalam lubuk hati. Melalui hati inilah, iaitu apabila telah bersih dari segala kotoran-kotorannya, ia akan sampai pada tahap yang tinggi dalam kualiti ibadah yang di dalamnya terpancar terang cahaya kebenaran.

Kita telah saksikan dalam kehidupan di dunia contoh pelaksanaan ibadat dengan rasa khusu' dalam bentuk yang terbaik baginya. Contoh yang terbaik lagi terpuji terdapat pada peribadi Rasulullah SAW, para sahabah. Rasulullah SAW yang tidak pernah direkodkan dalam episod kehidupannya melainkan adaptasi kepada hakikat kehidupan di akhirat. Beliau menegaskan bahawa ibadah harus selalu dilapisi dengan busana, iaitu busana rohani, busana yang membawakan suasana akhir hayat.

Contoh lain, datang seorang sahabat menghadap Rasulullah SAW, sahabat itu berkata kepada Baginda:

"Wahai Rasulullah, ajarkan sesuatu kepadaku dengan sering-kas-ringkasnya!"

Rasulullah pun menjawab:

"Jika engkau mendirikan solat, maka solatlah seakan-akan itu adalah solatmu yang terakhir di dunia ini! Dan jangan berbicara atas apa yang kamu tidak mampu melakukannya, dan jangan pula engkau banyak berharap kepada sesama manusia!" (Ibnu Majah, Bab Zuhud; Ahmad bin Hanbal, Al-Musnad, juz 5 hal 41)

Dengan demikian apabila dilihat dari hadith tersebut, maka sebagai seorang mukmin yang selalu menyiapkan dirinya untuk menghadapi datangnya ajal sudah seharusnya dia sentiasa memperbaiki perilaku dan perangai serta akhlak dan kepribadiannya. Semuanya mesti selari dengan apa yang telah diajarkan dalam sunnah Nabi Muhammad SAW, iaitu dengan menjadi seorang hamba yang bermanfaat bagi umat Islam, mencintai orang lain, tidak memiliki sifat egois dan selalu berperilaku kepada orang lain dengan rasa cinta seperti halnya mencintai dirinya sendiri. Dengan rasa cinta yang didasari keikhlasan cinta kepada Allah dan rasul-Nya, seseorang akan mampu melihat dan memandang seluruh makhluk yang ada dengan kaca mata 'cinta ilahi'.

Di samping itu, salah satu ciri khas yang harus dipenuhi agar dapat menyiapkan diri untuk menghadapi nafas terakhir, iaitu kemampuan untuk selalu merasa bersama Allah di mana pun berada, selalu merasa bahawa Allah bersamanya dan melihatnya.

Sebesar-besar kebahagiaan seorang hamba ialah dia mampu meletakkan dirinya sentiasa bersama Allah SWT. Akan tetapi, akal yang akan memusnahkan segala-galanya kerana lebih didominasi oleh hawa nafsu yang tidak dikaitkan dengan perasaan dan hati sehingga akal fikiran tersebut tidak dapat menyedari kebahagiaan

terbesar itu, iaitu lalai dan alpa dari memperoleh kebahagian terbesar itu.

Sementara itu, seorang mukmin harus selalu bertawakkal dan sabar. Seorang mukmin tidak hilang kendalian diri jika berhadapan dengan badai kehidupan. Seorang mukmin juga selalu berfikir dan merenungi bagaimana kehidupan Rasulullah pada masa lalu, iaitu ketika Baginda berdepan dengan pelbagai macam ujian dan kesulitan hidup.

Seorang mukmin di samping merenungkan ujian-ujian yang dihadapi oleh Rasulullah tadi, dia juga harus memfikirkan dan merenungkan betapa kuat dan cekalnya pendirian Rasulullah dan reda dengan ketentuan Allah SWT ke atasnya, walaupun Baginda kehilangan lima daripada enam putera dan puterinya.

Kita juga tidak lupa kesabaran yang dan ketabahan hati Baginda SAW ketika Hamzah, iaitu bapa saudaranya, dan juga sahabat Baginda Mush'ab bin Umair ra., mereka gugur sebagai para *syuhada'* dalam peperangan. Rasulullah tetap tabah hati dan sabar sekaalipun ditinggalkan oleh mereka yang sangat disayangi dan dicintai oleh Rasulullah SAW.

Sehubungan itu, siapa yang sedang dan akan mengharungi jalan seebenar, iaitu jalan yang akan membawanya menjalani kehidupan yang tiada kekal ini dengan hati yang bersih dan jernih. Dia seharusnya mampu menghadapi segala ujian dan cubaan hidup dengan penuh sabar, menghadapi kelalaian dengan mengingat Allah, selalu bersyukur atas nikmat-Nya, selalu taat kepada-Nya, dermawan dan murah hati kepada sesama, tidak ego dan selalu mendahulukan orang lain dalam hal-hal bermasyarakat, selalu mengubati keraguannya dengan keyakinan, ikhlas dalam beramal dan menghindari riya', selalu rendah hati dan tidak sombong, gemar bertaubat jika melakukan dosa, selalu tafakkur dan berzikir untuk mencegah kelalaian.

Dengan demikian itu, harus disedari bahawa setiap waktu yang berlalu dalam hidup ini, siang dan malam khususnya waktu menjelang fajar adalah kesempatan yang sangat berharga bagi setiap manusia untuk mendekatkan dirinya kepada Allah SWT, dan sesiapa yang menghendaki kebahagiaan akhirat, dia dapat menemukannya pada saat-saat menjelang fajar nan damai itu.

Kekasih-kekasih Allah yang sentiasa menjalani kehidupannya dengan sentiasa mengingat mati telah terlebih dahulu mereka berusaha mencari ridho Allah dengan tafakkur dan berzikir pada saat-saat paling damai sepanjang hari itu, iaitu saat-saat menjelang fajar, mereka menghabiskan waktu tersebut dengan menunjukkan perasaan cinta dan takut kepada Allah SWT. Sesungguhnya waktu menjelang fajar yang tidak digunakan untuk berzikir dan tafakkur bagi mereka yang cintakan Allah SWT adalah saat-saat berjauhan dari Allah SWT.

Salah satu perkara penting yang harus diberi peringatan ialah menginfakkan harta pada jalan Allah SWT, Allah berfirman:

"Dan berinfaklah (berbelanjalah) di jalan Allah, dan janganlah kamu campakkan dirimu dalam hal-hal yang merosakkan, dan berbuatlah kebaikan, sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan itu." (QS. Al-Baqarah: 195)

Para ahli tafsir menjelaskankan bahawa yang dimaksud dengan kebinasaan di sini adalah keengganan membayar infak dan berkorban di jalan Allah, iaitu keengganan untuk bersedekah dan berkorban dalam meninggikan kalimah Allah Taala, juga keengganan untuk berkhidmat kepada agama Allah kerana bimbang menjadi miskin atau terlalu cintakan dunia yang *fana'* ini.

Abu Ayyub menjelaskan bahawa ayat di atas diturunkan ketika Nabi Muhammad SAW mendapatkan kemenangan dalam peperan-

gan sedangkan kaum Anshor sibuk dengan harta bendanya yang bersepahan dan mereka hendak memperbaikinya, maka turunlah ayat tersebut memberi peringatan kepada mereka agar tidak hanya sibuk dengan harta benda yang akhirnya menyebabkan mereka meninggalkan jihad, yang demikian ini adalah sebuah kebinasaan yang dimaksud dalam ayat di atas. (Abu Daud, Jihad, 17/2504)

Anas bin Malik meriwayatkan, bahawa rasulullah saw. bersabda: *"perangilah kaum musyrikin dengan harta benda, jiwa, serta lisan kalian!"* (Abu Daud, Jihad, 17/2504)

Melalui penjelasan di atas, maka setiap mukmin seharusnya berusaha sekuat tenaga dan terus semangat untuk menginfakkan dari harta bendanya di jalan Allah SWT dalam setiap perkara, amalan melalui harta, jiwa dan perkataannya.

Hal ini kerana kehidupan adalah amanah dan tanggung jawab atas setiap orang di antara kita, dan amanah ini tidak dapat menghasilkan nilai yang abadi kecuali jika kita melaluinya pada jalan yang benar. Kehidupan juga akan menjadikan seseorang itu sentiasa dalam kerugian di akhirat kelak jika disia-siakan peraturan hidup yang telah ditetapkan, serta selalu menurut pujukan hawa nafsu yang selalu mengajakkan ke arah keburukan.

Justeru, seorang mukmin seharusnya tidak lupa gambaran yang mempunyai kaitannya dengan infak, iaitu di saat para sanak saudara berduka dan belasungkawa, jasad mayat tersebut mulai dimakan oleh ulat. Selepas itu, para sanak saudara membagi-bagi harta warisan yang ditinggalkan oleh si mati dan ketika itu bumi pula sedang menghimpit jasad yang terkubur untuk ditanam didalamnya. Dua perkara ini berlaku seiring dan juga berakhir bersama-sama, iaitu ketika mayat dikebumikan dan juga saat diagihkan hatra yang ditinggalkannya. Pada masa itu, ruh akan menyaksikan perlakuan sedemikian seolah-olah ia geram pada dirinya sendiri kerana menyesal

atas peluang yang disia-siakan sebelum ini. Namun, semua itu tidak akan kembali walaupun sepotong tangan atau peha sekalipun, melainkan amalan kebaikan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Amal kebaikan yang dilakukan di dunia adalah sebaik-baik saham harta untuk kehidupan kita di akhirat kelak. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya alam kubur itu dapat menjadi taman syurga atau justru lobang neraka." (HR. Tirmidzi)

Demikianlah, sesungguhnya membebaskan kematian daripada 'kerugian' dan mengubah kepada pertolongan jelas dari Allah dan menjadikannya umpama malam pengantin sebagai ganti kepada kemurungan dan kesedihan adalah amalan mereka yang mengetahui dan bersedia untuk menghadapi saat kematian. Mudzafar BK., misalnya, seorang perwira tinggi pada zaman Khilafah Utsmani, beliau adalah salah satu diantara orang-orang yang meninggal dalam keadaan tenang dan penuh kebahagiaan, dia termasuk di dalam orang-orang beruntung yang bertemu dengan Allah setelah sebelumnya dia hidup dalam naungan cahaya istiqamah. Beliau juga merupakan seorang yang diangkat peribadinya serta menjadi teladan dan kenangan terindah sepanjang masa sejarah Utsmani.

Lelaki ini yang hatinya selalu disemarakkan dengan iman kepada Allah, iaitu seorang pejuang yang berjuang dengan penuh bersemangat dan sepenuh hatinya, seorang pejuang yang tiada galang gantinya dalam peperangan "*janaaq qal'at*". Perjuangannya tidak terhenti dengan peperangan itu sahaja, bahkan menyertai peperangan lain, dari barat ke timur demi membela negaranya. Dalam salah satu peperangan, dia telah tercedera parah sehingga menjadi salah seorang daripada para syuhada'. Dia telah melakar sejarah dan kenangan indah untuk generasi-generasi yang akan datang setelah kepergiannya.

Mudzafar BK, seorang pegawai tinggi yang gugur terkena tembakan senjata api, dia terjatuh berlumuran darah, berbicara pun ia tidak bisa, sehingga ia mengambil selembar kertas dari dalam sakunya dan sepotong rumput dan menjadikannya alat tulis dengan tinta darah yang mengalir dari tubuhnya, ia menuliskan pada saat-saat nafas terakhirnya tersebut: *"wahai para pasukan, hadapkan aku ke arah kiblat"* dengan segera orang-orang di sekelilingnya memenuhi permintaan terakhirnya itu, iaitu meninggal dunia dengan menghadap kepada Allah dengan menghadap kiblat, ia pun mati syahid.

Demikianlah, apapun itu profesion seseorang sepanjang hayatnya di dunia ini, jika hatinya selalu ingat kepada Allah dan istiqamah, maka Allah akan memberikan kepadanya pada akhir hayat 'arah yang betul' (kiblat). Begitu juga, mereka yang menemui 'kiblat' ketika mereka sentiasa sibuk tugas dan kerja, ketika bersama keluarga dan ketika berinteraksi, iaitu berhubungan dengan sesama manusia. Sesiapa yang bertemu 'kiblat' ketika menghayati kandungan *kalimat al-tauhid* semasa beribadat kepada Allah SWT, ia juga akan dimasukkan petunjuk 'kiblat' ketika menghembus nafas terakhirnya.

Yang dimaksud kiblat di sini adalah menjalani hidup sesuai dengan petunjuk al-Qur'an dan sunnah Nabi, yang mana terkandung dan terangkum di dalam kalimat tauhid.

Dan yang terpenting dari itu semua adalah kita harus menjalani hidup ini bertujuan untuk mencari rahsia yang terkandung dalam ayat ke-6 Surah al-Faatihah, yang berbunyi: *"Tunjukilah kami jalan yang lurus."*[9]. Sebaliknya, sesiapa yang melakukan perkara yang lain daripada itu akan mengakibatkan ia memperoleh kerugian yang nyata, sama seperti sebuah kapal yang patah kemudi lalu hilang

9. Jalan yang lurus, iaitu jalan yang benar, yang bisa membuat bahagia d - nia dan akhirat.

arahnya, lantas bergerak dengan terumbang-ambing sehinggalah ia berlanggar dengan batu yang ditempuhinya dan akhirnya tenggelam. *"Ya Allah, lindungilah kami semua daripada segala macam keburukan...!*

Pada realitinya, sesiapa yang menghabiskan usianya dengan hidup mereka dalam kawalan 'mati' dan menghayati prinsip "matilah kamu sebelum kamu dimatikan", mereka itu adalah orang-orang yang mengenali Allah SWT. Oleh itu, mereka menjaga amanah dan berwaspada dengan hari akhirat dan kesedihannya, kerana itu adalah janji Allah SWT. Kematian yang menjadi penghalang untuk melihat alam akhirat, akan bergembira kerana mereka hidup dengan menjaga kepentingan diri dan beroleh kejayaan serta bersedia untuk menghembuskan nafas terakhir melalui keberkatan dan kelebihan kurniaan Allah SWT.

Makrifat yang sebenarnya ialah persediaan dan mengembalikan amanah ini, iaitu amanah roh yang dikurniakan oleh Allah SWT. Mengembalikan roh dalam keadaan bersih, jernih dan suci ketika melalui nafas-nafas terakhir.

Sepertimana yang dinyatakan oleh penyair Turki, Najib Fadhil, katanya:

"pada saat itu, iaitu saat yang dibukakan segala tabir, diturunkan segala penghalang, hanya satu sahaja yang mampu diungkapkan, iaitu ucapan 'selamat datang' kepada malaikat maut."

Pada hakikatnya, nafas-nafas terakhir umpama cermin yang suci bersih, tidak kusam dan tidak bedebu. Setiap manusia akan melihat melalui cermin itu setiap perjalanan usianya, sama ada baik atau buruk, dengan sejelas-jelasnya. Pada saat itu, mata dan telinga tidak terhalang oleh 'tirai kealpaan' atau apa jua bantahan. Sebaliknya, semua tirai atau tabir akan terangkat lantas rungutan akal,

jasad malah pengakuan ketika itu tiada gunanya lagi, dan pastinya akan mengakibatkan kekesalan yang berpanjangan.

Oleh yang demikian, nafas terakhir ibarat cermin yang akan menayangkan padanya kehidupan kita agar kita hidup berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah Nabi. Hal ini kerana, mereka yang mendapat kesenangan yang sebenar ialah mereka mampu mengenali diri mereka sendiri sebelum datangnya ajal.

"Ya Allah, jadikanlah saat nafas terakhir kami berhembus nanti sebagai sebuah jendela yang darinya kami menyaksikan keberhasilan daripada kejayaan dan hidayah kami yang akan kami kecapi nanti, di dalam kehidupan yang abadi..." Amin.

❁

Mengingat Allah dengan memperhatikan ciptaannya... Keutamaan waktu sahur (satupertiga akhir malam)

"Sesungguhnya waktu paling banyak keberkatannya untuk berzikir adalah pada waktu sahur. Allah SWT memberikan nilai tinggi pada waktu sahur melebihi waktu yang lainnya. Menghidupkan waktu ini adalah gambaran daripada luahan rasa cinta dan penghormatan yang ikhlas dari seorang hamba pada tuhannya. Bertasbih dan solat pada malam hari, serta bersimpuh dihadapan-Nya membawa bentuk pertemuan dengan Kekasih Yang Maha Tinggi. Waktu sahur memberikan pengaruh kepada jasad dan roh manusia melalui cahaya dan keberkatan agar keadaan itu berterusan sepanjang hari itu."

MENGINGAT ALLAH DENGAN MEMPERHATIKAN CIPTAANNYA… KEUTAMAANNYA PADA WAKTU SAHUR (sepertiga akhir malam)

Sesungguhnya Allah SWT dengan ketinggian dan kemuliaan namanya "al-Hayyu", telah memberikan kehidupan pada setiap makhluk yang diciptakan-Nya. Mengatakan bahawa setiap makhluk tidak mempunyai roh atau kehidupan adalah suatu dakwaan yang tiada asasnya.

Walaupun pergerakan dan kehidupan hanya kelihatan pada yang hidup seperti tumbuh-tumbuhan, hawian, dan manusia sahaja, namun jika kita melihat dengan 'mata kecintaan' kepada Allah, kita tidak terkejut melihat kehidupan yang amat menarik dan mengkagumkan ini. Kekaguman melihat unsur-unsur atau asas-asas sesuatu yang disangka tiada ruh dan tiada nyawa. Kehairanan ini juga bertambah-tambah dan berterusan apabila kita melihatnya daripada sekecil-kecil makhluk hinggalah sebesar-besar alam semesta.

Allah SWT telah memperkenal zat-Nya kepada semua makhluk, baik yang hidup atau yang mati ciptaan-Nya. Dia memerintahkan semua makhluk-Nya supaya sentiasa berdzikir kepada-Nya. Oleh kerana itu setiap makhluk mengenal tuhannya sesuai dengan masing-masing fitrah (potensi keimanan) yang dimiiki. Dan mereka selalu berdzikir dan bertasbih pada Allah SWT

Pada waktu yang sama, batu-batan, tumbuh-tumbuhan, dan haiwan juga mengenali Nabi Muhammad SAW dan Nabi-Nabi yang lain. Perkara itu dilihat berterusan pada mukjizat-mukjizat para

Nabi. Mereka mengembalikan nyawa –dengan izin Allah SWT- kepada makhluk-makhluk yang mati seperti batu yang dapat berpindah, begitu juga tongkat serta dan sebagainya daripada makhluk-makhluk Tuhan.

Dengan yang demikian, batu yang berada di tangan Abu Jahal telah berkata-kata sebagai bukti mukjizat daripada Rasulullah SAW. Batu itu meyakinkan Abu Jahal bahawa dakwah dan amanah yang disampaikan oleh Rasulullah adalah benar. Manakala tongkat di tangan Nabi Musa bertukar menjadi ular yang bergerak dengan izin Allah SWt bagi menakutkan Fir'aun.

Laut merah yang terbelah dengan izin Allah SWT telah menjadi jalan bagi Nabi Musa as dan Bani Israel. Pada saat Fir'aun dan pasukannya mengikuti Nabi Musa as., laut ini memberi tahu Nabi Musa as. tentang kedatangan Fir'aun, lalu laut itu memusnahkan Fir'aun bersama-sama pengikutnya. Pelepah kurma yang berada di Masjid Nabawi merintih dan menangis sedih kerana berpisah dengan Nabi Muhammad SAW. Apatah lagi haiwan-haiwan yang mengadu kepada cahaya abadi Nabi Muhammad SAW atas perlakuan kasar pemiliknya. Dalam hal ini, Syekh Jalaluddin al-Rumy mengungkapkan ketaatan benda-benda mati kepada Allah SWT, katanya:

"Apa kau tidak melihat awan, matahari, bulan, dan bintang-bintang bergerak sesuai dengan peraturan tertentu. Bintang-bintang yang tak terhitung banyaknya, bersinar dan terbit tepat pada masanya, malahan tidak berlaku sebarang pertindihan antara waktu bersinar dan redupnya".

Bagaimana terjadinya mukjizat-mukjizat ini kepada para Nabi? Kita tidak tahu dan kita juga tidak mampu untuk memahaminya. Mereka menjadikan batu dan tongkat sebagai sesuatu yang berakal. Kita analogikan batu dan tongkat tersebut dengan benda-benda mati

lainnya seperti apa yang telah mereka (para Nabi) lakukan dengan batu dan tongkat.

Sesungguhnya ketaatan sepotong batu kepada Baginda Nabi Muhammad SAW, sepertimana kepatuhan tongkat pada Nabi Musa as. mengingatkan kita bahawa makhluk yang kita sangka mati sebaliknya ia tunduk pada perintah Allah SWT

Benda-benda ini berkata: “Kami mengetahui Allah SWT dan kami taat kepada-Nya. Kami bukanlah suatu benda hina yang diciptakan sebagai benda yang tidak berguna. Namun, kami seperti laut merah yang mengetahui Fir’aun dan menenggelamkannya. Dan membezakan antara kaum Bani Israil dan taat dan sebaliknya, lalu kami menyelamatkan mereka.”

Mana-mana batu dan pokok, apabila melihat Baginda Nabi Muhammad Saw memberi salam dengan jelas dan dapat didengar. Itulah yang dikatakan mukjizat. Maka ketahuilah!, segala sesuatu yang kamu kira mati, pada hakikatnya hidup sepertimu dan terdapat roh dalam dirinya.

Sesungguhnya semua makhuk, bukan hanya manusia dan jin sahaja, tapi juga haiwan hatta batu-batan mengetahui rahsia ketuhanan dan kebanggaan alam semesta, iaitu Baginda Nabi Muhammad SAW. Semuanya diciptakan kerana Baginda Nabi Muhammad SAW, selalu taat kepadanya dengan rasa cinta tanpa ikatan dan syarat untuk selama-lamanya. Akan tetapi, rahsia ini ditutup dengan tirai rahsia didepan mata manusia supaya menjadi cubaan dan dugaan di atas dunia ini, kadang-kadang ia juga sebagai penghalang dalam menilai kebenaran perkara tersebut. Sepertimana yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW sebagai pengajaran dan peringatan kepada manusia, sabdanya:

"Setiap makhluk di antara langit dan bumi mengetahui bahawa sesungguhnya aku adalah utusan Allah SWT kecuali jin dan manusia yang maksiat". (HR. Al Darimy, al muqaddimah, 4, Ahmad bin Hanbal, Al Musnad, Juz. 3, hal. 310).

Hadith ini juga menjelaskan bahawa mengenal Allah SWT dan Rasul-Nya serta ketaatan kepada kedua-duanya tidak hanya terbatas pada manusia sahaja. Sebaliknya kita dapat mengatakan bahawa keimanan ini terdapat dalam setiap makhluk dengan lazimnya fitrah (potensi keimanan) masing-masing. Ayat berikut ini menjelaskan fakta dari fenomena ini. Allah SWT berfirman:

"Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu. (QS. Al Anbiya': 79).

Dalam ayat di atas, Allah SWT mengingatkan orang yang lalai bahawa segala sesuatu didunia ini mengenali-Nya dan berzikir kepada-Nya dengan lisan yang tidak mampu difahami dan difikirkan oleh kita. Jika kita mampu mendengar zikir setiap makhluk, terdoronglah hati kita untuk beribadah, berzikir, dan menjalani kehidupan selayaknya sebagai seorang hamba. Sehingga akan membuatkan hati menjadi suci bersih. Seterusnya, kita mampu menghilangkan benteng kelalaian pada diri kita dan berada pada landasan yang sebenar (kebenaran dalam hidup). Dalam hal ini, penyair Turki Yunus Amrah menceritakan tentang sekuntum bunga berwarna kuning yang menyerupai situasi di atas.

Kisah tersebut datangnya dari Syeikh Aziz Mahmud Hada'i yang mengambarkan bahawa alam tumbuhan sentiasa sibuk dengan mengingati (berzikir) Allah SWT, ceritanya:

“Suatu hari, Sayyid Uftadah keluar bersama murid-muridnya untuk bersiar-siar di sebuah perkampungan yang indah. Atas permintaannya, semua muridnya meninjau-ninjau ke merata tempat yang indah di sahara, dan setiap murid membawa sekuntum bunga indah pada guru mereka. Namun Syeikh Aziz Afandi hanya dapat membawa bunga layu yang terputus dari dahannya. Setelah setiap orang daripada mereka dengan bangganya mempersembahkan bunga yang dipilih kepada guru mereka, tibalah giliran Syeikh Aziz Mahmud Afandi menghadap dengan menundukkan kepala kerana hanya membawa bunga yang layu kepada gurunya. Akhirnya Syeikh Uftadah bertanya kepadanya: “Anakku, Mahmud!. Teman-temanmu membawa sekuntum bunga hijau segar. Kenapa kamu hanya membawa bunga layu kering yang terjatuh dari rantingnya?.

Mahmud menundukkan kepala ke arah gurunya dengan penuh adab dan berkata: “Tuanku, bagaimanapun apa yang aku persembahkan ini hanyalah sedikit. Akan tetapi, ketika aku hendak memetik bunga, aku dapati semuanya sedang berzikir dan melafazkan kalimah ‘Allah.. Allah…’. Aku tidak sampai hati untuk menghentikan zikir bunga itu. Apabila aku tidak dapat mencari helah atas kegagalanku menyebabkan aku terpaksa membawa bunga itu, iaitu bunga yang tidak mampu untuk meneruskan ucapan zikirnya lagi”.

Berkata Syeikh Jalaluddin al-Rumy mengatakan: “Sesungguhnya raja para burung adalah burung bangau. Adakah engkau tahu maksud daripada suaranya; *Lak….lak*?. Sesungguhnya burung itu berkata: Segala puji *laka* (bagimu), segala syukur *laka* (bagimu), kerajaan *laka* (bagimu), wahai Tuhan Yang Memberi Pertolongan.”

Sedangkan Syeikh Muhyiddin bin ‘Araby dalam hal ini mengatakan: “ Semua makhluk berzikir pada Allah SWT dengan cara masing-masing. Namun begitu, mereka berzikir dalam tahap yang berbeza-beza. Makhluk paling jauh dari kelalaian ialah *jamadaat*

(benda-benda keras seperti besi, batu, bukit dan sebagainya) kerana ia tidak memerlukan makanan, minuman, dan udara. Selepas *jamadat* ialah tumbuh-tumbuhan kerana ia memerlukan yang lainnya dalam perkembangannya. Contohnya bunga, ia mengambil makanannya dari tanah, air, dan cahaya matahari. Semua itu bercampur mengikut ketentuan Ilahi, sehingga muncul daripada keadaannya itu bunga-bungan, daun-daun, dan buah-buahan yang berbeza bentuk dan warnanya. Terakhirnya, iaitu selepas buah-buahan, ialah haiwan kerana haiwan memerlukan lebih banyak unsur-unsur lain dalam kehidupannya malah lebih banyak daripada tumbuh-tumbuhan. Oleh yang demikian, banyaklah keperluannya dan bertambahlah juga keinginannnya jika dibandingkan dengan tumbuhan. Oleh kerana itu, haiwan lebih banyak keperluan. Namun demikian, keperluan manusia kita tidak dapat ketahui, adakah telah tertunai dan berakhir?. Sikap ego, prasangka, dan keinginan-keinginannya terhadap dunia sering mengheretnya ke lembah kealpaan dan kelalaian. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

"Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah? Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya; Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendakiNya, Ia menyusun kejadianmu. ." (QS. Al Infitar: 6-8)

Kebarangkalian segala bentuk rahsia untuk bertemu dengan hikmah (sesuatu yang tersirat) dalam sifat alam semula jadi dapat diselami melalui pandangan hati sahaja. Seorang mukmin yang melihat langit dan bumi dengan mata hati, dia akan memilih untuk memenuhi hatinya dengan perasaan yang berbeza sama sekali (dari pandangan mata kasar kepada langit dan bumi).

Kemungkinan untuk mengetahui tabir rahsia dan hikmah alam semesta secara semestinya hanya dapat ditempuh dengan menyelam di alam hati. Setiap mukmin yang melihat langit dan bumi dengan mata hati, maka ia telah memenuhi hatinya dengan kepekaan yang sempurna.

al-Qur'an telah menjelaskan bahawa setiap makhluk yang ada di alam semesta, baik yang terkecil atau terbesar, semuanya berzikir dan bertasbih kepada Pencipta, Allah SWT. Al-Qur'an menjelaskan bahawa bahawa langit, bumi, gunung, pokok-pokok, matahari, bulan, bintang, mata petir, haiwan, bebatuan, dan bahkan bayangan yang terdapat pada bumi, semuanya sujud pada Allah SWT, tak kira pagi dan petang. Allah berfirman:

Hanya kepada Allah-lah bersujud (patuh) segala apa yang di langit dan di bumi, dengan rela ataupun dengan terpaksa. Demikian juga, bayang-bayang mereka ketika pagi dan ketika petang. (QS. Al Ra'd: 15).

Dan firman Allah SWT lagi:

Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedang mereka merendah diri?. (QS. Al Nahl: 48)

Ayat-ayat di atas menunjukkan kepada kita gambaran yang hebat dan sungguh tinggi. Gambaran sujud dalam ayat di atas adalah menunjukan dua pelaksanaan sujud yang seiring. Dua sujud yang dimaksudkan ialah, pertamanya sujud benda yang wujud itu sendiri dan keduanya, sujud bayang-bayang daripada benda yang wujud itu pada suatu masa. Setiap yang terdapat dalam alam semesta ini melaksanakan sujud kerana beribadat kepada Allah SWT. Ia te-

lah melaksanakan tugas dan peranan masing-masing kepada Allah SWT. Setiap makhluk di alam semesta ini berada dalam kepatuhan, dan setiap yang wujud akan patuh dan berserah kepada kehenak Allah SWT secara semulajadi termasuklah yang mungkar dan yang lalai. Jauhilah dan waspadalah agar hati mereka yang lalai dan alpa berada pada tahap kealpaan yang melampau batas dalam melakukan setiap kemungkaran dan dosa.

Orang yang lalai yang menjadikan tuhan yang lain selain Allah SWT, tidak akan mengetahui bahawa benda wujud termasuklah bayang-bayang sesuatu yang disembah (oleh mereka yang lalai) menyembah Allah SWT, iaitu Tuhan yang mereka ingkari pada asalnya. Mereka itu sebenarnya berada dalam kerugian dan tertipu oleh diri sendiri kerana mengingkari peraturan yang ditetapkan oleh Allah kepada semua makhluk-Nya.

Sekali lagi, ayat-ayat di atas menggambarkan kepada kita segala sesuatu dan bayangannya, makhluk hidup dan malaikat, semuanya melaksanakan tugasnya dalam beribadah pada Allah SWT dengan penuh khusyuk dan penghambaan. Maka, betapa celakanya orang yang lari daripada beribadat kepada Allah SWT serta melanggar arahan-Nya. Ayat-ayat al-Qur'an al-Karim dan makhluk semuanya menempelak mereka yang lalai serta mempermainkan perintah Allah SWT.

Hakikatnya, apabila kita melihat (dengan pandangan yang penuh pengertian) kepada keadaan sekeliling kita, maka kita akan dapati keserasian langit yang terbentang di atas muka bumi, serta tunduknya gunung-ganang ketika bersujud kepada Allah SWT, yang bukan dalam keadaan biasa sujudnya. Begitu juga bayangan pohon kayu, bunga-bunga, rumput-rampai, haiwan, dan manusia di atas bumi dari kanan ke kiri merupakan sebaik-baik perlakuan sujud yang berkesan. Bumi pula seolah-olah tempat sujud bagi se-

mua bayang-bayang benda yang wujud manakala kejadian hujan umpama tangisan langit. Pada masa yang sama, guruh yang muncul setelah petir menyambar merupakan permohonan doa dan rintihan suci dari perut langit.

Sesungguhnya keadaan makhluk-makhluk di atas muka bumi ataupun yang di langit merupakan bukti yang paling kukuh dan kuat bagi manusia yang mempunyai jiwa yang baik dan sejahtera. Segala rintihan, dan doa makhluk terkecil seperti serangga yang hatinya hanya sebesar hujung jarum, sehinggalah kepada gauman binatang buas dan ganas, semuanya merupakan gambaran jelas tentang limpahan kekuasaan Allah SWT.

Intonasi kesedihan yang terlantun dari hati burung bulbul, kata *huwa*[10], *huwa* yang keluar dari suara burung tekukur, dan kata *lak*[11], *lak* yang muncul dari burung bangau merupakan ungkapan tasbih dan perasaan yang terbit dari lubuk hati sangat merindui Allah SWT..

Allah SWT berfirman:

"Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkanNya." (QS. Al Hajj: 18).

---

10. *Huwa* dalam bahasa arab bererti ia.
11. *Lak* dalam bahasa arab bererti bagimu.

Semua yang ada di muka bumi termasuklah *jamadat* (benda-benda keras) digambarkan berada dalam keadaan bertasbih pada Allah SWT. Sayangnya, terdapat sebahagian manusia akan menerima azab dan sentiasa dalam kerugian kerana mereka itu kekal dalam lalai dan alpa dari bertasbih dan mengingati Allah SWT.

Sesungguhnya semua makhluk mulai dari yang terkecil hingga sebesar bintang galaxy mengetahui penciptanya. Bahkan burung juga untuk beribadah dan memanjatkan doa pada tuhannya. Gunung, aliran sungai selalu berzikir dan bertasbih pada Allah SWT. Jika begitulah keadaanya, kenapa manusia masih tidak menyedari atau memberi perhatian kepada perintah Allah SWT untuk berzikir dan beribadah?. Kenapa manusia tidak mengambil pengajaran dan nasihat daripada apa yang terjadi di alam semesta ini. Sesungguh mereka itu adalah golongan yang sangat rugi dan bentuknya pula sangatlah besar. Kerugian ini akan menimpa mereka yang tidak mampu mengecapi nilai kemanusiaan dalam diri, bahkan kekal dengan kebodohan dan kesombonganya terhadap Allah SWT, iaitu sentiasa menjauhkan diri daripada mengingati-Nya.

Salah satu hal yang tidak dapat diragukan adalah jalan menuju ketenangan hati disisi Allah SWT hanya dengan mengingatnya. Orang mukmin yang peka mata hatinya, dimanapun ia berada akan selalu berzikir dan bertasbih pada Allah SWT. Apa yang kita akan perolehi di akhirat kelak adalah setimpal dengan usaha yang kita lakukan di dunia ini.

Sesungguhnya hidup tanpa lupa kepada Allah SWT merupakan jalan kehidupan melalui hati dan perasaan yang suci. Juga merupakan ikatan antara hamba dan tuhannya, serta jalan untuk memperoleh keadaan mati dengan iman. Hal ini kerana umur yang dipenuhi dengan kealpaan kepada Tuhannya umpama debu yang berterbangan di tempat yang tidak diketahui. Mereka tidak akan sedar atau bangkit

dari kealpaan ini melainkan dengan kematian. Namun penyesalan pada waktu itu tidak ada gunanya lagi, kerana ia telah meletakkan dirinya dalam keadaan kerugian yang amat jelas. Allah SWT berfirman:

"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang fasik - derhaka. " (QS. Al Hasyr: 19).

Diriwayatkan dari Abdillah bin Busr ra., bahawa seseorang berkata kepada Rasulullah: Wahai rasulullah, sesungguhnya syari'at Islam begitu banyak bagiku. Maka ceritakanlah padaku suatu amalan yang dapat aku berpegang teguh dengannya. Baginda SAW bersabda: Jadikanlah lidahmu selalu basah dengan berzikir pada Allah SWT (HR. Tirmidzi, al da'awat, 4. Ibnu Majah, al Adab, 53).

Oleh itu, mengingati Allah SWT bukan sekadar mengulang lafaz Allah semata-mata, namun apabila zikir ditempatkan dalam hati, iaitu tempat persediaan khas, ia berfungsi menerima niat dan amal-amal ke suatu tahap yang ditetapkan. Dan zikir dengan cara ini memperlihatkan ikatan janji hamba yang telah diakui bersama Tuhannya ketika Allah SWT bertanyakan mereka melalui firman-Nya: *"Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (QS. Al A'raf: 172).* Sebenarnya hamba-hamba Allah tidak melupakan-Nya selama-lamanya.

Jawapan mereka kepada Allah SWT menguatkan lagi bukti bahawa manusia dibekalkan dengan keimanan pada-Nya. Disebabkan manusia sering kali lalai akan hakikat ini, maka Allah SWT memberi banyak peringatan kepada mereka (sebagai hamba Allah) tentang kepentingan perkara ini. Malahan, Allah SWT ketika mengutus Nabi Musa as. dan Nabi Harun as. kepada Fir'aun, Dia juga memer-

intahkan mereka berdua agar sentiasa mengingati-Nya (zikir). Allah berfirman:

Pergilah, engkau dan saudaramu, membawa mukjizat-mukjizat pengurniaanKu dan janganlah kamu berdua lemah dan cuai dalam menyebut serta mengingati Daku. . (QS. Taha: 42).

Allah SWT tidak mengecualikan kedua-duanya (Nabi Musa dan Nabi Harun) daripada amaran tersebut, kemungkinan Allah SWT memberi peringatan tersebut sebagai satu bentuk pengajaran dan teladan kepada kita semua.

Sesungguhnya jalan yang menjadikan hati seseorang mukmin itu terhindar dari benteng kelalaian dan mendapatkan ridha Allah SWT ialah sentiasa berzikir kepada-Nya. Zikir tersebut bukan hanya dilakukan untuk tempoh tertentu atau musim tertentu sahaja, bahkan sepanjang usia. Mengingati Allah munginkan juga dapat dirasakan dalam diri melalui apabila seseorang itu menarik dan menghembuskan nafasnya. Hal ini kerana pada peringakat inilah kesedaran dan perhatian sebenar kepada Allah SWT dapat direalisasikan. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang maksudnya:

Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka. (QS. Al Hadid: 16)

Ayat ini turun untuk memberi peringatan kepada sebahagian daripada sahabat yang hidup ditindas dan tertekan semasa di Mekah. Namun begitu, selepas peristiwa hijrah, mereka merasa mewah dan

tenang kerana dikelilingi oleh nikmat dan rezeki yang melimpah ruah semasa berada di Madinah.

Dalam konteks ini, kita perlulah memasukkan 'ruh' kasih dan cinta kekal yang tiada penghunjungnya kepada Allah SWT. Oleh itu, kita sewajarnya bersungguh-sungguh untuk mencapai tahap cinta sebenar (rohani dan manawi) yang tidak mampu digoncang oleh ketamakan kepada dunia dan kesenangan yang tidak kekal.

Justeru, sesorang kekasih akan sentiasa membawa cintanya di dalam hati, malah tidak akan pernah luput ingatanya walaupun sesaat. Manakala hati yang tiada perasaan cinta umpama tanah gersang. Mengenalinya akan menjadikan kita cinta kepadanya. Hal ini kerana sebab adanya cinta ialah wujudnya perasaan kasih dan cinta. Maka, Allah SWT ingin dikenali dan diketahui disebabkan perasaan kasih dan cinta kepada semesta, iaitu Tuhan pencipta alam ini.

Keagungan perasaan cinta dan kasih (kepada Allah) dianalogikan dengan pengorbanan besar yang dipersembahkan kepada seseorang yang dicintai. Oleh itu, bangun pada malam hari, berjaga pada waktu sahur dan berserah kepada Allah SWT adalah salah sebenar-benar contoh dan sebaik-baik cara untuk membuktikan kesempurnaan tersebut. Begitu juga, pentingnya seseorang yang beriman sentiasa berterusan mengingati Allah SWT, dan waktu yang paling banyak keberkatannya bagi meningati-Nya ialah pada waktu sahur.

Allah SWT memberikan ganjaran yang besar dan amat tinggi kepada orang yang berzikir pada waktu sahur (selepas tengah malam) berbanding dengan waktu lain. Kerana kesibukan berzikir dan beribadah pada waktu begini sangat besar cabarannya jika dibandingkan dengan waktu-maktu lain. Oleh yang demikian, menghidupkan waktu ini adalah gambaran kepada keikhlasan cinta dan penghormatan kepada Allah SWT yang diterjemahkan oleh seorang hamba terhadap Tuhannya.

Allah SWT telah menyanjung orang-orang yang beruntung ini dalam firman-Nya:

Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman Syurga, dengan matair-matair terpancar padanya. (Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang-orang yang berbuat kebaikan. Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: masa dari waktu malam, untuk mereka tidur. Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun). . (QS. Al Dzariyat: 15-18).

Dalam ayat lain Allah berfirman:

Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mengerjakan sembahyang), Dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang-orang yang sujud. (QS. Al Syuara': 218-219).

Setelah turunnya ayat-ayat ini, Rasulullah SAW keluar berjalan-jalan (pada waktu malam) mengelilingi rumah-rumah para sahabah, dan didapati setiap rumah dipenuhi dengan aktiviti membaca al-Qur'an, berzikir dan bertasbih.

Demikianlah, ukuran tahap kerinduan dalam hati dan kecintaan yang amat kuat kepada Allah SWT, ialah berdasarkan keinginan dan kemahuan mengerjakan solat malam, solat tahajjud, dan bertasbih. Dalam pada itu, solat tahajjud dan bertasbih kepada-Nya seolah-olah bermanja dengan Kekasih Yang Agung untuk memohon dan berinteraksi dengan-Nya. Allah SWT berfirman:

Dan (dengan apa keadaan pun maka) pada sebahagian dari waktu malam sujudlah kepada Tuhan (dengan mengerjakan sembahyang), dan (seboleh-bolehnya) bertasbihlah memujiNya (dengan mengerjakan sembahyang Tahajjud), pada sebahagian yang

panjang dari waktu malam. Sesungguhnya orang-orang (yang menentangmu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya, serta mereka membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya kepada orang-orang yang tidak bertaqwa) (QS. Al Insan: 26-27).

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman:

Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaanNya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaanNya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka. (QS. Al Sajdah: 16).

Pada hakikatnya, waktu malam bagi seorang mukmin adalah waktu mereka mencari erti kesempurnaan disebabkan ketenangan dan cahaya yang ada padanya, ibarat harta yang tak ternilai.. Bagi mereka yang mengetahui betapa tingginya ‘nilai harta’, mereka akan memperolehinya selepas pertengahan malam terutamanya ketika dunia menjadi sunyi dan sepi. Pada saat itu, mereka akan menyediakan jiwa mereka untuk bermunajat kepada Allah SWT agar diterima segala doa dan ibadat serta merendah diri kepada Allah SWT.

Pada siang hari, manusia bekerja untuk mencari rezeki bagi kegunaan jasmaninya. Malam hari pula merupakan waktu untuk memenuhi keperluan rohani bagi meraka. Ini kerana malam hari merupakan saat-saat hati diterangi dengan mencari cahaya ilahi.

Diceritakan bahawa beberapa orang murid bertanya pada seorang wali tentang permasalahan yang mereka tidak difahami hikmah disebaliknya. Mereka berkata: “Wahai Guru, dan Tuan kami!,

apabila kami menyaksikan keadaan sekeliling kami, kami dapati anjing tidak disembelih untuk diambil manfaat daripada dagingnya seperti haiwan yang lain. Anjing dibiarkan untuk mencari makan dan akan mati apabila tiba masanya. Anjing juga mempunyai kelebihan –seperti bintang-binatang yang lain- iaitu mempu melahirkan banyak anak daripada perut yang satu. Akan tetapi, manusia menyembelih kambing untuk dijadikan ibadat dan dimakan dagingnya. Sebaliknya kambing, pada kebiasaannya tidak boleh membawa janin lebih daripada satu dalam perutnya yang satu itu. Biarpun begitu, bilangan kambing tidak berkurang malahan bertambah. Sungguh menghairankan, apa hikmah di sebalik keberkatan yang ada pada kambing-kambing ini?!

Setelah Si wali mendengar cerita mereka, dia tersenyum, lantas memberi jawapan yang penuh dengan bijaksana kepada mereka, katanya: “Pengajaran daripada peristiwa yang berlaku telah membuktikan kepada kita bahawa binatang-binatang telah memberikan isyarat yang jelas tentang keberkatan pada waktu sahur. Hal ini kerana waktu sahur adalah waktu yang penuh kebertahan, rahmat dan cahaya berterusan turun seperti tempat laluan air. Manakala anjing, kekal mengonggong sepanjang malam dan apabila tiba waktu sahur, ia akan berbaring untuk tidur. Sedangkan kambing, ia terbangun di waktu sahur. Oleh kerana itu, kambing mendapatkan limpahan (umpama curahan hujan) daripada keberkatan pada waktu sahur”.

Diriwayatkan dari Ibnu Abbas aa. Dia berkata: *Aku kagum dengan seekor anjing dan kambing. Kambing disembelih dalam setahun dengan jumlah sekian, dan sekian. Dijadikan hadiah sekian dan sekian. Kambing lebih banyak jumlahnya dibanding anjing. Padahal anjing perutnya bisa melahirkan janin sekian dan sekian. (Al-Bukhari, al-Adab al-Mufrad, 575).*

Sepertimana yang kita ketahui, seseorang yang tidur pada waktu sahur dan mengabaikannya, dia sentiasa dihalang daripada mendapat keberkatan pada waktu itu. Keberkatan seumpama turunnya hujan pada bulan April, iaitu hujan turun lebat di atas padang pasir, lautan, dan batu-batan akan menghanyutkan segala debu-debu yang ada.

Ya Allah, jangan jadikan kami orang-orang yang lalai dari mengingati-Mu walaupun sekelip mata. Terangilah hati dan malam-malam kami dengan keberkatan berzikir kepada-Mu. Hidupkanlah hati kami dengan keberkatan cahaya yang memancar pada waktu sahur. Jadikanlah kami sebahagian daripada orang-orang yang mengecapi hakikat kebenaran dalam berzikir. Tunjukkanlah orang-orang yang tidak memahami keagungan dan kekuasaan-Mu. Ya Allah!, dengan keberkatan orang-orang yang berzikir kepada-Mu pada waktu sahur, lindungilah Negara kami dan umat kami dari kecelakaan. Amin.

Al-Quran Dan Pemikiran (I)

"Ketika langit dengan bintang-bintangnya akan kekal bersinar sampai hari kiamat sebagai bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT. Demikianlah juga al-Qur'an, dengan cahaya ayat-ayatnya akan menjadi cahaya petunjuk masa depan, umpama langit yang mencerminkan masa depan manusia dan pancaran terbaik nilai-nilai kemanusiaan serta kekal hingga ke hari kiamat. Dalam konteks ini, kebanyakan manusia yang mendapat kebahagiaan dan kebaikan di dunia adalah mereka yang berkumpul dibawah naungan al-Qur'an, dan berjalan dengan cahaya kehidupan yang terpancar dari al-Qur'an."

AL-QUR’AN DAN PEMIKIRAN (I)

Sifat-sifat ketuhanan Allah SWT terpancar pada alam semesta ini dengan bentuk yang sangat sempurna tersingkap dalam tiga elemen: manusia, al-Qur’an, dan alam semesta.

Manusia berperanan untuk membentuk keindahan alam dan asas kewujudan di dunia untuk mengambil bahagian bagi mengetahui dan memahami nama-nama Allah SWT. Seterusnya, nama-nama Allah SWT tersurat dalam bentuk kata-kata iaitu al-Qur’an. Al-Qur’an lebih terperinci dibandingkan dengan manusia. Namun begitu, disebabkan kewujudan kedua-duanya dalam alam ini, maka muncullah suatu ungkapan “al-Qur’an dan manusia adalah saudara kembar.”

Sementara itu, alam semesta yang menjadi elemen ketiga untuk memahami dan mengetahui nama-nama Allah SWT merupakan sebahagian pentafsiran kepada al-Qur’an al-Karim. Alam semesta merupakan al-Qur’an yang tidak berkata-kata, manakala al-Qur’an sebahagian daripada kesempurnaan sifat Allah. Manusia melalui peranannya sebagai pengasas dalam kehidupan memiliki kekuasaan untuk mengetahui dan memahami Allah SWT. Dengan demikian, manusia, al-Qur’an dan alam semesta mempunyai ikatan erat dalam mentauhidkan Allah SWT.

Langit dengan bintang-bintangnya akan selalu bersinar sampai hari kiamat sebagai bukti kemampuan, kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT. Maka demikian halnya dengan al-Qur’an yang akan bercahaya dengan cahaya ayat-ayatnya sama seperti langit yang

akan menjadi cahaya petunjuk masa depan, dan kehidupan manusia hingga hari kiamat. Sesungguhnya manusia yang mendapat kebahagiaan dan kebaikan di dunia adalah mereka yang berada dibawah naungan al-Qur'an, dan berjalan dengan cahaya kehidupan yang terpancar dari dalam al-Qur'an.

Segala rahsia, hikmah, dan hakikat yang tersembunyi dalam al-Qur'an, dan setiap kebahagian akan terpancar melalui iman, dan juga alam semesta yang terbentang luas ini tanpa sempadan menjelaskan bahawa apabila Allah SWT menghendaki sesuatu, maka Dia mampu untuk menjadikan laut samudera dalam atom ataupun sebaliknya.

Berasaskan kebenaran itu, Jalaluddin al-Rumy ra. mengatakan:

"Suatu hari, muncul difikiranku bahawa wajib bagiku untuk mengetahui cahaya Allah SWT dalam manusia. Seakan-akan aku menginginkan untuk melihat lautan dalam beberapa titis air, dan melihat matahari dalam atom".

Hakikat yang ingin disarankan dari penerangan di atas, iaitu saranan yang mengungkapkan keinginan manusia untuk sampai pada hakikat kebenaran dan memahami secara mendalam hakikat tersebut, iaitu berfikir. Memahami dan menilai kewujudan alam semesta dan isi kandungannya bagi mencari kebenaran setiap ciptaan Allah SWT. Justeru, berfikir merupakan satu-satunya cara terbaik untuk mengetahui hakikat kebenaran, iaitu berfikir dengan penuh penelitian dan pengamatan serta memberi perhatian sewajarnya terhadap kebenaran itu.

Tujuan mengkaji dan memikirkan dengan mata hati tentang kejadian alam semesta dan isi kandungannya adalah untuk menzahirkan kelebihan dan kekuasaan ciptaan Allah SWT. Salah satu

hikmah disebalik pengkajian itu ialah dunia sebagai medan ujian keimanan kepada manusia. Sementara itu, manusia terdapat dalam dirinya hawa nafsu dan hal-hal yang negatif, mereka akan sentiasa dalam kerugian apabila jauh dari reda Allah SWT. Mereka juga akan selalu rugi jika tidak memanfaatkan 'modal', iaitu kelebihan mereka sebaik mungkin untuk kehidupan yang kekal dikemudian hari.

Manusia harus mempersiapkan kehidupan masa depan (setelah kematian) dengan hidup secara mulia di dunia ini. Kehidupan mulia di dunia ini, diperoleh dengan cara menghambakan diri pada Allah SWT dan berfikir dalam ruang lingkup wahyu Ilahi (al-Qur'an) dan juga yang ada hubungkait dengan kebenaran al-Qur'an. Hal ini kerana kematian pasti akan menjelma dalam hidup seseorang tanpa terkecuali, dan kematian merupakan masa depan yang paling berat dan susah. Sesungguhnya berfikir untuk mendapatkan kebahagian setelah kematian merupakan tujuan utama setiap manusia.

Oleh yang demikian, manusia sangat memerlukan petunjuk al-Qur'an sahaja untuk tujuan mengetahui dan memahami segala yang berkaitan dengan alam semesta. Al-Qur'an akan menunjukkan cara berfikir yang betul dan mengkaji dengan cara yang tepat bagi mencari rahsia-rahsia ataupun hikmah ilahi yang tersimpan di dalamnya.

Pemikiran manusia tanpa panduan al-Qu'ran tidak akan dapat mencapai matlamat sebenarnya, walaupun manusia mampu menggunakan akal fikiran, mampu mencapai segala sesuatu (dengan akal), dan boleh menunjukkan kehebatannya. Hal ini menyebabkan Allah SWT mengutus para Nabi kepada mereka sebagai pembantu kepada hamba-hamba-Nya, dan menurunkan kitab-kitab dari langit. Hakikatnya, manusia memerlukan petunjuk Allah SWT untuk menggunakan akal fikiran mereka dengan cara yang betul. Bayangkan, jika tiada al-Qur'an, apakah mungkin manusia dapat memaha-

mi sifat Allah SWT dengan benar seperti *al-Ahadiyyah (yang Maha Esa)*, dan *al-Somadiyyah (tempat meminta segala sesuatu)* ?.

Kesimpulannya, al-Qur'an memberi modal *fitrah* (bekal keimanan) kepada manusia dengan sebaik-baiknya melalui pelbagai peringatan dan petunjuk yang tidak terhad. Hal ini bertujuan agar manusia dapat 'meneguk' lautan kebenaran yang merupakan hasil dari suatu pemikiran dan penkajian manusia.

Jika al-Qur'an tidak membuka pintu berfikir bagi kita, maka kita akan kekal terhalang dari menemui lebih banyak kebenaran dan hikmah serta rahsia yang terdapat dalam alam semesta ini.

Dari sini kita harus mendorong diri kita untuk memahami intipati al-Qur'an yang tiada sempadan dan tiada ternoktah. Pemahaman itu hendaklah berasaskan ketetapan dan acuan yang dibenarkan kerana al-Quran menjelaskan bahawa manusia tidak mampu sampai kekemuncak pemikiran tentang alam ini. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata." *(QS. Al An'am: 59).*

Jelaslah bahawa bahawa al-Qur'an mengajarkan kepada manusia cara berfikir dalam setiap perkara dan juga peringatan-peringatan yang tidak terhitung banyaknya. Dan ianya mestilah difahami dengan tepat hakikat kemampuan akal manusia, walaupun melibatkan masalah yang sangat kecil. Hal ini kerana kita dibekalkan dengan

akal yang hanya saiznya sebesar tapak tangan, sedangkan kebenaran yang dicari pula mungkin saiznya sebesar gunung Qaf.[12]

Oleh kerana itu, kita harus sentiasa meletakkan akal kita di bawah naungan wahyu, serta dihiasi dengan perasaan tunduk kepada wahyu Allah SWT.

Dalam pada itu, majoriti ahli tafsir al-Qur'an setelah menjelaskan maksud dari ayat-ayat al-Qur'an mereka mengatakan: *"Allah SWT Maha tahu atas apa yang Dia kehendaki."* Hal ini kerana yang maha tahu makna dari al-Qur'an secara tepatnya hanya Allah SWT.

Walaupun pada dasarnya terdapat perbezaan dari bentuk, kuantiti, tanpa sempadan dan tanpa had antara air yang terdapat di laut dengan air yang ada dalam gelas, namun ianya tiada beza, kedua-duanya adalah air. Akan tetapi, perbezaannya adalah dari aspek perasaan takut atau tidak terhadap air itu, kerana air di laut sangat besar dan banyak dibandingkan dengan air dalam gelas.

Dalam pada itu, apabila ada orang yang buta sejak lahir, kemudian dia dapat melihat. Warna pertama kali yang dia lihat, akan memberikan kesan yang sangat besar pada hatinya. Akan tetapi, terdapat perbezaan yang sangat besar antara hakikat warna dan apa yang ada dalam hati orang ini. Dan perbezaan ini tidak mungkin untuk dianalogikan dengan yang lainnya.

Oleh yang demikian, kita seharusnya menidakkan dakwaan bahawa makna yang dimaksud oleh pancaindera kita adalah makna yang tepat dan sesuai kepada perkataan-perkataan yang terkandung dalam al-Qur'an. Secara ringkasnya, segala kemampuan yang kita miliki untuk memahami makna al-Qur'an menunjukkan ket-

12. Qaf dalam nama gunung dalam legenda. Dikisahkan bahawa Qaf merapakan gunung yang sangat besar, iaitu gunung yang mengelilingi dunia dengan penghuni para jin dan peri.

erbatasan akal kita dalam berfikir dan mencari maknanya. Jelaslah kepada kita bahawa usaha untuk mencari petunjuk hati melalui peringatan al-Qur'an bagi merealisasikan kebenaran ini.

Al-Qur'an yang merupakan satu-satunya kitab suci sebagai petunjuk manusia ke jalan yang benar, disebalik banyak ayat-ayatnya menyeru kepada berfikir tentang penciptaan manusia, dan alam semesta. Begitu juga al-Qur'an mengajak kita berfikir bahawa ia merupakan mu'jizat kesusasteraan dan bahasa. Dengan demikian wajib bagi setiap orang yang dibekalkan dengan potensi berfikir untuk memasuki dunia pemikiran selari dengan petunjuk-petunjuk al-Qur'an.

Perasaan manusia yang memikirkan keadaan alam semesta harus didokong oleh kajian-kajian bagi menjawab persoalan-persoalan yang diutara dan diajukan, seperti :

Apa hakikat ciptaan dunia ini?. Kenapa ia diciptakan?. Apa hakikat hari kiamat?. Kemana jalan menuju keselamatan?. Bagaimana aku harus menjalani hidup?. Bagaimana aku harus berfikir?. Bagaimana seharusnya aku mempersiapkan untuk meninggalkan dunia yang akan musnah ini?. Siapa aku sebenarnya ini?.

Disebalik penciptaan alam semesta melalui kekuasaan Allah SWT yang begitu indah ini, dan keseimbangan yang ada, apakah terlintas dalam hati manusia bahawa alam semesta ini diciptakan tanpa tujuan (sia-sia sahaja). Allah SWT menegaskan bahawa penciptaan manusia bukanlah main-main dalam firman-Nya:

"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?" *(QS. al-Mukminun: 115).*

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

"Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan) ?." (QS. al-Qiyamah: 36).

Peringkat tanpa dikenakan tanggungjawab (*taklif*) oleh Allah SWT kepada manusia berakhir apabila ia memasuki usia baligh. Setelah itu, manusia akan memikul tanggung jawab dalam menghambakan diri pada Allah SWT. Pada peringkat kematangan berfikir dengan hati yang dipandukan akal untuk mengetahui hakikat ini. Hal ini kerana sebuah pemikiran akan membuka tabir rahsia, dan hikmah Allah SWT. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

"(Kalaulah mereka menyangka Kami tidak berkuasa mengembalikan mereka hidup semula) maka tidakkah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang) bagaimana Kami membinanya (dengan rapi) serta Kami menghiasinya (dengan bintang-bintang), dan dengan keadaan tidak ada padanya retak-renggang? Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan dia sebagai hamparan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang indah subur? (Kami adakan semuanya itu) untuk menjadi perhatian dan peringatan, (yang menunjukkan jalan kebenaran), kepada tiap-tiap seorang hamba Allah yang mahu kembali kepadaNya (dengan taat dan berbakti)." (QS. Qaf: 6-8).

Sesungguhnya orang yang mensia-siakan umurnya dalam kelalaian, kemalasan berfikir, serta enggan mengkaji tentang Pencipta alam semesta dan pemilik sebenar segala kurniaan yang dapat dikecapi di bawah naungan langit yang diatur segala ketetapan siang dan malam. Begitu juga peredaran matahari tanpa rasa malas dan lesu dan segala keindahan bulang bintang di langit. Mereka termasuk

orang-orang yang mendapat peringatan dari Allah SWT dalam firman-Nya:

Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan; yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir! Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang kafir itu dari azab neraka. (QS. Saad: 27).

Dan firman Allah:

Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara main-main; Tidaklah Kami menciptakan keduanya (serta segala yang ada di antaranya) melainkan kerana menzahirkan perkara-perkara yang benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu). (QS. Al-Dukhan: 38-39).

Dunia merupakan tempat dimana Allah SWT memperlihatkan kekuasaan-Nya pada manusia. Setiap hati mukmin akan merasakan kekuasaan Allah SWT ini disela-sela pemikirannya. Allah SWT berfirman:

"Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna. ." (QS. Al-Zumar: 21).

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman:

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (QS. Al-Baqarah: 164).

Pada hakikatnya cahaya kecintaan (*mahabbah*) terhadap Allah SWT turun dari langit, dan mengalir di bumi. Demikian halnya manusia yang selalu berfikir, dia akan mengambil jalan untuk menggabungkan perasaan lahir batinnya dengan *mahabbah* kepada Allah SWT. Allah berfirman:

" Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir." (QS. Al-R'ad: 3).

Manusia yang tahu erti kebahagian sebagai hamba Allah SWT dan pengikut Nabi Muhammad SAW akan selalu menjaga kesucian dan kemurnian ikatan mahabbah atau cintanya. Ikatan mahabbah ini juga disebut sebagai iman. Sedangkan iman yang ada dalam hati seseorang merupakan wujud dari mahabbah itu sendiri. Manusia yang memikirkan dengan teliti terhadap alam semesta ini dengan

hati nurani akan memahami tabir rahsia dan hikmah Allah SWT seperti bintang kartika.

Sedangkan bumi akan tunduk kepada Allah SWT bersama pepohonan dan dedaunan laksana sejadah bagi umat Muhammad SAW dalam berjamaah. Bunga-bunga yang ada diatasnya merupakan mahkota atas kesucian mereka. Gunung yang berdiri megah adalah tanda keteguhannya menghadap Allah SWT. Awan yang berlarian dilangit umpama sumber mata air yang berterbangan dengan membawa keberkatan. Angin yang bertiup laksana pembawa berita sesuatu yang rahsia dari Allah SWT. Petir merupakan percikan *khauf* (takut pada Allah SWT), dan *raja'* (mengharap kepada Allah SWT). Kilat umpama ketukan peringatan dari Allah SWT Yang Maha Perkasa. Siang merupakan cahaya kekuasaan Allah SWT, sedangkan malam merupakan rahsia dan hikmahnya.

Jelaslah dari huraian di atas bahawa dunia merupakan alam rahsia yang dipenuhi dengan tanda-tanda kekuasaan-Nya. Begitu juga al-Qur'an ibarat dunia yang diselimuti dengan kata-kata. Sedangkan manusia merupakan simbol dan titik pusat perantara yang berperanan untuk mencari perkaitan secara timbal balik antara alam semesta dan al-Qur'an.

Diriwayatkan dari Atha' ra. Ia berkata: "saya dan Ubaid bin Umair mengunjungi Sayyidah 'Aisyah. Kemudian sayyidah 'Aisyah berkata kepada Ubaid bin Umair: tidak biasanya kalian mengunjungiku?. Kemudian Ubaid bin Umair menjawab: Wahai ibu, saya berkata seperti orang-orang dahulu berkata: datanglah jarang-jarang, maka akan menambah kecintaan.

Lalu sayyidah 'Aisyah berkata: tinggalkanlah perkataan kalian yang tidak dapat difahami itu. Kemudian Ibnu Umair berkata: ceritakanlah kepada kami hal yang paling mengagumkan yang engkau temukan dari Rasulullah SAW. Atha' berkata: Sayyidah 'Aisya ter-

diam sejenak kemudian dia berkata: pada suatu malam Rasulullah SAW bersabda: Wahai 'Aisyah biarkanlah malam ini aku beribadah pada tuhanku. Aku berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku sangat cinta untuk berdekatan denganmu dan soal yang membahagiakanmu. Sayyidah 'Aisyah berkata: kemudian Rasulullah SAW berdiri untuk bersuci, lalu menunaikan solat. Beliau terus menangis hingga pangkuan Baginda basah. Kemudian, Baginda terus menangis hingga janggut beliau penuh air mata. Lalu Baginda terus menangis hingga air mata membasahi bumi. Kemudian Bilal datang untuk mengumandangkan azan. Ketika Bilal melihat Baginda menangis, Bilal berkata: Ya Rasulallah, kenapa engkau menangis?, bukankah Allah telah mengampuni dosamu baik yang telah lalu maupun yang akan datang?.

Rasulullah SAW menjawab: bukankah aku seorang hamba yang banyak bersyukur?. Telah turun pada malam ini suatu ayat kepadaku. Celaka bagi orang yang membacanya, namun tidak memikirkan maknanya.

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (QS: Al-Imran: 190-191) (HR. Ibnu Hiban, juz: 2, 386).

Rasulullah SAW menangis pada malam turunnya ayat tersebut hingga menjelang pagi hari dengan air mata yang laksana sinar bintang-bintang. Dan tentunya air mata seorang mukmin dengan

rahmat Allah SWT merupakan cahaya yang menerangi kegelapan di alam kubur dikemudian hari, malah ianya akan menjadi titisan embun syurga di akhirat kelak.

Allah SWT telah memberi kenikmatan hambanya dengan penciptaan langit, siang, malam, hari dan bulan. Semua itu adalah kesempatan bagi manusia untuk mengapai keredaan-Nya. Di antara hari dan bulan yang Allah SWT ciptakan, terdapat hari-hari atau bulan yang lebih utama dibandingkan yang lainnya hingga menjelang hari kiamat, salah satunya adalah bulan Rajab.

Bahkan pada zaman jahiliyyah saat-saat datangnya bulan Rajab, mereka menyarungkan pedang dan menghentikan pertumpahan darah. Di bulan ini mereka menciptakan kedamaian dan ketenangan. Keadaan ini berterusan sehinggalah kemasukan Islam ke Jazirah Arab, iaitu kemuliaan dan kesucian bulan ini tidak diabaikan. Keutamaan bulan ini bertambah disebabkan terdapat dua malam Jum'at di minggu pertama dan kedua yang juga disebut dengan malam kebahagian (*lailatul raghai'b*). Begitu juga dalam bulan ini terdapat malam *Isra' dan Mi'raj* yang jatuhnya pada malam ke duapuluh tujuh bulan Rajab.

Supaya kita dapat mengecapi kemuliaan waktu tersebut, kita seharusnya menghiasi diri dengan cahaya dan cinta kepada Nabi Muhammad SAW, ini kerana cinta Nabi merupakan modal dari kebahagiaan hati kita. Orang-orang yang bahagia atas dasar ketaatan mereka kepada Nabi dengan rasa cinta, dan ketulusan hati, mereka telah menempuh jalan yang dilalui oleh para Nabi, syuhada', dan orang-orang soleh.

Ya Allah!, penuhilah hati kami dengan cahaya dan keberkahan hari, malam, dan bulan yang engkau muliakan. Dan sinarilah hati kami dengan cahaya Nabi Muhammad SAW. Dan hiasilah diri dengan rasa cinta yang tulus kepadanya. Kumpulkanlah kami di hari

pembalasan nanti dibawah benderanya. Dan jadikanlah kami, ya Allah! hamba-hamba yang mendapatkah syafa'atnya.

Ya Allah, kami akan melangkah ke tempat pengasingan yang gelap gulita dalam waktu yang sangat panjang, tanpa seorang teman pun, maka jadikanlah iman kami, amal kebaikan kami, para Nabi, dan orang-orang soleh sebagai matahari yang menerangi kami.

Ya Allah, jadikanlah kami sebagai hamba-hamba yang mempunyai pengetahuan hakiki sehingga dapat menyaksikan alam semesta ini dan segala fenomenanya dengan mata hati. Dan berikanlah kenikmatan hati kami dengan limpahan rahmatmu. Amien.

Al-Quran dan Pemikiran (2)

"Hati kita seharusnya dipenuhi dengan rasa cinta dan kerinduan yang mendalam pada al-Qur'an dan sunah Rasulullah SAW. Kerana al-Qur'an dan Nabi Muhammad SAW menyeru manusia pada petunjuk dan kebahagiaan yang abadi. Kita tidak boleh lupa bahawa al-Qur'an dan sunah merupakan amanah Nabi bagi kita. Maka kita harus selalu menjadikannya sebagai pedoman dan di samping menjaga kedua-duanya."

AL-QUR'AN DAN PEMIKIRAN (2)

Manusia bukan sekadar mahluk yang dicipta daripada daging dan tulang belulang sahaja, namun manusia adalah mukjizat besar dalam bentuk kejadian yang luar biasa dari Maha Suci Pencipta. Hal ini kerana manusia merupakan ciptaan yang dijadikan Allah SWT untuk tujuan mengetahui zatnya yang mulia. Setiap manusia yang mencapai tahap kemuliaan dan selalu mejaga kemuliaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT melalui *fitrah*[13], adalah gambaran wujudnya cahaya rahmat dari Allah SWT. Begitu juga manusia yang dianggap sebagai sumber untuk mengorek alam dan 'sungai' untuk mengalirkan segala kebaikan dan memberi kedudukan tinggi disisi-Nya. Ini kerana Allah SWT telah mencipta manusia dengan sebaik-baik penciptaan atau kejadian (*ahsan al-taqwim*).

Hakikatnya, umur manusia di dunia ini merupakan amanah yang harus dijaga dengan baik. Apabila manusia mensia-siakan umurnya dalam kejahilan, sama seperti dia merajut tali untuk menyiksa diri sendiri. Hal ini kerana manusia di dunia ini umpama pelajar yang sedang menghadapi ujian. Manakala subjek yang diujikan itu pula adalah diri mereka sendiri. Justeru, manusia harus menghadapi ujian ini dengan penuh kesedaran sesuai dengan ketetapan waktu dan usia yang telah diberi.

Hari-hari yang manusia lalui tidak jauh beza dengan daun-daun. Ketika sudah layu dan kering kematian, ia akan jatuh bertaburan ditiup angin. Hari yang berlalu merupakan saksi bagi kehidupan kita,

13. Bekal keimanan pada Allah SWT

manakala hari-hari mendatang adalah tetamu yang harus kita siapkan jamuan untuknya. Usia manusia merupakan kertas lembaran yang kekal, dan Malaikat akan mencatat segala perbuatan manusia tanpa berlaku kesalahan mencatat sedikitpun. Catatan ini pula akan diperlihatkan kepada kita di akhirat kelak. Hal ini dijelaskan oleh firman Allah SWT yang bermaksud:

" (Lalu Kami perintahkan kepadanya): "Bacalah Kitab (suratan amalmu), cukuplah engkau sendiri pada hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang segala yang telah engkau lakukan)" (QS. Al-Isra: 14).

Kitab catatan amal kita adalah bumi yang kita diami ini beserta amal perbuatan kita. Allah SWT berfirman:

"pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya" (QS. Al-Zalzalah: 4).

Jika Allah SWT menghendakinya, maka wajah kita semua akan bersinar di hari pembalasan kelak. Untuk tujuan itu, Allah SWT menjelaskannya melalui firman-Nya dalam al-Qur'an. Antara firman-Nya ialah;

"mereka menjauhkan diri dari tempat tidur, mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut dan perasaan mengharap (keredaan-Nya) dan mereka selalu mendermakan sebahagian daripada apa yang kami beri kepada mereka." (QS. Al-Sajdah: 16).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

"Kami sememangnya takutkan Tuhan kami pada suatu hari yang padanya muka orang yang bersalah bermuram dengan penuh kesulitan." (QS. Al-Insan: 10).

dan dalam ayat lain, firman Allah SWT bermaksud:

"Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhannya. Kerana sesungguhnya azab tuhan mereka, tidak patut (bagi seseorangpun) merasa aman terhadapnya." (QS. Al-Ma'arij: 27-28).

Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa orang yang menyangka diri mereka terselamat daripada seksaan Allah SWT, sebenarnya mereka adalah orang-orang yang dalam kerugian. Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

"Patutkah mereka (bersukaria) sehingga mereka berasa aman akan balasan buruk daripada Allah? Kerana (sebenarnya) tidak ada yang berasa aman daripada rancangan balasan buruk yang diatur oleh Allah itu melainkan orang yang rugi." (QS. Al-A'raf: 99).

Sedangkan orang-orang yang putus asa dari rahmat Allah SWT, al-Qur'an menjelaskan pada kita bahawa mereka adalah orang-orang kafir. Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

"Dan jangan kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya hanya kaum kafir sahaja yang berputus asa daripada rahmat Allah." (QS. Yusuf: 87).

Sebagai hamba, hati seorang mukmin selalu bergetar antara *khauf*[14] (rasa takut pada Allah SWT) dan *raja'* (harapan pada Allah SWT). Pertimbangan ini, iaitu antara *khauf* dan *raja'* yang tumbuh dalam hati seorang mukmin ini akan mendorongnya untuk selalu tunduk menghadap Allah SWT dengan berdoa dan pengharapan yang berpanjangan. Keadaan ini akan berterusan sehinggalah ajal menjemputnya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-ka-

14. *Khauf* dan *raja'* merupakan istilah yang ditetapkan ulama untuk mengetahui keadaan hati manusia dalam menghadap tuhannya.

lau tidak diterima) dan juga dengan perasaan berharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya. (QS. Al-A'raf: 56).

Oleh itu, setiap mukmin berkewajiban untuk hidup dalam keadaan selalu memikirkan fenomena ini sepertimana dijelaskanoleh Allah SWT melalui firman-Nya:

"Orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingkan diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadah), siapakah di kalangan mereka yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmat-Nya dan gerun akan azab-Nya. Sesungguhnya azah Tuhanmu itu adalah (perkara yang semestinya) ditakuti." (QS. Al-Isra: 57).

Hakikatnya, tiada jaminan untuk manusia terselamat di hadapan Allah SWT kecuali para Nabi dan sahabat yang telah dinyatakan oleh Nabi bahawa mereka terselamat. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT bagi mengambarkan keadaan orang mukmin melalui firman-Nya:

"Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan muslim." (QS. Ali Imran: 102).

Sesungguhnya takut kepada Allah SWT adalah cahaya kebahagiaan dalam hati. Al-Qur'an dipenuhi dengan ayat-ayat yang menjelaskan azab seksaan dan cerita-cerita tentang neraka jahanam. Walaupun demikian, sebahagian orang lalai, iaitu mereka hanya memandang ayat-ayat yang menjelaskan rahmat Allah SWT sahaja, tanpa sedikitpun menatap ayat azab. Namun dalam al-Qur'an Allah SWT mengingatkan:

"Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu dan takutilah hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa

tidak dapat melepaskan anaknya daripada azab dosanya dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing. Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah." (QS. Luqman: 33).

Sebahagian manusia yang lalai dengan kesenangan dunia mengatakan: *"Jangan khawatir, dosa-dosamu itu, akan aku tanggung."* Sungguh biadap ungkapan itu. Orang yang lalai bergembira dan selalu bersenang-lenang di dunia ini dalam kenikmatan dan tipu daya kehidupan. Sedangkan orang yang berfikir, dia tahu bagaimana cara memanfaatkan kehidupan di dunia ini. Dia tahu bagaimana langkah untuk memperkemaskan diri sehingga mampu menyingkap tabir rahsia Allah SWT di alam semesta ini. Namun orang yang tidak mau berfikir, dia akan selalu hidup dalam kemaksiatan dan dibayangi oleh pertanyaan yang dia tidak mampu dijawabnya. *Untuk apa?, dan kenapa?.*

Berlainan dengan orang soleh yang memahami, dia sentiasa dalam keadaan reda, tenang dan sentiasa mendapat ketenangan hati, di samping dia mampu memahami hikmah dari penciptaan alam semesta ini.

Sebahagian daripada mereka ialah orang-orang yang berkelakuan seolah-olah mereka telah mencapai kedudukan sangat tinggi disisi Allah SWT. Akan tetapi mereka tidak dapat memahami erti dari apa yang mereka katakan, dan tidak mampu merasakan dalam hati perilaku mereka. Seseorang yang belum sebanding dengan Syekh Jalaluddin al-Rumy, Yunus dan seumpamanya, mereka banyak yang menghiasi lisan mereka dengan perkataan: *"Aku tidak perlu syurga. Aku juga tidak takut neraka. Aku sangat merindui-*

Nya. Aku hanyalah seorang pecinta, iaitu mencintai-Nya sahaja". Ungkapan ini pada asasnya tidak boleh diterima, malahan ianya dianggap ungkapan yang direka-reka, bukannya yang sebenar.

Ketika seseorang belum memahami perkataan ini secara tepatnya, dan belum dapat menyelami dalam hatinya, maka apa yang dia katakan adalah pembohongan yang jelas. Hal ini kerana manusia yang benar-benar cinta Allah SWT, dia akan selalu menutup hatinya daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan reda Allah SWT, dan dia selalu membuka hati pada segala sesuatu yang membibitkan kerinduan serta rasa cinta kepada Allah SWT.

Syeikh Abdul Qadir al-Jilany ra. mengatakan: *"Sesungguhnya Tuhan yang telah mengeluarkan daripada hati seorang hamba - iaitu hamba yang telah mencapai tahap rindu dan cinta sejati pada Allah SWT-, maka Allah SWT akan menjadikan hatinya tidak bergantung pada alam semesta dan segala ciptaan-Nya. Baik yang berada di atas langit ataupun dalam bumi. Kerana manusia yang sampai pada tingkatan ini hatinya tidak memikirkan apapun kecuali Allah SWT dan akhirat. Bahkan seakan-akan dia tidak memperdulikan diri sendiri. Yang dia inginkan adalah merasakan kedamaian bersama Allah SWT ibarat Majnun bersama Laila."*

Pemuda yang 'gila', iaitu Qais bin Mulawah dengan kecintaannya yang mendalam terhadap Laila, sepanjang waktu dia menyendiri daripada manusia, dia tinggal berseorangan dan juga meninggalkan negaranya yang makmur lalu tinggal bersama binatang-binatang buas di padang pasir. Baginya, pujian atau hinaan manusia adalah sama, dan dia tidak memperdulikan mereka. Pemuda ini tidak mampu meneruskan pergaulannya dengan manusia lain seolah-olah dia tidak dapat membezakan antara manusia yang berkata-kata dengan manusia yang diam. Pada suatu hari pemuda gila ini ditanya:

Siapa kamu?, lalu dia menjawab: *aku Laila*.

Dari mana kamu?, *dari sisi Laila*, ucapnya

Kemana kamu pergi?, Ia menjawab: *ke sisi Laila*.

Hati pemuda gila ini telah buta dari dunia seisinya kerana rasa rindu dan cinta yang sangat mendalam pada Laila. Telinganya telah tuli untuk mendengar kata-kata, kecuali kata Laila.

Seperti halnya Majnun dengan Laila, manusia yang merasai kecintaan kepada Allah SWT akan menghilangkan segala sesuatu yang membelenggu hatinya di dunia fana ini, dan dipenuhinya dengan perasaan cinta kepada Allah SWT. Hal ini kerana kecend-erungan dan keinginan duniawi dan kecintaan kepada manusia akan mensia-siakan umur. Hati seorang perindu adalah keadaan keingi-nan bersama Tuhannya ketika keseorangan atau bersama orang ra-mai (masyarakat).

Dia (Si Perindu) akan sentiasa menemui kebahagiaan seperti-mana dalam firman Allah SWT:

"*Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh diatas jalan yang benar sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang yang kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian. Janganlah kamu melampaui batas, sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan." (QS. Hud: 112).*

Demikianlah Allah SWT menunjukkan hikmah pada hamba-Nya.

Allah SWT telah memberi kenikmatan yang sangat besar pada hamba-Nya dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW, iaitu insan yang menjadi suri tauladan dan idola kepada setiap manusia dalam menempuh arus kehidupan.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW meunjukkan kecintaan yang teramat sangat kepada kedua-dua cucunya melebihi kebiasaan kecintaan kepada manusia biasa, iaitu Hassan dan Hussin. Rentetan itu, Jibril datang berjumpa Baginda Nabi Muhammad SAW, seraya bertanya: *"apakah engkau sangat mencintai mereka." Kemudian Baginda menjawab: "Ya, aku mencintai mereka."*

Kemudian Jibril memberitahu Nabi apa yang bakal menimpa kedua-dua cucunya itu. Jibril berkata: *"salah seorang dari mereka akan mati akibat diracun. Sedangkan yang satu lagi akan mati syahid."* Setelah peristiwa ini, Nabi bersikap sewajarnya dalam mencintai cucu-cucunya.[15]

Jelaslah bahawa gambaran rasa cinta yang berlebihan dapat terjadi pada semua ciptaan Allah SWT selain kecintaan kepada-Nya adalah perkara yang tidak diterima oleh Allah SWT. Oleh itu, disebabkan adanya kedua-dua perasaan cinta itu (Allah dan makhluk), Nabi Muhammad SAW telah diberi peringatan dan petunjuk dari Allah SWT agar Baginda tidak tergelincir dari landasan yang betul. Dalam konteks ini, kita semestinya memahami melalui contoh agar menjauhi kecintaan berlebihan (sesama manusia), iaitu melebihi dari semua kepentingan dalam hidup. Oleh yang demikian, kita seharusnya menjaga diri kita agar perasaan cinta sepenuh hati terhadap sesuatu boleh menyebabkan kecintaan kita tersilap arah atau tersasar. Hal ini kerana kita tidak mampu mengawal dan menjaga diri kita daripada kemaksiatan sepertimana sifat para Nabi, iaitu mereka bersifat *ma'sum*.

Sesungguhnya kecintaan yang terlampau adalah tidak wajar kecuali kecintaan kepada Allah SWT sahaja. Perasaan *khauf* (takut) dan *raja'* (mengharap) terhadap Allah SWT, jika ianya berjalan seiring dalam diri seorang hamba adalah gambaran dari naungan rah-

15. . Abdul Qadir al Jilany, *Futuhat al Rabaniyyah*. Hal. 314.

mat Allah SWT umpama naungan awan rahmat di langit keimanan. Seorang pecinta akan berasa takut untuk menyakiti orang yang dicintainya, dan dia akan bersedih saat kehilangan cinta orang yang dicintai. Allah SWT berfirman:

"*Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu." (QS. Muhammad: 7).*

Maka, kita harus melipat gandakan keupayaan kita untuk mengisi setiap catatan amalan kita yang dipenuhi nilai keimanan sejati sebagai gambaran amal soleh yang telah dilakukan. Kita juga tidak boleh lupa bahawa kita (orang yang beriman) adalah anak cucu Adam as. yang diberi kemuliaan Allah SWT dan diperintahkan semua malaikat untuk sujud kepadanya. Kita diibaratkan pelajar yang berada di sekolah Allah SWT, dan dengan bimbingan Baginda Nabi Muhammad SAW kita hidup dalam jalan yang lurus dengan mejadikan kitab al-Qur'an sebagai pedoman hidup.

Oleh yang demikian, wajib bagi kita untuk mengisi hati dengan rasa cinta dan kerinduan yang mendalam pada al-Qur'an dan sunah Rasulullah SAW. Ini kerana al-Qur'an dan Nabi Muhammad SAW menyeru manusia pada petunjuk dan kebahagiaan yang kekal. Kita tidak boleh lupa bahawa al-Qur'an dan sunah merupakan amanah yang ditinggalkan oleh Nabi untukkita. Oleh itu, kita harus menjadikan kedua-duanya sebagai pedoman hidup serta menjaga kedua-dua amanah Nabi ini.

Allah SWT telah menjelaskan bahawa orang yang dapat mencapai tingkat kebahagiaan yang kekal adalah mereka yang mempunyai hati bersih sahaja. Maka dengan itu, seseorang yang hidup tanpa berfikir dan menyambut seruan Rasulullah SA adalah orang yang hidup dalam kerugian dan hatinya terkunci daripada menerima kebenaran sepertiman firman Allah SWT yang bermaksud:

"Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur'an atau hati mereka terkunci (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'an)." (QS. Muhammad: 24).

Al-Qur'an mengajak manusia untuk berfikir, merenung dan menghayati setiap makna yang terkandung dalam ayat-ayatnya. Allah SWT berfirman:

"Maka apakah mereka tidak memperhatikan (merenung) isi al-Qur'an?. Kalaulah al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan menemui pertentangan yang banyak di dalamnya."(QS. Al-Nisa': 82).

Ayat di atas menegaskan bahawa tidak mungkin berlaku pertentangan ketara antara al Qur'an dan ilmu pengetahuan walaupun al-Qur'an diturunkan lebih daripada empat belas abad yang lalu.

Sebaliknya, setiap penemuan dan keberhasilan yang diperolehi pada setiap masa dan waktu akan mengukuhkan lagi bukti kebenaran al Qur'an. Kitab suci (yang diturunkan kepada Nabi) yang diberikan kepada masyarakat Badwi padang pasir sejak empat belas abad lalu, mampu mengatur kehidupan sebaik mungkin. Ilmuwan-ilmuwan hari ini begitu teruja dan kaget dengan kajian-kajian yang dilakukan terhadap keistimewaan al-Qur'an. Mereka yang telah melakukan rujukan dan pelbagai penelitian tentang al-Qur'an telah akur dengan keistimewaan yang ada padanya. Hal ini kerana al-Qur'an dipenuhi dengan sebaik-baiki ilmu pengetahuan untuk kegunaan lampau ataupun yang akan datang dan berterusan sehingga ke hari kiamat.

Malahan, kemungkinan untuk melihat penemuan kajian hari ini terhadap ilmu-ilmu kemukjizatan yang terdapat dalam al-Qur'an melalui kajian-kajian ilmiah yang sempurna adalah janji daripada

Allah SWT ibarat mukjizat yang telah dijelaskan dalam ayat-ayat al-Qur'an. Banyak penemuan yang sesuai dengan kehebatan dan kelebihan al-Qur'an telah diperolehi, ianya juga sebagai bukti kebenaran janji Allah SWT dalam firmannya.

"Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata kepada mereka bahawa al-Qur'an adalah benar. Belum cukupkah bagi mereka bahawa tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu ? (QS. Fussilat: 53).

Contoh-contoh bagi mengukuhkan pernyataan di atas amat banyak. Alangkah banyaknya kebenaran-kebenaran melalui kajian-kajian ilmiah yang ada dalam al-Qur'an!. Allah SWT berfirman:

"Wahai manusia, kalau kamu ragu tentang hari berbangkit, sesungguhnya Kami ciptakan kamu semuanya dari tanah kemudian dari setitis mani, kemudian segumpal darah, kemudian segumpal daging yang berbentuk dan tidak berbentuk agar kami dapat menjelaskan kepadamu, kami tempatkan di dalam rahim, sesuai kehendak Kami sampai waktu yang telah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian kamu mencapai usia dewasa, di antaramu ada yang dimatikan dan ada yang dilanjutkan usia sehingga lupa sama sekali hal-hal yang dahulu di ketahui. Kamu saksikan bumi ini gersang, tetapi apabila Kami turunkan hujan dia berubah menjadi subur mengembang menumbuhkan pelbagai tanaman yang indah dan serba berpasangan." (QS. Al-Haj: 5).

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman:

"Kemudian Kami jadikan sari pati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim ibu). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan seketul daging, kemudian kami jadikan daging itu tulang-tulang,

kemudian kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta." (QS. Al-Mukminun: 13-14).

Ilmuwan Kanada Profesor Keits L. Mowr, iaitu pensyarah dalam bidang ilmu yang berkaitan dengan janin mengakui persamaan peringkat tumbesaran janin dalam perut ibu dengan penerangan oleh ayat-ayat al-Qur'an. Beliau menyatakan lagi bahawa ilmu tersebut betul-betul sama dengan apa yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Bahkan dia mengatakan bahawa al-Qur'an lebih dulu membicara dan menampilkan beberapa contoh dalam ilmu kedoktoran. Profesor Keits juga menambahkan bahawa tiga fasa perubahan yang ada dalam al-Qur'an (air mani, segumpal darah, dan daging) selain bertepatan dengan fakta, juga merupakan penemuan besar dalam ilmu kedoktoran.

Fasa yang pertama (air mani) mencakupi segala kajian-kajian ilmiah. Fasa kedua (segumpal darah) mengisyaratkan berkumpulnya darah dalam rahim. Kehidupan janin pada fasa ini berada pada segumpal darah yang mengental. Sedangkan fasa ketiga (segumpal daging) ketika kita amati bentuk daging ini seakan-akan segumpal daging yang dikunyah kerana terdapat bekas gigitan (kesan gigi) pada daging tersebut. Dari sinilah mengapa al-Qur'an menggunakan kata *mudghah* (segumpal daging). Kata *mudghah* selain mempunyai erti daging, secara bahasa juga diertikan sebagai kunyahan.

Keputusan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan membuatkan Profesor Keits merasa kekaguman yang sangat besar terhadap al-Qur'an dan Nabi Muhammad SAW. Hingga akhirnya dia memeluk Islam dengan mengucap dua kalimat syahadat dan membenarkan akan mukjizat al-Qur'an yang diturunkan sejak empat belas abad silam.

Bukti-bukti kebenaran al-Qur'an atau seumpama yang diperakui oleh ilmuwan dalam pelbagai bidang pengetahuan atau sains telah dinyatakan oleh al-Qur'an seperti mukjizat tersendiri (lain) bagi al-Qur'an. Allah SWT berfirman:

"Dan orang yang mempunyai ilmu (Ahli Kitab) berpendapat bahawa kitab yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu adalah haq (kebenaran) yang akan menunjukan kepada jalan menuju Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji". (QS. Saba': 6).

Seperti halnya janin, dalam kajian ilmu moden tentang cop jari, kajian menunjukkan penemuan tentang cop jari manusia yang kekal tersendiri tanpa ada perubahan sepanjang umur, malah tidak mungkin terdapat persamaan cop jari manusia antara satu dengan yang lainnya. Oleh itu, pengenalan atau identiti diri seseorang dapat diperoleh melalui penelitian terhadap kesan cop jari. Sehingga ini merupakan salah satu cara yang digunakan undang-undang Negara ataupun keamanan dalam menentukan identiti seseorang. Fakta yang ditemui pada abad ke sembilan belas masehi, telah lebih dahulu diungkapkan dalam al-Qur'an, iaitu kira-kira empat belas abad yang lalu. Allah SWT berfirman:

"Apakah manusia mengira, bahawa Kami tidak akan mengumpulkan (kembali) tulang-tulang mereka?. Bahkan kami berkuasa untuk menyusun jari-jemarinya secara sempurna." (QS. Al Qiyamah:3-4).

Ayat di atas mengisyaratkan tentang ketepatan bahagian paling ujung jari-jemari, iaitu (dalam bahasa Arabnya) *banânah.* Jelaslah bahawa al-Qur'an sentiasa terkedepan dalm membahas suatu perkara, kemudian ikuti dengan bukti ilmu pengetahuan sebagai pengukuhan terhadap apa yang dinyatakan oleh al-Qur'an. Sehubungan itu, Allah SWT berfirman:

"Katakanlah: "Seandainya seluruh manusia dan jin bersama-sama membuat sesuatu seperti al-Qur'an, mereka tidak akan mampu, sekalipun mereka saling membantu." (QS. Al Isra': 88).

Hal yang demikian menunjukkan bahawa al-Qur'an bukanlah ilmu kemanusiaan yang lemah, akan tetapi ilmu Allah SWT yang dianugerahkan kepada manusia dengan segala kaedah keilmuan yang terdapat dalam dunia ini. Pada masa yang sama, Allah SWT adalah pemilik al-Qur'an yang menmberi panduan kepada kita untuk memperoleh hasil daripada kajian-kajian ilmiah yang telah dijalankan.

Para Nabi dan wali Allah SWT, mengambil ilmu-ilamu dari kebenaran al-Qur'an. Oleh sebab itu, kitab-kitab langit yang terdahulu (sebelum al-Qur'an) sejajar dengan al-Qur'an dalam memberikan penduan. Sepertimana manusia menjadi contoh mini kepada alam (miniatur dari alam semesta), al-Qur'an pula kekal sebagai kitab suci ilahi yang meliputi keseluruhan alam maya ini.

Justeru, setiap ilmu yang terkandung dalam al-Qur'an masih relevan pada setiap zaman dan tempat, malah meliputi semua peringkat masa. Para kekasih Allah SWT, dengan penemuan ini mereka sentiasa bersedia untuk menyingkap segala tabir rahsia al-Qur'an melalui setiap kalimat yang terdapat padanya, bahkan dalam setiap hurufnya. Mereka mengakui bahawa setiap karya yang mereka hasilkan dalam buku-buku mereka dan setiap ilmu yang mereka ketahui adalah pantulan dari cahaya al-Qur'an.

Peristiwa *Isra' wa al-Mi'raj* yang berlaku pada malam 27 Rajab, setahun setengah sebelum hijrah merupakan fenomena besar yang melampaui *zaman* (masa) dan *makan* (tempat), malah sempada kedua-duanya. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW diperjalankan pada waktu malam dari Masjid al-Haram Mekah menuju Masjid al-Aqsha Palestin. Kemudian Baginda dinaikkan ke atas langit hanya

dalam waktu satu malam sahaja. Al-Qur'an telah menggambarkan peristiwa ini dalam firman Allah SWT:

"Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada waktu malam dari masjid al-Haram ke masjid al-Aqsha yang telah Kami berkati sekitarnya agar kami perlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda (kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.(QS. Al-Isra': 1).

Dalam ayat lain, Allah SWT menjelaskan hikmah yang terdapat dalam perjalanan Nabi ini. Allah SWT berfirman:

"*Ketika itu Sidratul Muntaha di penuhi makhluk-Nya yang lain. Pandangannya terarah tetapi tidak melampaui batas. Sesungguhnya dia telah menyaksikan tanda-tanda (kekuasaan) Tuhannya yang besar." (QS. Al-Najm: 16-18).*

Peristiwa *al-Mi'raj* merupakan peristiwa yang melampaui akal fikiran manusia. Hikmah dari peristiwa ini adalah pertemuan kekasih, Nabi Muhammad SAW dengan yang dikasihi, iaitu Allah SWT teah memberi bukti kukuh tentang kekuasaan Allah SWT yang tiada batasnya. Namun hikmah hakiki dari peristiwa ini susah untuk dianalisa akal fikiran manusia, dan logik mereka. Rahsia kejadian (hikmah) ini akan kekal sebagai 'rahsia' antara Nabi Muhammad SAW, dan Allah SWT serta di luar batas pengetahuan manusia.

Kemajuan tekhnologi yang berkembang pada masa sekarang ini merupakan peringatan perjalanan Nabi Muhammad SAW pada malam *Isra' wa al-Mi'raj*. Sedangkan peringatan terbesar dari peristiwa ini adalah kewajipan melaksanakan solat. Hal ini kerana solat merupakan tiang agama, cahaya mata, ketenangan hati, serta pertemuan antara hamba dan sang penciptanya. Atau dengan ungkapan lain, solat merupakan *mi'raj* (perjalanan hati mukmin) menuju ke hadrat Allah SWT, kerana kita semua merupakan hamba Allah SWT

dan pengikut Nabi Muhammad SAW yang diberikan potensi untuk mencapai darjat tinggi di sisi Allah SWT

Terdapat bukti yang jelas dan nyata daripada peristiwa mi'raj iaitu perjalanan hidup dalam beribadat yang diaplikasikan melalui solat. Rentetan itu, pelaksanaan solat kita merupakan ukuran 'perjalanan kita', iaitu kedudukan kita di sisi Allah SWT dan selama lima waktu dalam sehari semalam, kita dipanggil untuk memenuhi seruan mulia ini.

Ya Allah, jadikanlah peristiwa malam isra' wa al-Mi'raj sebagai sumber kebahagian seluruh umat. Dan berikanlah kami sebahagian dari limpahan rahmat yang engkau anugerahkan pada hamba-hamba-Mu. Jagalah kami ya Allah, agar tidak tenggelam dalam lautan kesenangan dan tipu daya nafsu. Ya Allah berikanlah kami pemahaman akan hakikat al-Qur'an. Dan penuhilah hati kami rasa cinta pada al-Qur'an.

Ya Allah hiasilah kami dengan al-Qur'an. Dan hidupkanlah hati kami dalam cakerawala pemikiran al-Qur'an yang tiada batasnya. Ya Allah, tanamkanlah rasa cinta dihati kami pada Baginda Nabi Muhammad SAW, sehingga kami menghadap-Mu dengan hati yang bersih. Ya Allah, kabulkanlah do'a kami kerana tiada yang mampu mengkabulkan doa kecuali Engkau.

Al-Qur'an dan Pemikiran (3)

"Betapa dahsyatnya pengaruh dan perasaan hati setelah mengangan-angan intisari dari al-Qur'an. Bagaikan biji benih sebuah pohon. Memang sangat kecil. Namun setelah ditanam dalam tanah yang subur, biji ini akan tumbuh menjadi pohon yang sangat besar. Itulah perumpamaan hati manusia, apabila hati terhalang oleh cahaya dan petunjuk al-Qur'an yang tiada habisnya, maka hati tidak jauh berbeza seperti bibit kering yang tidak dapat ditumbuhkan oleh tanah subur."

AL-QUR'AN DAN PEMIKIRAN (3)

Sesungguhnya Allah SWT -Dia yang memerintahkan manusia supaya menghambakan diri kepada-Nya- telah memetapkan bahawa semua makhluk di bumi dan langit patuh dan tunduk kepada-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti." *(QS. Al-Jaathiyah: 13).*

Allah SWT telah melengkapkan manusia dengan perasaan dalaman (perasaan hati) seperti persediaan untuk berfikir supaya seseorang itu dapat hidup penuh dengan perasaan ingin menjadi hamba-Nya. Begitu juga, perasaan itu diwujudkan agar manusia memperoleh dan mengecapi kesempurnaan beriman kepada Allah SWT. Samalah juga keadaannya apabila Allah mengutuskan para Nabi untuk dijadikan contoh teladan yang baik kepada manusia. Semuanya melibatkan perasaan yang timbul dari lubuk hati seorang yang beriman kepada Tuhannya.

Hakikatnya, pertolongan Allah SWT akan terlaksana melalui perantaraan para Nabi dan telah sempurna melalui perantaraan Nabi akhir zaman, Muhammad SAW. Pertolongan ini terlaksana dengan penuruan al-Qur'an. Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu utusan yang dikurniakan oleh Allah kepada seluruh umat manusia.

Justeru, kita terhutang budi dan perlu berterima kasih yang tidak terhingga di atas kurniaan Allah SWT kepada kita. Hal ini kerana kurniaan Allah yang terbesar ialah kita menjadi umat Nabi Muhammad SAW, dan meletakkan kita sebahagian daripada al-Qur'an (menjadikan kita umat yang menghayati al-Qur'an).

Sebesar-besar kebenaran dan perasaan hati yang membolehkan kita mencapai matlamat (mempunyai perasaan dalaman), iaitu perasaan yang terhasil daripada kemantapan dan penyuburan pemikiran dan perasaan yang ada pada kita melalui al-Qur'an umpama kelebihan yang diperolah oleh biji yang terkecil yang membesar di tanah yang subur sehingga menjadi sepohon kayu yang besar. Oleh yang demikian, perasaan dan pemikiran kita yang terhalang oleh petunjuk dan cahaya al-Qur'an tidak akan kekal umpama biji kering yang tidak dapat tumbuh dalam tanah yang subur.

Hakikatnya, tiada lagi nikmat terbesar selain daripada memperoleh kemuliaan Allah yang dikecapi di bawah bimbingan al-Qur'an dan kemuliaan tersebut terus berkekalan.

Kehidupan dunia yang serba rendah dan hina dalam bentuk pemikiran dan perasaan yang disajikan oleh kaum-kaum terdahulu yang terhalang daripada menerima utusan Allah dalam kurun ke-21, iaitu zaman tekonologi, jelas menunjukkan kebenaran tersebut. Lihatlah sekarang, jutaan manusia menganuti agama-agama yang menyeleweng seperti agama budha (yang menyembah patung budha yang diperbuat daripada batu), agama hindu (yang menyembah lembu dan memuiakannya) dan juga berjuta-juta manusia menyembah benda-benda wujud, sedangkan ianya tidak berkuasa. Mereka memberi gambaran yang keterlaluan seolah-olah sama denganyang kita perolehi dan dapati daripada kemuliaan dan keistimewaan Nabi Muhammad SAW.

Namun, ironinya dan yang sangat menyayat jiwa, mereka tidak mau menerima cahaya al-Qur'an. Hal ini disebabkan godaan hawa nafsu dan tipudaya kehidupan dunia yang membelenggu hati mereka untuk menerima kebenaran. Al-Qur'an menjelaskan mengenai situasi itu yang terjadi secara berterusan pada setiap masa, firman Allah SWT yang maksudnya:

"Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta; dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran). (*QS. Al-Baqarah: 18).*

Di sini Allah SWT memerintahkan orang mukmin agar peka dan mempunyai kesedaran tinggi serta berwaspada seperti firman-Nya:

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang-orang yang pekak dan buta. (QS. Al-Furqan: 73).

Pada masa sekarang, terdapat dua sifat penting bagi seorang Islam, yang pertama: dia memiliki perasaan untuk mensyukuri nikmat bersesuaian dengan nilai nikmat yang diperolehi. Perasaan ini sama seperti bunga yang tumbuh mekar di antara –batu yang keras. Sifat kedua, orang yang mendapatkan kenikmatan dari Allah SWT dan semangat untuk menyampaikannya pada yang lain dengan cinta dan kasih sayang. Allah SWT berfirman:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.."(QS. Ali Imran: 104).

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman:

"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!" (QS. Fussilat: 33).

Jika berkehendakkan dakwah yang disampaikan dapat membuahkan hasil seperti yang diharapkan, maka harus dihiasi akal fikiran dengan penghayatan al-Qur'an. Seterusnya, setiap dakwah berpandukan kepada petunjuk al-Qur'an di samping itu juga dihiasai diri dengan akhlak al-Qur'an. Kesimpulannya, setiap kandungan dan intisari al-Qur'an mengajak kita untuk mempunyai kepekaan hati dan pemahaman melebihi pakar-pakar ilmu duniawi.

Jelaslah bahawa, ilmu-ilmu duniawi tidak mampu mendatangkan hasil selain menghina manusia itu sendiri dan membuktikan kelemahan dan kekurangan manusia. Hal ini disebabkan oleh ukuran ilmu duniawi melalui penggunan akal sahaja. Sedangkan dalam al-Qur'an, terdapat enam belas kali amaran dan peringatan yang menggunakan ungkapan "*Yaa uli al albâb"* (Wahai orang-orang yang berakal) bagi mengambarkan kepentingan penggunaan akal yang berpaksikan wahyu Ilahi.

Oleh yang demikian, seharusnya bagi kita khususnya orang muslim berfikir terhadap tanggungjawab dan peranaan kita di samping menjadi teladan kepada yang lain. Kita selayaknya berkemampuan untuk menjelaskan kesempurnaan al-Qur'an dan memberi peringatan kepada manusia tentang kebenarannya, juga kita harus bersungguh-sungguh memikirkan tentang tanggungjawab ini.

Sebaliknya, kita tidak mampu untuk menyampaikan kebenaran al-Qur'an yang didapati melalui kajian-kajian ilmiah berjuta-juta kali walaupun kita memiliki pelbagai kemampuan dan kelengkapan terbaik pada masa ini. Sesungguhnya, manusia-manusia yang lalai

-yang hidup segenap penjuru dunia yang empat- bertindak sebagai musuh utama di hadapan Allah SWT di akhirat kelak.

Dengan demikian, tanggungjawab kita bertambah banyak, kerana begitu banyak kajian dilakukan pada masa ini. Penemuan pada masa sekarang didukung oleh banyak kemudahan dibandingkan dengan zaman lampau terutamanya dalam isu penyampaian kebenaran iman dan juga pembuktiannya

Sebahagian daripada kebenaran yang terdapat dalam alam semesta, dan yang mengambil tempat dalam al-Qur'an akan menjelaskan bukti-bukti ilmiah dalam ayat-ayatnya sesuai dengan kemampuan dan pengetahuan manusia pada setiap masanya. Al-Qur'an berperanan untuk memaparkan segala kebenaran secara berterusan hingga ke hari kiamat mengikut kemampuan pengetahuan manusia pada setiap masa, dan tanpa ragu-ragu lagi bahawa keberhasilan ini adalah daripada rahmat Allah SWT.

Disebabkan kelebihan-kelebihan yang luar biasa, dan yang terserlah melalui fitrah dan penemuan-penemuan besar lagi banyak dalam bidang perubatan yang merupakan sebahagian daripada peraturan dan penelitian segenap pelusuk langit dan bumi sehingga mengkagum akal pemikiran manusia. Jika al-Qur'an menjelaskan segala sesuatu dengan terang-terangan sebelum adanya penemuan ilmiah, maka manusia pada masa awal tidak akan menerima al-Qur'an, kerana ianya melebihi tahap pemikiran dan pengetahuan manusia. Oleh yang demikian, mereka tidak menjadikan hasil diperolehi sebagai landasan untuk beriman dengan kandungan Al-Qur'an.

Dari aspek lain, al-Qur'an laksana tanah subur, iaitu tanah yang sering mengeluarkan harta karun apabila digali tanahnya. Maka dengan itu, kita harus mengisi akal fikiran kita supaya berpegang dengan al-Qur'an yang diakui luas dan hebat.

Kemungkinan untuk mencapai pada tahap kepekaan terhadap alam semesta, serta mengetahui hikmah dan rahsianya hanya akan terlaksana melalui pemikiran orang-orang yang berhati bersih. Oleh kerana itu, Allah SWT selalu mengajak manusia untuk berfikir, firman-Nya:

"Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada." (QS. Al-Hajj: 46).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

"Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya." (QS. Al-Ra'd: 4).

Sesungguhnya kemampuan untuk menjadi mukmin sejati dimulai dari mengerakkan hati dan membiasakan diri untuk berfikir dan cintakan Allah SWT. Perkara yang menjadikan manusia itu digelar 'manusia' adalah hati dan akal. Peranan akal dan hati harus seiring sejalan, jika kita mengagungkan akal sahaja, kita akan mengabaikan hati. Seseorang itu mungkin berjaya di dunia, tetapi untuk menjadi seorang yang beriman, penyayang dan mempunyai perasaan terpak-

salah dia melembutkan hatinya, menyelami perasaan secara mendalam.

Segala sesuatu dapat mengungkapkan peristiwa semasa bagi seorang mukmin, dia akan berusaha untuk menjadikan hatinya sepertimana di atas. Oleh itu, setiap yang hidup di alam semesta akan memperkata dan menjelaskan tentang peristiwa yang berkaitan dengan dirinya.

Seorang manusia berkeadaan 'buta' semasa dilahirkan dari perut ibunya. Apabila kita dapat membuka mata, kita akan terpegun dengan keadaan yang sangat luar biasa lalu dipejamkan sertamerta, kerana terlalu terkejut. Apabila mata melihat gunung-ganang atau pokok-pokok atau burung-burung yang tergantung di langit, ia akan merasa kebingungan dan teruja sekali. Ini kerana segala sesuatu yang belum pernah dilihat oleh mata, seakan-akan mata akan mengatakan: "*Ya Allah, betapa indahnya ciptaanmu*." dan ia akan merasa hairan dengan ciptaan tersebut.

Manusia yang setiap hidup sehariannya menyaksikan berjuta-juta keindahan, tidak terlepas daripada pandangannya dan tidak terfikir tentang hakikat alam semesta ini secara mendalam dan mebuat kajian semua perkara tersebut, akan berada dalam keadaan alpa dan lalai umpama laksana batu-batu keras yang tidak mampu mengambil manfaat dari air hujan yang penuh berkat yang menimpa ke atasnya. Alangkah indahnya seruan al-Qur'an yang mengajak kita untuk selalu ingat dan sedar untuk berfikir. Perintah berfikir terdapat dalam beberapa ayat, antaranya Firman Allah SWT:

"Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksa-

naanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran." (QS. Al-Jatsiyah: 5).

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

"Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam; Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan sertamerta mereka berada dalam gelap-gelita; Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (QS. Yasin: 37-40).

Dan firman Allah SWT lagi:

"Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya." (QS. Al-Ankabut: 43).

Sesungguhnya manusia jika dia bertemu dan memperoleh pengetahuan melalui lubuk perasaan dan pemikiran sepanjang hidupnya, nescaya dia akan mampu mengambil bahagian dari kecintaan kepada Allah SWT. Kebahagiaan yang datang setelah mati bersesuaian dengan kadar kecintaan itu. Para Nabi dan wali-wali Allah yang baik sepanjang sejarah, mereka adalah contoh ideal dalam memahami dan mengetahui alam semesta, juga mengenai Allah yang terkandung dalam *fitrah* manusia dan kerahsiaan kewujudan manusia secara tersembunyi.

Orang yang lalai terhadap Allah SWT, bahkan mengingkari-Nya, ketika berdepan kesulitan di lautan, dalam kesendirian tanpa sesiapa pun, iaitu orang yang menjaga dirinya, maka dalam keadaan seperti ini ia memerlukan pertolongan dari kuasa Allah SWT. Pada masa-masa sebeginilah mereka akan kembali berserah kepada Allah dan kekal dalam *fitrah* mereka yang asal, iaitu fitrah yang terbina bersama kewujudan manusia.

Namun orang yang menutup dan memadamkan ketersediaan (*fitrah*) dalam diri mereka dan kekal berjauhan dari pancaran kekuasaan Allah serta keadaan semulajadi semasa hidup di dunia, mereka akan tersesat hingga di akhirat nanti. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

"Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada." (QS. Al-Hajj: 46).

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

"Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (matahatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalannya." (QS. Al-Isra': 72).

Amat penting untuk kita belajar al-Qur'an dari orang-orang guru-guru yang soleh, iaitu orang-orang yang hatinya dipenuhi rasa cinta pada Allah SWT. Hal ini kerana mereka mendorang anak didik mereka dengan pantulan peribadi mereka melalui hati yang disinari oleh cahaya cinta Allah SWT untuk berfikir secara mendalam. Di-

riwayatkan oleh Thawus ra., bahawa dia berkata: Nabi Muhammad ditanya: *"Bagaimana kriteria (ciri-ciri) orang yang lebih baik suara dan bacaan al-Qur'annya?."* Nabi menjawab: "*Iaitu orang yang apabila engkau dengar bacaannya, maka engkau diperlihatkan bahawa dia takut pada Allah SWT"(HR. Al-Darimy, fadla'il al-Qur'an, 34).*

Sebaliknya, setiap bacaan yang tidak dapat diturunkan dari kerongkong ke dalam hati, sesungguhnya bacaan itu tidak akan mampu mendorong untuk merasai ketinggian pemikiran al-Qur'an. Dalam hal ini, kita harus mendengar peringatan daripada Rasulullah SAW dalam hadith yang diriwayatkan Imam Bukhari:

"Akan ada diantara kalian suatu kaum yang meremehkan solat kalian dengan solat mereka. Meremehkan puasa kalian dengan puasa mereka. Meremehkan amal ibadah kalian dengan amal ibadah mereka. Mereka membaca Al-Qur'an, akan tetapi tidak melewati tenggorok mereka." (HR. Bukhari, fadlail al-Qur'an, 36).

Demikianlah, agar kita tidak tergelincir ke dalam musibah ini, maka kita harus memperbanyak menyibukkan diri dengan mendalami al-Qur'an dan memahami ayat-ayatnya melalui lubuk hati kita, menghayati akhlak yang diajar oleh al-Qur'an, kerana ia selalu mengajak manusia kepada persediaan untuk berfikir dan mempunyai perasaan dalam hati. Allah SWT berfirman:

"Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui. (Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan

kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya. *(QS. Al-Nahl: 43-44).*

Hakikatnya, dalam al-Qur'an, Allah SWT mengajak kita sebagai hamba-hambanya untuk berfikir tentang tanda-tanda kewujudan-Nya, dan memikirkan hikmah-hikmah yang tersembunyi di sebalik segala kenikmatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita.

Al-Quran juga mengalih pandangan untuk melihat tanda-tanda kejadian manusia adalah diri manusia itu sendiri. Hal ini kerana manusia mempunyai bahasa dan warna kulit yang berbeza-beza. Allah SWT berfirman:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan." *(QS. Al-Rum: 22).*

Hakikatnya, mana-mana bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi (untuk pertuturan), tidak menggambarkan bahawa bahasa itu dicipta oleh kumpulan tertentu, dan juga peraturan bahasa dan himpunan perkataan yang digunakan bukan juga hasil pengembelingan bersama.

Terdapat sesetengah bahasa, setiap ayatnya didahului oleh kata kerja, manakala terdapat ayat yang dimulakan dengan pelaku dan diakhiri dengan kata kerja. Bukanlah bahasa-bahasa ini menjadi terbaik atau teristimewa, namun semuanya itu adalah anugerah dan nikmat dari Allah SWT. Kejadian manusia yang terdiri daripada perlbagai warna kulit manusia dan keturuan yang berlainan merupakan anugerah kurniaan Allah SWT yang juga tersusun daripada berbagai-bagai kelebihan atau keisitmewaan. Warna kulit adalah

kesan atau pengaruh geografi bumi, sedangkan keturunan, merupakan kepastian dalam penciptaan manusia. Hikmah dari perbezaan ini adalah supaya manusia dapat kenal mengenali antara satu sama lain.

Tidak ada keturunan manusia yang lebih utama dari manusia lainnya, kerana dari keturunan ini lahirnya orang-orang yang baik, dan dari keturunan ini juga lahirnya orang-orang yang jahat. Namun yang terpenting adalah kelebihan takwa manusia, iaitu yang membezakan kedudukan manusia disisi-Nya. Allah SWT berfirman:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (QS. Al-Hujurat: 13).

Dari sudut lain, Allah SWT menciptakan segala sesuatu berpasang-pasangan yang menjadikan antara satu dengan yang lainnya saling lengkap-melengkapi dan menyempurnakan. Kehidupan berkeluarga dimulai dari Adam as. dan Hawa' di Syurga, hingga turun temurun kepada kita anak cucunya. Kehidupan yang menyatukan dua insan yang berlawanan jenis melalui peraturan berkeluarga yang merupakan syariat Islam yang ditetapkan oleh Allah SWT. Peraturan ini diperkukuhkan melalui Islam sebagai agama yang benar. Allah SWT berfirman:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas. Sesungguh-

nya yang demikian itu mengendungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir."(QS. Al-Rum: 21).

Allah SWT telah menjadikan keberkatan dalam alam perkahwinan dalam kalangan umat Nabi Muhammad SAW, iaitu perkahwinan yang dijalankan menurut al-Qur'an dan al-Sunah, dan Allah SWT telah menjadikannya sebagai syurga kebahagian dalam kehidupan di dunia.

Melalui pernikahan, terdapat banyak pengajaran dan hikmah yang tersembunyi –yang menyebabkan akal meresa pelik dan hairan- terhasil daripada pertemuan dua orang yang dianggap asing antara satu sama lain, untuk memperoleh kebaikan kepada kedua-duanya. Ikatan hati kedua pemuda-pemudi asing dengan rasa cinta dan kasih sayang yang dianugerahkan Allah kepada kedua-duanya yang membolehkan mereka hidup dalam suasana indah yang sebenar sehinggakan mereka melupai rumah orang tua mereka, merupakan anugerah terhebat oleh Allah SWT dan pengajaran suci yang patut kita fikirkan secara mendalam lebih daripada yang lainnya.

Namun sayang, ramai manusia yang sering menentang kebenaran. Ayat-ayat al-Qur'an telah menjelaskan segala perumpamaan bagi setiap keadaan tingkah laku manusia. Allah SWT berfirman:

"Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam Al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya." (QS. Al-Kahfi: 54).

Al-Qur'an al-Karim mengalih pandangan manusia untuk memikirkan hakikat diri mereka sendiri dan memikirkan tentang kehidupan manusia. Ayat suci al-Qur'an yang menganjur manusia berfikir tentang kehidupannya ialah firman Allah SWT :

"Dan barangsiapa yang Kami panjangkan umurnya nescaya Kami kembalikan kejadiannya (kepada keadaan serba lemah). Maka, mengapa mereka tidak mahu memikirkannya ?. (QS. Yasin: 68).

Dalam ayat lain, al-Qur'an menjelaskan hakikat manusia yang dilahirkan dalam keadaan *fitrah* (iman semulajadi), dan manusia cenderung untuk untuk melakukan perbuatan keji, ataupun cenderung untuk bertaqwa kepada Allah SWT sebagaimana dalam firman-Nya:

"Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (QS. Al-Syams: 7-10).

Dan dalam ayat lain, al-Qur'an menjelaskan tentang kekuasaan Allah dalam menghidupkan sekali lagi manusia yang telah mati, dan manusia sangat lemah untuk berdepan dengan keadaan ini, iaitu manusia tidak mampu untuk melawan ketetapan ini. Kebenaran dari Allah yang ditunggu oleh manusia di masa pengakhirannya seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

"Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati), Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), dan ia

pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil ia bertanya: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?" Katakanlah: "Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya; dan Ia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya);." *(QS. Yasin: 77-79).*

Dalam ayat lain, al-Qur'an mengingatkan manusia bahawa kehidupan di dunia ini hanya sementara. Seperti dalam firman Allah SWT:

"Pada hari itu mereka merasakan seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sebentar sahaja pada waktu petang atau paginya." *(QS. Al-Nazi'at: 46).*

Ayat-ayat di atas mengajak manusia untuk sentiasa berfikir, iaitu berfikir secara positif merupakan perintah Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebelum empat belas abad silam. Rasulallah SAW bersabda (yang ertinya):

"tiada ibadah (yang utama) seperti halnya berfikir". (HR. Al-Baihaqy, Syu'ab al-Iman, 4/157).

Dapat disimpulkan bahawa hadith di atas mengesa kita untuk berfikir, iaitu berfikir yang menjadi satu kemestian sebelum beribadah. Kerana mengetahui dan memahami hakikat suatu ibadah tidak akan mungkin tercapai kecuali dengan berfikir.

Hakikatnya, berfikir sebagaimana telah diperintahkan oleh al-Qur'an al-Karim dan Sunah Rasulullah SAW melalui banyak hadith yang tidak terkira bilangannya, iaitu sebelum empat belas abad silam, menjadi lebih penting pada masa sekarang berdasarkan beberapa penjelasan dinyatakan sebelum ini. Walaupun kita mengatakan kita semestinya ghairah dan bersemangat dalam menyeru kepada kebenaran dan menyampaikan kebenaran untuk tujuan terlepas dari-

pada tanggungjawab, ianya amat sedikit dibandingkan dengan apa perkatakan mengenainya.

Salah satu waktu yang penting untuk dihidupkan dengan ibadah adalah malam *nisfu al-Sya'ban* (malam ke lima belas bulan sya'ban). Pada malam itu, kita harus menghidupkannya dengan perasaan hati yang amat mendalam, kerana pada malam itu merupakan malam pengadilan dan pembahagian. Pada malam itu dicatat, siapa sahaja yang akan dilahirkan dan siapa sahaja yang akan mati pada tahun ini. Begitu juga pembahagian rezki ditentukan pada malam itu, dan segala amal perbuatan manusia diangkat ke hadrat Allah SWT. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

"Ketika menjelang malam nisful Sya'ban (malam kelimabelas dari bulan Sya'ban), maka dirikanlah ibadah pada malam harinya. Dan puasalah pada siang hari. Kerana Allah pada malam itu mulai dari terbenamnya matahari menurunkan rahmatnya kelangit dunia. Kemudian ia berkata: adakah orang yang meminta ampunan?, maka aku akan memberikannya maghfirah. Adakah orang yang minta rezki?, maka aku akan memberikannya rezki. Adakah orang yang minta kesembuhan dari penyakit?, maka aku akan menyembuhkannya. Adakah orang yang ini dan itu? dan seterusnya, Allah SWT menawarkan pemberian hingga menjelang fajar. (HR. Ibnu Majah, Iqâmah al-Solat, 191).

Kesimpulannya, Allah SWT membuka pintu rahmat, kebaikan, dan terkabulnya doa hingga menyingsingnya fajar malam itu. Alangkah indahnya berita gembira dari Nabi Muhammad SAW bagi orang yang menghidupkan malam *nisful Sya'ban* dengan solat di malam harinya, dan berpuasa pada siang harinya. Menghidupkan malam *nisful Sya'ban* tidak hanya dengan solat sahaja, akan tetapi meliputi segala perlakuan atau bentuk yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti membaca al-Qur'an, zikir, bertas-

bih, membaca selawat kepada Nabi Muhammad SAW, mengadakan majlis-majlis ilmu (pengajian) yang mendekatkan diri pada Allah SWT.

Kita juga harus memberi perhatian terhadap hari atau malam setelah malam *nisful Sya'ban*, kerana hari dan malam itu umpama jemputan istimewa untuk ke bulan Ramadan yang mulia dan ibarat sumber cahaya. Seterusnya, kita harus memperhalusi kepekaan hati nurani kita pada bulan Ramadan dengan memperbanyak amal kebaikan dan menambah rasa cinta kita terhadap Allah SWT

Kita harus melaksanakan solat kita dengan keseimbangan antara hati dan badan, kerana solat merupakan pertemuan mulia antara hamba dan tuhannya. Diriwayatkan bahawa seseorang telah bertanya kepada Rasulullah SAW: *"Wahai rasulallah, ajarkanlah aku ilmu (yang ringkas dan banyak manfaat)."* Baginda menjawab: "*Ketika kamu mendirikan solat, maka solatlah seperti keadaan orang yang akan meninggalkan dunia. Dan janganlah berbicara dengan perkataan sebagai alasan. Dan putus asalah (untuk meminta harapan)dari apa yang ada ditangan manusia." (HR. Ibnu Majah, Zuhud, 15).*

Seorang mukmin sejati apabila melaksanakan solat, dia selalu berusaha untuk mendapatkan keutamaan dan kebaikan. Begitu juga dia sangat hati-hati untuk tidak mensia-siakan kenikmatan dari Allah SWT ini, ini kerana Rasulullah SAW. bersabda dalam hadithnya:

"Sesungguhnya seseorang berpaling dari solatnya, dan tidak dicatat kecuali satu perseepuluhnya, atau satu persembilannya, atau satu perlapannya, atau satu pertujuhnya, atau satu perenamnya, atau satu perlimanya, atau satu perempatnya, atau satu pertiganya, atau setengahnya. (HR. Abu Dawud, solat, 123).

Hal penting yang juga harus kita perhatikan ialah kesungguhan kita untuk berusaha semaksima mungkin bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam bulan Ramadan. Hal ini kerana segala bentuk rahmat dan keberkatan terdapat pada bulan yang mulia ini. Turunnya al-Qur'an pada bulan Ramadan, terdapat hikmah yang sangat besar iaitu supaya manusia dapat mempraktikkan nilai-nilai kehidupan Ramadan hingga menjelang hari kiamat.

Ramadan dan al-Qur'an merupakan tempat pentarbiahan dalam perbuatan dan kehidupan yang kekal. Allah SWT berfirman:

"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Qur'an, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan membezakan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa daripada kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah dia berpuasa. Sesiapa yang sakit atau dalam musafir (lalu dia berbuka maka wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan (dengan ketetapan yang demikian) dan dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran; dan juga supaya kamu mencukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), serta kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur." (QS. Al-Baqarah: 185).

Dalam ayat di atas, setelah penjelasan tentang Al-Qur'an sebagai kitab suci pemberi petunjuk yang dipenuhi dengan bukti petunjuk dan hikmah, Allah SWT memerintah kepada setiap orang yang melihat (menemui) bulan Ramadan agar berpuasa selari dengan ketetapan al-Qur'an.

Semestinya kita tidak lupa bahawa membaca al-Qur'an tidak hanya mengulang-ulang setiap lafaz sahaja, namun kita harus mengetahui hakikat dari setiap ayatnya. Bahkan kita harus mend-

engarkan dengan telinga hati, dan mata akal untuk melaksanakan perintah yang terdapat di dalamnya, iaitu perintah yang menjelaskan kepada kita jalan selamat dalam kehidupan di dunia, dan jalan yang kekal abadi di dalam syurga. Hal yang demikian kerana seorang manusia juga dibekalkan dengan nafsu dan kesenangan, dan untuk menghadapi semua itu senjata yang paling ampuh ialah al-Qur'an.

Ya Allah, jadikanlah kami orang-orang yang hidup dengan petunjuk al-Qur'an. Ya Allah, di bulan yang penuh berkat ini, jadikanlah kami sebagai hamba-hamba yang nantinya mendapat kenikmatan syurga. Ya Allah, jadikanlah al-Qur'an dan Iman sebagai saksi yang bermanfaat bagi kami, bukan yang menentang kami. Dan jadikanlah puasa kami sebagai kerahmatan, sahur kami sebagai keberkahan, buka puasa kami sebagai saat-saat bertemu denganmu, Ya Allah. Amien.

Taubat dan Air Mata

"Bertaubat dan berdoalah dengan air mata dan hati yang dipenuhi api penyesala, kerana bunga hanya akan mekar dengan siraman air dan sinaran panas terik matahari".

"Jalaluddin al-Rumy ra."

TAUBAT DAN AIR MATA

Pada suatu hari, seorang Penenun bertanya pada salah seorang soleh terhadap makna dari sabda Nabi Muhammad SAW.:

"Sesengguhnya Allah SWT menerima taubatnya hamba sebelum menjelang nafas terakhir kehidupannya." (HR. Ibnu Majah, Al Zuhud, 30).

Kemudian orang soleh ini menjawab dan bertanya kepada Penenun itu: *Ya, seperti yang disabdakan Rasulullah SAW. Apakah saya boleh tahu apa pekerjaan anda?.*

Penenun: *saya penenun yang menenun pakaian.*

Orang soleh: *apa hal termudah yang dapat dilakukan dalam pekerjaan tenun?.*

Penenun: *memotong kain.*

Orang soleh: *sejak bila anda bekerja sebagai Penenun?*

Penenun: *sejak sembilan tahun yang lalu.*

Orang soleh: *apakah saat ruh sampai ke halqum, anda mampu memotong kain?.*

Penenun: *tidak, saya tidak dapat.*

Orang soleh: *wahai Penenun!.Jika pada saat itu anda tidak mampu melakukan pekerjaan yang telah anda lakukan selama sembilan tahun, bagaimana mungkin anda mampu bertaubat saat menjelang kematian?.Lagi pula anda tidak pernah melakukannya*

walaupun sekali. Maka bertaubatlah sekarang juga!. Selagi masih kuat. Jika tidak, anda tidak akan mampu memohon ampunan Allah SWT saat menjelang kematian. Dan anda tidak akan mendapatkan husnul khatimah (kebaikan di akhir hayat). Apakah anda tidak pernah mendengar kalimat ini: Segeralah bertaubat!, sebelum ajal tiba.

Semenjak kejadian itu penenun tadi bertaubat dengan ikhlas dan juga menjadi orang yang soleh.

Seperti yang kita amati dalam cerita di atas, hawa nafsu dan kesenangan dunia merupakan sesuatu yang berbahaya terhadap manusia. Tetapi yang paling bahaya ialah melewatkan taubat, kerana taubat merupakan keselamatan jiwa kita sepanjang umur.

Qatadah berkata: *sesungguhnya Al-Qur'an menunjukkan pada kalian penyakit dan ubat pada dirimu. Penyakit kalian adalah dosa-dosa kalian. Dan ubatnya adalah istighfâr (Al Baihaqy, syu'b al-Iman, 5/427).*

Jelaslah bahawa *istighfâr* (memohon ampunan kepada Allah SWT) mempunyai kedudukan penting untuk menghadap Allah SWT, dan merupakan satu-satunya saranan yang membantu untuk membersihkan diri dari kotoran hati. Sedangkan taubat dapat mengbuka tirai penghalang antara hamba dan tuhannya, ia merupakan jalan untuk mendapatkan reda Allah SWT dalam melaksanakan ibadah. Maka kita harus menyingkirkan segala sesuatu yang menghalangi jalan kita untuk mencapai tujuan. Selain itu, hati juga memerlukan bantuan untuk mencapai tujuan yang mulia.

Oleh yang demikian, kebanyakan cara ahli *al-tsowuf* memulakan amalan mereka ialah dengan ber*istighfâr* dan zikir pada waktu sahur untuk menenangkan hati. Taubat pertama dimulai dari Bag-

inda Nabi Adam as., dan dalam taubatnya itu, dia memohon pada Allah SWT sebagaimana dijelaskan dalam surah Al A'raf:

"Meraka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan kalau Engkan tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya jadilah kami antara orang yang rugi." (QS. Al-A'raf: 23).

Doa yang telah Nabi Adam as. dan Hawa panjatkan kepada Allah SWT menjadi contoh dalam memohon keampunan kepada anak cucu Adam as yang datang selepasnya sehingga ke hari kiamat.

Para ulama membahagi taubat menjadi tiga:

1. *Taubat al awâm* (taubatnya orang awam), iaitu mereka yang bertaubat dari dosa-dosa mereka.

2. *Taubat al khawâsh* (taubatnya orang pilihan), iaitu mereka yang bertaubat kerana lupa (tidak zikir) kepada Allah SWT

3. *Taubat khawâsh al khawâsh* (taubatnya orang tertentu dari orang-orang pilihan), iaitu taubat orang-orang yang mengharap kedekatan dengan (rahmat) Allah SWT

Namun begitu, ikhlas dan kejujuran hati merupakan dua syarat utama dalam suatu amal soleh. Setiap orang yang merasakan kenikmatan sebagai hamba Allah SWT, mereka bertaubat dari taubat yang telah mereka lakukan. Dengan kata lain mereka menganggap taubat yang telah mereka panjatkan memerlukan taubat lagi. Sehingga mereka dapat menyingkap tabir rahsia makna *taubatan nasuha* (taubat sebenar-benarnya) seperti dinyatakan dalam al-Qur'an. Ianya penting kerana hawa nafsu dan syaitan, jika ia tidak mampu memperdaya hati untuk melakukan keburukan, keduanya mencari jalan lain seolah ia menjadi guru yang memandu ke arah kesempurnaan dan kebaikan. Akhirnya, manusia akan terjerat dengan tipudaya lain dengan menangguhkan taubat serta menjadikan taubat seba-

gai debu yang bertaburan. Menunda-nunda taubat bagaikan bencana yang menjadikan akhirat hitam kelam. Allah SWT berfirman:

"Mudah-mudahan Tuhanmu akan menyayangi kamu (kalau kamu bertaubat). Jika kamu kembali (menderhaka), maka kami pula akan kembali (menyeksa kamu di dunia).kami telah jadikan Neraka Jahannam sebagai penjara bagi orang kafir (pada hari kiamat)." (QS. Al-Isra': 8).

Demikianlah, jika seseorang yang digagalkan taubatnya tanpa henti diibaratkan dia ditundukkan syaitan, lebih-lebih lagi, jika dia bertaubat pada satu satu masa, syaitan dan mereka yang lalai disekelilingnya akan menjadi syaitan baginya dan mengagalkan taubatnya sekali lagi dengan kata: "Aku memohon maaf atas mu dan aku mengecewakanmu".

Oleh yang demikian, Allah SWT berfirman:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha (taubat yang semurni-murninya). Mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapusnkan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari ketika Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang yang beriman bersama-sama dengannya. Cahaya (iman dan amal salih) mereka memancar di hadapan mereka dan disebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan). Mereka berkata: "Wahai Tuhan kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan limpahkanlah keampunan kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."(QS. Al Tahrim: 8).

Seorang Penyair bernama Rahmati, dia mengingatkan hati manusia yang ingin melakukan taubat dengan ungkapan syairnya:

"Ketika lisan tiada henti-hentinya melantunkanistighfâr.

Walaupun hati tidak begitu meresapi intisarinya. Namun nafsu telah tenggelam dalam ribuan lorong-lorong sempit yang mencengkam."

Telah diterangkan dalam kitab hadith "*Jami' al-Shaghir*", perkara yang mengejutkan tantang tajuk taubat. Dalam kitab tersebut dijelaskan bahawa malaikat yang diperintahkan untuk mencatat amal buruk manusia tidak akan mencatatnya kecuali setelah enam jam berlalu, malaikat tersebut menunggu orang yang telah melakukan dosa untuk bertaubat. Oleh kerana itu, kita tidak boleh mengeluarkan alasan dengan melontarkan kata-kata: *"Saya tidak dapat menjaga taubat. Saya pasti akan meakukan dosa lagi. Oleh itu, lebih baik aku tidak bertaubat".*

Bagi orang yang telah melakukan dosa, seharusnya dia sentiasa bertaubat, kerana Allah SWT telah memberi kenikmatan baginya berupa kesempatan untuk bertaubat dan tidak mengagalkan taubatnya sekali lagi. Akan tetapi, kita harus ketahui bahawa taubat terlaksana dengan penyesalan yang teramat sangat ketika memohon keampunan, dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi. Oleh itu, Allah SWT telah mengingatkan kita tentang kepentingan menjaga taubat dalam firman-Nya:

"Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu dan takutilah hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya daripada azab dosanya dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing. Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu di perdayakan oleh kehidupan melanggar, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah SWT." (QS. Luqman: 33).

Sementara itu, Rasulullah SAW bersabda:

"Wahai 'Aisyah!, apabila kamu melakukan dosa, maka mintalah keampunan daripada Allah SWT kerana taubat dari dosa adalah penyesalan dan istighfâr." *(HR. Ahmad, juz. 6, 264).*

Hadith di atas menjelaskan kepada kita kepentingan memulakan taubat dengan perasaan menyesal, dan dikatakan kekotoran dosa dapat disucikan dengan hangatnya air mata. Diriwayatkan bahawa salah seorang yang melakukan dosa, selepas dia bertaubat dan mnyesal diberikan kepadanya senarai dosa-dosa yang dilakukannya, dikatakan padanya "Baca ini!". Lalu, menangislah orang yang bersalah pada dirinya di hadapan senarai dosa yang dilakukan. Dia tidak mampu melihat dosa-dosanya yang terdapat pada senarai itu kerana terhalang oleh air mata. Akhirnya, air matanya yang hangat itu telah menyucikan segala dosa-dosanya dan membersihkannya semua. Demikianlah diampunkan oleh Allah kesalahannya itu.

Oleh yang demikian, terdapat ungkapan: "*Alangkah banyaknya dosa yang memerlukan ribuan titis air mata untuk menghapusnya. Dan betapa banyaknya satu titis air mata dapat membasuh seribu dosa",* kerana air mata merupakan 'sumber mata air' taubat bagi orang-orang yang masuk ke taman cinta Allah SWT. Air mata inilah yang membersihkan dosa-dosa, dan air mata inilah merupakan ungkapan rasa syukur kepada Allah SWT. Air mata adalah tempat memohon hajat kepada Allah SWT, dan orang yang mendapat kebahagiaan hakiki ialah mereka yang mampu menitiskan air mata atas tempat tersebut pada saat terputusnya segala cita-cita atau hajatnya.

Setiap titis air mata orang yang menangis di hadapan tuhannya, laksana cermin yang dapat menampakkan segala sesuatu yang wujud di hadapannya, kerana setiap zarah pada cermin adalah keagungan dan kebesaran rahsia ilahi. Lembaran-lembaran hikmah yang dibaca dengan acap kali atau dibaca dengan linangan air mata. Ini kerana air mata dapat mengungkapkan segala sesuatu yang tidak da-

pat dituturkan dengan kata-kata, dan seorang hamba yang inginkan segala sesuatu dari tuhannya, dia tidak mampu membayangkannya. Oleh yang demikian, sesungguhnya kerinduan akan bertemu dengan kemuliaan dan kemanisan melalui mata yang menitikan air mata, dan 'perantau fakir' akan beristirahat di pantai air mata itu.

Alangkah indahnya kisah yang menjelaskan nilai air mata yang menitis kerana Allah SWT. Diceritakan pada suatu hari Junaid al Baghdadi ra. melalui suatu tempat, lalu dia terlihat seakan-akan malaikat turun dari langit dengan membawa sesuatu (bekas). Kemudian malaikat tersebut menggali sejengkal tanah dan mengeluarkan sesuatu dari dalam tanah itu, lalu Junaid ra. bertanya pada salah satu dari mereka: "*Apa yang anda keluarkan dari tanah itu?.*" Malaikat itu menjawab: "*Saat kekasih Allah SWT melewati tempat ini, dia menyebut kata "ah" dengan penuh kerinduan pada Allah SWT dan menitikan air mata. Kami mengambil titisan-titisan air mata itu, dan memohon pada Allah supaya merahmati dan mengampuni dosa-dosanya sebab titisan air mata itu.*"

Diriwayatkan dalam suatu hadith: "*Dua mata yang tidak akan disentuh api neraka, iaitu mata yang menangis kerana takut Allah SWT dan mata yang terjaga di jalan Allah SWT*" *(HR. Al Tirmidzy, fadlail al-Jihad, 12).*

Syaikh Jalaluddin al-Rumy ra. mengibaratkan taubat yang diiringi air mata, dengan air kotor yang menguap, lalu dari wap itu memunculkan air bersih yang turun kebumi dan bermanfaat. Dia berkata: *"Ketika air menjadi keruh sebab campuran tanah liat, maka akan menyusahkan manusia atas kekeruhannya, hinggalah manusia akan memohon doa pada Allah SWT atas keresahannya itu. Ketika mereka memohon, air akan menjadi wap dan terangkat ke awan. Air akan terproses hingga menjadi bersih. Setelah itu turun menjadi hujan atau salji, dan mengalir sampai ke lautan yang tidak bertepi."*

Tanpa diragukan, contoh-contoh di atas menjelaskan kepada kita betapa besarnya cinta dan kasih sayang Allah SWT pada hamba-Nya yang berdosa dan menginginkan keselamatan. Jika matahari penyesalan dan mata air taubat berada pada hati yang berlumur dosa, maka Allah SWT akan menaikkan hati tersebut ke langit (memberi pengampunan) lalu membersihkannya dari segala kotoran debu dan tanah serta segala tipudaya dunia. Sekali lagi Allah SWT mengurniakan nikmat kepada semulia-mulia makhluk, iaitu manusia dengan pemberian rahmat. Ini bererti bahawa gambaran ini jelas terlihat dan tercapai dalam sebesar-besar gambaran iaitu dalam solat, kerana solat yang dikerjakan dengan sempurna merupakan *mi'raj* (kenaikan hati) orang beriman.

Akan tetapi, kerana kealpaan dan kelalaian manusia terhadap kebenaran ini dan terjerat dalam tipu daya kehidupan dunia, sehingga dia lebih banyak tertawa dibandingkan dengan menangis. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

"Serta kamu tertawa (mengejek-ngejeknya), dan kamu tidak mahu menangis? Sedangkan kamu adalah orang yang berlengah-lengah (dalam melaksanakan kewajipan) ?" (QS. Al-Najm: 60-61).

Allah SWT menunjukkan bagaimana jalan yang seharusnya mereka lalui dalam firman-Nya:

"Maka bolehlah mereka ketawa sedikit (di dunia ini) dan mereka akan banyak menangis (di akhirat kelak), sebagai balasan apa yang mereka telah usahakan." (QS. Al-Taubah:82).

Ayat di atas menerangkan keutamaan mensucikan diri dari dosa dengan taubat dan titisan air mata. Dalam konteks ini, Syaikh Jalaluddin al-Rumy ra. berkata: *"Saat lilin menangis dan menitiskan air, maka ia lebih terang menyinari. Ranting pohon kembali menghijau dan manjadi baru disebabkan tangisan awan yang menangis dan*

panasnya bahang matahari, kerana cahaya matahari dan air adalah sesuatu yang perlu untuk menyuburkan tanaman."

"*Sama juga keadannya dengan awan dan guruh yang sangat penting untuk diterima taubat, iaitu air mata dan degupan hati*".

"*Jika tidak ditundukkan kejahatan hati dan tidak dititiskan air dari 'awan mata', bagaiman caranya untuk memadamkan api kemarahan diri dan obor dosa? Dan bagaimana untuk memecah cahaya hikmah Allah SWT agar terpacar dalam hati?. Bagaimana dapat terpancar sumber-sumber jiwa dan rohani?. "Dan apabila tidak turun hujan, bagaimana mungkin rumput tumbuh kehijauan?, dan bagaimana bunga dapat tumbuh mekar?*

"Tinggalkanlah kebiasaan buruk, dan selalu menangislah. Tanah yang jauh dari mata air akan tandus. Sementara air yang jatuh jauh dari aliran sungai akan kotor dan keruh. Taman serta hutan yang menghijau akan menjadi kuning kering dan menjadi sarang penyakit apabila tidak menerima air. Begitu juga manusia".

Bagi menjaga diri kita dari situasi sedemikian, maka seharusnya kita menjadi seperti Sayyidina Syu'aib as yang buta matanya kerana menangis kerana Allah SWT. Nabi Muhammad SAW bersabda dalam hadithnya yang diriwayatkan olah Imam Bukhari:

"Apabila kalian tahu apa yang aku ketahui, maka kalian akan sedikit tertawa dan banyak menangis". (HR. Bukhari, tafsir, 5/12).

Oleh yang demikian, sesungguhnya 'pewira' hati yang membersih dan merawat luka yang terdapat dalam hati daripada segala dosa sepanjang hayat dengan air mata. Melalui air mata juga hati itu dapat menjadi sebahagian daripada hati-hati yang rindu untuk memasuki suyrga keampunan. Dari itu, para Nabi, para auliya, orang-orang soleh dan orang-orang yang jujur selalu bermunajat

pada Allah SWT, baik dalam keadaan suka maupun duka, sempit ataupun lapang.

Di dunia ini tidak mungkin tergambar pada kita eorang yang tidak memerlukan taubat dan *istighfâr*, kerana kesalahan yang tidak disengaja pasti terjadi termasuk juga para Nabi. Taubat dan *istighfâr* merupakan perantara yang dapat mendekatkan diri pada Allah SWT, kerana keduanya menggambarkan rasa penyesalan dan permohonan ampun dari hati yang jujur dan ikhlas kepada Allah SWT.

Dari sudut lain, sesungguhnya taubat dan air mata yang di-ingini Allah SWT daripada hamba-hamba-Nya melalui cubaan dan kesukaran yang diduga terhadap hamba-Nya merupakan 'transaksi perniagaan' yang kekal. Apabila seseorang mengharap keuntungan dalam perniagaannya, dia tidak akan mengadu dan mengeluh terh-adap segala cubaan yang dihadapinya, kerana dia tahu akan menda-pat kebahagian besar yang kekal. Syaikh Jalaluddin al-Rumy ra. menganggapkan dirinya sebahagian daripada mereka yang untung itu, katanya: *"Sesungguhnya Allah SWT mengambil beberapa titis air matamu di dunia ini. Namun Dia akan mengggantinya dengan aliran sungai di syurga. Allah SWT mengambil rintihan rasa cinta dan sakitmu, sebaliknya semua itu akan digantikan dengan mem-berikan ratusan kedudukan mulia disisi-Nya, dan tempat yang tidak mungkin kita sampai (semasa di dunia ".*

Akan tetapi, kita harus fahami bahawa semua air mata adalah tidak sama, malah terdapat perbezaan besar antara antara satu sama lain. Banyak rintihan dusta yang dibuat-buat adalah gambaran dari-pada wujud kelalaian dan penipuan. Sufyan al-Tsaury ra. berkata: *"Tangisan ada sepuluh. Yang sembilan riya' (pamer). Dan hanya satu sahaja betul-betul kerana Allah SWT Tangisan kerana Allah SWT merupakan perantara yang menyelamatkan seorang hamba dari neraka jahannam".*

Diceritakan bahawa terdapat seorang wanita yang menangis, mengadu pada Al-Qadi Syuraih. Pada masa yang sama, Syaikh Sya'by berada di sana, lalu Sya'by mengatakan pada Syuraih: *"Saya kira perempuan ini teraniaya. Apa anda tidak melihat bagaimana dia menangis?."* Syuraih menjawab: *"Wahai Sya'by!, saudara-saudara Yusuf menangis dihadapan ayah mereka. Padahal merekalah yang zalim (menganiaya). Telahanmu (hukumanmu) tidak akan benar jika hanya melihat pada air matanya."*

Jelaslah, air mata seperti tangisan di atas tidak akan diterima. Tangisan yang menyebabkan kehinaan merupakan tangisan yang dibenci. Air mata yang datang dari hati yang tidak mengalir membasahi pipinya (kerana menangis bersungguh-sungguh) adalah air mata yang kosong dan tidak berguna. Dalam hal ini, salah seorang Penyair Turki, almarhum Muhammad Akif mengatakan:

"Wahai manusia!, tinggalkanlah kesedihan dan tinggalkanlah rintihan.

Jika tangisan itu bermanfaat, nescaya bagkit ayahu dari kuburnya.

Apa pentingnya air mata, jika tidak mengalir dari hati."

Air mata dan tangisan yang Allah SWT kehendaki, bukanlah air mata yang dapat menurunkan martabat seseorang di depan teman atau musuhnya. Sebaliknya, air mata yang dapat mengangkat martabat seseorang ke langit kemuliaan, serta air mata yang dapat menghidupkan hati. Air mata kita harus membawa dan menjaga kita agar tidak tenggelam ke dasar laut kehinaan. Sepertimana laut yang luas membawa pelbagai kotoran, buih, dan sampah, namun tidak menenggelamkannya. Seharusnya air mata mata kita seperti air laut itu yang menjaga kita dan menyelamat kita daripada tenggelam malah membawa kita menuju ke 'rumah impian'. Air mata ini

umpama titisan yang lebih banyak mengalir dari hati dibandingkan dari mata, menyerlahkan kekuasaan Allah SWT bukannya makhluk-Nya.

Terdapat perkara penting yang lain dalam masalah tangisan yang perlu diperhatikan, iaitu tangisan bukanlah dari bentuk tangisan keluhan. Ini kerana keluhan mati sebab tidak reda, tentu ianya tidak boleh diterima. Keluhan seseorang pada tuhannya membuatkan dirinya terdorong kepada kederhakaan dan meletakkan segala keputusan atas dirinya, perkara ini akan menimbulkan kemarahan Allah SWT. Sedangkan tangisan yang kita kehendaki bukanlah yang menimbulkan kemurkaan, namun suatu tangisan yang dapat membahagiakan kekasih dan teman, iaitu tangisan yang dapat membersihkan diri dari noda-noda dan dosa.

Natijahnya, ketika datang saat kematian, terjagalah orang-orang yang sedang tidur yakni mereka akan membuka mata mereka dan melihat kebenarana. Namun tidak ada lagi gunanya penyesalan pada saat-saat terakhir (nafas terakhir), seperti penyesalan Firaun di saat tibanya kematian. Alangkah indahnya apa yang disampaikan Syekh Jalaluddin al-Rumy ra.: *"Orang yang berakal menangis jauh sebelum menjelang detik-detik kematian. Sedangkan orang yang bodoh, akan membanting kepalanya di akhir kehidupan. Saksikanlah akhir hayatmu pada permulaan amalmu. Jangan sampai kamu menyesal di hari pembalasan kelak."*

Ambillah pegajaran dari kisah seekor burung yang melihat biji gandum dalam jaring pemburu. Burung itu bingung dan tidak mampu menggunakan akalnya lagi, lalu ia memberanikan diri mematuk biji-bijian itu. Namun sayang, akhirnya ia masuk dalam perangkap juga. Pada saat ini, tanyalah pada diri anda!. Berapa kalikah anda membaca surah Yasin?. Berapa banyak anda membaca surah al-An'am untuk menyelamatkan diri anda dari kesakitan, tetapi apa

faedahnya?. Selepas ditimpa ujian (bala') dan kesempitan, apa gunanya menangis, merintih, memohon dan mengadu? Segala doa, rintihan, dan pengaduan terhadap Allah SWT merupakan kewajipan dan hanya diterima sebelum jatuh ke dalam perangkap, yakni kematian.

Sebagai contoh, kisah Nabi Ibrahim as. saat mendengar bahawa kaum Nabi Luth as. akan diseksa akibat perbuatan keji mereka. Nabi Ibrahim as. berhajat untuk mendoakan mereka dengan memberi rahmat kerana kejahilan mereka dan besarnya dosa mereka lakukan, lalu malaikat berkata: *"telah berlalu waktu untuk berdoa"*.

Kematian atas kehendak Allah SWT, kita semua tidak mengetahuinya, bila dan di mana, dan bagaimana kematian itu datang?. Maka kita harus menyematkan dalam hati kita suatu prinsip *"matilah sebelum mati"*.[16] Dan kita harus mempersiapkan diri untuk menghadap Tuhan semesta alam, Allah SWT. Sebaliknya, nafas terakhir adalah saat dalam kerugian yang dipenuhi dengan rintihan *"ah, begini jadinya. Ke mana kamu setelah kematian?."* Allah SWT berfirman:

"Dan ketika datang sakaratul-maut membawa kebenaran yang telah dijanjikan, "Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya." . *(QS. Qaf: 19).*

Maka dari itu, hal terpenting yang harus dilakukan manusia adalah membersihkan diri dan menjaga hati dari segala kemaksiatan. Semua yang telah kami jelaskan tentang taubat dan air mata hingga sampai sini hanya sebatas pintu untuk menuju pembersihan diri. Setelah memasuki pintu ini, kita wajib menghiasi diri dengan amal baik. Setelah menunaikan fardu wajib dan sunah-sunah, kita wajib menghiasi diri dengan melakukan banyak kebaikan, memenuhi

16. Beramal untuk bekal kematian sebelum mati.

hak-hak kedua orang tua, bersedekah pada jalan Allah SWT, kasih sayang pada setiap makhluk, dan memaafkan kesalahan orang. Misalnya, orang-orang yang biasa memaafkan orang lain, mereka akan lebih banyak mendapat keampunan daripada Allah SWT, kerana mereka yang menjauhikan diri mereka daripada kasih sayang dan rahmat Allah, dan tidak memperdengarkan hati-hati mereka kepada gesaan '*latarhamunaa*' adalah mereka yang akan hidup dalam kebingungan, kesedihan dan ketewasan.

Oleh yang demikian, kita harus menghadap Allah SWT dengan berpegang pada kecantikan tingkahlaku dalam suasana bertaubat dan menangis. Tanpa diragui lagi bahawa pengharapan ini harus kita lakukan sepanjang hidup kita. Semenata itu, dalam perjalanan hidup kita terdapat masa-masa istimewa iaitu musim mencari keuntungan yang amat berbeza sekali bagi seorang hamba Allah, iaitu pada bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan.

Bulan Ramadan al-Mubarak yang terdapat dalamnya satu malam yang lebih baik dari seribu malam, iaitu *lailatul Qadar* yang diturunkan al-Qur'an dari *lauh al-Mahfuz* ke langit dunia untuk menyinari dunia dan memberi petunjuk manusia. Bulan ini dan malam lailatul Qadr adalah umpama 'bulan' yang bersinar menyinari hati-hati yang telah digelapkan dengan sinaran nur dan cahaya. Malam *lailatul Qadr* adalah 'pintu' yang dibuka dari langit terus ke dunia untuk didaki dan digapai orang orang-orang yang beriman. Dalam pada itu, orang yang beriman seharusnya menyedarkan hati mereka dan memenuhi seluruh usia mereka dengan keberkatan dan cahaya yang diperoleh dari bulan yang mulia ini, kerana hari kiamat bagi mereka yang menghiasi hati-hati mereka dengan kehidupan seperti dinyatakan di atas bukanlah hari kegelisahan dan penyesalan, namun ianya seperti penantian fajar hari raya.

Ya Allah, jadikanlah kepada kami semua fajar hari raya yang penuh dengan keberkatan dan rahmat-Mu. Jadikanlah kami orang-orang yang selalu rindu, dan menitiskan air mata yang sebenarnya dalam menggapai reda dan ampunanmu. Amien.

❁

“Setiap kali diulang-ulang doa, maka akan terukir atas jiwa setiap mukmin seperti bisikan dan perasaan dalaman, dan akan sebati dengan peribadi lalu bertukar menjadi karektor keperibadian baginya, iaitu orang yang memanjatkan doa. Oleh yang demikian, sesungguhnya ruh-ruh orang-orang mulia sentiasa hidup dalam keadaan berdoa kepada tuhan”

DOA

Sesungguhnya semua Nabi dan para auliya yang diutus Allah SWT untuk menebarkan kedamaian di seluruh alam, selalu menghadapkan hati mereka pada Allah SWT baik dalam keadaan sempit atau lapang, sedih ataupun senang. Mereka hidup dalam suasana berdo'a, *raja'* (berharap pada Allah SWT), dan *tawassul* (menjadikan amal baik menjadi perantara). Mereka merupakan teladan yang patut kita pelajari akhlak, tindak tanduk, dan langkah mereka. Malah lebih penting bagi kita ialah berdoa pada Allah SWT pada setiap waktu dan setiap keadaan.

Berdo'a atau memohon pertolongan pada Allah SWT merupakan sebahagian dari tabiat manusia, dan juga merupakan kemuliaan sebagai seorang hamba. Segala sesuatu yang ada di langit dan bumi selalu tunduk, taat, dan berdoa pada Yang Maha Kuasa yakni Allah SWT, iaitu tuhan yang tiada terbatas kekuasaan-Nya. Pendidikan agama yang sebenar selalu menekan dan menumpukan kepada amalan berdoa dalam jiwa seorang mukmin, kerana doa merupakan kunci terbesar yang membuka hati membimbing menuju jalan Allah SWT.

Ketika doa dipanjatkan, maka doa itu akan terukir dalam jiwa dan hati orang mukmin seperti bisikan dan perasaan dalaman, dan akan sebati dengan peribadi lalu bertukar menjadi karektor keperibadian baginya, iaitu orang yang memanjatkan doa. Oleh yang demikian, sesungguhnya ruh-ruh orang-orang mulia sentiasa hidup dalam keadaan berdoa kepada tuhan. Ini kerana hati mereka selalu

takut terhadap peringatan Allah SWT yang didatangkan melalui ayat-ayat suci tentang kepentingan menjadikan amal baik menjadi perantara doa. Allah SWT berfirman:

"Katakanlah (kepada orang-orang musyrik): "Tuhanku tidak mengindahkan kamu, melainkan kalau ada ibadatmu." (QS. Al Furqan: 77).

Demikianlah, sesungguhnya perubahan perasaan (perantara) dengan berdo'a kepada tuhan dalam jiwa seseorang mukmin kepada keadaan yang dapat membentuk hubungan maknawi antara Allah SWT dan hamba-Nya. Doa pada saat seseorang dipenuhi dengan cinta merupakan saat penyatuan hati dengan rahmat Allah SWT.

Keperluan dalam berdo'a ialah rahmat dan harapan rahmat Allah SWT. Oleh yang demikian, awal ungkapan yang harus dipanjatkan hati dalam berdoa adalah pengakuan atas dosa-dosa yang telah dilakukan dan kelemahan diri dalam melakukan ketaatan. Doa merupakan ritual menghadapkan diri pada Sang Maha Kuasa, yang tiada batas besar kekuasaannya. Maka kita harus merendahkan diri, dan mengakui kelemahan kita dihadapan-Nya.

Pengakuan atas kelemahan diri dalam menjalankan ketaatan dihadapan Allah SWT merupakan salah satu sebab munculnya rahmat dan terkabulnya doa. Sebagai contoh, kisah Nabi Adam as. dan Hawa' saat berdoa menghadap Allah SWT Dijelaskan dalam Al-Qur'an doa yang mereka panjatkan:

"Meraka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan kalau engkan tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya jadilah kami antara orang yang rugi." (QS. Al A'raf: 23).

Dalam ayat lain, Al-Qur'an menjelaskan bagaimana Nabi Yunus as. berdoa pada Allah SWT

"Dan (ingatlah peristiwa) Dhu al-Nun (Nabi Yunus), ketika dia pergi dalam keadaan marah, yang menyebabkan dia menyangka bahawa kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan. Maka dia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata, "Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah daripada orang yang menganiaya diri sendiri." (QS. Al-Anbiya': 87).

Doa yang dipanjatkan Sultan Murad (Sultan Utsmany yang pertama) pada permulaan perang Cosovo 1, yang terletak di wilayah Balqan, merupakan salah satu contoh ideal dalam doa yang dapat mendatangkan keberkatan berdoa yang terkandung di dalamnya pegakuan kelemahan dirinya seraya memohon pada yang maha mulia dan kuasa, Allah SWT:

"Ya Allah, kekuasan ini tidak lain hanya milikmu. Dan hamba ini juga milikMu. HambaMu ini lemah, tidak mampu berbuat apa-apa. Engkau lebih tahu apa yang ada di dalam hati hamba dan niat hamba. Engkau tahu bahawa niat hamba bukanlah kerana harta dan kekuasaan. Hamba hanya menginginkan reda-Mu. Ya Allah, janganlah engkau biarkan tentera mukmin-Mu dikalahkan tentera orang-orang kafir. Berikanlah kepada mereka pertolongan-Mu, supaya menjadi hari yang paling bahagia kepada setiap muslim. Dan jika Engkau berkehendak, jadikanlah hamba-Mu ini, Murad sebagai korban pada hari bahagia itu."

Setelah dia memanjatkan doa, peperangan yang tercetus selama lapan jam, akhirnya dimenangi oleh tentera Islam. Pada saat Sultan Murad mencari tentera-tentera yang terluka, tiba-tiba dia ditikam oleh tentera musuh yang pura-pura mati. Akhirnya, Sultan Murad gugur dalam peperangan pada hari itu sebagai pejuang syahid. Itulah bukti bahawa semua do'anya (Murad) diterima oleh Allah SWT.

Sesungguhnya, sebenar-benar do'a ialah do'a yang dapat memberikan cahaya kerinduan kepada Allah SWT bagi orang yang memohonnya, dan memberikan kehidupan diingini serta menghibur hati yang mati dan gelisah. Berdoa dengan ikhlas dengan disertai titisan air mata merupakan turunnya pancaran rahmat dari Allah SWT, dan doa yang seumpama inilah yang dapat memberikan kekhusyukan hati semasa menghadap Allah SWT.

Orang paling mulia yang mengajarkan berdoa dalam kehidupannya adalah Baginda Nabi Muhammad SAW. Seringkali Baginda memanjatkan doa dalam solat hingga kedua telapak kakinya bengkak, dengan titisan air mata yang membasahi wajah. Baginda menghadap kepada Allah SWT dengan mengakui kelemahannya seraya memohon:

"Ya Allah, Aku berlindung dengan keredaan-Mu daripada kemurkaan-Mu dan daripada seksaan-Mu dengan keampunan-Mu, dan aku berlindung dengan Engkau daripada memuji Engkau yang tidak berkuasa aku menunaikan kepujian atas Engkau sebagaimana apa-apa yang Engkau memuji diri Engkau sendiri." *(HR. Muslim, solat, 222).*

Dalam salah satu hadith, Rasulullah SAW bersabda:

"Doa adalah ibadah". (HR. Abu Dawud, al-Witr, 1/1479).

Beliau juga bersabda:

"Doa merupakan intisari ibadah". (HR.Tirmidzi, al-Da'awat, 1/3371).

Beliau juga bersabda:

"Tiada sesuatu yang lebih mulia disisi Allah SWT, dibandingkan dengan doa". (HR. Tirmidzi, 1/3370).

Dalam riwayat lain:

"Barang siapa tidak berdoa pada Allah, maka Allah akan murka kepadanya". (HR. Hakim, Al-Mustadrak, 1/667).

"Barang siapa yang ingin dikabulkan doanya di saat-saat sempit, maka perbanyaklah doa saat lapang". (HR. Tirmidzi, al-Da'awat, 1/3380).

"Sesungguhnya Tuhanmu, iaitu Allah SWT sentiasa hidup, dan Maha Pemurah. Dia malu untuk menolak hamba-Nya apabila hamba-Nya mengangkat kedua-dua tangan (berdoa kepadanya)." (HR. Abu Dawud, al-Witr, 1488).

"Barang siapa membuka pintu doa, maka akan dibuka baginya pintu rahmat. Dan Allah tidak diminta sesuatu yang lebih Dia cintai selain keampunan."

Dalam riwayat lain: *"Sesungguhnya doa sangat bermanfaat untuk sesuatu yang telah terjadi dan belum terjadi. Maka sentiasalah berdoa, wahai hamba-hamba Allah." (HR. Tirmidzi, al-Da'awat, 101).*

Dalam riwayat lain:

"Doa adalah senjata mukmin, tiang agama, dan cahaya langit dan bumi." (HR. Hakim, Al-Mustadrak, 1/669).

Hakikatnya, doa orang-orang yang tersenyum kepada anak-anak yatim yang kesedihan, dan memberi kebahagiaan kepada mereka, lebih dikabulkan daripada orang yang menganiaya manusia, dan menghina yang lemah. Jelaslah bahawa doa orang yang rindukan Allah SWT dan menitiskan air mata berharap keampunan-Nya, lebih patut diterima do'anya dibandingkan dengan orang yang merasa dirinya tidak mempunyai dosa.

Syekh Jalaluddin al-Rumy ra. berkata: *"Bertaubat dan berdoalah dengan air mata dan hati yang dipenuhi api penyesalan,*

kerana bunga hanya akan mekar dengan siraman air dan sengatan panas mentari".

Dengan demikian, untuk dikabulkan doa, tidak sekadar hanya di mulut sahaja, tetapi harus diikuti dengan perasaan *khauf* (takut Allah SWT) dan *raja'* (berharap pada Allah SWT). Selain itu, hati harus memahami makna doa yang dipanjatkan. Dalam waktu sama, harus berniat untuk tidak melakukan dosa yang sama, iaitu mengulanginya apabila menginginkan pengampunan daripada Allah SWT.

Diceritakan pada suatu hari, Nabi Musa as. bertemu seorang yang berdoa dengan penuh kerendahan hati. Lalu terlintas di dalam hati Nabi Musa as. Agar doa orang itu layak dikabulkan memandangkan keadaan luarannya (semasa berdo'a), lalu Allah SWT mewahyukan kepada Nabi Musa dengan firman-Nya: *"Aku lebih berbelas kasih pada hamba-Ku, namun dia berdoa kepada-Ku hanya dengan mulutnya sahaja. Sedangkan hatinya berada pada sekawan kambing kepunyaannya". (HR. Tirmidzi, al-Birr, 50/1980).*

Ketika Nabi Musa as. memberitahu orang tersebut, lalu dia sungguh-sungguh menghadap Allah SWT dengan hati yang ikhlas.

Dari sudut , doa yang dipohon secara sembunyi oleh saudaranya seagama sangat cepat dikabulkan oleh Allah SWT. Hal ini diterangkan oleh Rasulallah SAW melalui sabdanya:

"Tiada doa yang lebih cepat dikabulkan dibandingkan dengan doa orang yang ghaib (tidak bersama orang yang didoakan) kepada orang yang ghaib." (HR. Tirmidzi. Al-Birr, 50).

Kita digalakkan untuk meminta doa daripada orang-orang yang dianggap doanya dikabulkan. Demikianlah, sesungguhnya penyebab utama terkabulnya doa ialah ikhlas dan jujur. Oleh itu, sesungguhnya doa yang dipanjatkan oleh orang yang melakukan dosa terhadap

saudaranya yang beriman lebih baik dari doa yang tidak memiliki ruh dari seseorang yang mengira bahawa dirinya memiliki kedudukan di sisi Allah SWT. Semoga permohonan dan doa yang dipanjatkan, iaitu yang terkeluar daripada hati Jalaluddin al-Rumi –beliau memiliki hati yang penuh dengan kerinduan dan rahmat daripada Allah- merupakan permohonan yang cukup dan lengkap katanya:

"Ya Allah, apabila seseotang berharap kepada-Mu adalah orang-orang yang baik sahaja, maka kepada siapa orang-orang yang berbuat maksiat patut berharap?. Ya Allah!, apabila Engkau hanya menerima doa hamba-hamba-Mu yang tertentu sahaja, maka pada siapa orang yang melakukan dosa akan merintih ?."

Hakikatnya, sesiapa daripada hamba Allah –walaupun dia berdosa- tidak seharusnya dia menjauhi diri selama-lamanya daripada berharap kepada Allah SWT, kerana Allah SWT sahajalah yang mengetahui doa siapakah yang akan sampai kepada-Nya, dan diperkenankan. Oleh yang demikian, seharusnya bagi manusia mencari kualiti berdo'a agar doanya diperkenankan, iaitu doa yang hadir hari hati yang suci daripada salah seorang daripada hamba-hamba-Nya yang soleh.

Suatu hari, Syaikh Ma'ruf al-Kurkhi ra. pergi ke pasar, dia berjumpa dengan seorang yang suka memberi minum, lalu orang itu memanggil orang-orang seraya mengatakan: *"Minumlah airku ini, supaya kalian mendapat reda Allah SWT"* kemudian Syaikh Ma'ruf al Kurkhi ra. mengambil air itu dan meminumnya, walaupun pada ketika itu dia sedang puasa sunat. Alasannya ialah agar mendapat bahagian dari doa pemberi minum itu. Setelah Syaikh Ma'ruf al Kurkhi ra. wafat, salah satu putranya bermimpi melihatnya pada tempat yang indah. Lantas bertanya kepadanya: *"Dengan amal apa Allah SWT memberi anda tempat yang indah dan memuliakan*

anda?." Dia menjawab: *"sebab doa pemberi minum di pasar yang mendapat keredaan Allah SWT"*

Terdapat isu yang sangat penting dalam masalah doa yang harus kita perhatikan iaitu apabila kita meminta doa dari orang yang teraniaya dan orang lemah, dan orang mukmin yang terluka, maka kita harus hati-hati dengan doa yang tidak baik mereka kepada kita mereka, iaitu pengawasan yang setara

Contohnya, ketika Sultan Al-Saljuqy, Alauddin Kikubad selesai membina benteng ibu kota, beliau meminta Bahauddin Walad, bapa kepada Syaikh Jalaluddin al Rumy ra. untuk melihat benteng dan memberi pendapatnya mengenai benteng itu bagi mengambil keberkatan. Setelah Syekh Bahauddin Walad ra. melihat bangunan itu, dia berkata kepada Sultan:

"Benteng anda kelihatan kuat dan indah, melebihi yang lainnya untuk menahan banjir dan serangan musuh. Namun, apa yang akan anda lakukan untuk menghadapi doa-doa orang yang teraniaya dibawah kekuasaan anda?. Busar panah doa-doa mereka tidak hanya meruntuhkan benteng anda sahaja, tapi dapat menghancurkan ribuan benteng dan memporak-porandakan dunia. Yang terpenting bagi anda ialah membuat menara benteng itu dengan keadilan dan kebaikan, dan anda membangunkannya melalui orang-orang soleh supaya anda didoakan dengan doa-doa yang baik. Ini lebih aman bagi anda dibandingkan tembok-tembok itu, kerana ketenangan dunia dan manusia serta keamanan kedua-duanya bergantung kepada doa-doa itu."

Hakikatnya, segala kejayaan, pertolongan dan keberhasilan yang dikecapi oleh orang-orang beriman terhasil melalui keberkatan doa yang suci dan ikhlas. Al-Qur'an al-Karim yang menjadi pembimbing kebahagiaan abadi bagi kita dalam mejalani kehidupan

di dunia terkandung di dalamnya tata cara memanjatkan doa. Allah SWT menjelaskannya dalam beberapa ayat. Antara lain:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Terangkanlah kepada-Ku, jika datang kepada kamu azab Allah atau datang kepada kamu hari kiamat, adakah kamu akan menyeru selain daripada Allah (untuk menolong kamu) jika kamu orang yang benar? Tetapi hanya Dia (Allah) yang kamu seru, lalu Dia menghilangkan bahaya yang kamu berdoa kepada-Nya, jika Dia menghendaki; dan kamu lupakan (tinggalkan) apa yang kamu sekutukan (dengan Allah)." (QS. Al-An'am: 40-41).

Dalam Surah al-A'raf, Allah berfirman:

"Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas." melampaui batas." (QS. Al-A'raf: 55).

Memohon kebaikan bagi pengakhiran hayat (*husnul khatimah*) merupakan salah satu daripada doa-doa penting yang akan menyelamatkan kita di akhirat, dan yang menjadi kemestian untuk kita agar tidak melupakan kehidupan yang sementara itu. Allah SWT berfirman:

"Hai orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan muslim (beragama Islam)." (QS. Ali Imran: 102).

Segala usaha yang dicurahkan oleh seorang mukmin sepanjang hidupnya tidak lain hanya untuk mencapai kebahagiaan sehingga tibanya nafas terakhir, kerana tidak ada seorangpun yang selamat dari dirinya selain para Nabi dan rasul. Bahkan para wali juga dibayang-bayangi oleh 'nafas terakhir'.

Walaupun saat kematian setiap manusia merupakan rahsia yang tidak diketahui siapapun, namun terdapat tanda-tanda yang menunjuk bahawa manusia akan mati mengikut keadaan kehidupannya di dunia. Oleh itu, kita seharusnya memohon keampunan daripada Allah SWT dan berdoa kepada-Nya pada setiap masa agar Allah SWT selalu menetapkan kita dalam jalan kebenaran dan mengeluarkan nafas terakhir kita dalam keadaan beriman kepada-Nya.

Nabi Yusuf as. berdoa pada Allah SWT agar beliau wafat dalam keadaan Islam. Seperti yang dijelaskan Al-Qur'an:

"*Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah menganugerahkan daku sebahagian daripada kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarkan padaku sebahagian daripada ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, engkaulah Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan islam, dan hubungkanlah daku dengan orang yang soleh." (QS. Yusuf: 101).*

Doa orang-orang soleh, iaitu doa orang yang dipuji Allah dengan menyifatkan mereke ulul Albab, sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mendengar seoran penyeru (rasul) yang menyeru kepada iman, katanya, "Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu", maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang yang berbakti (para Nabi dan orang salih)." (QS. Ali Imran: 193).

Kisah para penyihir Fir'aun, memberikan pengajaran besar bagi kita, iaitu ketika mereka mengetahui kebenaran iman saat menghadapi Nabi Musa as., mereka tidak gentar seksaan atau ancaman

hukuman mati dari Fir'aun. Bahkan mereka berdoa pada Allah SWT untuk menyelamatkan keimanan mereka saat menjelang kematian.

Dari sudut lain, penerimaan doa mereka oleh Allah SWT bukan dengan menggunakan kenderaan terpantas (*buraq*), bukanya yang tidak bersatu dengan hati, dan bukan dengan kata-kata indah, suara lantang, rintihan, atau teriakan yang menggetarkan telinga, tanpa kekhusyukan hati. Jika demikian, maka doa orang-orang miskin yang sakit yang terpaksa menitiskan air mata hingga suaranya hampir tidak dapat difahami tidak akan diterima. Begitu juga, apabila doa hanya diterima dari orang-orang yang pandai merangkai kata, maka tidak akan diterima doa melalui suara hati.

Jelaslah bahawa, gaya bahasa yang berlebihan boleh mengurangkan keindahan doa secara dalamannya (ruh dan kesucian). Diriwayatkan daripada Ibnu Sa'd ra., dia berkata: *"Ayahku mendengarkanku, saat aku berdoa*: *Ya Allah, hamba memohon kepadamu syurga, kenikmatan, keelokannya, dan seterusnya. Hamba berlindung kepadamu dari neraka, rantainya, belenggunya, dan seterusnya."* Kemudian ayahku berkata: "*anakku aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:akan ada suatu kaum yang melampau batas dalam berdoa. Takutlahlah!, jika kalian sebahagian daripada mereka. Apabila kalian diberi syurga, maka akan diberikan bersamanya segala kebaikana. Dan apabila kalian dilindungi dari neraka, maka akan dilindungi darinya beserta segala keburukannya." (HR. Abu Dawud, al-Witr, 23/1480).*

Dalam riwayat lain, Rasulullah SAW bersabda:

"Wahai manusia!, kasihanilah diri kalian. Kerana kalian tidak memanggil pada yang tuli dan tersembunyi. Sesungguhnya Dia bersama kalian. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan dekat. Maha Suci Allah SWT" (HR. Bukhari, al-Jihad, 131).

Allah SWT tidak akan menolak doa yang benar dan ikhlas dari hati. Walaupun demikian, kadang-kadang Allah SWT tidak memakbulkan sebahagian doa kerana belum menepati ketentuan-Nya. Oleh yang demikian, kita seharusnya berdoa secara berterusan, dan tidak menunjukkan rasa bosan atau putus asa pada bila-bila masa, kerana Allah SWT menyimpan pahala dari doa mereka untuk dikabulkan di akhirat kelak.

Hati yang berdoa, harus mengetahui bahawa dia berada pada pintu terbesar, dan hati yang menunggu di sisi pintu ini selalu berada dalam rahmat Allah SWT. Ini kerana doa dan tangisan merupakan pelipur lara bagi hati yang gundah dan telaga yang menyegarkan hati yang terbakar kerinduan terhadap Allah SWT setiap kali meneguk airnya.

Kita tidak boleh lupa bahawa kita juga mampu menjadi mulia, apabila Allah SWT mengampuni dosa-dosa kita. Bagi setiap orang yang menginginkan pengampunan saat kematian atau ingin merasakan anugerah Allah SWT yang tiada terbatas, maka hal pertama yang harus dilakukan adalah berusaha mengeluarkan 'aroma melati' (keharuman) dari taman hati dengan doa dan *raja'* (berharap kepada Allah SWT), dan memohon kepada Allah SWT, Pemilik kekuasaan dan rahmat yang mutlak agar dianugerahkan kepada kita keampunan.

Ya Allah, dengan kemuliaan dan belas kasih-Mu, jadikanlah kami orang-orang yang mendapat sebahagian daripada rahmat dan ampunan-Mu melalui perasaan rindu, rasa cinta, dan titisan air mata yang sebenarnya. Dan jadikanlah hati kami simpanan rahmat yang tiada habisnya pada makhluk-Mu untuk menggapai keredaan-Mu. Dan dengan berkat doa hamba-hamba-Mu yang ikhlas, limpahkanlah tanah air kami kebahagiaan dan kemakmuran. Limpahkanlah umat Islam dengan segala kebenaran dan kebaikan. Amien.

Dakwah ke Arah Kebenaran dan Kebaikan (1)

Sepatutnya sebagai umat Rasullah saw kita sentiasa mengingati kesungguhan perjuangan Rasulullah dalam membimbing umatnya ke arah kebahagian yang hakiki. Beliau telahpun membimbing kita menuju kepada kemuliaan dan menjadikan kita sebahagian umatnya. Walaupun semua harus dilaluinya dengan semua penderitaan demi kebenaran bagi semua umat manusia. Bagi kita selaku umatnya, sejauhmanakah kita dapat menjalankan sunnahnya? Dan seberapa patutkah kita disebut sebagai umatnya? serta seberapa patutkah kita memegang amanah sebagai khalifah di muka bumi ini?

DAKWAH KE ARAH KEBENARAN DAN KEBAIKAN (I)

Setiap manusia menggunakan akal, pengetahuan dan perasaannya untuk mendapatkan keuntungan pada setiap aktivitinya. Apabila mata hati memerhatikan alam semesta dan perputaran roda kehidupan, tersirat bahawa semua penciptaan di muka bumi menyimpan hikmah dan matlamat yang sangat tinggi. Begitu juga dengan peciptaan manusia yang penuh dengan hikmah dan matlamat. Seperti yang telah dijelaskan oleh Allah swt dalam firmanNya:

"apakah manusia mengira dia ditinggalkan begitu sahaja (tanpa ada pertanggung jawaban)?" *(al qiyamah: 36)*

Dan dalam ayat lain Allah kembali menerangkan.

"Maka adakah kamu patut mengira bahawa kami hanya menciptakan kamu dengan tiada sebarang hikmah (tujuan) pada ciptaan itu ? dan kamu (pula menyangka) tidak akan dikembalikan pada kami ?" *(al Mu'minun: 115)*

Kerapkali manusia susah untuk menyingkapkan tabir kehidupannya, memahami hakikat hubungannya dengan alam semesta dan hubungan di antara hidup dan mati.

Dengan kelebihan akal yang dikaruniakan Allah kepada manusia dipandu al-Quar'an sebagai petunjuk Allah, maka ia menjadi modal utama bagi manusia untuk memimpin alam semesta dan membawanya kepada darjah yang mulia disisi Sang Pemilik Hikmah. Dua modal inilah yang menjadi asas bagi manusia untuk membina Iman yang teguh. Agar Iman yang sempurna dalam diri

manusia itu benar-benar terwujud, maka dengan rahmatNya, Allah mengutus para Rasul sebagai pembawa kebenaran dan penyeru kebaikan.

Semua manusia dimuka bumi ini menghendaki rahmat Allah swt tercurah kepadanya. Kerana rahmat Allah bagaikan penyuluh yang terang benderang dan tidak akan pudar selamanya di dalam hati para mukmin. Rahmat Allah merupakan nikmat yang paling besar menjadikan manusia sebagai kekasihNya. Hikmah adalah kemurnian Iman yang membimbing manusia daripada kesombongan kepada kerendahan hati dan kepatuhan. Iman setiap masa meningkat ke arah kesempurnaan di dalam hati manusia. Justeru ia semakin meningkatkan kesedaran manusia terhadap rahmat Tuhannya dan semakin kuat pula usahanya menuju ke arah kesempurnaan. Oleh itu, jiwa Mukmin yang sempurna sekiranya jiwa disekelilingnya yang ditutupi oleh kegelapan yang kelam daripada pelita hidayah, kemudian ia hadir memberikan sinar petunjuk dan hidayah dalam jiwanya. Seorang Mukmin yang hakiki di ibaratkan sebagai matahari yang sentiasa memaparkan cahaya hidayah kepada ciptaan di sekelilingnya.

Kita mempercayai bahawa manusia di dunia ini bagaikan musafir dalam perjalanan yang menuju ke kampung akhirat. Justeru menafikan fakta tersebut bermakna menentang kemurnian akal dan iman, dan ia bagaikan seseorang yang buta matanya yang tidak percaya wujudnya matahari. Oleh itu cara berfikir dengan keyakinan kepada akhirat merupakan asas akal yang bersih dan kemurnian hati.

Dalam perjalanan hidupnya di dunia, seorang mukmin mempunyai tugas menyampaikan hidayah dan petunjuk Illahi kepada umat manusia yang tidak setitikpun disentuh oleh hidayah. Mengajak umat manusia kepada kebenaran dan kebaikan, dan membimbing

mereka kepada amal-amal sholeh yang menghantarkan manusia ke arah kebahagiaan yang abadi. Selain menjauhkan mereka daripada akhlak yang rendah dan tempat-tempat yang hina mencegah mereka daripada fikiran yang gelap, menjadi kunci utama bagi kebaikan seorang mukmin untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tidak berlebihan kiranya apabila baginda Rasullullah saw bersabda.

"Sesiapa yang mengajak manusia kepada kebaikan, baginya pahala seperti pahala orang yang mengerjakannya, tanpa mengurangi sedikitpun daripada pahala yang megerjakannya .Dan barang siapa yang mengajak manusia kepada kesesatan, maka baginya dosa seperti dosa yang mengerjakannya tanpa mengurangi sedikitpun daripada dosa yang mengerjakan."(HR Muslim, kitab: ilmu, no: 16)

Hadith di atas menggambarkan alangkah mulianya sakhsyiah Rasulullah saw dalam menyampaikan tugasnya sebagai penyeru pertama kepada kebenaran dan kebaikan. Sebaliknya alangkah meruginya orang yang menyeru manusia kepada keburukan. Ia Ibarat butiran-butiran ais yang berjalan setiap saat dan berkumpul membentuk satu bulatan yang besar. Dari gambaran itu cukup bagi kita untuk menjadi insan yang menyeru pada kebenaran dan kebaikan serta berusaha menjauhkan manusia dari amalan-amalan yang keji.

Dalam menjalankan tugasnya sebagai penyeru manusia kepada kebenaran dan kebaikan, lebih dahulu seorang mukmin perlu menyempurnakan jiwanya dengan makna-makna Illahi. Ini kerana kejujuran dan keikhlasan dalam berdakwah adalah kunci utama bagi membimbing manusia ke arah kebenaran.

Gesaan mengikuti jalan yang lurus merupakan syarat utama dalam berdakwah dijalan Allah. Ajakan yang bermula daripada hati yang ikhlas tentunya akan memberi kesan kepada mereka yang menerimanya. Apabila jiwa Mukmin telah dipenuhi oleh keikhlasan, maka kelazatan duniawi yang wujud dihadapannya tidak lagi

bermakna. Memikul tugas berdakwah dijalan Allah semestinya dijalani dengan penuh keikhlasan semata-mata. Ini kerana keredhaan Allah swt tidak sedikitpun membayangkan ganjaran duniawi, dan mengerahkan seluruh kekuatan bagi kejayaan dakwah, sebagai bentuk kecintaan dalam mentauladani akhlak Rasulullah saw.

Terdapat banyak penjelasan dalam al-Qur'an yang menerangkan tentang hakikat ikhlas dalam berdakwah, seperti firman Allah berikut ini:

"Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (daripada Tuhanku). Balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam." (asy syu'ara',180)

Gesaan untuk mengikut kebenaran dan kebaikan ataupun yang dikenali dalam kehidupan keseharian mukmin sebagai *amar makruf nahi mungkar*[17] adalah ciri utama umat Islam, sebagaimana diterangkan Allah dalam firmanNya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya." (QS. Al-Imran: 104)

Secara hakikatnya semua ketentuan agama berupa perintah dan larangan Allah swt serta personaliti Rasulullah saw sebagai satu-satunya rujukan untuk membezakan di antara hak dan batil, memisahkan kebaikan daripada keburukan dan membimbing manusia daripada akhlak yang tercela menuju akhlak yang terpuji. Menyampaikan dakwah dengan kebenaran semestinya menjadi tugas utama

17. Makruf adalah segala perbutan yang mendekatkan diri kepada Allah, sedangkan mungkar adalah perbuatan yang menjauhkan diri daripada Allah

bagi seorang Mukmin, Ini kerana dakwah merupakan jalan ke arah kebahagian yang abadi. Allah swt menyatakan tugas berdakwah sebagai "*jihadul kabir*[18]" sebagaimana dijelaskanNya dalam ayat Alqur-an:

"Oleh itu janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak orang kafir, dan berjuanglah dengan perjuangan yang sungguh-sungguh. "(al Furqan, 52)

Perjuangan di medan dakwah adalah perjuangan yang besar, sebagaimana yang dirasai oleh Rasullah saw pada tempoh Islam pertama di Makkah, dengan jumlah pemeluk Islam yang masih sangat sedikit dan tidak memiliki kekuatan untuk menolak semua kezaliman orang-orang kafir. Zaman kezaliman bermaharajalela, tersebar kesesatan dan kebodohan serta membangunkan semua keburukan daripada tidurnya yang panjang. Era semasa kekafiran dan pengingkaran kesucian agama menjadi ikutan. Ayat di atas menjelaskan betapa beratnya hambatan dan tentangan yang dihadapi dalam arena jihad (perjuangan) dijalan dakwah, iaitu perjuangan bagi menyampaikan kebenaran al-Quran dan berdakwah dengannya, kerana Mukmin di masa ini tidak memiliki kekuatan dan pasukan untuk menghadapi kezaliman di medan pertempuran. Tiada kekuatan bagi Mukmin kecuali kekuatan lisan yang menyeru manusia menuju kebenaran. Pada tempoh ini, dakwah al-Qur'an seperti dijelaskan ayat di atas menjadi satu-satunya senjata perjuangan dijalan Allah swt.

Rasulullah saw bersabda:

"Sifat hasad itu terlarang kecuali pada dua perkara iaitu: hasad pada orang yang diberikan Allah harta dan diinfakkannya dijalan yang benar, dan hasad pada orang dianugerahi hikmah, dan mengamalkan serta mengetahuinya." (HR Bukhari, al-Ilmu, 15)

---

18. Peperangan yang besar,

Apabila setiap waktu yang berlalu dihabiskan bersama al-Qur'an, dan di isi dengan mempelajari, mengajarkan, mematuhi semua perintah dan larangannya, serta sentiasa menyebarkan isinya kepada orang lain dengan perkataan yang lemah lembut, dihiasi dengan keyakinan yang kukuh, di masa itulah manusia mendapatkan makna sebenar kebahagiaan. Sekiranya jiwa telah terpaku bersama al-Qur'an, maka ianya memberikan pengaruh yang besar untuk merasai nikmatnya berdakwah.

Belajar daripada perjalanan hidayah sayyidina Umar ibnu Khatab apabila cahaya Islam menerangi hatinya, apabila kemarahan merasuk jiwanya, muncullah keinginan untuk membunuh Rasulullah saw. Namun dengan kelembutan hati Rasulullah saw, kemarahan Umar bertukar menjadi keimanan yang menyejukkan. Semua itu kerana rahmat Allah dan keberkatan do'a Rasulullah serta bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an yang dibacakan adiknya dengan keikhlasan dan penuh penghayatan.

Semua ussaha telah dilakukan Rasulullah saw dan para Sahabat bagi tersebarnya rahmat al-Qur'an dan agama Allah swt dimuka bumi. Semua pengorbanan telah mereka berikan untuk dakwah ini, selain kehilangan harta, jiwa, dan bahkan raga. Para Sahabat adalah penerus tugas Rasulullah dalam menyebarkan agama Allah di seluruh belahan bumi. Dengan keberanian, mereka dengan lantang menyeru gesaan Allah pada seluruh umat manusia, dan bahkan mereka melakukannya dihadapan para penguasa dan raja-raja kafir. Mereka berdakwah agama Allah ini dengan tidak sedikitpun ada perasaan takut ataupun sedih, tidak pernah mengelak ataupun berhenti dalam memikul amanah dakwah.

Apabila haji *wada'*[19], sehingga seratus dua puluh ribu Sahabat mendengarkan khutbah terakhir Rasulullah saw. Namun selari

19. Haji perpisahan atau haji terakhir bagi Rasul, kerana setelah itu Ras - lullah saw wafat

dengan berjalannya masa, makam mereka tidak sampai dua puluh ribu yang ditemukan di Makkah dan Madinah. Ini membuktikan bahawa para Sahabat selepas wafatnya baginda saw berpecah keseluruh pelosok negeri untuk memikul tugas dakwah merentas ruang masa.

Itu terbukti dengan ditemukannya bekas perjalanan dakwah Sahabat ke Istanbul Turki, China, Afrika, dan Asia. Seluruh pelosok negeri mereka kunjungi,tanpa menghiraukan terjalnya bukit dan curamnya jurang, demi tersebarnya hidayah dan rahmat Tuhan di seluruh alam semesta. Terpahat dalam perjanan sejarah Islam punca kegemilangan para Sahabat dalam menjalankan tugas suci dakwah agama Allah. Inilah fakta penyebaran dakwah Islam daripada Makkah hingga ke seluruh belahan dunia.

Rasulullah saw adalah tauladan yang sempurna diseluruh tindakannya, khususnya dalam menjalankan dakwah. Semua usaha telah beliau lakukan, sebagai tanda bagi umatnya untuk meneruskan amanah dakwah yang telah beliau terajui. Perkara ini juga menunjukkan kedudukan dakwah dalam Islam menjadi satu kewajipan bagi seorang mukmin untuk memikul tugas ini, kerana itu adalah syarat menuju Iman yang sempurna.

Rasulullah sebagai tokoh sempurna, telahpun memberi contoh dalam perjuangan penyebaran agama Islam. Tidak satupun hambatan yang menghalangnya di medan perjuangan agama Allah. Beliau sanggup dihina dan dicaci. Terutamanya apabila Rasulullah menolak semua tawaran duniawi yang sangat mencuit hawa nafsu.

Semua itu beliau jalankan dengan berdiri kukuh di atas keteguhan iman yang kuat tanpa berpaling daripada jalan dakwah yang baginda tegakkan. Keteguhannya yang kuat dalam menyebarkan agama Allah sekaligus menjawab pujukan orang-orang musyrik. Walaupun semasa itu berada pada masa-masa kritikal penyebaran

dakwah, agar beliau berpaling tadah dan meninggalkan dakwahnya. Perkataan itu masih diingati sehingga kezaman kita sekarang ini apabila Nabi mengatakan:

"*Wahai pamanku meskipun matahari diletakkan dikananku dan bulan dikiriku, amanah ini tidak akan aku tinggalkan sehingga Allah swt memperlihatkannya atau aku mati dalam perjuangan.*" *(HR Baihaqi, dalail an-nubuwwah, 2, 63/495)*

Walaupun harus menanggung pelbagai seksaan daripada kaum kafir dan menolak tawaran duniawi, dengan hati yang suci Rasulullah saw menjalankan semuanya demi dakwah Islam. Itulah tauladan yang diwarisi oleh Rasulullah bagi umatnya untuk menanamkan hidayah dalam hati manusia.

Sejenak kita renungkan perjalan dakwah Rasulullah pada tempoh pertama Islam dibandar Mekkah. Semua kabilah-kabilah Arab, terutamanya semasa ketibaaan musim haji. Beliau masuk ke seluruh tempat perkumpulan masyarakat, Mengajak mereka kepada keEsaan Allah tanpa membezakan warna kulit, suku, kaum, jabatan ataupun darjah sosial.

Seperti kesaksian salah seorang Sahabat iaitu Jabir ibn Abdillah ra. Beliau mengisahkan, suatu masa Rasulullah saw bersabda

"*Adakah seseorang yang bersedia membawaku kepada kaumnya, sesungguhnya kaum Quraisy*[20] *menghalangiku untuk menyampaikan kalam Tuhanku (al-Qur'an).*" *(HR Abu Daud, as-sunnah, 19-20)*

Lebih daripada itu, Rasulullah saw juga melawat semua kawasan orang ramai termasuk pasar-pasar besar tanah Arab. Seperti *akazh, mujnah* dan tempat-tempat besar lainnya, diserukannya dua kalimat suci, dan mengajak manusia menuju kejalan cahaya.

20. Salah satu kaum yang ada ditanah arab merupakan kaumnya Rasulullah

Walaupun semuanya harus dilalui dengan menerjah ombak cacian dan hinaan seperti yang beliau terima semasa di Thaif. Seluruh usaha beliau lakukan untuk membimbing manusia ke jalan Islam. Apabila cahaya hidayah Islam menerangi seorang hamba sahaya yang bernama A'das, satu-satunya penduduk Thaif yang menerima gesaan Islam, sangat membuat hati beliau bahagia daripada kesedihan yang dialaminya atas pembangkangan masyarakat Thaif. Walau sebegitu kezaliman yang telah diterima Rasulullah, tidak pernah rasa marah muncul daripada dirinya, bahkan Rasulullah saw selalu mendo'akan semoga hati masyarakat Thaif terbuka untuk menerima cahaya hidayah Ilahi. Ini kerana hati dan jiwa beliau sudahpun dipenuhi dengan kasih sayang kelembutan dan rahmat Allah swt.

Walaupun kesedihan datang silih berganti, tidak pernah sedikitpun dalam hati beliau ingin meninggalkan amanah dakwah kepada ke Esaan Allah swt., apabila keadaan sudah sangat mendesak, berucaplah pengharapan pada Sang Pengasih daripada dua bibir suci itu:

"Wahai Tuhan-ku, kepada-Mu aku mengadukan lemahnya kekuatanku, sempitnya upayaku, dan betapa rendahnya aku di mata manusia. Wahai Tuhan, Engkaulah Maha Pengasih dari semua pengasih, Engkaulah Pelindung orang-orang yang dilemahkan, dan Engkaulah Tuhan ku. Tidak ada tuhan selain Engkau. Kepada siapakah Engkau akan menyerahkan diri hamba-hamba-Mu ini? Kepada yang jauh yang bermuka masam kah? Atau kepada musuh yang akan menguasaiku. Asal Engkau tiada memurkaiku, aku tak peduli. Hanya maaf-Mu-lah yang sangat aku dambakan. Aku berlindung di bawah Cahaya Kasih-Mu yang menerangi semua kegelapan, dan atasnyalah semua urusan kehidupan di dunia dan akhirat akan menjadi baik. Janganlah Engkau turunkan murka-Mu kepadaku dan kepada mereka. Hanya untuk-Mulah aku rela dihi-

nakan, asal saja Engkau Mencintai-ku. Dan tiada upaya dan tiada kekuatan, kecuali dari-Mu. *(Ibnu Hisyam, juz: 2, 30)*

Semua hambatan yang menghalang berasa ringan, apabila semerbak harumnya wangi kesabaran dan rahmat telah memenuhi seluruh rongga taman-taman hati seperti yang Rasulullah saw ajarkan. Sepatutnya bagi seorang mukmin menyebarkan kasih sayang kepada umat manusia. Seorang yang penuh kasih sayang, berhak mendapatkan naungan kasih sayang Allah swt. Ia juga mempercepat langkah dirinya untuk mengambil bahagian daripada rahmat Allah.

Rahmat Allah bagaikan samudera lautan luas. Setitik airnya terlalu banyak untuk memenuhi alam semesta. Apabila setitik embun itu memercik ke dalam batin manusia, ia merasakan kenikmatan samudera rahmat Sang Maha Pemurah. Hati yang mengalir di dalamnya lautan kasih sayang-Nya, akan mencapai kesucian dan kemurnian melalui perantara do'a dan perjuangan dakwah.

Selain itu, hati yang dipenuhi rahmat, apabila memohon sepenuh hati dengan ucapan: *"limpahkanlah rahmat pada kami,,* akan menggetarkan hati, mendengarkan jeritan penyesalan daripada orang-orang yang lalai, dan sedih kerana melihat kesesatan saudaranya. Apabila matahari bersinar dan menebarkan kehangatan, begitu juga jiwa seorang mukmin yang selalu menghangatkan hati yang beku kerana kekafiran.

Realitinya Rasulullah saw yang diutus sebagai rahmat alam semesta (*rahmat lil a'lamin*) banyak lagi manusia yang tidak tahu tentang kebenaran yang dibawanya. Ini menyebabkan mereka mendustai dan mengingkari gesaan baginda, bahkan beliau dicaci dan dihina. Meskipun hal itu berlaku, mereka tidak kuasa untuk menghalangi kemenangan rahmat atas kemarahan dalam diri Rasulullah saw, semua kebencian, keburukan dan kekejian telah

mereka tunjukkan kepada Rasulullah. Semuanya diterima Rasulullah dengan hati yang lapang dan sabar. Inilah fakta betapa banyak jiwa-jiwa yang sakit menemukan keimanan disebabkan kelembutan hati. Dan Rasulullah saw, ia laksana lautan luas yang dipenuhi oleh kasih sayang, kelembutan, tenggang hati dan kemaafan.

Seperti yang telah dijelaskan Rasulullah dalam hadithnya, beliau bersabda:

"Antara aku dan manusia lainya ibarat orang yang menyalakan api, ketika cahaya telah menerangi disekelilingnya orang-orang mengambil pelana tunggangan yang terbakar api dan duduk diatasnya dan menceburkan diri kedalam api tersebut dan kalian terbakar didalamnya , aku mencegah dan mengeluarkan kalian dari kobaran api itu". (HR Bukhari, ar-raqaiq, 26)

Dalam al-Qur'an Allah swt berfirman:

"Kamu (umat Islam) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah. Kalaulah Ahli Kitab itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang yang fasik." (Ali Imran, 110)

Agar kita termasuk dalam barisan umat terbaik seperti yang ditulis pada ayat di atas, maka kita harus selalu menyeru kepada perkara makruf dan mencegah daripada kemungkaran seperti yang telah ditauladankan Rasulullah saw.

Pada ayat berikut ini Allah juga menjelaskan pentingnya tugas ini.

"Tidak ada seorang pun yang lebih baik perkataannya daripada seorang yang menyeru kepada Allah, serta dia sendiri mengerjakan

amal yang salih, sambil berkata, "sesungguhnya aku tergolong di kalangan orang islam (yang patuh kepada Alla)." *(QS Fushshilat, 33).*

Sudah semestinya kita sebagai umat Nabi saw, sentiasa mengenang kesungguhan perjuangan Rasulullah dalam membimbing umatnya pada kebahagiaan hakiki dan menjadikannya sebagai umat yang mulia diantara umat-umat yang lain. Walaupun semua itu harus baginda lalui dengan menerjah karang penderitaan demi kebenaran menyentuh semua umat manusia. Dan kita selaku umatnya, sejauhmanakah kita mampu menghidupkan sunnahnya dalam kehidupan keseharian kita?, seberapa patutkah kita disebut sebagai umatnya?, dann seberapa patutkah kita menyandang gelar khalifah di muka bumi?

Semua tugas yang telah disusun Rasulullah menjadi tanggungjawab kita selepas beliau wafat, untuk melanjutkan perjuangan dakwah seperti yang beliau perjuangkan semasa hidupnya. Pada setiap peluang, beliau selalu mewasiatkan untuk meneruskan tugas dakwah dan memerintahkan kita untuk istiqamah dalam menjalankannya, sebagaimana Rasulullah pesankan dalam sabdanya:

"*Sampaikanlah apa yang didapatkan dariku walau satu ayat." (HR Bukhari, al-anbiya, 50)*

Dan dalam hadith lainya Rasulullah saw bersabda:

Allah akan memberikan kebahagian bagi orang yang mendengarkan sesuatu daripada kami dan disampaikannya apa yang didengar, boleh jadi orang yang menerima ajaran islam secara tidak langsung lebih mengerti daripada mereka yang mendengarnya langsunf dari Nabi saw."(HR Tirmizi, al-ilmu, 7).

Kedua hadith di atas menjadi pendorong bagi setiap individu umat Islam bagi menegakkan dan menyebarkan dakwah Islam.

Oleh itu, hadith-hadith Nabi saw yang menjelaskan matlamat dalam menyampaikan dakwah menjadi tolak ukur keimanan kita, tugas menyeru, memperingatkan dan memberikan petunjuk bagi setiap manusia untuk selalu berbuat kebenaran serta kebaikan dan menjauhkannya daripada api keburukan dan kenistaan.

Rasulullah saw bersabda:

"barang siapa diantara kalian melihat kemungkaran maka cegalah dengan tangan (kekuasaan) jika tidak mampu dengan kekuasaan maka cegalah dengan lisan (memberi nasihat), dan jika masih tidak sanggup dengan lisan maka cegahlah dengan hati (mendoakannya kepada kebaikan) dan itulah keimanan yang paling lemah." (HR. Muslim).

Dalam hadith yang lainnya Rasulullah saw bersabda:

"Demi jiwaku yang berada dalam kuasa-Nya, jadilah engkau orang yang benar-benar menyeru kepada perkara ma'ruf dan mencegah daripada kemungkaran, atau Allah set hampir mengirimkan seksa kepadamu, kemudian kalian memohon pertolongan padaNya, lalu Dia tidak mengabulkan permohonan kalian. (HR Tirmizi).

Duhai Tuhan, Kami berlindung dengan-Mu daripada seksaan yang Engkau berikan kepada hamba-Mu yang meninggalkan gesaan kepada yang makruf dan mencegah daripada kemungkaran. Duhai Sang Penguasa Alam semesta, jadikanlah kami orang-orang yang sanggup memikul amanah berdakwah kepada kebenaran dan kebaikan dengan kesempurnaan yang berhias akhlak Rasul-Mu yang mulia, syaksiah yang merupakan pemberian terbaik dan tauladan paling sempurna bagi umat manusia seluruhnya. Ya Allah, jadikanlah kami bagian dari orang yang mendapatkan syafaatnya diakhirat kelak nanti. Amiiin

Dakwah Menuju Kebenaran dan Kebaikan (II)

Sesungguhnya manusia yang paling berbahagia adalah mereka yang menjadikan batinnya sebagai tempat bersemayam sinar al-Qur'an dan sunnah Nabi. Hati tersebut sentiasa merenungkan ciptaan Yang Maha Kuasa. Sesungguhnya intipati daripada penciptaan manusia adalah hidup di tengah-tengah cahaya yang bersinar dalam hati, dan kehadiran hati tersebut setiap kali menyampaikan dakwah. Apabila kebangkitan dan penegakkan tiang dakwah dalam hati dipenuh oleh duri – dalam sudut pandangan maknawi- maka ia menunjukan kelemahan dan akan menghasilkan usaha yang sia-sia.

DAKWAH MENUJU KEBENARAN DAN KEBAIKAN (II)

Agar diri kita mampu untuk mengamalkan al-Qur'an dan sunnah Rasulullah saw dalam kehidupan keseharian, sepatutnya kita menimbulkan kecintaan dan keikhlasan dalam jiwa bagi mengharungi perjuangan medan dakwah. Ini kerana perjuangan di medan dakwah adalah kewajipan bagi seluruh Mukmin.

Dan yang tidak dapat di elakkan, bahawa perbezaan Mukmin dengan yang lainnya terletak pada rasa kasih sayangnya sesama manusia, dan salah satu bentuk kasih sayang itu adalah kegelisahannya melihat saudaranya berkubang dalam dosa dan mengajaknya menuju kesucian zahir dan batin. Kesucian zahir yang terlebih dahulu sudah dirasakan dan diamalkan.

Sebelum kita mengajak manusia menuju kebenaran dan kebaikan, lebih dahulu mestilah kita mengetahui hakikat betul dan baik perkara itu sendiri menurut Islam. Apabila dakwah tidak diikuti dengan ilmu pengetahuan maka kesalahan tidak mampu dihindari. Dalam perjuangan dakwah, di hati Mukmin mesti tersimpan ilmu dan keikhlasan. Sebab ilmu dan keikhlasan antara satu dengan lainnya adalah saling melengkapi.

Selain itu, keperluan untuk menuntut ilmu juga merupakan kewajipan bagi setiap Mukmin, terutamanya ilmu agama. Apabila ibadah telah diwajibkan bagi manusia, maka ilmu tentang ibadah adalah wajib difahami. Namun sekiranya dia tidak menguasai ilmu ibadah maka dia dituntut untuk mengisi pengetahuannya dengan

ilmu ibadah tersebut. kerana ibadah tanpa diikuti ilmu tidak terlepas daripada kesalahan.

Bagi hati yang telah memiliki ilmu pengetahuan, ia juga dituntut untuk mengamalkan semua yang difahaminya, berusaha dengan ilmu tersebut memahami hakikat hidup dan menyelami kemurnian jiwa. Kerana dakwah lebih berkesan apabila terkait dengan hati, jiwa yang paling dalam yang diikuti dengan rahmat ilahi. Sepeti perkataan Jalaluddin al-Rumy:

"*ketika kita ingin memenuhi sebuah bekas, maka jagalah bekas tersebut daripada lubang di bawahnya."*

Secara realitinya, gesaan yang disampaikan dengan bahasa yang kasar yang jauh daripada kelembutan dan kesopanan dan tidak jelas, akan menjadi punca gagalnya dakwah. Pada realiti yang sama, dakwah melalui cara tersebut merupakan punca awal datangnya melapetaka yang besar, padahal seorang da'I berharap apa yang disampaikannya akan bermanfaat dan berkesan.

Oleh kerananya, setiap Muslim wajib mengisi hatinya dengan ilmu diikuti bimbingan kelembutan Islam, menjadi tauladan dalam perkataan, perbuatan dan tingkah laku dalam pergaulan masyarakat. Kerana tugas di medan dakwah berawal daripada rasa cinta dan memberi perhatian terhadap sesamanya. Seperti yang telah dicontohkan oleh Rasulullah dalam dakwahnya apabila menerima wahyu pertama digua Hira', Allah berfirman:

"Dan orang-orang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahata; dan mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat, serta patuh kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah swt; sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksa-

na. Allah menjanjikan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir dibawahnya beberapa sungai; mereka kekal didalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam syurga And serta keredaan daripada Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar." (QS at-Taubah, 71-72).

Sesungguhnya manusia yang paling berbahagia adalah mereka yang menjadikan batinnya sebagai tempat bersemayam sinar al-Qur'an dan sunnah Nabi, hati tersebut sentiasa merenungkan ciptaan Yang Maha Kuasa. Sesungguhnya intipati daripada penciptaan manusia adalah hidup di tengah-tengah cahaya yang bersinar dalam hati, dan kehadiran hati tersebut setiap kali menyampaikan dakwah. Apabila kebangkitan dan tegaknya tiang dakwah dalam hati yang dipenuhi duri – dari sudut pandang maknawi- maka ia menunjukkan kelemahan dan akan menghasilkan usaha yang sia-sia. Islam mengajarkan untuk membalas cacian dan celaan dengan taburan bibit cinta rendah hati dan kasih sayang. Hati Mukmin ibarat taman bunga yang semerbak mewangi, memberi ketenteraman pada hati yang sakit, menghadirkan ketentraman dan kebahagian. Ini mengisyaratkan bahawa hati yang bersih dan jiwa yang tenang harus dimiliki setiap Mukmin sebagai senjata dalam tugasnya di medan dakwah.

Al Hajaj dikenali dalam perjalanan sejarahnya sebagai laki-laki yang kejam, namun disebalik kekejamannya tersimpan di hatinya cinta dan kearifan. Suatu masa dalam khutbah Jum'at dia mendengar khatib majlis Jum'at berkata; "*sesungguhnya mencela pemimpin yang zalim adalah suatu pekerjaan mulia disisi Allah".Selepas* majelis berkenaan selesai Al Hajaj pun menemui khatib tersebut dan berkata. "*alangkah kasarnya budimu apabila aku mendengar apa yang kau ucapkan tentang pemimpin yang zalim, aku hairan, disebalik wajahmu yang rupawan tidak diikuti kelembutan dalam dakwahmu. Apakah engkau tidak pernah membaca al-Qur'an? Allah te-*

lah mengutus Nabi Musa yang lebih mulia darimu, kepada manusia paling ingkar didunia, kepada Fir'aun.Tetapi Allah mengajarkan pada RasulNya untuk menyerunya dengan tutur kata yang lembut." Pada masa itu sang khatib pun menyedari kesalahannya dan minta maaf kepada Al Hajaj.

Dalam al-Qur'an tergambar budi Nabi Musa apabila mengajak Fir'aun kepada jalan yang benar:

"Pergilah kamu berdua kepada Fir'awn, sesungguhnya ia telah melampaui batas. Berbicaralah kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga dia beringat atau takut (kepada Allah dan insaf)". (QS Taha, 43-44)

Demikianlah petunjuk Ilahi, mengajarkan tentang etik dalam berdakwah, sangat banyak ayat al-Qur'an yang mengajarkan kita tentang pentingnya bertutur secara lemah lembut dan penuh hikmah tanpa maki hamun dalam dakwah. Seperti dijelaskan Allah dalam firman-Nya.

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. ." (*QS. An-Nahl, 125)*

Dari ayat di atas nampak jelas bagaimana kaedah Islam dalam berdakwah. Rasulullah saw juga telah mewariskan tauladan dalam berdakwah, untuk diikuti dan dicontohi adab dan budi pekerti beliau dalam berdakwah. Oleh itu marilah kita bersihkan hati dan jiwa darpada semua keburukan, selepas itu kita hiasi dengan keindahan akhlak Islam.

Apabila Allah memerintahkan kepada Rasulullah saw untuk mengajak kerabatnya memeluk Islam, Rasulullah berdiri di tempat yang tinggi dan berseru,

"*Sekiranya aku khabarkan berita bahawa sekumpulan penunggang kuda akan menyerang kampung kalian apakah kalian mempercayainya ?*Mereka berkata "*tentu kami percaya kerana kami mengenalmu sebagai orang yang jujur"*. Lalu Rasulullah melanjutkan perkataanya: "*maka aku memperingatkan kalian tentang hari pembalasan"*. Seketika Abu Lahb angkat bicara."*Celakalah kamu, apakah hanya kerana hal ini kami engkau kumpulkan?* Kemudian turunlah ayat.

"*Binasalah kedua tangan Abu Lahap dan benar-benar binasa dia. Tidaklah berguna baginya hartanya dan apa yang dia usahakan."(QS. Al-Masad: 1-2).*

Baginda Muhammad saw sebagai rasul yang mulia, perkataannya yang jujur diperakui oleh semua orang, sehingga beliau digelarkan *shodiqun amin*, tidak pernah dusta terucap daripada kedua bibir mulia itu, sejak dilahirkan sehingga ke akhir hayatnya.

Semua yang mengenalinya mengakui tentang kejujuran Rasulullah saw, sama ada lawan apalagi para Sahabat. Bahkan Abu Jahal pemimpin kafir qurays mengakui akan kejujuran baginda Rasulullah saw. Suatu masa dia berkata."*sesungguhnya kami tidak pernah meragui kejujuranmu, namun kami hanya mendustai ajaran yang engkau bawa."* Kemudian Allah swt menurunkan ayat : "Kerana sebenarnya mereka bukan mendustakanmu, tetapi orang yang zalim itu mengingkari ayat-ayat Allah." (Tirmidzi, tafsir al-Qur'an, 6/3064)

Seperti kita perhatikan kejujuran Rasulullah saw sehingga Abu Jahal -orang yang paling mengingkarinya memperakui bahawa Muhammad adalah manusia yang jauh daripada dusta. Bahkan

orang-orang yang hatinya berhiaskan iman, hanya dengan melihat rasulullah saw, hati mereka terpengaruh oleh perkataan-perkataan yang keluar daripada mulutnya sambil berkata “personaliti ini tidak mungkin berdusta”. Semacam itulah, bagi hati-hati yang telah disinari cahaya keimanan tidak mungkin ia mengingkari sifat personal Nabi saw.

Dalam sejarah Islam juga tercantumr nama Sultan Muhammad al-Fatih sebagai salah seorang panglima Islam yang berakhlak mulia. Apabila pasukannya melakukan penaklukan ke *Bosnia* sepuluh tahun selepas penaklukan Istanbul. Namun pembebasan *Bosnia* benar-benar terwujud selepas pedang dimasukkan ke dalam sarungnya, semasa genderang peperangan sudah selesai. Selepas itu al Fatih bercampur bersama masyarakat *Bosnia,* dengan akhlak mulia yang melekat dalam kehidupan kesehariannya dan hatinya yang bersih, membuat pintu hati masyarakat *Bosnia* terbuka dengan lembut tanpa ada paksaan. Dengan Penuh keredhaan masyarakat *Bosnia* berbaris di barisan Muslimin.

Dalam ajaran Islam, pedang terhunus hanya apabila membanteras kezaliman. Pembebasan manusia sebernanya adalah membebaskan mereka daripacda belenggu hati. Ini akan tercapai sekiranya setiap mukmin berbudi baik, berhati mulia dan bertutur bahasa yang lembut dan sopan, serta dapat menjadi tauladan pada keseluruhan kehidupan, kerana dakwah akan berkesan apabila Mukmin menjalani kehidupannya dengan hati yang bersih. Apabila seorang pendakwah tidak mampu mendalami hikmah daripada ciptaan Allah dan tidak dapat memahami keadaan jiwa manusia, hal itu menandakan hatinya masih kering daripada nilai-nilai rabbani. Tanda hati yang kering adalah ketidakmampuan untuk menyebarkan ketenangan, kebahagian dan keindahan Islam di sekelilingnya dalam keadaan apapun.

Oleh itu, peperangan dalam jiwa, kita harus mendapat kemenangan se awal bermulanya pertempuran, peperangan dalam jiwa manusia di antara "*al Fujur*" (pengingkaran) dan "*at-Taqwa*" (kepatuhan). Apabila Taqwa memenangi peperangan dalam jiwa manusia, semasa itu dia mendapatkan kemenangan yang abadi. Merekalah yang mendapatkan keimanan yang sempurna sebagai pemenang pergelutan dalam jiwa.

Memberikan penghargaan yang mulia pada lawan berbicara (mukhatab) harus menjadi perhatian bagi seorang pendakwah. Sesuatu yang harus kita ingat bahawa, orang yang kita ajak kepada kebaikan adalah manusia makhluk Allah yang mulia, walaupun orang yang kita seru bukanlah seseorang yang memiliki setitik iman dalam hatinya. Maknanya, perilaku toleransi, kelembutan dan budi yang luhur harus kita amalkan dengan menjauhi kekerasan dan kemarahan, kerana perbuatan yang demikian merupakan asas fitrah dalam menghargai personaliti lain.

Sebagaimana yang digambarkan seorang penyair Turki Namiq Kamal, *"tidak akan berkurang nilai sebongkah berlian meski ia telah jatuh ketanah"*.

Dalam al-Qur'an, Allah memberikan penghargaan kepada manusia dan punca penghargaan itu Allah swt mengangkat manusia menjadi khalifah di muka bumi. Sebagaimana telah diterangkan Allah dalam firmanNya.

"Dan sungguh kami telah memuliakan anak cucu Adam, dan kami angkut mereka didarat dan di laut, dan kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan kami lebihkan mereka diatas banyak makhluk yang kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna." (QS. Al- Isra': 70)

Walaupun manusia lalai dalam lautan keingkaran, Al-Qur'an tetap memuliakan manusia kerana sifat dasarnya sebagai makhluk mulia, dan mengangkatnya sebagai khalifah di muka bumi. Sedangkan iman dan perbuatan baik yang datang selepas itu menjadi penyempurna kesempurnaan manusia. Apabila dihati manusia tiada keimanan dan perbuatan baik, semasa itu dia menurunkan kehormatan yang telah diberikan tanpa menghapuskan darjahnya sebagai manusia. Kebaikan yang mereka lakukan tanpa diikuti iman, tetapi mereka patut mendapatkan perlakuan baik dan kelembutan.

Manusia yang kering daripada rasa keprihatinan terhadap sesamanya, akan marah kepada orang-orang yang tidak beriman dan jauh daripada perbuatan baik. Namun bagi yang telah merasa lazatnya iman dan kesempurnaanya, mereka akan berinteraksi dengan dengan penuh rasa hormat, kasih sayang dan kelembutan, kerana masa itu adalah masa yang mereka nantikan. Perasaan menghormati dan keinginan untuk memudahkan sesamanya, mewujudkan sikap ingin menolong. Pertolongan yang paling besar bagi mereka adalah menyeru dan membimbing umat manusia menuju kebahagian yang abadi.

Pendakwah yang hakiki, sesungguhnya seseorang yang memiliki kepemimpinan yang mampu melepaskan dahaga jiwa dengan aturan-aturan dan kehidupan. Mereka adalah orang-orang yang mampu menghiasi dakwahnya setiap masa dengan cinta, kasih sayang dan kelembutan, Merekalah manusia yang setiap kali bertindak, hatinya menjadi sumber keimanan. Orang-orang yang adil dan diikuti sikap kepemimpinannya adalah orang-orang yang menunjukkan umat manusia pada jalan kebahagiaan, ketentraman dengan tutur bahasa, tulisan-tulisan dan akhlak. Mereka yang lembut sebagai tauladan, selalu hadir mendampingi jiwa-jiwa yang merintih, selalu menolong siapa sahaja yang memerlukan, melindungi setiap yang teraniaya dan tersepit. Mereka merasakan bahawa itu semua sudah

menjadi tanggung jawabnya, merasakan derita dan pilu orang-orang di sekelilingnya, yang haus mencari bimbingan menuju cahaya hidayah ilahi.

Keinginan mereka untuk membimbing manusia di dorong daripada hati mereka yang sudah terpateri bahawa dakwah adalah amanah daripada Allah. Mereka mengusahakan dengan sepenuh jiwa sebagai rahmat dan bentuk kasih sayang keseluruh manusia. Perasaan tanggungjawab yang tumbuh daripada sebuah kasih sayang menjadikan mereka figur bagi manusia. Untuk membimbing manusia menuju kebahagiaan, diperlukan jiwa yang ikhlas sebagai pembantu dan pemberi petunjuk bagi orang-orang yang tersesat, berusaha agar apa yang di sampaikan menjadi pembuka hidayah sehingga ke lubuk hati dan membimbingnya dalam kedamaian. Hati yang peka ke atas penderitaan orang lain dan menganggap mereka sebagai saudaranya dengan cinta yang berasaskan Allah swt, seperti kehidupan Aziz Mahmud Hadai dan Yusuf.

Allah swt telah menjamin kesempurnaan Islam hingga datangnya hari kiamat, hal itu bermakna bahawa agama Islam akan sentiasa hidup di muka bumi sehingga kehari terakhir, itulah jaminan Allah swt. Namun, jangan lupa bahawa dakwah menyeru manusia kepada Agama Islam adalah jalan dan sebab keberlansungannya agama Islam. Oleh itu, agama adalah satu bentuk kepatuhan kita secara total kepada Yang Maha Kuasa dengan mematuhi dan mengamalkan perintah-perintahNya sebagai bentuk ubudiyyah, bukankah itu sebabnya kenapa manusia diciptakan?

Semasa kehidupan yang berlandaskan Islam mula lemah, manusia lebih memilih gesaan syahwatnya, maka tugas dakwah menjadi tugas yang sangat penting selepas Iman kepada Allah swt. Apabila usaha membimbing manusia ke jalan yang benar belum membuahkan hasil, maka kewajipan amalan-amalan lain terhenti

sejenak sehingga ajaran Islam kembali pada marwahnya. Seperti seorang ibu yang menyusui bayi merupakan perbuatan yang mulia. Akan tetapi bagi ibu yang bekerja untuk memenuhi keperluan keluarganya diluar rumah, ketika itu menyusui anak menjadi perbuatan terlarang kerana dia bekerja sambil menyusui anak. Nilai atau usaha yang dia lakukan ketika itu lebih sangat diperlukan daripada menyusui anaknya, begitu halnya dengan dakwah. Semasa seorang pendakwah tidak wujud lagi, orang-orang telah jauh daripada nilai-nilai Islam dan lebih di sibukkan lagi dengan urusan duniawi. Hal tersebut dapat menjadi penyebab turunnya malapetaka bagi generasi Islam di zaman yang mendatang.

Satu perkara yang patut kita ingati bahawa, nikmat Islam adalah karunia yang paling besar diberikan Allah swt kepada kita, dan karunia itu telah sampai kepada kita sejak seribu empat ratus tahun yang lampau dengan segala hambatan dan pengorbanan. Sekarang amanah itu berada di bahu kita untuk nantinya diberikan kepada generasi berikutnya.

Melihat fakta yang berlaku semasa ini, tempoh sekarang merupakan tempoh yang sangat berat dalam perjuangan dakwah. Memerlukan pengorbanan dan usaha yang besar demi tercapainya cita-cita yang mulia, dengan imbalan pahala yang besar. Hal itu dapat di ibaratkan seperti perjuangan dalam mendorong kenderaan yang tayarnya terperosok ke dalam lubang lumpur, tidaklah sama semasa kita mendorong kenderaan tersebut di atas jalan yang licin. Dari sini terdapat beberapa pelajaran yang dapat dikutip, semasa kita berada dalam keadaan seperti ini semua bantuan sangat berharga, meskipun bantuan itu daripada orang yang lemah, demi mengeluarkan tayar tersebut daripada lumpur. Sebaliknya orang yang hanya menyelimutkan tangannya diam tanpa usaha, maka dosa dan kesalahan akan datang menghampiri.

Zaman sekarang ini terlihat betapa lemahnya iman umat Islam, para pemuda disibukkan dengan pemikirin-pemikiran negatif. Maka sudah menjadi kewajipan bagi kita demi masa-masa yang berjalan untuk berperan dalam perjuangan ini, walaupun dengan perbuatan sekecil apapun. Kerana dalam keadaan sempit seperti ini, perbuatan kecil sangat bermakna dan tersirat di dalamnya ganjaran yang sangat besar. Sebaliknya, sekiranya hanya berdiam diri dan meninggalkan perjuangan ini, maka musibah besarlah yang akan menimpa.

Mendapat kemenangan dalam memperjuangkan agama, iman, tanah air dan rakyat menjadi kebanggaan dalam jiwa manusia. Menang atau tidaknya dalam dakwah bukanlah menjadi segalanya dalam medan ini. Namun yang paling penting dalam dakwah adalah perjuangan yang tiada henti daripada setiap individu selari dengan kemampuan mereka dalam merebut cita-cita meraih redha Allah swt.

Salah, pada anggapannya sekiranya kita hanya bergantung hasil pada usaha-usaha yang dilakukan. Tetapi kita bersedih dan putus asa sekiranya matlamat tidak tercapai. Semua yang berlaku adalah kehendak Allah swt, memberikan hasil yang diusahakan tanpa rasa putus asa dan kekecewaan. Maka sikap yang sepatutnya adalah tawakal kepada Allah di atas semua usaha, dan redha terhadap yang ditakdirkan-Nya.

Suatu masa, Rasulullah saw hanyut dalam kesedihan apabila hidayah tidak menembus hati pamannya Abu Thalib. Lalu Allah swt mendamaikan hati Rasul-Nya dan memperingatkannya tentang hakikat kuasa-Nya, Firman Allah dalam al-Quran,

”*sesungguhnya enggkau (Muhammad) tidak dapat memberi petunjuk kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang Dia kehendaki, dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk*” *(al-Qashas, 56).*

Oleh itu, perlu diingat bahawa dalam dakwah haruslah diikuti oleh sifat ikhlas dan redha dalam menyampaikan gesaan Allah, meskipun gesaan kita belum diterima, mungkin itu sebagai bentuk petunjuk Allah terhadap hambaNya menuju kejayaan di masa mendatang. Lebih daripada itu, bahawa seseorang Mukmin telah menunaikan kewajipannya di medan dakwah walaupun belum mencapai matlamat yang di cita-citakan, baginya pahala di sisi Allah lebih bernilai terhadap perjuangan yang telah dipersembahkan. Sedangkan mereka yang berdiam diri tidak mengikutinya, itulah kerugian sebenarnya.

Semasa Allah swt mengutus Nabi pada suatu kaum, di antara mereka terdapat kaum yang mengikut gesaan Nabinya. Tetapi ada masanya Allah mengutus Nabi dan hanya sedikit daripada mereka yang mengikut gesaannya. Hal itu menjadi bukti bahawa hanya Allah lah yang Maha Pemberi Petunjuk. Para Rasul dan manusia hanya dituntut berusaha dalam perjuangan dakwah.

Pada akhirnya perjuangan dakwah menjadi tanggungjawab seluruh mukmin, yang berawal dengan menyampaikannya kepada ahli keluarga. Kita semua bertanggungjawab ke atas perjuangan ini untuk meraih cita-cita dakwah Islam samada itu dengan perkataan ataupun perbuatan. Memperjuangkan cita-cita ini dengan seluruh tenaga dan ilmu yang dikuasai, menjadi tangung jawab untuk disampaikan.

Pengetahuan suatu ilmu serta kedudukan keimanan dalam hati seorang mukmin haruslah disampaikan, ia bertanggung jawab menyampaikan dan memberikan kefahaman ilmunya terhadap individu lain. kerana sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Qur'an bahawa Allah swt tidak akan memberikan tanggung jawab kecuali sesuai dengan kemampuan hamba-Nya. Namun manusia juga dituntut

melaksanakan tanggung jawabnya terhadap pekerjaan, tugas-tugas dan juga kepada keluarganya.

Allah telah mengutus Rasulullah saw menjadi tauladan dalam perjuangan mengajak manusia kepada kebenaran dan kebaikan. Rasulllah telah mewariskan tauladan itu kepada para sahabat dan para Ulama sebagai warisan yang mulia.

Jiwa yang lembut, hati yang suci dan akhlak yang mulia tersimpan indah dalam diri para pewaris Nabi. Seperti yang dicontohkan oleh Musa Afandi, salah seorang panglima di medan dakwah. Dia menjadi tauladan ke atas semua perbuatannya, semua perkataan dan bimbingannya merupakan pedoman kita kepada kebenaran dan kebaikan.

Suatu masa dahulu Musa Afandi diberi peringatan dengan kerinduan dan kesedihan apabila sakit menimpanya yang berakhir pada kembalinya ke sisi Allah, dalam sakitnya dia berkata, "*aduhai sekiranya aku memiliki kekuatan, akan kudatangi seluruh bandar, dan ku singgahi semua kampung-kampung. Akan ku perjuangkan menyelamatkan kehampaaan makna dalam hati saudara-saudaraku"*.

Sikap ini wujud daripada jiwanya sehingga harta, jiwa dan raga sedia di korbankannya kerana di hatinya hidup perasaan pengabdian yang hakiki kepada Sang Khaliq, dan menjadikan redha-Nya sebagai satu-satunya matlamat hidup. Dengan serta merta kekuatan tubuhnya yang belum di cabut, digunakan untuk membimbing hati-hati yang terluka menuju kebenaran hidayah, dibimbingnya hati terluka tersebut, kadang-kadang dengan untaian do'a dan tangannya. Apabila Islam masuk ke Asia Tengah, yakni ppada awal-awal tahun datangnya Islam disana, beliau ikut serta mengunjunginya dengan penuh rasa optimistik dan semangat. Seolah-olah tanpa hambatan, tanah eropah dijelajahinya sehingga ke daratan Afrika Selatan. Be-

liau mempertaruhkan semua kemampuannya untuk mendapatkan keutamaan dan kekayaan hati di medan dakwah.

Ringkasnya, Musa Afandi menghabiskan umur hidupnya pada perjuangan dakwah demi mendapatkan kedudukan yang mulia di sisi Sang Pencipta alam semesta, dan mencari pujian daripada Allah sebagaimana tertera dalam kalam-Nya,"*hamba terbaik". (shad, 30).*

Demikianlah, Rasulullah telah mewariskan personalitinya yang hebat sebagai sumber kebaikan dan semua berkelanjutan sehingga ke hari kiamat nantinya. Akan tetapi tersebar kebesaran jiwa Beliau sebagai tauladan yang sempurna, penuh kebaikan, cinta kasih, lapang hati, akhlak yang terpuji di seluruh aspek kehidupan.

Duhai Tuhan, curahkanlah pada kami cahaya yang terang benderang dalam hati kami. Duhai Sang Maha Pemurah, berikanlah kepada kami kejayaan dikala manusia dihadapkan padaMu. Duhai Maha Pengasih, berikanlah kepada kami daya dan upaya dalam menyampaikan dakwah menuju kebenaran sebenar untuk memperbaiki zaman kami ini.

Wahai Tuhanku, jadikanlah dunia ini persinggahan sementara, dan jagalah hati kami dari kelalaian dan kecenderungan duniawi. Dan diatas bumi yang kami pijak, anugerahkanlah pada hati kami hikmah dan pengetahuan bahawa bumi ini hanyalah sementara. Dan jadikanlah cahaya Islam sebagai kekuatan jiwa kami, dan taman jiwa Muhamdiyah menjadi taman dan matlamat kami. Ya Allah, jadikanlah cinta dan reda-Mu bersemayam disukma kami menuju syurga-Mu. Amin

Itsar[21]

Sesungguhnya rahmat (kemurahan hati) ibarat cahaya yang tidak hentinya bersinar dalam hati Muslim. Rahmat merupakan intipati dan mutiara paling berharga dari jiwa manusia dalam kehidupan. Kerana rahmat membimbing kita dalam meniti jalan menuju Allah swt, sedangkan mukmin yang rahim (pemberi kasih sayang) dia adalah syaksiah yang memiliki sifat mulia, kerendahan hati, dan suka membantu. Ia juga seorang ahli pengubatan hati yang memberikan kehidupan serta sistem dalam jiwa manusia.

21. Mendahulukan kepentingan orang lain diatas kepentingan sendiri.

ITSAR

Suatu masa dahulu Abdullah bin Ja'far dalam perjalanannya melalui sepetak ladang kurma. Di kebun tersebut terdapat seorang hamba berkulit gelap yang sedang sibuk dengan pekerjaannya. Apabila ia berehat, ia keluarkan tiga roti yang dibawanya sebagai perseediaan, tiba-tiba datang seekor anjing yang sedang kelaparan. Tanpa berfikir panjan ia memberikan sepotong roti, dan dengan rakusnya anjing tersebut memakannya. Seolah-olah belum kenyang, anjing itu kembali berdiri di hadapan hamba sahaya tadi, sepotong roti kembali dilemparkan dan bahkan semua persediaannya diberikan pada anjing tersebut. Melihat peristiwa itu, munculah rasa ingin tahu dalam hati Abdullah bin Ja'far. Untuk menjawab perasaannya, ia bertanya pada hamba tersebut.

Abdullah :*"berapah upahmu setiap harinya?"*

Hanmba tadi menjawab: "*tiga potong roti seperti yang engkau lihat"*.

Abdullah : *"kalau upah darpadai kesusahanmu hanya tiga potong roti, mengapa engkau berikan semuanya pada anjing?"*

Jawab hamba; "*dikampung ini tidak ada seorangpun yang memelihara anjing, anjing ini datang daripada tempat jauh, hatiku tidak mampu untuk meninggalkan anjing ini dalam keadaan lapar"*.

Abdullah: "*baiklah kalau begitu, sekarang apa yang akan kamu makan?"*

Dengan tenang Hamba tadi menjawab: *"bersabar, aku telah berikan persediaanku hari ini pada seekor anjing dari makhluk Allah yang kelaparan."*

Maka Abdulullah bin Ja'far berseru: *"subhanaAllah, aku dikenail sebagai orang yang murah hati, namun kemurahan hati hamba ini melebihi kemurahan hatiku!!"*

Selepas perbincangan itu, Abdullah bin Ja'far menemui tuan hamba sahaya, seterusnya ia membeli ladang kurma tempat di mana hamba sahaya tadi bekerja, kemudian memberikannya kepada hamba sahaya tadi. Ia juga membeli hamba sahaya tadi agar ia terbebas.

Inilah cerita tentang hakikat Islam. Agama yang mengajarkan kasih sayang, saling tolong menolong satu sama lainnya. Dalam kewajipan membayar zakat, tersirat di dalamnya hikmah kehidupan bermasyarakat, mengajarkan Umat Islam rasa prihatin pada sesama, menghakis perasaan iri hati, dan menghilangkan rasa dengki yang muncul antara orang miskin dan orang kaya dalam kehidupan sosial.

Islam mengatur dan menganjurkan umatnya untuk berinfak, sebagai ungkapan perasaan prihatin pada keadaan sekeliling untuk mewujudkan persaudaraan di antara manusia. Ini kerana dengan kebiasaan salain memberi, melatih jiwa seorang mukmin untuk mengumpulkan kekayaan hati,dan membawanya kepada sifat Itsar. Hal itu kerana Islam menuntut terwujudnya kedamaian dalam masyarakat, menjadikan manusia yang berakhlak mulia, penuh kasih sayang dan peka terhadap sesama, selepas kemurnian hati dengan keyakinan kepada Allah.

Bila mana sifat Itsar sudah tertanam dalam jiwa, sikap kita tidak hanya sebatas pada perasaan simpati dan kasih sayang yang terpen-

dam di hati sahaja, namun akan mendorong kepada sikap nyata dan perbuatan melegakan semua himpitan manusia dan menyediakan semua keperluannya. Sifat ini juga membawa kesyukuran terhadap nikmat yang telah dikaruniakan Allah, redha pada semua yang telah ditakdirkan. Ya, itulah kemulian sifat Itsar, sifat yang mengajarkan memberi kelapangan kepada saudara, walaupun sebenarnya benda yang diberikan diperlukannya.

Sesungguhnya rahmat (kemurahan hati) bagaikan nur yang tiada hentinya bersinar dalam hati Muslim. Rahmat merupakan intipati dan mutiara yang paling berharga daripada jiwa manusia dalam kehidupan. Ini kerana rahmat memberi pedoman kepada manusia dalam meniti jalan menuju Allah swt. Sedangkan mukmin yang rahim (pemberi kasih sayang) adalah sahsiah yang bersifat mulia, rendah hati, dan suka menolong. Ia juga seorang pengubat hati yang memberi kehidupan dan sistem pada jiwa manusia.

Mukmin yang pengasih tumbuh daripada harapan yang tinggi dan iman yang kukuh yang menggerakkan hatinya untuk membantu kesusahan dengan cinta dan kelembutan. Menjadi pribadi dalam barisan hadapan untuk menghembuskan ketenangan bagi jiwa. Perkataan, perbuatan tingkah laku dan tulisannya menjadi penyelesaian bagi semua kesusahan, musibah, dan kepanikan. Ia selalu berada di sisi orang-orang yang teraniaya dan tersepit yang tersisih dalam hidupnya. Ini kerana kasih sayang adalah buah daripada keimanan. Al-Qur'an merupakan jalan bagi manusia untuk menyempurnakan jiwanya. Apabila lembaran al-Qur'an hendak kita baca, sifat Allah yang agung menjadi kata pembuka kandungannya, iaitu sifat Maha pengasih (*ar Rahman)* dan Maha penyayang (*ar Rahim)*.

Allah swt telah meletakkan pada zat-Nya sifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang, dan memerintahkan setiap hamba-Nya untuk menghiasi jiwanya dengan sifat tersebut. Oleh itu, setiap Mukmin

mestilah hatinya penuh dengan kecintaan pada Allah swt, memperlakukan seluruh ciptaan Allah dengan kelembutan dan kasih sayang. Apabila hati telah terikat pada kecintaan ilahi, maka setiap perbuatan pada makhluk-Nya akan penuh kasih sayang. Saling memberi terhadap makhluk Allah adalah salah satu jalan menuju cinta Allah swt.

Dalam Islam telah disyariatkan pelbagai macam sedekah dan infak sebagai bentuk keprihatinan pada sesama. Pemberian yang paling utama adalah *Itsar*. Itsar adalah sikap mulia yang lebih mendahulukan keperluan orang lain di atas kepentingan dirinya sendiri. Keimanan yang matang, sentiasa menjadikan seorang mukmin untuk berada di saf hadapan bagi memberi bantuan terhadap orang yang susah. Seperti Muhammad Hakim at Tirmizzi semasa disoal tentang hakikat pemberian,beliau menjawab, "*pemberian adalah apabila engkau merasa senang dan bahagia di masa orang lain berbahagia*."

Untuk memasuki taman itsar, ia hanya dimiliki oleh hati-hati yang lembut dan jiwa-jiwa yang tenang, para Nabi dan kekasih Allah adalah contoh model yang sempurna dan terindah dalam mengaplikasikan itsar.

Sebetulnya maksud daripada pemberian bukan hanya terhad kepada barang-barang berharga yang dapat mengangkat darjah kehormatan, ataupun membawanya menuju gemerlap kehidupan yang bahagia. Namun usaha kecil yang dirintis sedikit demi sedikit dalam menjangkau sifat Itsar akan menjadikan diri kita dekat kepada ufuk kemuliaan para Nabi ataupun kekasih Allah, ataupun setidaknya kita memperolehi sepercik apa yang telah mereka lakukan, dan hal itu bagi kita merupakan sebuah amal abadi di mana pandangan kita tidak sedetikpun berpaling darinya.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Huraira ra: "Bahawa ada seseorang datang kepada Nabi Shallallohu 'alaihi wa sallam, kemudian Rasulullah melawatisteri-isterinya, seterusnya isteri-isterinya berkata: "Tidak ada pada kami sesuatu kecuali air. Lalu Rasulullah saw berkata (kepada para shahabatnya): "Siapa yang mahu mengambil ataupun menjamu (tamuku) ini?" Maka berkatalah seseorang daripada kalangan Anshar: "Saya". Kemudian dia pergi bersamanya ke isterinya lalu berkata: "Muliakanlah tamu Rasulullah ! Isterinya berkata: "Tidak terdapat apapun pada kita kecuali makanan untuk anak-anak kecil kita". Lalu sahabat tadi berkata: "Siapkan makananmu, nyalakan lampumu, tidurkan anak-anakku, sekiranya mereka ingin makan malam maka siapkanlah makanannya dan nyalakan lampunya serta tidurkan anak-anakku. Kemudian kamu berdiri seakan-akan kamu memperbaiki l\lalu kamu matikan lampu tersebut, keduanya berbuat seakan-akan sedang makan. Keduanya tidur dalam keadaan sangat lapar. Maka tatkala pagi hari, sahabat tadi pergi ke Rasulullah, kemudian Rasulullah saw berkata: "Allah tertawa pada malam itu atau Dia kagum terhadap apa yang kalian berdua kerjakan". Maka turunlah ayat: "Dan mereka mengutamakan (orang-orang muhajirin), atas diri mereka sendiri, Sekalipun mereka dalam kesusahan". (HR Bukhari, manaqib al-anshar)

Contoh lain adalah Sayyid Muhammad Sami salah seorang wali Allah, walaupun dia ahli dan faham tentang masalah perundang-undangan, tetapi dia tidak mahu menjadikan hakim sebagai profesionnya, kerana ia takut merampas hak orang-orang, bahkan ia menolak bekerja di suatu syarikat perniagaan di Istanbul. Sayyid Muhammad Sami lebih memilih berangkat dengan kapal api untuk bekerja dikampung, daripada memandu kereta dan bekerja dipejabat mewah. Diam-diam ia memberikan hasil penat letihnya kepada fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan. Ini antara contoh

tauladan akhlak orang-orang besar yang menjadi inspirasi bagi manusia.

Sekurang-kurangnya bagi setiap individu berusaha untuk mencapai tingkatan akhlak mulia seperti diatas sesuai dengan kemampuannya masing-masing, meskipun ia harus mengorbankan pengorbanan daripada apa yang ia miliki.

Itsar merupakan punca gemilang daripada sifat dermawan. Kerana orang yang bersifat dermawan hakikatnya memberikan kelebihan hartanya kepada orang-orang yang berhak. Sedangkan itsar lebih daripada itu, ia memberikan harta yang kita cintai kepada orang lain. Makna hakikat daripada nilai Itsar terdapat pada kadar pengorbanan seorang hamba yang ia berikan kepada orang lain. Allah swt telah memuji golongan kaum Anshar dikeranakan mereka telah mendermakan tempat tinggal mereka kepada kaum muhajirin yang datang daripada Makkah. Mereka juga mengutamakan keperluan orang-orang muhujirin di atas keperluan mereka.

sebagaimana pujian itu diabadikan Allah swt dalam al-Qur'an:

"*Dan orang-orang yang memempati bandar madinah (Anshar) dan telah beriman sebelum (kedatangan) mereka (Mahajirin). Mereka mencintai orang-orang yang berhijrah ketempat mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa yang diberikan kepada mereka (Muhajirin) dan mereka mengutamakan (Muhajirin) atas dirinya sendiri, meskipun mereka juga memerlukan. Dan siapa yang dijaga dirinya dari sifat kikir, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung" (QS. Al-hasyr, 9).*

Semasa perang Yarmuk berlaku, tiga daripada askar Muslim terluka parah, mereka sangat kehausan. Apabila air sudah dihadapan mereka, ketiga Sahabat tadi saling menolak agar saudaranya lebih dahulu meminum air tersebut. Dalam keadaan saling toleransi di

antara mereka walau di titik darah penghabisan, sebelum salah satu meneguk air, ajal telah menemui ketiganya dan menjadikan mereka syuhada dalam sifat Itsar.

Dalam riwayat Ibnu Umar ra berkata: "*suatu ketika aku memberi hadiah sepotong kepala kambing pada sahabat Rasulullah saw, antara mereka saling mendahulukan kepentingan saudaranya dan berkata;" saudaraku fulan lebih memerlukan hadiah ini alangkah baiknya jika dia yang menerima", dan hadiah itu kukirimkan pada orang yang diisyaaratkanya, sehingga mereka saling menolak dan menginginkan hadiah itu saudaranya yang menerima. Setelah tujuh rumah aku singgahi, akhirnya hadiah itu kembali ke rumah prtama."*

Suatu masa, semasa Umar bin Khatab melakukan perjalanan menuju Syam. Dia meminta hamba sahanyanya untuk menunggang unta yang ia naiki. Bahkan apabila memasuki pintu bandar dia tetap berjalan di samping unta itu, perbuatan yang dilakukan Umar ra tersebut mencerminkan realiti sebenar itsar.

Oleh itu, pemberian (infaq) tidak hanya berupa harta benda, tetapi pemberian dalam pelbagai ragam dan bentuk, antaranya perkataan ataupun perbuatan mulia yang mengurangkan kesusahan.

Itsar adalah darjah tertinggi dalam bentuk pengorbanan antara sesamanya, kebesaran hati semasa memberikan sesuatu yang paling kita cintai bagi saudara kita. Ia merupakan bentuk pengorbanan yang menjadi kelaziman para Nabi, Sahabat, Wali Allah dan orang-orang sholeh.

Kehidupan Sayyidina Ali bin Abu Thalib dan Sayyidah Fatimah az-Zahrah mengajarkan hakikat Itsar dengan gambaran yang sangat indah. Ibnu Abbas ra menceritakan bahawa sebab ayat 8-9 surah al-insan diturunkan kepada Ali, Fatimah dan anak-anaknya:

"Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan.(sambil berkata)," sesungguhnya kami memberikan makanan padamu hanya kerana mengaharap keredaab Allah, kami tidak mengharapkan balasan dan terima kasih darimu." (QS: al-insan, 8-9)

Suatu hari Sayyidina Ali bin Abu Thalib terkena sakit, dalam sakitnya beliau bernazar akan berpuasa selama tiga hari andaikata Allah menyembuhkan penyakitnya. Kemudian selepas sembuh, beliau mulai membuat roti yang terbuat daripada gandum, gandum itu cukup untuk tiga hari baginya dan keluarganya. Pada hari pertama Ali ra menyiapkan satu pertiga rotinya untuk berbuka puasa untuk keluarganya. Semasa berbuka tiba-tiba seorang miskin datang mengetuk pintu rumahnya, orang miskin tersebut sangat lapar. Seterusnya mereka memberikan persediaan buka puasa satu pertiga roti dan makanan lainnya . Sedangkan mereka hanya berbuka dengan air. Di hari yang kedua Sayyidina Ali ra semula membuat roti daripada sepertiga gandum yang disediakan untuk berbuka puasa bagi keluarganya. Apabila azan maghrib berkumandang tiba-tiba datang seorang anak yatim mengetuk pintu, ia sangat lapar dan menghulurkan tangannya untuk diberi makanan. Seterusnya sayyidina Ali ra masuk ke dalam rumah mengambil sepertiga roti tersebut bersama makanan lainnya dan memberikannya kepada anak yatim. Pada hari ketiga, hari terakhir berpuasa- sayyidina Ali ra membuat semula roti daripada sisa gandum terakhir untuk persediaan berbuka puasa ahli keluarganya. (lihat: al-Alusi, ruh al-ma'ani, surah al-insan, 21).

Sungguh perbuatan yang dicerminkan keluarga Ali ra merupakan contoh dan tauladan paling indah dalam bersabar, ber-itsar, cinta kepada yang lain, serta etik yang luhur, kerananya mereka berhak atas asbab nuzul ayat al-quran yang diturunkan kepada mereka.

Contoh lain dalam mengamalkan itsar yang berlaku di zaman Rasulullah saw, diriwayatkan oleh Abu Aziz bin Umair saudara daripada Mus'ab bin Umair dia berkata: *"semasa aku berada diantara tawanan perang badar, Rasulullah saw bersabda "perlakukanlah para tahanan itu dengan sebaik-baiknya". Dan suatu hari aku berada di kumpulan kaum Anshar, mereka menghidangkan makanan dan minuman, mereka memilih untuk makan kurma dan menghidangkan kepadaku roti gandum kerana wasiat Rasulullah saw" (ibnu Hisyam, juz: 2, 222)*

Tidak terdapat satu manusiapun di muka bumi ini yang dapat menyamai kedermanan, berinfaq dan ber-itsar Rasulullah saw. Semua tutur kata beliau berada di darjah tertinggi. Dalam jiwanya tersimpan semua kemulian, ilmu, harta yang bersih, dan jiwa yang mulia. Beliaulah yang menyebarkan agama Allah dan membimbing seluruh manusia menuju jalan yang lurus, memberi makan kepada yang lapar, meluruskan yang tersesat, mengurangkan kesusahan,Walaupun baginda redha semua itu dibayar dengan hinaan dan kesusahan. Semua itu beliau jalankan hanya semata-mata kerana Allah swt.

Suatu masa Shafwan bin Umayah, seorang petinggi kafir Quraisy, -sebelum masuk Islam- ia menyaksikan bersama Rasulullah perang Hunainan dan Thaif, seterusnya Rasulullah kembali ke Juranah.Apabila Rasulullah berjalan berdekatan dengan harta pampasan perang beliau melihat tumpukan harta tersebut, dan Shofwan bin Umayah berdiri bersama baginda, Shofwan memandangi sebuah batu hitam yang indah dan menawan, sangat lama dipandanginya batu hitam itu, dan Rasulullah meliriknya dan bersabda; "*apakah batu hitam ini membuat engkau kagum wahai Aba Wahab (Shofwan bin Umayah)?"* Shofwan menjawab *betul*. Rasulullah berkata padanya: *"batu itu untukmu dan apa-apa yang ada dekatnya"*. Seketika Shofwan berkata: *"tidak ada jiwa yang*

menentramkan seperti ini kecuali jiwa para Nabi, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan bahawa Muhammad hamba dan utusan-Nya". Lalu dia melawat kaumnya seraya berkata: *"siapa sahaja yang memeluk Islam demi Allah sesungguhnya Muhammad akan memberi pemberian yang tidak di takuti kefakiran darinya"*.

Kemudian Nabi saw berkata: *"wahai Anas, sekiranya seseorang memeluk Islam hanya kerana dunia, maka dia tidaklah masuk Islam hingga Islam lebih dicintainya daripada dunia dan seisinya"* (HR. Muslim, fadhail, 57-58).

Itsar pada hakikatnya merupakan bentuk ketulusan hati yang paling mulia. Betapa banyak para penentang islam dalam kekafiran akhirnya mereka bersikap adil dan bijaksana, musuh-musuh islam yang berubah menjadi penolong bagi agama ini, mereka pindah dan memeluk agama islam, bahkan orang-orang mukmin selepas mereka memeluk agama mulia ini, makin bertambah rasa cinta dan persaudaraannya terhadap mereka, hal itu dikeranakan sikap mulia ber-itsar yang telah di lakukan Nabi saw, para sahabat, hingga orang-orang sholeh lainnya.

Suatu hari Rasulullah saw mendapatkan harta sebanyak Sembilan puluh ribu dirham, beliau meletakkan harta tersebut di hadapan orang yang bakhil, tidak berselang lama beliau menginfaqkan seluruhnya kepada orang-orang yang memerlukan sehingga tidak tersisa sedirhampun.

***Al Birru* (kebaikan):**

Dalam al-Qur'an kata-kata *al Birru* bermakna memberikan sesuatu yang kita cintai. Sifat ini juga merupakan pengorbanan yang besar sepeerti halnya Itsar.

Kita percaya bahawa Rasulullah merupakan syaksiah yang menjadi tauladan atas seluruh kebaikan, jiwanya yang begitu agung

dan tulus tidak seoranpun yang dapat menyamainya dalam kebaikan.

Beberapa cerita yang telah dihuraikan dapat menjadi tauladan atas keutaman berinfaq dan ber-itsar. Pada suatu hari para sahabat berkumpul dalam majelis Rasulullah saw untuk mendengarkan kuliah. Dalam majelis tersebut Rasulullah membacakan firman Allah surah Ali Imron, ayat 92 :

"kamu tidak akan memperoleh kebaikan, sebelum kamu menginfakkan harta yang kamu cintai. Dan apapun yang kamu infakkan tentang hal itu sesungguhnya Allah Maha Mengetahui"

Para Sahabat mendengarkan kuliah Nabi dengan hati khusyuk dan memahaminya dengan sangat mendalam, kandungan makna ayat tersebut hingga masuk ke relung jiwa, mereka berasaskan gesaan Nabi yang disampaikan berkenaan dengan infaq di jalan Allah haruslah dilaksanakan dengan segera. Tiba-tiba seorang sahabat yang daripada wajahnya terpancar cahaya keagungan Ilahi berdiri, ia adalah Abu Thalhah ra, beliau memiliki ladang yang luas berhampiran masjid Rasulullah saw, di dalamnya terdapat enam ratus pokok kurma. Ia sangat mencintai ladang tersebut, seterusnya Abu Thalhah melawat Rasulullah saw dan berakata: *"Wahai Rasulullah, aku mendengar bahawa Allah swt berfirman (kamu tidak akan mendapat nilai kebaikan sebelum kamu menafkahkan sebahagian dari harta yang kamu cintai. Sesungguhnya harta yang paling aku cintai adalah Bairuha – nama kebun, d imana Rasulullah saw suatu hari masuk dan beristirahat di dalamnya, beliau juga meneguk air yang mengalir di dalam- maka kebun itu sekarang aku infakkan dijalan Allah dan Rasul-Nya, aku mengharapkan pahala kebaikan disisi-Nya. Lalu* Rasululllah saw bersabda: *"engkau sangat beruntung wahai Aba Thalhah, itulah harta yang menguntungkan, kami terima infakmu dan kami kembalikan harta itu padamu, dan*

berikanlah harta itu pada saudara kerabatmu. Kemudian Abu Talhah menginfakkan kebun Bairuha itu kepada sanak saudaranya " (HR Bukhari, al-wasaya, 17).

Inilah bentuk tauladan yang digambarkan oleh Abu Thalhah ra dan Para Sahabat lainnya. Mereka memiliki akhlak yang terpuji hingga merasuk ke lubuk hati. Kita tidak kagum atas apa yang mereka lakukan, bagaimana Rasulullah saw mendidik dan membina suatu generasi, generasi para sahabat. Sebuah zaman di mana tidak ada zaman selepas itu dimuka bumi ini, hidup seperti mereka, zaman kebahagian.

Rasulullah saw selalu mendorong para sahabat untuk berinfaq walaupun semasa mereka tidak mempunya apa-apa, seperti semasa Rasulullah memanggil Abu Dzar dan menasihatinya untuk berinfaq, padahal Abu Dzar adalah sahabat yang hidup dengan kemiskinan, Rasulullah bersabda: *"wahai Abu Dzar, jika engkau memasak sup maka perbanyaklah kuahnya dan berbagilah dengan jiranmu"* (HR Muslim).

Mukmin yang sejati hidup bagaikan cahaya yang besinar seperti bulan dalam gelap gulita, yang terang benderang dengan cinta kasih, cinta kepada orang lain, menjadi insan yang mulia, pemurah, dan sentiasa menafkahi sebahagian hartanya di jalan Allah.

Di zaman sekarang kita ini, kesedaran selari dengan kemampuan setiap individu dalam berinfaq dan ber-itsar sangat di galakkan. Sepatutnya sebagai manusia kita tidak lupa bahawa suatu masa mungkin kita berada dalam keadaan diantara orang-orang yang memerlukan huluran tangan orang lain. Oleh kerana itu, infaq dan mendahulukan kepentingan orang lain yang kita amalkan terhadap pesakit, orang lemah, orang lapar merupakan bentuk hutang yang kita tunaikan kepada Allah sebagai wujud rasa syukur atas limpahan karunia kenikmatan yang tiada bandingan ke atas kita.

Kerana itu, kita harus segera mengambil langkah untuk meringankan beban saudara-saudara kita yang berada dalam kesempitan, dengan saling berbagi nikmat yang dititipkan ilahi kepada mereka. Kerana hati dan jiwa yang merasuk di dalamnya kebahagiaan rabbani yang menjadi kekuatan secara tersirat di dunia, bekalan kita di akherat, serta kejayaan kelak nanti di syurga.

Ya Allah, jadikanlah pemandangan kasih sayang sebagai hiasan yang memenuhi relung hati kami yang terus menerus tiada hentinya. Berikanlah kepada kami secebis daripada kehidupan seorang manusia yang paling mulia (sayyidul anam) di sisimu yang personalitinya penuh dengan kedermawanan dan itsar, juga kehidupan orang-orang yang selalu mengamalkan sunnahnya. Amiiin

❁

Merasa Cukup

Syukur ke atas kurnia yang diberi, adalah sifat orang-orang sholeh dan pecinta kebenaran yang jauh darpadai kedengkian serta menjadikannya mencapai kesempurnaan. Merasa cukup dengan apa yang telah diperolehi membuat hati bergelimang dan tidak tamak pada harta milik orang lain. Itulah Qona'ah. "Qona'ah adalah kekayaan yang tidak pernah lenyap" sebagaimana diterangkan oleh Rasulullah saw. Dimasa hati telah menemukan kedamaian dan kasih sayang, itulah kekayaan yang sebenarnya yang menghantarkan hati lebih dekat kepada Sang Pencipta.

MERASA CUKUP

Apabila kaum Muslim berhijrah daripada Makkah ke Madinah, para Sahabat meninggalkan semua harta benda yang dimilikinya. Rasulullah saw mempersaudarakan tali ukhuwah diantara Muhajirin dan Anshar, mempersaudarakan antara Abdur-Rahman bin Auf dengan Sa'ad bin Rabi'. AbdurRahman bin Auf berkata: *"kutinggalkan seluruh kekayaanku di Makkah, dan ketika aku hijrah ke Madinah, Rasulullah saw mempersaudarakan aku dengan Sa'ad bin Rabi' daripada golongan Anshar, dan Sa'ad bin rabi' berkata pada ku,"aku adalah orang yang paling kaya digolongan Anshar, maka akan kubagi separuh hartaku untukmu".* Tetapi Abdurrahman bin Auf menolak pemberian Sa'ad sebagai bentuk rasa syukur terhadap nikmat yang telah ada dan berkata: "*semoga keberkatan Allah terlimpah kepadamu, bersama keluarga dan hartamu, akan tetapi tunjukkan padaku jalan menuju pasar"*

Pergilah Abdurrahman bin Auf kepasar untuk berniaga. Tidak seberapa lama kemudian, perniagaannya mendapatkan keuntungan sehingga akhirnya ia mampunyai harta yang melimpah. Abdurrahman bin Auf tergolong diantara orang-orang kaya yang selalu bersyukur (lihat: Bukhari, al-buyu', 1).

Diceritakan, pada suatu hari Abdurrahman bin Auf dijamu makan namun ia sedang berpuasa, lalu berkata: "*Mus'ab bin Umair telah wafat dan dia lebih baik daripada aku, dia dibungkus kain kapan apabila ditutup bahagian kepalanya tersingkap kakinya, dan sekiranya ditutup kakinya tersingkap pula kepalanya. Hamzah pun*

telah wafat, dia lebih baik daripadaku, aku khawatir semua kebaikan kita hanya diperolehi daripada dunia sahaja, sungguh aku takut bilamana kebaikan-kebaikan tidak sampai pada kita semasa kita berpulang ke rahmatullah, kemudian Abdurrahman menangis terisak-isak dan meninggalkan makanannya

Alangkah mulianya akhlak para Sahabat, *zuhud*[22] terhadap kesenangan duniawi dan merasa cukup ke atas nikmat yang telah diperolehi.. Akhlak yang telah memalingkan pandangan mereka daripada kelazatan duniawi menuju patuh beribadah kepada Allah. Zuhud terhadap dunia, menjadikan hati mereka hanya milik Allah swt semata, semua ciptaan baginya hanyalah bersifat fana (akan musnah). Adapun *istighna*' (berasa cukup atas pemberian Allah) ia merupakan amalan yang dapat dirasakan oleh hati dan darjahnya lebih tinggi daripada zuhud.

Bersyukur ke atas karunia yang diberi adalah sifat orang sholeh dan pecinta kebenaran yang jauh daripada kedengkian serta menjadikannya mencapai kesempurnaan. Merasa cukup dengan apa yang telah diperolehi membuat hati bergelimang dan tidak tamak pada harta milik orang lain. Itulah Qona'ah. "Qona'ah adalah kekayaan yang tidak pernah lenyap" sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah saw.

Semasa hati telah menemukan kedamaian kasih sayang, itulah kekayaan yang sebenarnya menghantarkan kepada kedekatan menuju redha Allah swt. Kerana bila Qona'ah telah bertahta dalam hati tidak ada hura-hura dunia yang membuat sedih dan gelisah. Dalam anggota tubuhnya yang sibuk dengan urusan dunia, batin nya tenggelam dalam lautan zikir Sang Maha Pencipta. Kehidupan orang-orang yang mencintai Allah swt - hatinya kaya dengan makna

22. menjauhkan diri dari kesenangan duniawi untuk beribadahk

kehidupan dalam keadaan terbaik- tersimpan berjuta-juta tauladan dalam kesyukuranya ke atas nikmat yang telah dikaruniakan.

Sebuah cerita inspirasi daripada perjalan hidup Umar bin Khatab, Khalifah Islam kedua. Berselimutkan karunia Allah di masa kekhalifahanya, Islam berada di puncak keemasan. Di bawah kepemimpinan Umar, wilayah Islam meliputi Suria, Palestina, Mesir dan Iran. Ibu negeri pemerintahan Islam, Madinah al Munawarah, dipenuni oleh harta rampasan perang daripada bangsa Romawi dan Persia. Kehidupan masyarakat Islam berjalan damai dan penuh kenikmatan. Walaupun begitu, Sang pemimpin -Khalifah umat islam- Umar bin Khatab, hidup dalam kesederhanaan dan hati yang pemurah yang membuatnya tidak memerlukan pelbagai jenis kesenangan dan perhiasan dunia. Walaupun negara Islam berada di puncak kegemilangannya, dan Baitulmal memiliki simpanan yang melimpah, apabila beliau berpidato dihadapan rakyatnya beliau muncul dengan pakaian yang sangat sederhana. Menjawat sebagai pemimpin negara beliau tidak mengharapkan sedikitpun balas budi di atas semua pengorbanannya walaupun itu adalah haknya.

Sebuah cerita yang diriwatkan dari Thous dan Ikrimah bin Khalid: dalam sebuah perbincangan Hafshah dan Ibnu Muti' serta Abdullah bin Umar mereka bertanya kepada Umar bin Khatab: "*jika sekiranya kamu memakan makanan yang baik, itu akan menjadi kekuatan untukmu dalam menegakkan keadilan"*. Umar berkata: "*apakah kalian sependapat?"* Mereka menjawab "*Ya, kami sependapat*", Umar kembali berkata:*"aku megetahui ucapanmu ini adalah nasihat untukku, akan tetapi aku tidak ingin meninggalkan orang-orang kelaparan, berapa banyak manusia yang tidak pernah memakan makanan yang bergizi bahkan sampai mati mereka.*

Inilah akhlak Sayyidina Umar bin Khatab, buah daripada perasaan hati yang terdalam, betapa banyak cerita perjalanan hidupnya

yang penuh dengan pelbagai keutamaan – penyebar keadilan di atas muka bumi dan hidup dengan perjuangan kebenaran- tercatats dalam lembaran-lembaran buku sehingga tidak terkira dan terhingga. Dialah tauladan yang menjadi inspirasi dalam membina makna kehidupan.

Walaupun dizaman sekarang ini kita menjumpai seorang yang cerdas, jenius dan pakar, tentu muncul perasaan kagum pada mereka. Namun, kekaguman itu tidaklah menjadikan semua sisi kehidupannya dijadikan tauladan maknanya.

Sebagai umat Islam, yang sepatutnya untuk kita tauladani dan menjadi model kehidupan adalah mereka yang memiliki kehormatan terpuji dan berkarakter mulia. Selepas tempoh kegemilangan para sahabat berakhir, kehidupan mereka menjadi renungan dan pelajaran bagi generasi selepasnya untuk dijadikan tauladan dan inspirasi meraih kebahagian. Rasulullah saw mengambarkan tentang para Sahabatnya:

"*berbahagialah orang yang diberi hidayah Islam, mereka hidup dalam kecukupan dan qona'ah"* (HR tirmizi)

Para Sahabat menyedari bahawa mereka tidak sanggup meraih kemuliaan sekiranya kehidupan mereka tidak bercermin pada kehidupan Rasulullah, terutama akhlak Rasulullah saw dalam menghadapi fitnah duniawi.

Apabila para sahabat telah menimba ilmu dan pendidikan daripada Rasulullah saw, selanjutnya mereka menjadi pembawa hidayah bagi umat manusia dengan memberi contoh dalam pelbagai keutamaan dan kelebihan. Mereka juga mengajarkan manusia tentang keutamaan Itsar, mendahulukan keperluan saudaranya pada nikmat yang dimiliki dan mengkesampingkan kehendaknya. Sayyidah Aisyah pernah berkata: *"Sekiranya kami ingin, bisa sahaja kami hidup*

dalam kemewahan, namun Rasulullah saw mengajarkan kami untuk mendahulukan kepentingan orang lain."

Dalam sebuah cerita diceritakan oleh Jabir ra semasa kaum Muslimin berada dalam keadaan tersepit, apabila mereka sedang menggorek parit sebelum perang Ahzab, : "*pada hari khandak apabila kami sedang menggorek parit, kami disusahkan dalam menggorek tanah kerana terhalang oleh sebuah batu yang sangat besar dan keras. Seterusnya Rasulullah saw melawat kami dan berkata: (aku ikut bekerja), kemudian beliau bekerja dengan perut yang dililit batu –kami bekerja selama tiga hari tanpa makanan- lalu Rasulullah saw mengambil cangkul, dan memukul batu keras tadi, seketika batu itu pecah berlonggok. Apabila aku melihat batu yang terlilit diperut Rasulullah saw, aku segera melawat isteriku dan bertanya padanya "apakah kita mampunyai persediaan makanan? Aku melihat perut Rasulullah kempis kerana belum makan." Lalu isteriku memberikan kampit yang berisi gandum. Dan kami juga memiliki seekor haiwan ternak. Aku sembelih haiwan ternak itu kemudian isteriku memasaknya untuk Rasulullah saw. Isteriku berkata "jangan kamu khabarkan (bahawa aku yang memasak) dihadapan Rasulullah dan orang-orang disekelilingnya." Lalu aku datang kepada baginda dan beliau bahagia dengan kedatanganku, aku berkata: "wahai Rasulullah aku telah menyembelih ternak kami, dan kami membuat makanan daripada satu gantang gandum, silahkan engkau makan beserta orang-orang yang berada didekatmu". Rasulullah pun bangkit dan berseru kepada para sahabatnya: "Wahai para pengorek parit! Jabir telah membuatkan untuk kalian makanan, kemarilah dan makanlah.*

Inilah contoh kebaikan hati para Nabi yang mulia, hadith di atas menerangkan bahawa Rasulullah saw tidak redha sekiranya dia makan dan para sahabatnya kelaparan, atau makan bersama sebahagian dan meninggalkan sebahagian lainya. Kerana kasih sayang,

kelembutan, bertimbang rasa dan memberikan kebaikan untuk umat sebagai cahaya penerang hatinya. Beliau menyediakan makanan untuk sahabatnya dan hidangan itu tidak dimakannya sehingga para sahabat berasa kenyang. Lebih daripada itu, beliau lah yang menyediakan makanan tersebut dan membersihkan tempat makan selepas para Sahabat makan. Semua ini adalah bukti kasih sayang yang tulus, bertimbang rasa yang besar yang bersemayam dalam lubuk jiwa Rasulullah saw. Bukan hanya di dunia, di akhirat kelak Rasulullah tetap mengingat dan menjanjikan syafaat bagi umatnya di hari pembalasan. Terucap kata-kata pertamanya di hari pembelasan: *"umatku, umatku"*. Pada hari itu kita hanya dapat memohon perlindungan di bawah naungan rahmat dan kasih sayang Rasulullah saw, dengan harapan permohonan : *(berikan kami syafaatmu wahai Rasulullah)*.

Rasulullah saw adalah rahmat bagi seluruh alam. Ketaqwaan, zuhud, dan qana'ah dalam keadaan lapang dan sempit, dalam keadaan gelisah ataupun tersepit dengan merendahkan diri beliau memohon pada Allah:

"*Ya Allah berikanlah keluarga Muhammad rezeki sesuap nasi" (Bukhari, kitab: riqaq, 17)*

Diceritakan oleh ummul mukminin Aisyah ra: "*salah seorang perempuan Anshar datang berkunjung kerumaku, dia melihat kasur Rasulullah dibuat daripada tenunan kayu, lalu perempuan itu pergi dan kembali membawa kasur lembut beralas bulu domba. Apabila Rasulullah kembali ke rumah beliau bertanya padaku: "apa ini ya Aisya"? aku menjawab: "seorang perempuan Anshar mengunjungiku dan melihat kasurku, kamudian dia pergi dan kembali dengan ini (kasur)". Seterusnya Rasulullah saw bersabda: "wahai Aisyah kembalikan kasur itu, demi Allah sekiranya aku berkehandak maka Allah akan menjadikan gunung berupa emas dan perak untuk ku. (HR: Baihaqi, sya'bu al-iman, 2, 173)*

Zuhud dan taqwa merupakan identiti bagi orang yang mencintai kehidupan baginda saw dengan mengamalkannya setiap hari. Namun banyak orang salah mengertikan zuhud dan taqwa yang menjadi kehidupan keseharian Rasulullah saw. Sebahagian orang mengira bahawa zuhud adalah membalikkan hati sepenuhnya daripada harta benda dan nikmat dunia. Padahal sebahagian ibadah dalam Islam juga bergantung kepada harta benda. Al-Qur'an al-Karim menyebutkan kata-kata infak sebanyak dua ratus kali. Seperti halnya kewajipan membayar zakat, dan menunaikan ibadah haji yang keduanya merupakan rukun daripada rukun-rukun Islam, kedua-duanya tidak diwajipkan bagi seorang hamba kecuali ia mampu darisegi harta dan kekayaan.

Oleh kerana itu dalam islam terdapat kaedah yang mengatakan: "tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah". Inilah diantara sebab-sebab yang menuntut umat islam terus berusaha mencari harta supaya mampu menunaikan kewajipannya. Zuhud yang sebenarnya tidak pernah bercanggahan dangan perintah agama.

Berasa cukup dengan segala jenis nikmat yang telah dilimpahkan Allah swt dalam menjalani kehidupan, adalah jalan menuju kepada zuhud dan ketaqwaan, namun rasa syukur ini (al-istigna") hanya dapat di lakukan oleh perbuatan hati bukan dengan perbuatan.

Zuhud dan syukur terhadap nikmat Allah, menjauhkan manusia daripada cinta dunia tanpa harus membencinya. Dengan makna ini, ia menggambarkan bahawa orang yang zuhud bukan bermakna dia memilih kemiskinan, namun zuhud adalah gerak hati yang halus dan bersemayam dalam jiwa mukmin, sama ada yang kaya mahupun yang miskin. Ada masanya manusia ditakdirkan hidup miskin, namun hatinya bergelora keserakahan duniawi, ia tidak mungkin digolongkan dalam barisan ahli zuhud dan syukur. Kerana zuhud

dan syukur bukan bersikap enggan terhadap takdir atas rezeki yang sedikit, tetapi zuhud adalah penjagaan hati daripada kehendak dan keserakahan nafsu duniawi.

Berikut beberapa cerita orang-orang sholeh sebagai tauladan dan pelajaran untuk menyebrangi lautan dunia, cerita yang menerangkan keindahan dan kesempurnaan syariat ini.

Suatu masa seorang wali Allah yang bernama Sayyid Muhammad Yarisa melakukan perjalanan Ibadah haji. Sesampainya di bandar Baghdad dia melihat seorang pemuda sedang leka dalam pekerjaannya sebagai penjual mata wang asing. Pemuda itu menjual barang perniagaannya (jual-beli wang) sangat laku dan diminati oleh pembeli. Ramai pembeli yang datang tiada hentinya, melihat peristiwa itu, hati Sayyid Muhammad mengira bahawa pemuda ini menghabiskan semua masanya dengan urusan-urusan dunia, dengan perasaan kasihan dia berkata *"Alangkah ruginya anak muda ini, ia tenggelam dalam kesibukan yang menjauhkannya daripada mengingat Allah."*

Akan tetapi setelah dia mengetahui hati anak muda itu, timbulah rasa kekaguman dalam darinya, kerana anggota tubuh pemuda ini disibukan oleh urusan dunia, sedangkan hatinya sibuk bersama Allah swt dalam kenikmatan zikir pada-Nya. Terdengar olehnya pemuda itu berkata: *"MasyaAllah! Tubuhku bekerja sedangkan hatiku bersama Kekasih Allah swt."*

Dalam perjalanan selepas itu, apabila dia sampai di bandar Hijaz, ia memandang seseorang berjanggut putih menangis tersedu-sedu sambil menyandarkan bahunya ditirai Ka'bah. Melihat orang itu, timbul rasa iri hati dalam jiwanya dan berdo'a: "Andaikan ibadahku kepada Allah menangis seperti tangisan orang ini."

Namun beberapa masa selepas kekagumannya, ia mendapati bahawa doa-doa yang dipanjatkan dan tangisan yang mengalir sebelum ini bukan kerana mencari redha Allah, tetapi untuk meminta dunia yang fana ini, sementara itu Sayyid Muhammad merasa sedih melihat keadaan orang itu.

Dalam cerita ini dapat kita petik pelajaran yang sangat penting bahawa kita boleh sahaja menghabiskan masa untuk urusan duniawi dengan tanpa mengesampingkan urusan akhirat.

Dalam sebuah perjumpaan Jalaluddin ar Rumi mengumpamakan kehidupan dunia seperti kapal yang berlayar di samudera. Dalam masa itu dia berkata: "*walaupun lautan itu berada dibawah kapal, tetapi lautan itu adalah penolong yang menghantarkan kapal berlayar.Namun sekiranya gelombang lautan itu telah menembus kedalam kapal, itulah masa karamnya".*

Kesibukan duniawi sememangnya dikhawatirkan dapat melalaikan manusia daripada beribadah kepada Allah. Amaran ini juga telah ditekankan oleh al-Qur'an dengan menyebut dunia sebagai *fitnah* (ujian) dengan mengibaratkannya pada harta dan anak keturunan. Oleh itu, dalam kesibukan dunia, kita wajib menjaga hati daripada kelalaian mengingat Allah swt. Hati yang terbuai oleh kenikmatan duniawi akan jauh daripada rahmat dan berkah Allah, walaupun ia memiliki harta yang berlimpah,.

Rasulullah saw bersabda:

"kesenangan dunia adalah kepahitan diakherat, dan kepahitan didunia adalah kesenangan diakhirat." (HR Hakim).

Dalam hadith lain Rasulullah saw bersabda:

"sesungguhnya dunia itu kesenangan berwarna hijau, dan Allah menjadikan kalian sebagai pentadbirnya, lalu ia (Allah)

memperhatikan bagaimana kalian memperlakukannya (dunia), maka janganlah kalian mendekati dunia." *(HR Muslim, zikir, 99)*

Pada suatu hari, terdengar olehku suara yang sangat mengganggu daripada dua ekor kucing, Suara itu sangat mengganggu, dan apabila aku keluar menuju ladang untuk melihatnya aku mendapati dua ekor kucing tadi saling menyerang dan menerkam, keganasannya seperti harimau kecil yang lapar. Keduanya saling memandang tanpa suara dengan lirikan sudut mata yang tajam, daripada jari-jemari kedua kucing itu keluar cakar yang sedia untuk merobek satu sama lain. Seterusnya keduanya saling mencakar sehingga salah satu kucing itu hampir mati dalam perkelahian. Menyaksikan peristiwa tersebut aku hairan dan bertanya, apa yang menyebabkan kedua ekor kucing itu sangat kejam sekali? Sejenak aku berfikir, pertanyaan itu akhirnya terjawab, aku melihat seekor bangkai tikus yang tidak jauh diantara keduanya. Kemungkinan keduanya bergaduh disebabkan saling merebut bangkai tikus. Bangkai tikus itulah yang menjadi penyebab perkelahian sehingga salah satu daripadanya dalam keadaan nazak.

Menggali hikmah daripada peristiwa tersebut, pergaduhan yang berlaku disebabkan oleh ketamakan pada benda yang tidak bernila iaitu bangkai tikus kecil yang telah membusuk. Hal itu juga ditemui pada kehidupan manusia, apabila melihat kehidupan orang-orang yang saling menyiku dalam mencari kesenangan dunia, dan melupakan akhirat hanya kerana urusan makanan yang hina. Begitu banyaknya jiwa-jiwa yang terbuai dan terdesak hatinya disebabkan berebut kekuasaan dan pangkat yang sifatnya sementara. Mereka menganggap bahawa semua yang diperolehi di dunia ini akan abadi tiada akhir. Ketamakan terhadap kepuasan nafsu dunia yang sementara dapat membunuh rasa syukur dalam hati pada Sang Khaliq, dan membawanya pada perbuatan dosa. Berkenaan dengan perkara ini Allah swt berfirman:

"Ketahuilah sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas. Dengan sebab dia melihat dirinya serba cukup sempurna.Sesungguhnya, kepada Tuhanmulah tempat kembali (untuk menerima balasan)." (QS al Alaq, 6-7)

Manusia yang berjiwa dangkal, akan terbenam dalam kerakusan dan ketamakan mencari kesenagan duniawi. Semasa hasratnya tercapai, dia tenggelam dalam kelalaian yang membuatnya terlena. Namun apabila kehendaknya tidak terpenuhi maka ia akan menjalani hidupnya penuh dengan putus asa dan kesengsaraan.

Larut dalam memikirkan harta, kedudukan dan rezeki, serta memalingkan hati daripada Allah akan menjadikan dirinya sebagai seorang hamba sahaya bagi dunia. Dalam sebuah hadith Rasulullah saw menjelaskan:

"sesiapa yang ingin mendapatkan kebahagiaan akhirat, maka Allah akan memberi kecukupan dimanapun dia berada. Dan sesiapa yang ingin dipenuhi hasrat duniawi, Allah tidak akan memperdulikan kesengsaraanya dimanapun ia berpijak." (HR Ibnu Majah, zuhud, 2)

Seperti inilah realiti dunia, apabila manusia telah jauh dan terpisah daripada risalah Tuhan-nya, kebinasaan pasti akan datang menghampirinya di dunia dan akhirat. Semasa manusia larut dalam kelalaian duniawi, hakikatnya sebagai manusia beransur pudar, hanya menyisakan gambaran fizikal belaka, seketika itu darjahnya sama dengan makhluk-makhluk lain, bahkan ini dapat mengheretnya menuju seksaan neraka. Seperti yang diperingatkan oleh Rasulullah saw:

"suatu masa, manusia akan disibukkan dengan memuaskan hasrat perut, kehormatan, harta kekayaan, kedudukan, wanita, hutang, dinar dan dirham. Mereka itulah makhluk yang paling hina,

dan Allah tidak akan menghulurkan pertolongan baginya". (Ali al-Muttaqi, kanzu al-hadith, 31186)

.....Ya Allah lindungilah kami."

Dalam hadith lain Rasulullah saw berkata kepada para sahabat:

"*Demi Allah aku tidak takut apabila kefakiran menimpa kalian, akan tetapi yang aku takutkan adalah ketika kalian mengutamakan kesenangan dunia, sebagaimana kesenangan umat sebelum kamu, kalian akan saling berlumba-lumba mencarinya, seperti mereka, maka kecelakaan akan menimpa kalian sebagaimana kecelakaan yang telah menimpa mereka." (HR Bukhari, ar-riqaq, 7)*

Oleh sebab itu, harus berhati-hati semasa hasrat memberikan tumpuan yang berlebihan terhadap urusan dunia yang akhirnya menyibukkan hati lebih daripada yang semestinya. Dunia hanyalah setitik embun daripada samudera nikmat Allah, Rasulullah saw menjelaskan nilai dunia dengan sebuah perumpamaan sebagaimana dalam hadithnya beliau bersabda:

"Demi Allah, nilai dunia jika dibandingkan dengan akhirat seperti jari yang kalian celupkan –beliau member isyarat dengan telunjuknya- kedalam lautan maka perhatikanlah apa yang terbawa." (HR Muslim, al-jannah, 55)

Dalam al-Qur'an Allah swt berfirman:

"Kehidupan dunia ini (jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan, dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, sekiraranya mereka mengetahi." (QS al-Ankabut, 64)

Bagi hati yang mengetahui hakikat kehidupan, dunia tidak bermakna sedikit pun dalam hatinya. Matlamat hidup mereka hanyalah

mencari *Mardatillah* (keredhaan Allah). alangkah indahnya sebuah syair daripada Yunus:

Tiada ciptaan yang memberiku kebahagiaan
Dan tiada kefanaan mendatangkan kesedihan
Dengan cinta-MU ku pasrahkan dan bersabar
Aku fakir pada-Mu, aku seorang hamba yang berharap pada-Mu.

Pada realitinya, nafsu dunia berupa harta dan perhiasan yang menyesatkan hamba dan menipu mata orang yang lalai- tiada berharga di sisi Pemilik Hati yang Suci. Para wali Allah dan orang mukmin yang sholeh sentiasa meletakkan redha Allah sebagai tumpuan pandangan mereka, tidak akan berubah sedikitpun dari jalan-Nya, selalu bersedia untuk menghadapi perhiasan dunia dan tipu daya. Yahya bin Muaz ra berkata: "*orang yang mengetahui hakikat hidup ia sentiasa meletakkan akhirat dikanannya dan dunia di kirinya, dan menghadapkan hatinya kepada Tuhanya, tiada yang menyibukkannya kecuali mengingat pada-Nya.*

Jalaluddin berkata: *"Dunia itu adalah kelalaian daripada mengingat Allah swt, dunia bukanlah engkau memiliki harta benda, isteri dan anak, akan tetapi dunia adalah ketika engkau lalai dan tertipu dari Allah swt."*

Kutipan tersebut memberi erti bahawa merasa cukup terhadap apa yang diberi bukan bererti membenci harta benda, pangkat ataupun populariti. Kesimpulannya, bagaimana kita sebagai hamba Allah dapat mengawal hati daripada kesibukan dunia yang melelapkan daripada mengingat Allah.

Cinta pangkat dan harta benda, merupakan salah satu penyebab yang menjadikan hati lalai daripada zikrullah. Dalam perjalanan cerita-cerita tentang dunia, telah dipenuhi dosa orang-orang zalim yang menghalalkan segala kekejaman kerana kerakusan dan ketamakan

mereka pada kedudukan. Namun dunia untuk seketika tersenyum apabila Islam melahirkan orang-orang berjiwa besar yang sanggup menyatukan hati manusia dalam kebenaran.

Berikut adalah contoh model tiga syaksiah berjiwa sejati, dengan tegas mereka berani meletakkan pucuk pemimpinan demi terwujudnya persatuan dan keharmonian dalam tubuh umat islam.

Yang pertama adalah Hasan bin Ali ra, cucu Rasulullah yang mulia. Beliau meletakkan jabatan khilafah islam yang baru digenggamnya selama enam bulan, demi terciptanya kesatuan umat islam kedudukan tertinggi itu ia serahkan pada Muawiyah. Ia takut akan berlaku pertikaian dan peperangan politik. Ia juga berharap apa yang dilakukannya dapat menghentikan wujudnya pertumpahan darah di antara umat islam.

Yang kedua adalah Idris Bitlisi, seorang pahlawan yang menyatukan wilayah timur dengan dinasti Uthmaniah dengan cinta tanpa setitikpun darah tertumpah.

Ketiga adalah Barbaros Khairuddin Basya, tauladan yang menjauhkan dirinya daripada nafsu kepemimpinan. Dia bersedia meletakkan jawatan tinggi yang ditugaskan iaitu menjadi pemimpin wilayah al-Jazair dan wilayah-wilayah di sekitarnya semasa itu, demi kesatuan umat Islam.

Nabi Sulaiman as suatu hari beliau menempatkan dirinya setara dengan para fakir miskin, beliau ingin merasakan hatinya terjaga daripada ketamakan harta benda dan kedudukan. Apabila subuh menyingsing, Nabi Sulaiman bangkit daripada tidur dan menemui para fakir miskin, duduk dan bercerita bersama fakir miskin dengan kerendahan hatinya.

Akhirnya, untuk hidup mandiri, meraih cita-cita tanpa bergantung pada orang lain, maka carilah harta dan kedudukan

dengan jalan yang halal tanpa menjatuhkan harga diri. Disana terletak maruah dan kehormatan sebagaimana dikatakan dalam hadith Rasulullah saw :“ *sungguh apabila seseorang diantaramu mengambil seulas tali lalu dia membawa (dengan mengingatkannya atas) satu ikat kayu yang diletak di atas bahunya dan menjualnya. Maka Allah akan mengangkat darjahnya, dan Itu lebih baik baginya daripada ia meminta-minta pada manusia samada mereka memberi ataupun tidak” (HR Bukhari, zakat, 5-53).*

Kerana seorang mukmin yang kuat lagi kaya, sanggup memikul tanggung jawab bagi orang lain, serta selalu bertegas dalam kebaikan, maka ia sebagaimana yang di sabdakan oleh Rasulullah saw:

“sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia” (as-suyuti, al-jami’ as-shagir, 2,8) .

Bukan suatu kesalahan bagi orang yang berikhtiar mencari rezeki. Tetapi, bagi mereka yang hatinya sudah terikat oleh dunia dan lalai daripada melaksanakan kewajipan agama serta tugas kemanusiaan, dan ia di perhamba oleh nafsu tamak, itulah letak kesalahan. Dan yang sepatutnya difahami adalah bahawa kenikmatan dunia hanya sebatas genggaman tangan, bukan dalam hati.

Marilah sejenak kita bercermin dengan personaliti Rasulullah saw, mengambil hikmah daripada kata-katanya yang mulia:

“zuhud lah kamu terhadap dunia niscaya Allah akan mencintaimu, dan zuhud lah kamu terhadap apa yang ada ditangan manusia, niscaya kamu akan dicintai manusia.” (HR Ibnu Majah, zuhud, 1)

Ya Allah, wahai Tuhan kami jadikanlah kami orang yang engkau cintai dan dicintai oleh makhlukMu. Berikanlah pada hati kami rasa syukur yang dimiliki para Nabi yang engkau jauhkan dari hal-hal selainMu. Ya Allah, isilah hati ini dengan reda dan cinta-Mu, serta kepatuhan dan ketaatan dalam menjalani gesaan-Mu. Amin

Akhlak dalam Berniaga

Allah swt memerintahkan hambanya untuk mencari harta dengan jalan yang diredhainya (halal) dan menginfakkannya di jalan yang ia redhai pula. Seorang peniaga yang arif dan bijaksana selalu mencari keuntungan di dunia tanpa mensia-siakan keuntungan akhirat yang lebih besar yang abadi, kerana ia perniagaan yang tidak pernah rugi dan selalu dibawah naungan redha ilahi.

AKHLAK DALAM BERNIAGA

Apabila Rasullah saw berjalan melalui pasar, beliau melihat tumupukan makanan milik seorang peniaga. Seterusnya beliau memasukkan tangannya ke dalam tumpukan makanan tersebut. Semasa di keluarkan beliau mendapati tangannya basah, kemudian beliau bertanya pada penjual: "*apa ini wahai pemilik makanan?"* penjual itu menjawab: *"makanan itu terkena hujan wahai Rasulullah!".* Rasulullah saw bersabda: *"mengapa tidak kamu letakkan dibagian atas, supaya pembeli dapat melihatnya? Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada golongan kami." (HR Muslim, Iman, 164).*

Hadith diatas menjelaskan bahawa sistem ekonomi Islam dibina berasaskan saling membantu dalam kehidupan masyarakat, berprinsip kejujuran (*amanah).* Aktiviti ekonomi berupa perpindahan barang daripada produsen kepada konsumen, adalah kegiatan mencari laba dari modal, tanpa melupakan risiko kerugian. Jika dikaji dari segi hukum Islam, kegiatan ini merupakan perbuatan halal. Bahkan aktiviti ini, yang bermatlamat untuk perkembangan usaha, dan meraih laba disokong dan dianjurkan oleh syariat Islam. Apabila melihat penjelasan Rasulullah tentang pentingnya aktiviti ekonomi, dalam hadithnya beliau bersabda:

"Sembilan dari sepuluh pintu rezeki adalah perniagaan." [23]

Hadith diatas mengisyaratkan dukungan Islam terhadap aktiviti ekonomi.

23. Lih: as-Suyuti, al-jami as-saghir, juz: 1, 113.

Lebih lanjut lagi, kita mengatahui bahawa dua daripada rukun Islam, adalah amalan yang bergantung pada harta, iaitu ibadah haji dan zakat. Dua ibadah ini, hanya dapat ditunaikan oleh orang-orang yang memiliki harta. Secara tidak langsung Islam mendorong umatnya untuk berikhtiar mencari rezeki dengan jalan yang benar. Selain itu, bukti sokongan Islam terhadap perniagaan, terkandung dalam hikmah yang dapat kita tarik daripada sabda Rasulullah saw:

"*tangan diatas lebih baik daripada tangan dibawah."(HR Bukhari, zakat, 18)*

Walaupun sokongan Islam yang besar dalam menganjurkan umatnya melakukan aktiviti perniagaan. Namun harus difahami bahawa harta juga merupakan ujian. Sebagaimana Rasulullah memperingatkan:

"Sesungguhnya setiap umat mereka diuji, dan ujian bagi umatku adalah dengan harta." (HR Ibnu Hanbal, juz:4, 160)

Hasrat yang berlebihan dalam mengumpulkan harta, adalah salah satu rintangan yang paling merbahaya yang menyebabkan jiwa menjadi lemah. Manusia yang telah tertanam ketamakan dalam dirinya, ia ibarat sebuah bekas. Walaupun perutnya penuh dengan harta namun mulutnya masih ternganga. Sekiranya sudah seperti itu keadaannya, semua air dilautanpun tidak cukup untuk dimasukkan ke dalam bekas, walaupun pada akhirnya bekas itu hanya mampu menampung sesuai dengan ukurannya.

Manusia yang tamak seumpama tungku api. Setiap kali dimasukkan arang dan kayu bakar kedalamnya, ia tidak akan mengenyangkan dan tidak pula padam, bahkan sebaliknya setiap kali kayu dimasukkan kedalam, semakin besar kobaran dan panas apinya. Ribuan tahun yang lalu Rasulullah saw telah memberi amaran, beliau bersabda:

"jika anak cucu Adam memiliki dua lembah menyimpan harta, maka dia akan mencari lembah yang ketiga, dan tidak akan memenuhi hati (mulut) anak cucu adam itu kecuali dengan tanah (mati), dan Allah Maha Penerima taubat bagi sesiapa yang mahu bertaubat" (HR Bukhari, ar-riqaq, 10. Muslim, zakat, 116).

Itulah dunia, manusia berlumba-lumba dengan ketamakan dan nafsu serakah dalam mendapatkannya, , bahkan banyak di kalangan mereka mencuba pelbagai tipu daya demi harta . Oleh itu, ramai di kalangan kaum-kaum terdahulu yang binasa kerana kerakusan mereka akan dunia yang fana ini.

Di masa kini, kondisi dunia telah dipenuhi oleh orang-orang yang berjalan dalam kelalaian dan tidak faham hakikat dunia. Sebagaimana sejarah yang telah menceritakan kezaliman para hamba dunia, mereka dengan senang hati – seperti hasratnya orang kejam yang haus darah- merompak hak-hak orang miskin, orang lemah, anak-anak yatim, para janda sehingga orang yang berada dalam kesempitan hidup dengan kegelimangan harta mereka yang tiada batasan. Mereka meninggalkan kewajipan –daripada harta- yang harus ditunaikan seperti zakat, infaq ataupun bentuk amal kebaikan lainnya.

Islam bukanlah agama yang memerintahkan munusia mencari kebahagian dan kesenangan lahiriah..Namun, sebaliknya Islam adalah agama yang menghadirkan ketenangan jiwa yang membimbing jasmani dan nafsu menuju redha Ilahi.

Agar perniagaan dirosak oleh ketamakan dan kerakusan, ambisi dan hasrat seseorang haruslah diikat dengan tali yang dapat mengendalikan nafsu syahwatnya ketika melampaui batas yang sewajarnya. Jika demikian, tidak ditemukan lagi dalam aktiviti ekonomi penipuan, keserakahan dan tipu muslihat lainnya.

Al-Qur'an telah mengisahkan tentang kebinasaan kaum Madiyan dan penduduk Aikah kaumnya Nabi Syu'aib, Disebabkan kerosakan akhlak dan sistem perniagaan yang mereka lakukan. Allah swt telah mengabadikan mereka dalam kitab-Nya sebagai pelajaran dan renungan bagi umat manusia selepas itu. Cerita ini memberi isyarat bahawa, memakan harta yang haram, melakukan penipuan dalam perniagaan, merampas hak-hak yang lemah adalah kejahatan dan dosa yang paling berat, mengakibatkan kebinasaan suatu Kaum. Rasulullah saw memperingatkan dalam hadithnya:

"Binasalah hamba kepada dinar dan dirham, dan hamba kepada kain tebal yang berbulu dan kain bercorak (ghairah dengan kemewahan dan kesenangan); sekiranya diberikan kepadanya ia meredai, sekiranya tidak diberikan ia tidak meredai. (HR Bukhari, ar-riqaq, 1)

Suatu hari Umar bin Khattab mendengar seseorang yang memuji saudaranya, lalu dia bertanya kepada orang tersebut tentang tiga hal:

"apakah dia jiranmu? Lalu dia menjawab: tidak.

Apakah kamu pernah berjalan bersamanya? Ia menjawab: tidak

Pernah kamu berjual beli dengannya? Jawabnya: tidak

Lalu Umar ra berkata*: saya mengira kamu pernah melihatnya ia menggelengkan semasa membaca al-Quran?* orang tadi menjawab: *betul wahai Umar, ia memang seperti itu.*

Kemudian Umar ra berkata: *janganlah kamu memuji dia, kerana keikhlasan itu tidak dikalungkan di leher manusia.*

Pelajaran yang tersirat daripada ucapan Umar bin Khatab di sini bahawa, janganlah tertipu dan cepat menilai kepribadian orang

hanya pada tampilan luarannya sahaja. Tetapi kepribadian seseorang diketahui hakikatnya semasa dia bermuamalah (interaksi) dalam pergaulan masyarakat. Penilaian yang terlalu cepat, muncul tanpa ada penyelidikan terlebih dahulu akan mendatangkan musibah dan penyakit bagi jiwa.

Sebagaimana perniagan, sejatinya ia mencerminkan batin seseorang yang terwujud daripada cara ia berperilaku, maknanya keadaan di dalam hati seseorang (*alam ad-dakhili*) akan sama semasa ia bertransaksi perniagaan.

Islam mengajar para peniaga semasa hendak membeli barang daripada pengedar, hendaknya ia jangan merugikan hak pengedar dengan membeli barangnya pada harga yang tidak berpatutan. Apabila menjualnya kembali jangan pula menjual dengan harga yang sangat mahal. Hendaklah penjualan tersebut sesuai dengan harga pasaran, meskipun pembeli tidak mengetahui harga pasaran. Tidak menipu dalam menimbang dan kadarnya, menjauhkan diri daripada praktik riba, tidak bersumpah dalam perniagaannya, dan tidak menjual barang-barang haram yang memberikan kesan buruk pada akhlak masyarakat.

Alangkah sempurnanya aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh Rasululah saw dalam perniagaan, beliau bersabda:

"Wahai para peniaga bergegaslah menjawab gesaan FRasulullah, lalu mereka mengangkat leher dan pandangannya pada baginda, kemudian Rasulullah saw bersabda: Sesungguhya para peniaga dihidupkan semula pada hari kiamat semuanya dalam berdosa, kecuali bagi orang yang bertaqwa berbuat baik dan bersedakah." (HR tirmizi, al-buyu', 4)

"Sumpah itu dapat menguntungkan perniagaan, tetapi ia dapat menghilangkan berkat." (HR Bukhari, buyu', 26)

Peniaga yang tidak tahu menahu dengan harga barangnya, hendaklah ia dimaklumkan harga barang yang ia miliki. Penipuan bagi pembeli adalah mengaut keuntungan daripada ketidaktahuan harga barang oleh peniaga. Sedangkan bagi orang yang menjadikan redha Allah sebagai matlamat hidupnya, muncul dalam jiwanya rasa takut pada harta haram sehingga mereka sangat berhati-hati dengan hartanya. Pernah suatu masa Imam Abu Hanifah bertanya kepada seorang wanita tentang harga baju ia juga yang terbuat daripada kain sutera. Perempuan itu menjawab: *seratus dirham wahai imam.* Imam Abu Hanifah berkata: *"tidak, namun harganya lebih mahal daripada itu.* Dengan hairan peniaga tadi menaikkan harganya kepada dua ratus, imam Abu Hanifah kembali menolak untuk harga tersebut dan meminta menaikkan harganya. Seterusnya ia menaikkan lagi harga tersebut kepada tiga ratus dirham, seterusnya empat ratus dirham. Imam Abu Hanifah berkata kepada perempuan tersebut: "*wahai hamba Allah, harga baju tersebut lebih daripada empat ratus dirham*." Mendengar ucapan itu, perempuan tersebut berkata: *"Apakah kamu menghinaku wahai imam ?*."

Seketika itu Imam Abu Hanifah meminta seseorang yang faham tentang perniagaan untuk memaklumkan harga barang yang dijualnya. Orang itu menjual baju tadi dengan harga lima ratus dirham, barulah imam Abu Hanifah membelinya.

Akhlak ini hanya wujud bagi jiwa yang memahami bahawa menipu, menyembunyikan aib pada barangan perniagaan dan tidak mengambil berat dalam menimbang menyebabkan kesedihan, ketakutan dan seksaan diakhirat kelak..

Belajar daripada cerita para penduduk di zaman pemerintah Turki Uthmani, di mana penduduk di sekitarannya terpukau oleh akhlak penduduknya dalam berniaga.. Bahkan rasa takjub ini juga datang daripada orang-orang Kristian. Pada tempoh masa

ini, masyarakat Uthmani dapat membina kebahagian dan rasa tenteram bagi seluruh manusia. Seperti yang dirasai oleh dua orang paderi kristian semasa pembebasan bandar Istanbul oleh Sultan Muhammad al Fatih. Rasa takjub mereka membuat kedua paderi itu ingin memerhati aktiviti perniagaan penduduk dinasti Uthmaniah yang semasa itu menjadi perbincangan. Apabila fajar menyingsing, kedua paderi tersebut terbangun tidur. Seterusnya mereka menuju ke pasar untuk menunaikan niatnya menyelidiki lebih dalam lagi tentang perniagaan penduduk Uthmaniah. Sesampainya di pasar mereka melawat kedai pertama untuk beberapa barang. Pedagang kedai berkata: *"pagi ini aku sudah membuka kedaiku, kamu dapat membeli barang-barangmu di kedai sebelah mungkin barangnya belum ada yang membeli.* Seterusnya kedua paderi tadi pergi ke kedai yang di isyaratkan, namun pemlik kedai tersebut juga mengatakan hal yang sama "pergilah ke kedai sebelah, mungkin barang yang kamu inginkan belum ada yang membeli". Setibanya di kedai yang dimaksudkan kedua paderi itu mendapatkan jawapan yang sama, hingga akhirnya mereka membeli barang-barang daripada kedai yang pertama.

Demikianlah para generasi tauladan, meninggalkan warisan untuk generasi selepasnya. Warisan akhlak mulia yang berhiaskan cinta kasih, saling bahu membahu memikul beban saudaranya adalah warisan yang menjadi cerminan akhlak Islami. Penipuan dan pendustaan adalah kejahatan yang paling besar bagi seorang muslim. Seorang muslim yang berpersonaliti mulia tidak mungkin menipu dan berdusta, sedangkan sifat menipu dan berdusta merupakan ciri-ciri orang yang dungu dan tidak patut bagi syaksiah muslim. Nabi Muhammad saw sebagai pembawa pelita hidayah bagi umat manusia, mencontohkan dirinya sebagai syaksiah yang penuh dengan kejujuran dan kecerdasan. Dengan demikian setiap pribadi muslim sepatutnya hidup di naungi tauladan serta pola kejujuran dan

kecerdasan yang digambarkan Rasulullah saw. Allah swt juga telah mengingatkan dalam firmanNya supaya tidak menipu:

"*Dan janganlah kamu berikan kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta kamu, (harta) yang telah Allah jadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu.Berilah mereka belanja dan pakaian daripada hasil hartanya dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik." (QS: An-Nisa, 5)*

Bagi orang yang suka menipu, Rasulullah saw memperingatkan dalam hadithnya :

"tiga golongan di mana Allah tidak akan memerhatikannya pada hari kiamat, tidak memandangnya dan tidak juga diberi petunjuk, balasan mereka adalah seksaan yang amat pedih." Rasulullah saw mengulanginya tiga kali. Lalu Abu Dzar berkata: *"malang dan ruginya mereka, siapakah mereka wahai Rasulullah?" kemudian Rasulullah saw bersabda: "Al musbil (lelaki yang menjulurkan pakaiannya melebihi mata kaki), al- mannaan (orang yang suka menyebut-nyebut sedekah pemberian), dan pedagang yang bersumpah dengan sumpah palsu. (HR: Muslim, iman, 171)*

Dari segi lain, Islam membidas para peniaga yang menimbun barang-barang dan menjualnya di kemudian hari dengan harga yang sangat tinggi, mereka itulah orang yang dilakanat oleh Allah sebagaimana dalam hadith Nabi saw:

"Orang yang mendatangkan (makanan) akan dilimpahkan rezekinya, sementara penimbun ia akan dilaknat." (HR Ibnu majjah).

Dalam sistem perekonomian Islam, dijelaskan kaedah untuk mencari keuntungan yang halal, dan cara memanfaatkan harta. Untuk keharmonian dalam perniagaan, Islam menjadikan redha dan kesepakatan di antara penjual dan pembeli dalam transaksi perni-

agaan sebagai landasan utama hukum fiqih. Allah swt berfirman dalam kitabNya:

"W*ahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan (menggunakan) harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara rela-merelai diantara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesame sendiri.Seseungguhnya Allah Maha Penyanyang kepada kamu" (QS: An-Nisa: 29)*

Pada kalimah *(dan janganlah kamu membunuh dirimu)* tersirat makna yang mendalam berupa amaran untuk terus memjaga kehidupan ruhani kita dalam kehidupan keseharian juga menghindar daripada golongan penghuni neraka jahanam. Selain itu, ayat tersebut mengisyaratkan bahawa kejahatan yang berlaku disebabkan oleh keserakahan dan ketamakan serta merampas harta orang lain yang bukan haknya.

Agar hal itu tidak berlaku, dalam jiwa seorang mukmin, ia perlu mematuhi semua aturan agama yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya, terutamanya menjauhi transaksi riba yang merupakan punca daripada segala kerosakan.

Riba merupakan salah satu sistem ekonomi yang menghalalkan kesempitan orang demi mengeruk keuntungan sebesar-besarnya, atau dengan kata lain riba merupakan cara seseorang yang sudah kaya untuk menjadi lebih kaya, dan yang miskin menjadi lebih miskin.

Rasulullah saw sangat melaknat semua orang yang menyertai transaksi riba. Dalam khutbah haji wada' beliau bersabda:

"Ketahuilah, sesungguhnya setiap riba dari riba jahiliyyah adalah batil, bagi kalian modal dasar daripada harta yang kalian miliki.

Kalian tidak mendzalimi dan tidak pula didzalimi." *(HR Abu Daud, buyu, 5/3334)*

Dalam al-Qur'an Allah swt berfirman:

"Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidaklah berdiri (ketika bangkit dari kubur) melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan di sebabkan penyakit gila yang menyerang mereka.Yang sedemikian disebabkan mereka mengatakan, "Bahawa sesungguhnya jual-beli itu sama sahaja seperti riba."Padahal Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu dia berhenti (daripada melakukan riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya serta urusannya terserah kepada Allah. Manakala sesiapa yang mengulanginya lagi, maka itulah penghuni neraka , mereka kekal didalamnya. Allah menghancurkan riba dan menyuburkan sedekah-sedekah.Allah tidak menyukai setiap orang yang ingkar lagi banyak melakukan dosa." (al-Baqarah 275-276)

Alangkah menakutkannya dan pedihnya ancaman bagi para pelaku riba dalam ayat tersebut, ancaman berbentuk kebencian dan laknat daripada Allah dan Rasul-Nya. Allah swt juga berfirman dalam ayat lain:

"Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan menjauhi saki baki riba'(yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman. Jika kamu tidak mahu melakukan (perintah mengenai larangan riba) maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangi kamu, dan jika kamu bertaubat (mengehentikannya), maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah modal utama harta kamu. Kamu tidak menganiaya, dan kamu juga tidak teraniaya;" (QS: al-Baqarah 278-279)

Sekiranya seorang mukmin telah terperangkap dalam praktik riba semasa itu ia mengalami kerugian harta dan kemerosotan iman. Memang kita kerapkali bertemu dengan orang pemakan riba yang hidup dalam kemewahan harta benda. Namun, sebetulnya mereka –pemakan riba- walau mendapat keuntungan yang besar dan hidup dengan bergelimang, setiap harta yang diperolehinya daripada jalan riba akan semakin memberatkan tumpukan dosa yang menghimpitnya kelak. Di dunia mereka diberikan kelapangan harta benda sehingga semasa hari pembalasan tiba tiada tempat bergantung bagi mereka. Bagi seorang mukmin ia patut mengambil berat atas ancaman ilahi yang disebutkan dalam ayat-ayat al-qur'an berkenaan dengan riba, kerana disebalik itu tersimpan realiti bahawa riba hanya wujud sementara dalam memikat hati untuk dunia yang fana ini.

Jabir ra berkata: "*Rasulullah saw melaknat orang yang memakan harta riba, wakil, penulis , serta para saksinya, dan beliau bersabda: dosa mereka semua sama.*" *(HR Muslim, al-musaqah, 106)*

Sangat banyak hikmah yang menjelaskan sebab-sebab keharaman riba. Seperti menambah harta benda tanpa ada usaha, menyebabkan harga pasar meningkat, melemahkan sikap perpaduan dan tolong menolong dalam masyarakat, menghasut pada ambisi dan ketamakan harta benda dan lain sebagainya.

Islam sebagai agama yang sempurna, mengharamkan riba demi terjalinnya keharmonian hidup bagi manusia. Disisi lain –sebagai pengganti riba- Islam sangat menganjurkan muamalah hutang pihutang sebagai rasa prihatin antara sesama, bahkan pinjaman yang diberikan kepada saudaranya lebih utama dibandingkan sedekah meskipun sedikit. Meskipun pada kenyataannya sangat sedikit diantara para pedagang ataupun pelabur (investor) yang bersikap jujur dan dapat dipercaya dalam transaksi perniagaan. Oleh kerana itu, Rasulullah saw memeberitakan khabar gembira bagi mereka yang

berniaga bedasarkan kejujurun dan kepercayaan (amanah) dengan pahala besar yang menantinya di akhirat nanti :

"*Seorang pedagang yang jujur dan dapat dipercaya (al-amin) kelak nanti ia akan bersama dengan para Nabi, as-shiddiqin, dan orang-orang yang mati syahid"*. *(HR Tirmidzi, al-buyu', 4)*

Sebagai tauladan bagi peniaga, berikut ini diceritakan cerita daripada kehidupan Imam Abu Hanifah sebagai seorang yang kaya raya. Sebagai seorang ahli perniagaanyang berjaya, beliau sentiasa menjaga barang perniagannya daripada harta benda haram dan keburukan riba. Disebabkan kecintaannya kepada Ilmu pengetahuan, urusan perniagaannya beliau percayakan pada wakilnya yang bernama Hafsah bin Abdur Rahman. Walaupun harta bendanya diuruskan oleh wakilnya, namun beliau sentiasa memantau aktiviti perniagaan tersebut, agar wakilnya itu tidak meniagakan hartanya dijalan yang haram. Dalam pemerhatiannya itu, suatu masa beliau memerintahkan Hafsah untuk menjual sehelai baju. Dalam perbualannya bersama Hafsah, Imam Abu Hanifah berkata:

"*Wahai Hafsah! jualah baju ini dengan harga murah, kemudian jelaskan pada pembelinya bahawa dibaju ini terdapat cacat"*. Hafsah menerima perintah Imam Abu Hanifah, selepas beberapa hari baju itupun terjual dengan harga yang murah, namun Hafsah terlupa untuk memaklumkan kecacatan baju kepada pembelinya. Apabila Imam Abu Hanifah mengetahui hal tersebut, beliau bertanya pada Hafsah *"apakah kamu mengenali pembeli baju itu?* Hafsah menjawab "*tidak*". Semasa itu Imam Abu Hanifah mensedekahkan semua barang perniagannya kepada fakir miskin kerana beliau sangat berkati-hati dengan harta benda yang haram. Itulah etika untuk mewaspadai harta yang haram, sebagaimana dikatakan Rasulullah saw pada sahabat Amr bin Ash:

"*Sebaik-baiknya harta berada pada hamba yang soleh"*. *(HR Ahmad, musnad, 4/197)*

Memperhatikan kehalalan harta benda yang dititipkan Allah kepada kita, adalah jalan yang harus dilakukan demi menjaga harta benda daripada keharaman yang menyebabkan kemurkaan Allah. Cerita lain diriwayatkan oleh ayahandaku almarhum Musa afandi. Cerita tentang keberkatan makanan yang halal mengambarkan kejujuran perniagaan Islam :

"Suatu ketika saya kedatangan jiran baru dari Armenia, ia telah masuk islam –atas petunjuk Allah-,beberapa hari kami berjiran, seterusnya saya memberanikan diri bertanya penyebab keislamanya, dia berkata: "aku memilih Islam sebagai agama kerana akhlak yang menawan daripada ustadz Rabi' al-Harri jiran lamaku dalam perniagaan. Ustadz Rabi' dalam kehidupan kesehariannya sebagai seorang peniaga tenusu untuk memberi nafkah kepada keluarga. Suatu hari tiba-tiba dia datang kepadaku dengan sebotol susu,seterunya memberikan susu yang dibawanya kepadaku. Dengan rasa penuh hairan saya bertanya padanya. "apa yang menyebabkan kamu memberi susu, aku tidak pernah memesan ataupun memintanya darimu?" dengan kelembutan hati beliau menjawab. "petang kemarin saya melihat seekor lembu yang saya pelihara masuk kawasan ladangmu dan memakan rumput yang ada disana. Susu ini adalah hakmu, hasil darpadai rumput yang dimakan oleh lembu yang kupelihara. Selanjutnya, saya akan memberimu susu setiap hari, sehingga rumput dimakannya habis." Beliau tetap memberikan saya susu walaupun saya sudah meredhakan rumput itu kerana ketidak sengajaannya. Namun Ustadz Rabi' yang jujur itu menjawab "tidak, susu ini adalah milikmu." Selepas itu setiap hari Ustadz Rabi' memberiku susu sehingga rumput yang dimakan oleh lembu peliharaannya habis diladangku. Itulah sebab cahaya Iman menyentuh hatiku, dengan perantaraan kehalusan budi pekerti

yang membuka belenggu kekufuran dan membimbing jiwa kepada cahaya llahi. Dengan rasa takjub saya berkata dalam hati "sungguh indah agama yang mengajarkan manusia kepada akhlak yang luhur seperti akhlak jiranku ini, pastinya agama itu adalah agama yang paling sempurna dan paling mulia, serta tidaklah diragui kebenarannya. Agama yang mendidik manusia kepada kesucian hati, ketenteraman jiwa, memperhatikan hak-hak manusia. Rasa itulah yang mendorong hati saya untuk menggerakan lisanku mengucapkan dua kalam syahadat.

Alangkah malangnya kehidupan orang-orang dilalaikan oleh dunia sebagaimana yang digambarkan dalam sebuah hadith Rasulullah saw :

"akan suatu masa di mana manusia tidak prihatin lagi tentang hartanya apakah yang diperolehnya daripada jalan yang halal atau daripada jalan yang haram" (HR Bukhari, al-buyu', 7).

Hukuman bagi orang yang melanggar perintah agama untuk menjauhi harta haram tidak hanya berlaku bagi pelakunya diakhirat nanti, namun juga memberikan kesan malapetaka kepada generasi dan anak keturunan selepasnya meskipun mereka tidak pernah merasai harta haram tersebut. Terdapat sebuah peribahasa yang kerap di ucapkan : " Datuk yang makan buahnya (buah yang belum masak) dan cucu lah yang terkena getahnya".

Faktanya banyak ditemui orang-orang yang mewarisi harta haram tidak mampu mengikuti jalan yang benar disebabkan keharaman harta yang diterima sehingga mereka cenderung menghabiskan harta itu sesuai dengan cara harta itu didapatkan. Harta yang diperolehi secara haram maka juga akan dihabiskan dijalan yang haram pula, ibarat seekor ular, dilubang mana seekor ular masuk maka dilubang itu pula dia akan keluar, itulah perumpaan harta.

Terucap oleh Nabi Musa as do'a untuk fir'aun atas semua harta benda yang di perolehinya dan digunakannya untuk ingkar kepada Allah, dalam firman-Nya Allah menceritakan doa Nabi Musa:

"Musa pula (merayu dengan) berkata, "Wahai Tuhan kami!sesungguhnya engkau telah memberikan kepada Fir'awn dan ketua-ketua kaumnya barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! Akibatnya, itu menyesatkan mereka daripada jalan-Mu. Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan kunci matilah hati mereka (sehingga menjadi keras membatu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang pedih." (QS: Yunus, 88).

Sungguh pelik apabila kita melihat para peniaga mengindar daripada perniagaan yang amanah dan jujur hanya untuk mendapat keuntungan yang besar, itulah orang yang silap dalam kelalaian dan dibutakan hatinya kepada hakikat hidup, meragukan ketetapan rezeki yang dituliskan Allah. Untuk meluruskan pandangan mereka yang salah berikut cerita para kekasih Allah sebagai tauladan dalam perniagaan mereka.

Abu Bakar ra sahabat sejati Rasulullah, seorang bangsawan Quraisy yang kaya raya. Berulang kali hartanya beliau infaqkan di jalan Allah dan Rasul-Nya serta dalam perniagaannya ia sama sekali tidak pernah berpaling tadah daripada ajaran-ajaran Islam. Jika kita berfikir dengan akal yang sederhana sudah tentu beliau telah jatuh miskin. Namun itulah kekuasaan Allah kepada hambanya, realitinya kekayaan beliau semakin hari semakin berlimpah ruah kerana keberkatan daripada Sang Pengenggam Rezeki manusia.

Cerita ini memberi contoh kepada kita untuk selalu mencari harta dengan jalan yang halal dan menginfakkanya dijalan yang diredhai Allah. Peniaga yang arif, bijaksana dan faham tentang mat-

lamat hidup walaupun mereka sibuk dengan perniagaan duniawi, namun mereka tidak pernah melalaikan dirinya daripada perniagaan akhirat demi mendapat keuntungan yang tidak pernah rugi diakhirat kelak. Dalam al-Quran digambarkan kebahagian mereka, Allah swt berfirman menjelaskan tentang keadaan mereka :

"orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jua beli beli dari mengingat Allah, melaksanakan shalat dan menunaikan zakat. Mereka takut kepada hari ketika hati dan penglihatan menjadi guncang (hari Kiamat). (QS An-Nur, 37)

Orang yang berbuat dan berusaha dalam perniagaanya seperti yang diajarkan Islam merekalah yang hidup sebagaimana dalam ayat suci Al-Qur'an iaitu *tijarah lan tabur* (perniagaan yang tidak rugi), harta yang mereka perolehi ialah sebetul-betulnya perniagaan. Allah swt berfirman tentang keadaan mereka :

"*Sesungguhnya orang-orang yang melakukan menbaca kitab Allah (al-Quran) dan melaksanakan shalat dan menginfakkan sebagian rezeki yang kami anugerahkan kepadanya dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak merugi." (QS al-Fathir, 29-30)*

Wahai Sang Maha Adil hidupkanlah kami dibawah isyarat ayat-ayat suci-Mu ini, berikanlah kami ketentraman hati dengan membaca kitab-Mu dan dengan sujud yang khusu' mengangkat kami kehormatan, jadikanlah segala usaha yang kami buat buah daripada hasil usaha yang halal dan jadikanlah kami seorang hamba yang selalu menginfaqkan hartanya tanpa berlebih-lebihan dijalan yang halal atas nikmat yang engkau anugerahkan kepada kami, wahai Tuhan Pencipta Alam.

Wahai Tuhan kami jadikanlah saaudara-saudara kami -para peniaga syaksiah yang soleh yang mencipta keamanan dan keten-

traman dinegeri kami, hindarkanlah orang mukmin lainnya daripada lidah dan tangan mereka –sekiranya membawa kerosakan- sehingga mereka dapat mengambil faedah daripadanya, dan tuntunlah mereka kepada amal perbuatan yang baik yang menjadi perantara bagi mereka bagi meraih redha dan berkat-Mu di dunia dan akhirat. Amin.

❁

Pinjaman yang Baik dan Infak di Jalan Allah swt

Sesungguhnya segala sesuatu seperti harta, jiwa dan raga yang telah di berikan kepada kita adalah titipan yang tidaklah kekal untuk selamanya. Suatu hari nanti kita pasti akan meninggalkan semua itu, dan segalanya akan kembali pada pemilik yang sebenar iaitu Allah Azza Wajalla. Tentunya semua titipan ini yang terdiri daripada kenikmatan dunia yang telah Allah swt anugerahkan kepada kita haruslah di letakkan pada tempatnya di jalan Allah swt sehingga kita nanti akan mendapatkan ganjarannya di kemudian hari.

PINJAMAN YANG BAIK DAN INFAK DI JALAN ALLAH SWT

Sesungguhnya seluruh alam semesta ini yang telah di ciptakan oleh Sang Maha Kuasa dan dihiasi oleh berjuta hiasan adalah tempat yang fana. Setiap hari-hari yang berlalu di dunia – di mana ia adalah tempat ujian - memerlukan kesungguhan pemikiran, kejernihan jiwa dan kesedaran yang mendalam, kerana kenikmatan sesungguhnya yang akan kita perolehi adalah tempat tinggal yang tiada berkakhira iatu kenikmatan syurga yang membawa kita pada kehidupan yang kekal dan abadi. Demikianlah sesungguhnya Allah swt menghendaki untuk menghiasi hamba-Nya dengan ketenangan dan keindahan yang abadi yang telah di terangkan dalam al-qur'an al-karim tentang balasan yang akan di berikan untuk perbuatan baik yang di kerjakan demi mengharapkan redha Allah swt serta akan mendapatkan balasan yang besar daripada-Nya.

Allah swt telah mendorong dan menekankan hamba-hambaNya untuk bersedekah dan berinfak kerana kedua amalan tersebut menggambarkan jiwa personaliti seseorang seperti lemah lembut, dermawan, dan kebaikan. Dalam hal ini ini Allah swt telah memerintahkan orang kaya bagi setiap masa– dengan perintah yang kuat – untuk sentiasa beribadah dalam bentuk harta seperti zakat, mengeluarkan satu per sepuluh daripada hartanya dan menyembelih haiwan kurban. Di samping perkara-perkara yang diwajibkan pada orang kaya tersebut ada kelebihan yang tersimpan pada perangai dan keimanan seseorang –dalam berinfak- , sedangkan pinjaman yang baik merupakan salah satu daripada kelebihan tersebut.

Sesungguhnya Allah swt menerima semua jenis sedekah dan infak – yang di derma kerana mengharap keredhaan Allah swt – dan menganggapnya sebagai pinjaman kebaikan yang diberikan kepada-Nya. Sebagai ganti daripada pinjaman itu Allah swt telah berjanji akan mengembalikannya dengan balasan yang berlipat ganda, kerana itu Allah swt berfirman dalam kitab-Nya:

Ertinya: Barang siapa meminjamkan kepada Allah swt dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan mengembalikannya berlipat ganda untuknya, dan baginya pahala yang mulia. (QS.Al-Hadid:11)

Oleh itu dalam hal ini kita mesti berusaha untuk memberi sedekah, dan membahagiakan orang-orang yang memerlukan agar ia menjadi jaminan dan insurans bagi kita semasa nafas terakhir kali dihembuskan untuk menghadapi kematian pada suatu masa nanti.

Kita perlu mengetahui bahawa kebahagiaan dan kerugian di dunia ini berkait dengan kekuasaan Allah swt. Dan orang yang beriman, sesungguhnya adalah mereka yang semasa di berikan kenikmatan oleh Allah swt tidak sombong dan tidak pula berbuat sekehendak hati mereka di muka bumi ini. Dan bukan termasuk golongan orang yang lalai yang tidak menafkahkan nikmat yang telah Allah swt anugerahkan kepada mereka di jalan yang diredhai-Nya. Mereka adalah orang-orang beriman yang memahami erti daripada pinjaman yang baik dan melaksanakannya dalam dua makna iaitu:

1-Memberikan pinjaman kepada orang-orang yang memerlukan.

2- Meminjamkannya kepada Allah swt dengan cara berinfak.

Sememangnya, salah satu makna daripada pinjaman yang baik adalah meminjamkan kepada Allah swt dalam bentuk yang telah disebutkan pada al-qur'an, pinjaman baik itu juga dapat dilaksanakan dengan cara berinfak kepada orang-orang yang memerlukannya

dan mencurahkan tenaga bagi melayani orang-orang yang berjalan di jalan Allah swt. Allah swt telah menjelaskan dalam firman-Nya tentang pinjaman baik agar mereka sesegera mungkin dan terdorong untuk menunaikan pinjaman baik kepada-Nya serta balasan bagi mereka di dunia dan akhirat. Allah sendirilah yang meminta kepada hamba-Nya agar memberikan pinjaman baik kepadanya. Dalam Al-Quran Allah swt berfirman :

Ertinya: Dan laksanakanlah sholat, tunaikanlah zakat, dan berikanlah pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik. Kebaikan apa sahaja yang kamu perbuat untuk dirimu niscaya kamu memperolehi (balasan)nya di sisi Allah sebagai balasan yang paling baik dan yang paling besar pahalanya. Dan mohonlah ampunan kepada Allah; sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang. (QS. AL-Muzzammil:20)

Allah swt telah memberikan manusia kebaikan yang tiada bandingnya apabila menjadikan infak bagi hamba-Nya sebagai amal yang berterusan dalam mencari ridho-Nya seolah-olah infak adalah pinjaman kebajikan. Tentunya pemberian pinjaman ini –daripada Allah swt- dengan cara berinfak di jalan-Nya bukan jalan yang lain, dengan niat yang tulus ikhlas tanpa mengharap balasan daripada orang lain, tidak riya' ataupun untuk mendapat nama baik dan tidak pula berharap ucapan terima kasih daripada orang yang diberinya.

Allah swt telah menjelaskan dalam kitab-Nya tentang apa yang di lakukan *sayyidina* Ali ra dan *sayyidah* Fatimah az-Zahra' ra –sebagai contoh- dalam berinfak di jalan Allah swt:

Ertinya: Dan mereka memberikan makanan yang di sukainya kepada orang miskin, anak yatim, dan orang yang di tawan. (sambil berkata), sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah kerana mengharapkan keredaan Allah, kami tidak mengharap balasan dan terima kasih dari kamu. Sungguh kami takut akan

(azab) Tuhan pada hari (ketika)orang-orang berwajah masam penuh kesulitan. Maka Allah melindungi mereka dari kesusahan hari itu, dan memberikan kepada mereka keceriaan dan kegembiraan. (QS.Al-Insan:8-11).

Dari ayat tersebut terdapat bebererapa kelebihan dalam berinfak diantaranya:

1-Rasa mengutamakan kepentingan orang lain, bagi seorang mukmin dia sentiasa mengutamakan saudaranya daripada dirinya sendiri.

2-Berinfak pada jalan yang diwajibkan Allahswt dan bukan kerana tujuan dunia semata.

3-Berinfak, dapat melindungi diri daripada kedahsyatan hari kiamat yang menakutkan.

4-Orang yang berinfak di jalan Allah swt dengan niat yang tulus dan ikhlas, di hari kiamat mereka akan bertemu Allah dengan wajah yang putih berseri

5- Bagi orang yang beriman ia sentiasa menjadikan infak sebagai perbuatan amal yang baik.

Demikianlah Allah swt akan mengganti pinjaman yang telah mereka pinjamkan kepada Allah swt dengan balasan yang berlipat ganda, sekali lagi Allah swt menjelaskan keutamaan-keutamaan pinjaman yang diberikan kepada-Nya, Allah swt berfirman:

Ertinya:Dan sungguh, Allah telah mengambil perjanjian daripada Bani Israil dan kami telah mengangkat dua belas orang pemimpin di antara mereka. Dan Allah berfirman,"Aku bersamamu."Sungguh, sekiranya kamu melaksanakan sholat dan menunaikan zakat serta beriman kepada Rasul-Rasul-Ku dan kamu bantu mereka dan kamu pinjamkan kepada Allah pinjaman yang

baik, pasti akan Aku hapus kesalahan kesalahanmu, dan pasti, akan Aku masukkan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Tetapi barang siapa kafir di antaramu selepas itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat daripada jalan yang lurus." (QS. Al-Ma'idah:12)

Abdullah IbnuMas'ud ra menceritakan ketika ayat –di bawah-ini turun:

Ertinya: Barang siapa meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan mengembalikannya berlipat ganda untuknya. (QS.Al-Hadid:11)

Abu Dahdah Al-anshari berkata: sesungguhnya Allah swt menghendaki pinjaman dari kita. Lalu Rasulullah saw menjawab : "benar, wahai Aba Dahdah". Abu Dahdah berkata: perlihatkan tanganmu kepadaku wahai Rasulullah , lalu Rasulullah saw memberikan tangannya kepada Abu Dahdah, Abu Dahdah berkata: aku telah memberikan pinjaman (menginfakkan) kebun kepada Allah swt. Di dalam kebun tersebut terdapat enam ratus pokok kurma, Ummu Dahdah (isterinya) beserta keluarganya. Kemudian datanglah Abu Dahdah memanggil isterinya "Wahai Ummu Dahdah", Isteriya menjawab: "Aku sambut panggilanmu dan siap menerima perintahmu" Abu Dahdah berkata: keluarlah dari kebun itukerana aku telah meminjamkannya kepada Allah swt.Isterinya berkata: sungguh, perniagaan yang menguntungkan wahai suamiku! Selepas itu Ummu Dahdah segera menuju anak-anaknya dan mengajak mereka keluar dari kebun tersebut. (HR.Al-qurthubi, At-Tafsir, Al-Baqarah,245,At-Tabri, At- juz 20,803, Al-hakim Al-Mustadrik, Juz.20,24)

Demikianlah orang-orang yang beriman –pada zaman Rasulullah saw- sentiasa hidup dalam kebahagiaan, ketenteraman hati dan ketenangan, mereka menjaga dunia dan akhiratnya pada zaman

yang penuh kegemilangan. Peristiwa tersebut sangat mengkagumkan dan menjelaskan keadaan masyarakat di zaman Rasulullah saw.

Iliya Qodwari menceritakan di halaman terakhir bukunya kondisi kekuasaan politik Inggeris di Timur Tengah pada akhir zaman Utsmani. Bahawa di kawasan timur Anadhol pada akhir abad ke sembilan belas telah berlaku kekeringan dan kelaparan yang sangat menakutkan. Semasa itu Inggeris mengirim beberapa perisik ke sana untuk menggerakkan pemberontakan dan pembangkangan kepada daulah Utsmaniah. Sesungguhnya yang menghairankan para perisik adalah hasil pengamatan mereka yang nampak sekali – sehingga ia menyampaikan dalam laporannya, dan berkata:

"Betul, telah terjadi musim kering di sini, akan tetapi tidak ada seorangpun yang kelaparan. Setiap individu saling memberi perhatian dan membantu saudaranya yang lain. Oleh itu kekeringan belum bertukar kepada kelaparan.Merujuk keadaan masyarakat sebegitu itu tidak mungkin bagi Inggris untuk menggerakkan apapun bentuk pemberontakan yang di sebabkan oleh ketandusan dalam struktrur masyarakat seperti ini".

Tidak dinafikan bahawa kondisi masyarakat yang mulia ini adalah balasan daripada Allah swt di dunia dan keberkatan bagi mereka yang sentiasa hidup dinaungi ayat-ayat suci al-qur'an. Mereka saling memberi perhatian, membantu saudara yang lain semasa kesempitan dan kesusahan. Detik-detik di mana sesuap nasi merupakan keperluan yang sangat berharga.

Allah swt berfirman dalam ayat-Nya sebagai peringatan bagi para hamba-Nya agar tidak lalai, lemah dan enggan meskipun berada dalam keadaan yang sempit:

"Dan mengapa kamu tidak menginfakkan hartamu di jalan Allah, padahal milik Allah semua pusaka langit dan bumi? Tidak

sama orang yang menginfakkan (hartanya di jalan Allah) di antara kamu dan berperang sebelum penaklukan (Makkah). Mereka lebih tinggi darjatnya daripada orang-orang yang menginfakkan (hartanya) dan berperang selepas itu .Dan Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik. Dan Allah Maha teliti apa yang kamu kerjakan. (QS.Al-Hadid:10)

Ayat tersebut bermaksud bahawa Allah swt meminta pengorbanan daripada setiap hamba-Nya di masa-masa susah melanda kaum muslimin. Allah swt mengumpamakan pengorbanan hamba-Nya itu dengan perkataan "pinjaman kebaikan" sepertimana yang di terangkan dalam al-qur'an.

Sebagai contoh, ketika muncul semangat pengorbanan jiwa dan raga oleh orang-orang muslim dalam peperangan Janaq Qal'ah mereka telah memberikan qardan hasana (pinjaman baik) kepada Allah swt, sebagai balasannya Allah swt memberikan kepada mereka kemenangan dan kekuasaan.

Kita mesti ingat bahawa segala sesuatu seperti harta benda, jiwa dan raga – yang telah diberikan kepada kita hanyalah bersifat sementara. – yang tidak kekal selamanya dalam genggaman kita. Suatu hari nanti kita pasti akan meninggalkan semuanya, dan segalanya pasti akan kembali kepada pemilik sesungguhnya iaitu Allah Azza Wajalla. Meskipun semasa ini kita belum menyerahkan semua titipan itu tetapi suatu masa nanti Allah swt pasti akan memintanya iaitu ketika kita meninggalkan dunia dan kembali kepada-Nya.

Dalam hal ini terdapat dua asas perbezaan atas anugerah yang Allah berikan pada hamba-Nya:

Yang pertama apabila seorang hamba menginfakkan hartanya, sesungguhnya Allah swt – yang memiliki khazanah langit dan bumi – akan menerima sedekah kita dan menghisabnya sebagai pinjaman

kepada-Nya, dan akan mengembalikannya kepada kita dengan balasan yang berlipat ganda.

Keadaan kedua, apabila seorang hamba tidak menafkahi apa yang Allah swt anugerahkan kepadanya, kita tidak kehilangan apapun milik kita akan tetapi kita akan menanggung dosa daripada harta ini. Oleh itu Rasulullah saw memperingatkan orang-orang yang menghabiskan sisa umurnya jauh daripada berinfak di jalan Allah swt. Dalam hadith yang di riwayatkan oleh Mutharrif daripada ayahnya berkata: aku menghampiri Nabi saw semasa itu beliau membaca:

" Bermegah-megahan telah melalaikan kamu". (QS. At-Takasur:1)

kemudian Rasulullah saw bersabda:

"Anak Adam (Manusia) berkata :'Hartaku, hartaku.'" Kemudian Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Wahai anak Adam tidak ada daripada hartamu kecuali apa yang kamu makan kemudian hilang, atau (pakaian) yang engkau pakai kemudian usang, atau yang engkau sedekahkan dan jadi simpananmu (di akhirat)?" (HR. Muslim, Az-Zuhud,3)

Sungguh indahnya perkataan *Maulana* Jalaluddin – semoga Allah merahmatinya – dalam hal ini ia berkata : "Apabila malaikat maut menggenggam roh orang kaya yang lalai dan membangunkannya daripada mimpi kehidupan. Si kaya ini tertawa atas dirinya terhadap penyesalan kerana dia telah menyia-nyiakan hidupnya demi harta yang sebetulnya bukan miliknya".

Daripada Aisyah ra: bahawa mereka menyembelih seekor biri-biri, lalu Rasulullah saw bertanya: "Apa yang berlebih daripadanya?" Aisyah ra menjawab: yang terlebih hanyalah tulang bahunya.

Rasulullah saw bersabda:"Terlebih semuanya kecuali tulang bahunya". (HR.Tirmidzi, Al-Qiyamah, 33)

Maknanya: Sedekahkanlah semua sembelihan biri-biri kecuali tulang bahunya. Rasulullah bersabda: di akhirat kelak kita akan mendapatkan semuanya kecuali tulang bahunya.

Pada dasarnya modal utama manusia yang sesungguhnya adalah simpanan kebaikan untuk kehidupan di akhirat kelak.

Realitinya bahawa kesanggupan untuk hidup –di bawah keredhaan ilahi- yang jauh daripada kebergantungan dunia yang fana dan gejolak nafsu yang kerap meresahkan qalbu dalam ketamakan dunia dapat tercapai dengan membangun personaliti yang penuh dengan cahaya kedermawanan dan prihatin kepada orang lain.

Allah swt menyebutkan ibadah sedekah secara khusus di antara ibadah-ibadah yang di kesali manusia apabila ia berada di masa ajal akan menjemputnya, serta keadaan semasa maut menghampiri, Allah swt berfirman dalam kitab-Nya:

Ertinya:Dan infakkanlah sebahagian daripada apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum kematian datang kepada salah seorang di antara kamu; lalu dia berkata (menyesali) "Ya Tuhanku, sekiranya Engkau berkenan menunda (kematian)ku sedikit masa lagi, maka aku dapat bersedekah dan aku akan termasuk orang-orang yang saleh." (QS.Al-Munafiqun:10)

Oleh itu sesungguhnya manusia, kerana ketamakan dan kecintaannya kepada dunia yang menjauhkannya daripada berinfak di jalan Allah swt , dan tidak berfikir bahawa suatu hari nanti ia akan meninggalkan semua harta benda miliknya kepada orang yang ditinggalkannya. Ia tidak mempunyai harta di akhirat, baginya dosa dan seksaan atas semua itu, kerana pertanyaan pertama di hari kia-

mat adalah tentang hartanya, darimana ia perolehi dan untuk apa ia belanjakan? Oleh itu Rasulullah saw bersabda:

"Tidak bergerak kaki seseorang hamba pada hari Kiamat sehinggalah dia ditanya tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang ilmunya setakat mana dia amalkan, tentang hartanya daripada mana dia dapatkan dan ke mana dia belanjakan, dan tentang tubuhnya untuk apa dia gunakan." *(HR. At-Tirmidzi, Sifatu Al-Qiyamah,1)*

Demikianlah, sesungguhnya para nenek moyang kita (bangsa Uthmani) telah melakukan semua realiti ini dalam bentuk yang paling indah, mereka telah memberikan fenomena yang besar dalam menggambarkan infak dan mempersembahkannya pada sejarah dengan "Peradaban wakaf" yang besar.

Mereka berlumba dalam kebaikan, institusi yang memenuhi pelbagai jenis keperluan asas ini adalah institusi pewakafan. Di samping institusi terdapat " *bekas-bekas sedekah*" yang masyhur, dan di letakkan di perlabagai kawasan dan terdapat juga bekas sedekah yang diletakkan di pintu-pintu masuk masjid Istanbul terdahulu sehingga penduduk setempat dan para jama'ah yang solat di masjid tidak hidup dalam kesusahan, kekurangan dan kemiskinan. Tidak wujud rasa hina atau nista bagi mereka –yang mendapatkan bantuan daripada institusi wakaf atau bekas sedekah- yang tidak meminta pada orang lain dikeranakan kecukupan dan kesenangan hidup mereka.

Dahulu terdapat bekas sedekah yang terletak di persimpangan jalan Duganjil di Askadar Turki, di sebelah trotoar yang menghadap ke daerah nakah, bekas sedekah ini memiliki lebar tiga puluh sentimeter dengan tinggi satu meter, namun semasa kini bekas tersebut telah tiada.

Bekas-bekas sedekah ini menjadi saksi atas masyarakatnya yang sentiasa berlumba dalam kebaikan dan berkhidmat di setiap masa. Biasanya orang-orang ketika malam hari meletakkan sejumlah kantung wang pada lubang yang terletak di hujung bekas sedekah tersebut, sehingga mereka mendapat keutamaan bersedekah sebagaimana dalam hadith Nabi sawa *"Sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang di sedekahkan oleh tangan kanannya"*.

Selepas itu orang-orang fakir setempat datang dan mengambil wang tersebut sesuai dengan keperluan mereka bahkan tidak mengambil yang melebihi hajatnya. Mereka para pengemis meskipun hidup dalam kemiskinan juga mengambil bahagian di malam hari, dan hanya mengambil sesuai dengan hajat mereka.

Seorang pelancong asal perancis menuliskan tentang Istanbul di abad ke tujuh belas, dia berkata: "Aku telah memperhatikan bekas sedekah yang di dalamnya terdapat wang selama satu minggu, akan tetapi aku tidak melihat seorangpun datang untuk mengambil sedekah darinya".

Sebagaimana yang di kisahkan terdapat bekas-bekas sedekah pada empat tempat di Istanbul. Di halaman masjid Qulfam khatun di uskudar, Duganjil di Uskudar, masjid sultan Ahmed, dan masjid Musthofa basya.

Bertahun-tahun lamanya nenek moyang kita melakukan khidmat kebajikan ini yang hanya berharap balasan daripada Sang Pencipta, kenapa mereka rela melakukannya? mereka mengetahui bahawa orang-orang yang hidup dalam kesempitan dan fakir miskin akan sentiasa hadir di setiap lapisan masyarakat di sepanjang masa.

Oleh sebab itu kita harus meletakkan aturan al-qur'an dalam benak kita:

"Dan orang-orang yang dalam hartanya di siapkan bagian tertentu. Bagi orang (miskin) yang meminta dan yang tidak meminta. (QS. Al-Ma'arij:24-25)

"Dan pada harta benda mereka ada hak orang miskin yang meminta, dan orang miskin yang tidak meminta. (QS.Az-Zariyat:19)

Kita harus sentiasa berusaha untuk berlumba dalam kebaikan sebagaimana yang tersirat dalam bekas-bekas sedekah dan institusi wakaf, kerana kita harus menjaga perasaan orang yang memerlukan yang menjauhi daripada keadaan meminta. Kita harus pula menjaga keikhlasan hati dalam memberi sedekah dan menjauhkan tangan kita –apabila kita bukan orang yang berhak- daripada bekas-bekas sedekah yang diperuntukkan bagi orang-orang yang tidak mampu.

Kita harus menanamkan dalam hati kita bahawa bersedekah sebagai bentuk amal kebaikan, dan mendekatkan diri pada orang-orang fakir agar mereka merasa seperti bayi yang berada dalam dakapan hangat ibunya. Kita juga harus untuk sentiasa bersyukur kepada Tuhan kita Allah Azza Wajalla Sang Pemberi rezeki atas kebaikan dan kedermawanan-Nya. Dan hendaknya yang menjadi sandaran hidup kita di dunia dan akhirat adalah sabda Rasulullah saw :

"*Sebaik-baiknya manusia adalah yang paling bermanfaat bagi yang lain". (HR. As-Suyuti, Al-Jami' As-Shogir, Juz 20,8)*

Kepastian daripada perkataan itu sebagaimana yang telah di terangkan dalam al-qur'an, firman Allah swt :

"Katakanlah, Sungguh, Tuhanku melapangkan rezeki dan membatasinya bagi siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya. "Dan apa sahaja yang kamu infakkan, Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi Rezeki yang terbaik. (QS. Saba':39)

Kesimpulannya, sedekah, ibadah ataupun etika yang baik – dalam bentuk pinjaman kebaikan – dapat menjadi bahagian daripada nikmat yang Allah swt anugerahkan pada kita.

Allah swt telah menjadikan setiap amalan baik sekecil apapun layaknya hutang yang diberikan hamba kepadaNya, yang kelak akan dibalas dengan sebaik-baiknya balasan samada di dunia ataupun di akhirat. Dialah Sang Pemberi nikmat yang tidak terbatas dan juga tidak terkira, Ia anugerahkan semua nikmat itu kepada hamba-hambanya, mereka juga lah yang mengambil manfaat darinya, dengan hal ini sebenarnya manusialah sebagai makhluk yang memiliki hutang kepadaNya.

Maulana Jalaluddin Ar-rumi berkata:" Semua yang ada di langit dan bumi meminta segala sesuatu dari Allah swt, kerana sesungguhnya semuanya berhutang kepada-Nya".

Manusia di bumi ini – khususnya – sebagai makhluk yang memiliki hutang pada Allah swt kerana mereka menerima limpahan kemurahan nikmat dan pemberian dari-Nya yang tidak terkira dan juga tidak terhingga, manusia sebagai makhluk yang mendapatkan gelar ahsanu taqwim (sebaik-baiknya ciptaan) serta mendapat kebaikan dan kasih sayang ilahi selayaknya menjadi pembela dan penegak Islam dan iman selepas itu –atas kesedaran mereka terhadap anugerah Allah- serta menjadi umat Nabi Muhammad saw. Oleh itu, sesungguhnya setiap jiwa berhutang kepada syaksiah Muhammad saw kerana beliau adalah satu-satunya perantara keselamatan dan pemberi petunjuk hidayah ke jalan yang benar. Manusia juga berhutang kepada para sahabat mulia dan pembesar Islam yang menggambarkan cara ibadah Rasulullah saw dan pergaulannya, serta kesempurnaan tingkah laku dan perangainya yang menjadi teladan bagi seluruh umat manusia, baginda saw ibarat bulan yang sentiasa memantulkan cahaya matahari. Manusia juga memiliki hutang

kepada kedua orang tua dan keluarganya. Kesemua hutangnya tersebut haruslah di bayar.

Adapun cara melunaskan hutang ini dapat ditunaikan dengan cara hidup yang berpegang dan berprilaku pada al-qur'an, seolah-olah ia menjadi al-qur'an yang berjalan sepanjang hari, ia juga menjadikan akhlak Rasulullah saw sebagai ikutan hidupnya. Selepas ia mencapai semua itu ia bagaikan bunga mawar yang mekar di sekeliling ajaran baginda saw. Dengan hal tersebut rasa syukur dan ucapan hamdalah (pujian) kepada Allah swt menjadi hutang bagi setiap hamba mukmin.

Kita harus mengetahui sekiranya hati jauh daripada keredhaan Allah swt, dan sentiasa mengikuti hawa nafsu yang fana sebagai balasan daripada anugerah dan pemberian – yang telah Allah swt berikan dan tak terhitung banyaknya – maka hati itu mula hilang kemuliaan dan identiti dalam diri manusia. Dengan demikian orang yang hidupnya jauh daripada perintah-perintah Allah swt dan sentiasa mengagungkan keindahan dunia yang fana ini sesungguhnya mereka hidup dalam kenistaan, kerendahan, serta dosa-dosa yang bergelimang. Sedangkan mereka yang lupa atas rahsia ciptaanya sebagai *ahsani taqwim* (sebaik-baiknya ciptaan) terjerumus ke dalam lembah kehinaan kerana mereka menyandarkan pinjaman dan hidupnya pada makhluk, bukan pada Sang Pencipta.

Kesimpulannya bahawa mereka yang belum mengetahui perbezaan antara pinjaman kebaikan pada Allah dan pinjaman pada makhluk, mereka akan lenyap unsur kemanusiaannya yang sesungguhnya. *Maulana* Jalaluddin Ar-rumi – semoga Allah swt melimpahkan rahmat padanya – merasa bingung tentang keadaan manusia seperti mereka, beliau berkata: "Apakah sesuatu yang membingungkan ini? Adakah matahari yang meminta pinjaman daripada tumbuhan, ataukah bintang yang bersinar terang meminta cahaya

daripada bintang kecil? Alangkah meruginya kamu kerana jiwamu tidak mengetahui sungguh berharganya nilaimu. Dan tidak mengetahui erti daripada sifat-sifat kesempurnaan, jiwamu telah terbelenggu pada alam kehidupan, kamu adalah matahari namun tangan kamu terikat dan terbelenggu".

Maulana Jalaluddin dalam perkataannya tersebut menyamakan manusia dengan matahari secara maknawi, dan dunia seperti tumbuhan yang bergoyang serta berkilauan apabila terkena sinaran mentari. Sesungguhnya kebanyakan manusia yang mencari keindahan fana dan kesenangan dunia tanpa berfikir untuk mengambil cahaya ilahi yang berlimpah ruah, mereka bagaikan matahari yang meminta pinjaman pada tumbuhan, Bagaimana bisa menjadi matahari sekiranya memerlukan tumbuhan?

Sesungguhnya dalam jiwa manusia juga terdapat cahaya ilahi yang mengandungi rahsia

Dan aku tiupkan ruh (ciptaan)-Ku kepadanya. (QS.Sad:72)

Namun kebanyakan manusia, mereka lalai akan fakta itu dan tidak mengetahui sungguh mulia dan berharga jiwanya, mereka adalah orang-orang yang membayar kenikmatan yang berharga dan suci serta titipan ilahi yang telah di berikan dengan kesenangan dunia yang fana, bagi mereka hidup hanyalah susunan anggota tubuh sahaja. Mereka tergelincir ke dalam lorong kemarahan, syahwat, nafsu, dan kesenangan jasmani. Mereka pada hakikatnya telah binasa kerana kehendak jiwanya yang mencari kesenangan semasa dan menuruti hawa nafsunya, ibarat matahari yang redup kerana gerhana "yang terbelenggu dosa" sebagai pengaruh daripada peristiwa langit, mati suram tidak dapat memancarkan sinarnya.

Setiap manusia apabila berada dalam keadaan ini hendaklah mengetahui dan merenungkan nilai dirinya, serta mensyukuri nikmat

Allah swt yang tak terhingga khususnya rahsia daripada penciptaan dirinya dengan "Penciptaan yang paling baik".

Apabila manusia terperangkap pada lembah kenikmatan dunia dan mengikuti kesenangan-kesenangan hawa nafsu semata ia tidak akan memberikan rasa ketenteraman dan kedamaian pada jiwa, justeru mengakibatkan rasa gundah dan gelisah yang berterusan. Untuk melepaskan daripada belenggu kebergantungan dunia adalah mencari jati diri melalui hati serta fikiran yang jernih –sesuai dengan ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah-. Hasil daripada pencarían itulah yang akan memberikan kesan kepada pelaksanaan iman dengan sempurna serta jalan yang membimbing dirinya menuju perkampungan akhirat yang sesuai dengan redha Allah sebelum meninggalkan dunia ini.

Ya Allah! Jadikanlah hati kami sebahagian daripada samudera kemurahan-Mu yang tak bertepi. Berikanlah kami keutamaan daripada qardu hasan (pinjaman yang baik) dan sedekah yang telah Engkau pinta daripada hamba-Mu. Serta mudahkanlah semua urusan kami dalam menunaikan tanggungjawab dan hutang-hutang kami samada hutang berupa benda mahupun maknawi.

Ya Rabii! kurniakanlah kami telinga yang sentiasa mendengar tangisan anak yatim, yang peka atas orang fakir dan orang miskin yang tidak memperlihatkan kemiskinannya serta anugerahkanlah kami hati yang dapat merasakan apa yang mereka rasakan. Amiiiin…

❀

Hutang-Piutang dalam Hubungan Bermasyarakat

Sebagai seorang mukmin kita diwajibkan untuk menghidupkan ibadah al-iqrad (piutang pada orang lain) sebagaimana keutamaan –keutamaan ibadah lainnya. Suatu hari nanti semasa manusia berada di akhirat tidak ada lagi peluang bagi orang kaya untuk memberikan pinjaman pada orang yang memerlukan, juga tidak ada lagi keperluan dan kekurangan seperti di dunia. Bagi sesiapa yang yakin dan percaya pada keadaan tersebut, sepatutnya ia tidak meninggalkan ibadah piutang dengan pelbagai alasan, dan pada keadaan yang sama bagi orang kemeghindar dengan pelbagai alasan pula. Bagi mereka yang mengamalkan ibadah ini (hutang-piutang) harus menjaga dari datangnya kemudharatan dan kerosakan sehingga tidak menyebabkan rosaknya ibadah ini dalam hubungan bermasyarakat.

HUTANG-PIUTANG DALAM HUBUNGAN BERMASYARAKAT

Meskipun perbuatan itu merupakan amal baik, namun kebaikan yang sesungguhya akan nampak apabila dilaksanakan dengan rasa penuh keikhlasan, saling membantu dan memahami, kerana itu Allah swt berfirman dalam kitab-Nya:

Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik. (QS. Al-Baqarah:195)

Oleh itu sesungguhnya semua keutamaan, perbuatan baik, perkataan ataupun ibadah dan sebagainya yang di persembahkan hendaknya menggambarkan kehidupan daripada norma-norma keluhuran dan kemuliaan, dan semuanya itu harus berasal daripada hati. Oleh itu segala bentuk perbuatan mahupun ibadah yang kita sangka ia yang paling baik dan sempurna, namun tanpa diiringi oleh keikhlasan ia akan rosak dan sia-sia.

Tidak dinafikan bahawa batas masa mengembalikan hutang dan pinjaman adalah salah satu perkara penting yang patut diambil kira, kerana berlakunya perkara pinjam meminjam berhubung kait dengan menjaga ketentuan dan keharusan yang dipersetujuhi oleh dua belah pihak (pemberi hutang dan orang yang berhutang). Hal ini akan memberikan kesan terutama dalam lubuk jiwa dan menyatukan hati yang kering ke dalam lautan kasih sayang, kedermawanan, dan cinta akan perbuatan baik terhadap orang lain. Demikianlah kita

akan sampai kepada perangai yang baik yang akan menjadi perantara untuk mencapai keredhaan Sang Maha Pencipta Allah Azza Wajalla, atau sekurang-kurangnya kita sampai pada darjah budi pekerti yang baik yang dapat membahagiakan orang lain bahkan para malaikat. Hadith berikut yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra daripada Rasulullah saw ini menggambarkan fakta tersebut:

"Daripada Abu Huraira ra daripada Rasulullah saw: Rasulullah saw menyebutkan seorang laki-laki daripada kalangan Bani Israil yang meminta hutang seribu dinar kepada laki-laki lain yang juga daripada Bani Israil. Pemilik wang berkata: "Datangkan saksi-saksi kepadaku agar mereka menyaksikannya." Laki-laki itu menjawab, "Cukuplah Allah sebagai saksi."Pemilik wang berkata, "Datangkanlah seorang penjamin." Laki-laki itu berkata, "Cukuplah Allah sebagai Penjamin." Pemilik wang berkata, "Kamu benar."Lalu pemilik wang memberikan kepadanya untuk jangka waktu tertentu. Penghutang ini pun menyeberangi lautan dan menunaikan kepentingannya, kemudian dia mencari perahu yang memulangkannya kerana tempo hutang telah hampir habis. Dia tidak mendapatkan perahu, maka dia mengambil sebatang kayu dan melubanginya. Dia memasukkan seribu dinar ke dalamnya dan sepucuk surat kepada temannya, kemudian dia menutupnya dengan kuat dan membawanya ke laut.

Dia berkata, "Ya Allah sungguh Engkau mengetahui aku berhutang kepada fulan seribu dinar. Dia meminta seorang penjamin kepadaku, lalu aku menjawabnya, 'Cukuplah Alah sebagai Penjamin.' Dia rela dengan-Mu. Dia meminta seorang saksi kepadaku, maka aku menjawabnya, 'Cukuplah Allah sebagai saksi.' Lalu dia rela dengan-Mu. Dan aku telah berusaha mendapatkan perahu untuk memberikan haknya, tetapi aku tidak mendapatkannya. Dan sekarang aku menitipkannya kepada-Mu." Lalu dia melemparkannya ke laut hingga ia masuk ke dalamnya, lalu dia kembali. Dalam

kondisi tersebut dia terus mencari perahu agar bisa pulang ke kotanya. Lalu pemilik wang keluar melihat-lihat, mungkin ada sebuah perahu yang datang membawa wangnya. Dia pun menemukan kayu yang berisi wang tersebut. Dia mengambilnya sebagai kayu bakar untuk keluarganya. Ketika dia menggergaji kayu itu, dia menemukan wangnya dan sepucuk surat. Selanjutnya, laki-laki yang berhutang itu pulang dengan membawa seribu dinar. Dia berkata kepada pemilik wang, "Aku terus berusaha mencari perahu agar bisa membawa wangmu, tetapi aku tidak mendapatkannya sehingga aku datang kepadamu sekarang ini. " Pemilik wang bertanya, "Apakah kamu mengirim sesuatu kepadaku?" Dia menjawab. "Aku katakan kepadamu bahwa aku tidak mendapatkan perahu sebelum aku datang sekarang ini". Pemilik wang berkata, "Sesungguhnya Allah telah menunaikannya untukmu melalui apa yang kamu kirim di kayu itu. Sekarang, ambillah seribu dinarmu ini dengan baik". (HR. Al-Bukhori, Al-Kafalah,1, Al-Buyu',10)

Hadith tersebut memperlihatkan fakta bahawa Allah swt telah mengabulkan doa yang di panjatnya dengan menyebut nama-Nya, dan menjaga serta menepati janji lelaki tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa dalam masalah pinjam meminjam antara kedua belah pihak haruslah di laksana secara ikhlas, keadilan dan kesepakatan. Allah swt telah memperlakukan kedua belah pihak dengan belas kasih apabila tidak ada niat buruk dalam hati mereka.

Sebuah kisah berikut ini yang kami ceritakan kepada kalian menggambarkan fakta tersebut; suatu hari apabila matahari mula terbenam dan masa berbuka puasa akan tiba datanglah seorang lelaki yang nampak dari raut mukanya bahawa ia masih kuat, lalu ia menghampiri salah satu kedai roti dan mendekatinya selepas para pembeli yang ramai mula keluar, lelaki itu berkata kepada si pembuat roti: " Wahai anakku hari ini barang perniagaanku belum laku, sedangkan aku tidak mempunyai apapun untuk di makan, dapatkah

kamu memberikanku satu perempat roti, aku akan membayarnya esok hari sekiranya ajal belum menjemputku?! Selepas mendengarkan perkataan itu, si penjual roti bergetar suaranya dan memerah wajahnya, lalu ia berkata kepada lelaki itu: Apa yang kamu katakan wahai ayahu, aku akan memberimu satu roti yang utuh bukan satu perempatnya, Ini halal untukmu dan aku tidak menginginkan sedikit balasan darimu. Akan tetapi lelaki tersebut menolaknya seraya berkata:

"Tidak wahai anakku, cukup satu perempat roti sahaja! Mungkin selepas ini akan datang tiga orang fakir miskin yang memerlukannya. Aku hanya mampu membawa satu perempatnya sahaja, tidak lebih. Keinginanku hanya untuk mengambil satu perempat roti dan aku akan membayarnya esok hari.

Dalam hal ini penjual roti merasa bingung lalu ia memberikan apa yang diminta oleh lelaki itu, selepas mengambil roti lelaki tesebut meninggalkan tempat itu dengan langkah cepat sampai tidak terdengar suaranya. Di tengah perjalanan tiba-tiba muncul lah seekor anjing yang datang dari salah satu sudut, anjing itu melihat kearah lelaki tersebut dengan tatapan mata yang memperlihatkan bahawa ia sangat kelaparan. Semasa itu lelaki tersebut dengan wajah tersenyum bersinar memberikan separuh rotinya kepada anjing dan berkata: ini separuhnya untukmu! Selepas itu, lelaki tersebut berjalan menuju masjid dan berbuka dengan sesuap roti yang tersisa dan seteguk air, kemudian dia bersyukur kepada Allah swt atas limpahan nikmat yang di kurniakan kepadanya.

Keesokan harinya datanglah lelaki tersebut ke sebuah kedai dan pemiliknya berkata:

Wahai paman tolong isilah bekas air ini dari mata air di depanmu, dan angkatlah barang-barang yang baru datang ke dalam! Sebagai imbalan daripada pekerjaanya pemilik kedai mengupahnya satu lira

Selepas mendapatkan upah, lelaki tersebut segera menuju kedai roti di mana ia berhutang satu perempat roti pada pemiliknya, lalu ia memberikan wang kepada penjual roti. Meskipun pemilik kedai tidak menginginkan wangnya, namun ia tidak menolak permohonan dan desakan lelaki itu, dengan terpaksa penjual roti menerima wangnya sambil matanya menitik penuh air mata".

Sebagaimana yang kita lihat daripada contoh ini sesungguhnya Allah swt akan memudahkan pembayaran dan pemberian bagi sesiapa yang meminjam dengan niat tulus ikhlas untuk mengembalikan dan membayarnya. Kerana orang yang berhutang ia telah berusaha untuk membayar hutangnya tanpa berfikir untuk menunda, menangguhkan dan menyalah gunakannya, maka Allah swt memberikan balasan kebaikan dengan memudahkan jalannya dalam membayar hutang.

Barang siapa yang mempunyai hutang maka ia bertanggung jawab selama belum menjual harta miliknya untuk membayar hutang, yakni apabila orang yang berhutang tidak menemukan cara lain untuk membayar hutangnya maka hendaklah ia menjual apa yang menjadi miliknya dan tidak menyimpannya serta berusaha untuk membayar hutangnya. Siapa sahaja yang mempunyai hutang namun terus menerus hidup dalam kenyamanan, kemewahan dan berlebihan serta tidak membayar hutangnya dalam hal ini ia berdosa dan kelak nanti akan diminta pertanggung jawaban.

Orang yang berhutang diwajibkan untuk mengurangkan pengeluaran dan hendaklah menjauhi perbelanjaan besar, dan harus lebih memperhatikan hak orang yang memberi pinjaman dalam pembayaran hutang melebihi hak pribadinya. Apabila tidak seperti ini dan ia lebih mementingkan diri sendiri serta mengikuti hawa nafsu dalam perbuatannya maka Allah swt akan mencabut kasih sayang pada

dirinya serta melaknatnya, kerana mengabaikan hak seorang hamba adalah perkara yang amat besar dosanya di sisi Allah swt.

Yakni Allah swt yang menerima taubat dan mengampuni semua perbuatan buruk dan Sang pemilik belas kasih yang luas tidak mengampuni dosa orang yang mengabaikan hak orang lain. Di sisi lain sesungguhnya makanan orang yang menunda pembayaran hutang –padahal ia memiliki harta untuk membayarnya- hukumnya adalah haram.

Sekarang kita beralih kepada orang yang berhutang dan berniat untuk tidak membayarnya, ini merupakan malapetaka besar dan kebinasaan baginya di akhirat kelak. Dan sesiapa yang melakukan dosa ini hendaklah ia berfikir bahawa ia termasuk orang-orang yang binasa sebagaimana yang telah di jelaskan oleh Rasulullah saw dalam sebuah hadith:

"Sesiapa yang berhutang dan ia berazam (memiliki niat) untuk tidak membayarnya, maka ia kelak akan berjumpa dengan Allah sebagai pencuri."(HR. Ibnu-Majah, As-shadaqah, 11)

Dalam hadith lain disebutkan juga dalam bentuk yang sangat jelas tentang pentingnya hal pelunasan hutang disisi Allah swt, Rasulullah saw bersabda:

"Barang siapa meminjam harta orang lain dan bermaksud untuk mengembalikannya maka Allah swt akan membayarnya, dan barang siapa yang meminjam dan bermaksud untuk merosaknya maka Allah swt akan merosaknya." (HR. Al-Bukhori, Al-Istiqrodh, 2)

Sungguh indah contoh selepas ini yang di wasiatkan dan di lakukan oleh Rasulullah saw dalam hal hutang-piutang! Dari Jabir ra berkata: *'Abdullah meninggal dunia dan meninggalkan keluarga yang perlu ditanggung dan hutang. Maka aku meminta kepada para pemilik piutang agar membebaskan sebahagian daripada hutang-*

nya namun mereka menolaknya. Lalu aku menemui Nabi sallallahu 'alaihi wasallam untuk meminta bantuan Beliau untuk meminta keringanan kepada mereka namun mereka tetap menolaknya. Maka Beliau berkata: Pisahkanlah buah kurma kamu dari segala sesuatunya daripada pokoknya, kurma jenis Ibnu Zaid dari pokoknya, kurma jenis Al Lain dari pokoknya, serta kurma jenis al-Ajwa' dari pokoknya kemudian bawalah kepada mereka hingga aku datang kepadamu. Maka aku kerjakan semua perintah Beliau itu kemudian Beliau sallallahu 'alaihi wasallam datang lalu duduk dan membayar bagi setiap piutang hingga lunas dan buah kurmanya masih tersisa sebagaimana semula seolah belum pernah disentuh sedikitpun. Lalu aku berperang bersama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam pada suatu peperangan dan unta tungganganku telah memperlambat aku hingga akhirnya unta itu dipukul oleh Nabi sallallahu 'alaihi wasallam dari belakangnya lalu Beliau berkata; Juallah kepadaku unta ini dan kamu boleh menungganginya sampai Madinah. Semasa sudah sampai aku meminta izin dan selepas itu aku katakan kepada Beliau:Wahai Rasulullah, aku baru saja menikah. Beliau bertanya: Kamu menikah dengan seorang gadis atau janda? Aku jawab:Dengan janda, kerana 'Abdullah (bapakku) telah wafat dan meninggalkan anak-anak yag masih kecil maka aku menikahi seorang janda agar ia dapat mengajarkan dan mendidik mereka. Kemudian Beliau berkata: Bawalah keluargamu kepadaku . Maka aku datang dan mengabarkan pamanku tentang penjualan unta dan perdamaianku (tentang hutang) dan aku khabarkan pula tentang lambannya untaku dan peristiwa yang terjadi dengan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam tentang pemukulan unta yang dilakukan Beliau. Ketika Nabi shallallahu 'alaihi wasallam datang, seawal pagi aku menemui Beliau dengan membawa unta maka Beliau memberikan wang pembayaran unta tersebut serta memberikan unta itu ke-

padaku sementara sahamku tetap untuk orang-orang. (HR. Bukhori, Al-Istiqradh, 18)

Daripada keagungan, keindahan dan keluhuran peristiwa yang berlaku pada malam hari itu sehingga di namakan " *Malam unta*". Jabir ra berkata tentang malam itu *"Rasulullah saw beristighfar untukku pada malam unta sebanyak dua puluh lima kali"*.

Jabir ra juga berkata: Aku melewati seorang yahudi dan memberitahukannya tentang peristiwa itu dia takjub dan berkata Nabi saw membeli seekor unta darimu dan memberikanmu wang beserta unta, aku menjawab, iya ". (HR. Ahmad, 3, 303)

Kesimpulannya dalam bingkai perbuatan baik dan budi pekerti yang luhur ini –mengambil berat dalam membayar hutang- diharuskan:

-Bagi orang yang berhutang agar menjual apa pun yang ia miliki dan membayarkan hasil jualannya kepada orang yang berpiutang.

- Memberikan pertolongan kepada orang yang berhutang semasa ia berada dalam kesempitan.

-Diwajibkan untuk beristighfar dan berdoa bagi orang yang mempunyai hutang.

Telah di sebutkan dalam hadith dari Rasulullah saw, bahawa beliau bersabda:

"Sesiapa yang telah Allah swt karuniakan kenikmatan dan Dia sempurnakan kenikmatatan itu baginya sehingga orang lain memerlukan bantuannya akan tetapi ia mengeluh, maka ia telah menginginkan kenikmatan itu hilang darinya".(HR. Al-Mundhari, At-Targhib,4/170)

Suatu hari Rasulullah saw bertanya kepada para sahabat:

“ *Tahukah kamu siapakah orang yang muflis ? Sahabat menjawab : Orang yang muflis di kalangan kami ialah orang yang tidak memiliki wang dan juga tidak mempunyai harta. Lalu Nabi saw bersabda : Sebenarnya orang yang muflis di kalangan umatku ialah orang yang datang pada hari Qiamat dengan membawa pahala sembahyang, puasa dan zakat, tetapi semasa di dunia dia pernah memaki sifulan, menumpahkan darah sifulan dan pernah memukul sifulan. Maka akan diberikan kepada orang yang teraniaya itu daripada pahala kebaikan orang tadi dan begitulah seterusnya terhadap orang lain yang pernah dianiayainya sehingga apabila telah habis pahalanya sedangkan bebanan dosa penganiyaan belum lagi habis, maka akan diambil daripada kesalahan orang yang teraniaya itu lalu dibebankan kepada orang tersebut, sehinggalah ia dicampak ke dalam api neraka”. (HR.Muslim, Al-Birru,59)*

Dalam hadith lain Rasulullah saw bersabda:

Barang siapa meninggal dan memiliki hutang dinar atau dirham maka akan diambilkan dari kebaikannya kerana di akhirat kelak tidak bermanfaat dinar atau dirham”. (HR. Ibnu Majah, Sadaqaat, 12)

Oleh itu Rasulullah saw memerintahkan bagi siapa yang memiliki tanggungan hak orang lain dan berhutang agar melaksanakan kewajibannya dan membayar hutangnya di dunia, Nabi saw bersabda:

Sesiapa yang mengambil hak orang lain dari kehormatan dan lain sebagainya hendaklah menyelesaikannya sekarang, sebelum dinar dan dirham tidak berlaku lagi di akhirat, apabila ia memiliki amal baik maka amal baiknya akan di ambil sesuai tingkat zalimnya, akan tetapi sekiranya ia tidak memiliki amal baik maka keburukan orang yang di zaliminya akan ditimpakan kepadanya”. (HR. Bukhori, Al-Madhalim,10)

Tentunya pembayaran hutang ini adalah menjaga hak-hak orang yang memberikan pinjaman dan membayarnya di dunia, serta tidak meninggalkan hutangnya kepada orang lain. Rasulullah saw sendiri telah menunjukkan tauladan dalam hal ini, semasa dibawa kepada Nabi saw salah satu jenazah yang mempunyai hutang Nabi saw menolak untuk menyembayangi, dan belum berganjak untuk menyembayangi kecuali selepas salah seorang sahabat menjamin untuk membayar hutang si mayyit tadi. Dari Abi Qatadah raberkata:

Bahawasanya Nabi saw di datangkan seorang jenazah untuk disembayangkan, Rasulullah saw bersabda: " Sembahyangkanlah kawanmu ini sesunnguhnya ia mempunyai hutang. Abu Qatadah berkata:Akulah yang menjamin pelunasan hutangnya ya Rasulullah saw Rasulullah bersabda: Apakah sudah terlunasi? Abu Qatadah menjawab: ya sudah dilunasi. Kemudian Rasulullah saw mensolatkannya". (HR. At-Tirmidzi, Al-Janaiz, 69, An-Nasa'i, Al-Janaiz,67)

Rasulullah saw telah menjelaskan norma-norma masalah ini secara terperinci iaitu masalah hutang-piutang, Nabi saw bersabda: *"Sesungguhnya dosa terbesar manusia bagi Allah swt –selepas dosa-dosa besar yang dilarang oleh-Nya – adalah apabila seseorang meninggal dunia dan mempunyai hutang yang belum di bayarnya". (HR. Abu Daud, Al-Buyu', 9)*

Apabila kita hendak mengikhtisarkan perkara-perkara penting yang patut diberi perhatian dalam masalah hutang piutang, kita dapat mengikhtisarkannya kepada dua bahagian. Maka orang yang memberi pinjaman di wajibkan:

1-Bertujuan untuk meringankan kesusahan saudara muslimnya hanya untuk berharap keredhaan Allah swt. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda dalam hadith :

"Sesama muslim adalah bersaudara, tidak boleh mendhalimi dan membahayakan saudara muslimnya, sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya maka Allah swt akan memenuhi keperluannya, sesiapa yang menghilangkan kesusahan saudaranya maka Allah swt akan menghilangkan kesusahannya di hari kiamat, dan sesiapa yang menutupi aib saudaranya maka Allah swt akan menutup aibnya di hari kiamat". (HR. Bukhori, Al-Madhalim, 3 , Muslim, Al-Birru, 58)

2- Tidak mencampurkan hutang dan merosaknya kerana ingin mendapatkan manfaat daripada hutang tersebut (seperti riba).

3-Menunjukkan toleransi dan kelembutan semasa meminta pembayaran hutang, sekiranya orang yang berhutang belum dapat membayarnya meskipun ia telah berusaha untuk membayarnya, maka orang yang meminjamkan hendaklah memberi cukup masa agar si peminjam dapat membayar hutangnya. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda:

"Sesiapa yang memberi lebih masa bagi orang yang berada dalam kesusahan untuk membayar hutangnya maka baginya pahala sedekah di setiap harinya dan sesiapa yang memberi lebih masa padanya sesampai masa pembayaran maka baginya pahala bersedekah di setiap harinya." (HR. Ibnu Majah, As-shadaqat, 21/2418)

Rasulullah saw bersabda pada hadith lain:

"Beberapa Malaikat menemui roh orang yang sebelum kalian untuk mencabut nyawanya, kemudian mereka bertanya "apakah kamu telah melakukan suatu perbuatan baik?" Ia menjawab, aku telah memudahkan orang yang mampu membayar hutang dan memberi masa lebih untuk pembayaran hutang bagi orang yang tidak mampu membayarnya maka Allah swt mengampuninya". (Al-Bukhori,Al-buyu', 17-18, Muslim, Masaqat, 26-31)

4- Apabila keadaan orang yang berhutang ini belum berubah selari berjalannya masa, sedangkan ia adalah orang yang sangat fakir maka hendaknya bagi orang yang berpiutang menganggap pinjaman yang diberikannya sebagai sedekah.

5-Tidak boleh menyakiti orang yang berhutang. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda:

"Sesiapa yang meminta haknya hendaklah meminta untuk membayarnya dengan cara yang baik atau tidak memintanya". (HR. Ibnu Majah, As-Sadaqat, 15)

Hendaklah bagi kita untuk mengikuti perilaku yang baik seperti yang diterangkan dalam hadith-hadith tersebut. Rasulullah saw bersabda dalam hadith lain:

"Allah telah mengampuni seorang laki-laki sebelum kamu, dia adalah orang yang pemurah semasa menjual, pemurah semasa membeli dan pemurah semasa meminta haknya".(HR. At-Tirmidzi, Al-buyu', 76)

Dan bagi orang yang meminjam (berhutang) diharuskan untuk:

1-Tidak meminjam kecuali dalam keadan sangat terpaksa.

2-Meminjam dalam jumlah secukupnya sekiranya cukup untuk menutupi kos keperluan hidup.

3-Tidak membelanjakan harta secara berlebih-lebihan dan kemewahan.

4-Mempunyai niat dan kemahuan yang kuat serta berusaha kuat untuk membayar hutangnya.

5-Orang yang berhutang tidak boleh menyalah gunakan, memanfaatkan niat dan perilaku baik daripada orang yang meminja-

minya. Kerana tindakan seperti ini dapat merugikan orang lain dan mengakibatkan orang yang benar-benar memerlukan tidak mendapatkan pinjaman.

6-Tidak meminjam dalam bentuk barang yang menyebabkan pinjaman tersebut berkurang nilainya apabila sampai masa pembayaran. Terlebih meminjam dalam masa yang sangat lama, maka harus meminjam barang dalam bentuk yang tidak akan mengurangi nilainya, kecuali apabila orang yang memberi pinjaman memberi toleransi bagi yang orang berhutang.

7-Tidak melambatkan masa membayar dan melangsaikan hutang. Sekiranya peminjam dalam keadaan yang memungkinkan untuk membayar hutang maka ia harus membayar hutang pada masanya. Namun sekiranya keadaan tidak membolehkan ia patut memberikan alasan dan meminta lebih masa membayar kepada orang yang meminjamkan. Dalam hal ini di sebutkan dalam hadith: Rasulullah saw bersabda: *"Penangguhan membayar hutang oleh orang kaya adalah perbuatan zalim". (HR. Bukhori, Al-Istiqhradh,12, Muslim, Masaqat,33)*

8-Tidak meninggalkan hutang kepada orang lain untuk selama-lamanya.

Apabila semua perkara tersebut di perhatikan, sesungguhnya Allah swt menjamin (dengan membayarnya) tiga keadaan bagi orang yang berhutang ketika ia telah berpulang ke rahmatullah, akan tetapi ia belum bisa membayar hutangnya. Rasulullah saw bersabda dalam hadithnya:

"Sesungguhnya pada hari kiamat hutang itu akan diminta bayarannya daripada pemiliknya kecuali seseorang yang berhutang dalam tiga keadaan; (iaitu) seseorang yang berada di jalan Allah dalam keadaan lemah seterusnya ia berhutang untuk menambah

kekuatannya dalam menghadapai musuh Allah & musuhnya. Dan seorang lelaki yang meninggal sementara di sampingnya ada seorang muslim yang tak mendapatkan kain untuk membungkus & mengkafaninya kecuali dengan berhutang. Serta seorang lelaki yang takut kepada Allah lantaran dirinya dalam keadaan bujang, sehingga ia berhutang untuk menikah demi menjaga agamanya. Maka Allah akan membayarkan hutang mereka pada hari kiamat ". *(HR. Ibnu Majah, As-Sadaqat, 21)*

Tidak diragukan lagi bahawa pelunasan hutang ini oleh Allah swt di hari kiamat dengan memberikan pahala yang berlipat ganda kepada orang yang memberikan pinjaman. Ini adalah kemurahan Allah swt di akhirat dengan memberikan nilai balasan kepada orang yang memberikan pinjaman daripada perbendaharaan Allah swt yang tidak ada habisnya iaitu balasan yang kekal dan pahala yang tidak akan hilang.

Tentunya masuknya orang yang berhutang atau tidak, pada kategori yang disebutkan dalam hadith merupakan unsur penting dalam masalah ini. Meskipun pelbagai jenis bentuk pemanfaatan hutang, sekiranya orang yang berhutang mengeluarkannya di jalan Allah swt , ataupun untuk memenuhi keperluan muslim yang lain, atau menikah dengan niat untuk menjaga agamanya, maka Allah swt akan bertanggung jawab dan pasti akan membayar hutangnya di hari kiamat.

Oleh demikian, walaupun pelbagai sebab dan alasan hendaklah orang yang berhutang supaya meminjam secukupnya, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar pinjamannya. Dan bagi orang yang meminjamkan (berpiutang) hendaklah menjadikan dirinya cenderung kepada kebaikan iaitu toleransi dan memberi masa penangguhan dalam pembayaran hutang.

Dalam masalah hutang piutang diwajibkan berfikir untuk memudahkan keadaan orang lain sama ada orang yang memberi pinjaman mahupun orang yang berhutang, kerana menjaga hak orang yang memberi pinjam adalah hal penting yang mempengaruhi dan membantu berlangsungnya etika baik iaitu etika meminjam. Sebaliknya sekiranya tidak bertika baik maka tidak mungkin terwujud berlangsungnya kebaikan pinjaman.

Hadith ini dalam hal menjaga hak orang yang memberi pinjaman adalah hadith yang menggambarkannya: *Dari Abu Hurairah ra bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi Muhammad saw yang di antara keduanya terdapat hubungan hutang-piutang. Lelaki tersebut (menagih Nabi) dengan marah-marah. Para sahabat (merasa tersakiti hatinya dengan perilaku lelaki itu) hendak melakukan tindakan kepadanya, maka Rasulullah saw bersabda, "Tinggalkan lelaki itu. Sesungguhnya orang yang memiliki hak lebih berhak berbicara". (HR. Bukhori, Al-Istiqradh, 7)*

Diriwayatkan dalam hadith lain dari Abi Said Al-khudri berkata:

"Datang seorang arab badwi kepada Nabi saw mengajukan perkara hutangnya (hutang yang dimiliki Nabi padanya) dan mendesak serta berkata kepada Nabi saw dengan lancang: "Aku akan menekanmu sebelum kamu membayar hutangmu. Lalu para sahabat menghardiknya dan berkata padanya "Celakalah kamu, kamu mengetahui dengan siapa kamu berbicara" lalu orang badwi berkata: "Sesungguhnya aku meminta hakku". Lalu Rasulullah saw bersabda:"Mengapa kalian tidak bersama dengan orang yang memiliki hak". Kemudian Nabi saw menemui Khaulah Binti Qaisy dan berkata: "Apabila kamu memiliki kurma pinjamkanlah kepada kami sehingga kami mempunyai kurma dan mengembalikannya kepadamu". Khaulah berkata: "Iya, demi ayahku sebagai

penebusmu wahai Rasulullah. Lalu Khoulah meminjamkannya dan Nabi saw membayar dan memberi makan kepada orang arab itu kemudian Nabi saw berkata: "kamu telah membayarnya, semoga Allah membayarnya untukmu. "Mereka adalah orang-orang pilihan sesungguhnya sebaik-baiknya umat ialah mereka yang lemah dapat mengambil haknya tanpa di tangguhkan."(HR. Ibnu Majah, As-Sadaqat,17)

Rasulullah saw pun memberikan alasan bagi orang yang meminta hutang padanya meskipun ia memintanya sebelum sampai masa tempoh bayaran. Mungkin kita tidak dapat menemukan seorang pemimpin dalam sejarah manusia yang menunjukkan kepada kita keutamaan dalam menunaikan hak-hak orang lain sebagaimana dalam syaksiah Rasulullah saw, beliau telah memberikan pengajaran kepada para sahabat semasa mereka ingin membantunya seraya berkata: "*Mengapa kalian tidak bersama dengan orang yang memiliki hak"*, apa yang dikatakan baginda saw kepada para sahabatnya tersebut merupakan pembelajaran -yang membuka mata hati untuk melakukan kebenaran- bagi seseorang dalam menunaikan hak orang lain serta memberi rasa keadilan bagi mereka. Begitu banyak contoh yang di tunjukkan oleh Rasulullah saw sebagai suri tauladan bagi umatnya, dan mungkin sahaja masalah dalam menunaikan hak orang lain akan menjadi salah satu cabaran dan hambatan terbesar di masa hadapan.

Sebagaimana contoh yang di ceritakan oleh sahabat yang mulia Abdullah Ibnu Salam ra:

"Sesungguhnya semasa Allah swt ingin memberi petunjuk kepada Zaid Ibn Sa'nah seorang ulama yahudi, Zaid Ibn Sa'nah berkata: aku telah mencari tanda-tanda keNabian dalam taurat yang sesuai dengan Muhammdad saw, "Tiada satupun daripada tanda-

tanda keNabian kecuali pasti telah kusaksikan di wajah Rasulillah SAW semasa saya memerhatinya.

Hanya dua tanda keNabian yang belum pernah saya saksikan daripada beliau:

1), kearifannya mengalahkan kebodohannya,

2), kebodohan orang yang sepatutnya membuat dia murka, justeru menambah dia bijaksana.

Saya telah bersikap lemah lembut agar dapat bersama-sama beliau, agar dapat menyaksikan kearifannya yang jauh daripada kebodohan." Zaid bin Sanah menceritakan: "Pada suatu hari Rasulullah SAW keluar dari kamarnya bersama Ali bin Abi Thalib ra, secara tiba-tiba datang seseorang yang mirip orang badwi menunggang unta menghadap beliau dan berkata: "Wahai Rasulullah sungguh penduduk Bani fulan yang tinggal di desa Bushra telah Islam dan masuk dalam Islam'. Dan saya telah bercerita pada mereka 'sekiranya kalian Islam, rezeki yang luas akan datang pada kalian'. Namun faktanya mereka justeru dilanda musim kering dan hujan belum juga menyirami mereka. Saya takut mereka akan keluar dari Islam kerana ketamakan, sebagaimana mereka masuk Islam kerana ketamakan. Sekiranya engkau berkehendak untuk memberikan sesuatu pada mereka untuk membantu maka sangat diharapkan, lalu beliau saw melihat orang yang berada disampingnya (aku melihat dia adalah Ali ra). Lelaki itu (Ali ra) berkata "Wahai Rasulullah tak ada sedikitpun yang tersisa". (Mungkin yang dimaksud isi wang Baitul-Mal)." Zaid bin Sanah secepatnya mendekati Nabi dan berkata, "Wahai Muhammad, mahukah kamu membeli kurma dariku daripada kebun Bani fulan dengan pembayaran tempoh masa yang dimaklumkan (diketahui) dengan harga tertentu?." Nabi SAW menjawab: "Tidak boleh wahai orang Yahudi, saya ingin: saya membeli kurmamu dengan harga tertentu dengan pembayaran tempoh masa

iaitu seperti ini dan seperti ini (maksudnya waktu pembayarannya), yang kamu katakan jangan hanya kurma di ladang Bani fulan (kerana timbangannya belum jelas)!."

Zaid bin Sanah berkata, "Ya," dan Rasulullah saw setuju (perjanjian) dengan saya. Zaid bin Sanah bergerak cepat untuk membelikan kurma dengan timbangan tertentu dan tempoh masa pembayaran dan begini seharga 80 Mitsqal emas, kemudian diserahkan pada Nabi SAW.

Nabi menyerahkan kurma itu pada lelaki badwi tersebut dan bersabda, " Berbuat adillah kepada mereka dan bantulah mereka dengan kurma ini!." Zaid bin Sanah berkata, "Apabila tempoh masa pembayaran mendekati dua atau tiga hari, saya menemui kepada baginda saw lalu aku pegang gamis dan selendang Nabi SAW, dan memandang wajah beliau dengan kedaan marah. Saya berkata "Wahai Muhammad, kenapa hutangmu tidak segera kamu bayar?. Demi Allah setahu saya kamu sebagai keluarga besar Abdul-Mutthalib tidak suka menunda pembayaran hutang. Saya tahu itu kerana pergaulanku dengan kalian'.

Dan saya melihat Umar, ia memutarkan kedua bola matanya pada wajahnya bagaikan bola bulat, kemudian Umar memandang saya dengan mata yang tajam, dan berkata "Wahai musuh Allah!, apakah kamu mengatakan perkataan demikian seperti yang kudengar dan ku lihat pada Rasulullah SAW?. Demi yang telah mengutus beliau dengan hak, kalau saya tidak risau disalahkan oleh beliau, kepalamu telah saya belah dengan pedangku'; saat itu Rasulullah SAW diam memerhati Umar dengan tenang dan senyum. Beliau bersabda "Wahai Umar, sebelumnya saya dan dia dalam keadaam sedang memerlukan sesuatu, perintahlah saya agar memperindah pembayaran, dan perintahlah dia agar memperindah penagihan. Hai Umar, bawalah dia pergi dan bayarlah piutangnya, dan tambah-

kanlah 20 sha' kurma untuk menghilangkan rasa takutnya kerana telah kamu menaku-nakutinya'. Kemudian Aku berkata: "apa tambahan ini wahai Umar?'. Umar menjawab "Rasulullah saw telah memerintahku agar saya memberi tambahan padamu sebagai ganti atas perbuatanku padamu. Zaid bin Sanah bertanya "apakah kamu mengenal saya Umar?'. Umar menjawab 'tidak, siapa kamu?'. Saya menjawab 'Zaid bin Sanah". Umar bertanya "seorang haber (الْحَبْرُ) itu?" (Maksudnya orang alim itu?.) Saya menjawab 'ya, sayalah haber itu'.

Umar bertanya "apa yang mendorongmu melakukan dan mengatakan yang tidak sepatutnya kepada Rasulillah SAW?". Saya menjawab 'Wahai Umar, tiada satupun daripada tanda-tanda keNabian kecuali pasti telah kusaksikan di wajah Rasulillah SAW semasa saya memerhatinya. Hanya dua tanda keNabian yang belum pernah saya saksikan daripada beliau:

1), kearifannya mengalahkan kebodohannya,

2), kebodohan orang yang mestinya membuat dia murka, justeru menambahkan dia menjadi bijaksana.

Kerana kini saya telah berjaya membuktikan dua perkara tersebut, maka saya mempersaksikan padamu wahai Umar bahwa saya betul-betul telah redha untuk menyembah Allah, beragama Islam, dan berNabi Muhammad saw. Saya juga mempersaksikan padamu bahwa separuh daripada hartaku aku sedekahkan untuk umat Muhammad, sayalah yang lebih banyak hartanya'. Umar mengarahkan: "ataukah untuk sebahagian mereka sahaja. Kamu tidak mungkin mensedekahkan mereka semuanya". Saya bersetuju 'ya untuk sebahagian mereka'." Umar dan Zaid bin Sanah kembali menghadap Rasulullah SAW. Zaid bin Sanah berkata, "Asyhadu an laa Ilaaha illaa Allah wa asyhadu anna Muhammadan abdu-Hu wa Rasuluh."

Zaid bin Sanah beriman mempercayai dan berbai'at pada Nabi saw. Bahkan mengikuti beliau saw dalam banyak peristiwa. Akhirnya Zaid bin Sanah wafat dalam Perang Tabuk dalam keadaan Islam. Semoga Allah merahmati Zaid bin Sanah. (HR. Hakim, Al-Mustadrik, Juz. 3,700/6547)

Hadith tersebut menunjukan tauladan Nabi saw tentang keindahan dan berkah ilahi yang memperlihatkan kesan daripada sensitiviti hati yang ditunjukkan oleh orang yang berhutang kerana Allah semata-mata dan memerhatikan hak orang yang memberi pinjaman.

Hikmah yang dapat dipetik bahawa Rasulullah saw ada masanya berhutang dalam hidupnya dan itu dapat menjadi contoh serta tauladan bagi umatnya dalam masalah hutang piutang, dan menunjukkan etikat baik kepada orang yang memberi pinjaman.

Berdasarkan yang kita fahami daripada semua contoh tersebut sesungguhnya perkara hutang dan pinjaman adalah perkara yang sensitif, oleh itu bagi orang-orang yang berkait dengan masalah hutang piutang hendaklah memerhatikan semua norma-norma di atas yang telah ditunjukan oleh baginda saw agar tidak menghalang cahaya keberkatan dalam ibadah ini.

Sayangnya ibadah yang mempunyai keutamaan seperti hutang piutang mulai berkurang secara berangsur-angsur, dan memperlihatkan kepada orang yang memberi pinjaman seakan-akan pinjaman adalah sesuatu yang berbahaya dan merugikan dan tidak banyak orang yang mendekati ibadah kebaikan ini, semuanya berlaku kerana tidak menjaga dan memerhatikan norma-norma dan aturan sebagaimana yang telah kami sebutkan.

Yakni hilangnya kepercayaan dalam jual beli dan menyebarnya kebohongan serta tidak menepati janji dan membuat tidak memba-

yar hutang pada waktunya menjadi perkara lazim yang menyebabkan ibadah kebaikan ini bertukar kepada ibadah yang dilupakan.

Dan kita mestti dapat melalui pelbagai jenis halangan dan hambatan apabila memerhatikan punca permasalahan . Yakni sesiapa yang berhadapan dengan keadaan seperti ini sepatutnya tidak meninggalkan ibadah pinjam-meminjam dengan pelbagai alasan, dan bagi orang-orang yang berhutang agar tidak menunda masa pembayaran hutangnya dengan pelbagai alasan pula, seperti krisis mahupun kesusahan lainnya, serta tidak menyebabkan sesuatu yang dapat mengakibatkan bahaya, kerugian dan kerosakan pada ibadah sosial yang mempunyai keutamaan ini.

Sebaliknya sekiranya Allah swt melimpahkan pelbagai nikmat kepada seorang hamba sebagai amanah yang harus dijaganya dan ia tidak bersyukur ke atas titipan itu, maka akan memberikan kesan pada rosaknya muamalah pinjam-meminjam di mana orang-orang yang sangat memerlukan huluran pinjaman tidak mendapatkannya. Akhirnya ia –orang yang sangat memerlukan pinjaman- dengan terpaksa akan mengambil jalan pinjaman dengan sistem riba yang dengan jelas Allah swt dan Rasul-Nya melaknat siapapun yang mengambil manfaat daripada riba.

Sesungguhnya memberi pinjaman adalah suatu keutamaan ibadah yang telah disampaikan dan ditetapkan dalam banyak ayat-ayat al-qur'an dan hadith-hadith Nabi. Bagi mereka yang mencegah dirinya untuk berbuat dan mengamalkan keutamaan ini yang disebabkan oleh perilaku ataupun norma-norma yang salah (tidak sesuai dengan ajaran Nabi) maka mereka akan menanggung ancaman dan seksaan yang amat pedih daripada Allah swt. Kerana bagi seorang mukmin pinjaman yang ia berikan sesuai dengan etika dan norma yang merupakan modal investasi di akhirat nanti.

Daripada Anas ibnu malik ra , Rasulullah saw bersabda:

" Pada malam aku di isyrakkan, aku melihat pintu surga tertulis: "Sedekah berpahala sepuluh kalinya dan pinjaman berpahala delapan belas kali". Lantas aku bertanya: "Wahai Jibril, mengapa pinjaman lebih utama daripada sedekah?" Dia menjawab: "Kerana peminta itu meminta padahal dia masih berpunya (mempunyai sesuatu yang mencukupinya) sementara orang yang berhutang tidak akan berhutang kecuali kerana ia memerlukannya". (HR. Ibn Majah, As-Sadaqat, 19/2431)

Tidak dinafikan bahawa sedekah adalah ibadah yang sangat dianjurkan oleh Islam, namun pinjaman yang diberikan kepada orang yang memerlukannya sebagai ganti daripada sedekah lebih diutamakan, kerana pinjaman itu tidak menyinggung perasaan dan menjatuhkan marwah orang yang memerlukan.

Dalam hal ini sebahagian daripada orang beriman yang beramal soleh, apabila mereka mendapatkan kembali pinjaman daripada orang yang mereka berikan pinjaman, mereka tidak sedikitpun menggunakan pinjaman tersebut, namun menyimpannya untuk di pinjamkan kembali kepada orang-orang yang memerlukannya, mereka sentiasa berbuat yang sedemikian, mengkhususkannya dan menyimpannya dalam bekas "pinjaman kebajikan".

Sebagaimana yang di kisahkan oleh Qays Ibn Rumi (semoga Allah swt merahmatinya) ia berkata: *"Suatu hari Sulaiman Ibnu Udhunan memberi pinjaman kepada Alqamah sebanyak seribu dirham sehingga tempoh masa pengembaliannya. Apabila tempoh masa pembayarannya Sulaiman meminta Alqamah dan mendesak agar membayarnya kemudian Alqamah membayarnya seolah-olah ia nampak marah, selepas beberapa bulan Alqamah menemui Sulaiman dan berkata: pinjamkanlah kepadaku seribu dirham sampai batas waktu pembayaranku, Sulaiman menjawab: iya, dengan senang hati wahai Ummu Utbah, bawakanlah kepadaku kantung*

kepunyaanmu. Lalu ia datang membawa kantung tersebut Sulaiman berkata: Demi Allah sesungguhnya ini adalah Wang dírham yang kamu bayar kepadaku semasa itu, aku tidak sedikitpun mempergunakannya. Alqamah berkata: Demi ayahmu, apa yang menyebabkanmu berbuat demikian kepadaku. Sulaiman berkata: apa yang telah aku dengar darimu. Aqlamah bertanya lagi: apa yang kamu dengar dariku? Sulaiman menjawab: aku mendengar engkau menyebutkan dari Ibnu Mas'ud bahawa Nabi saw bersabda: "Tidaklah seorang muslim yang meminjamkan saudara muslimnya pinjaman sebanyak dua kali melainkan ia seperti bersedekah sekali". Alqamah berkata: seperti inilah aku di beritahu oleh Ibn Mas'ud" *(HR. Ibnu Majah, As-Sadaqat,19/2430)*

Dan ayahku Musa Afandi – semoga Allah swt merahmatinya – telah melaksanakan dan meniru akhlak para pembesar Islam iaitu akhlak yang mulia (memberi pinjaman) dalam bentuk yang paling utama dan sempurna. Beliau memiliki simpanan khusus untuk "pinjaman kebajikan", dan memberikannya kepada orang-orang yang memerlukan.

Beliau beranggapan pinjaman ini sebagai sedekah bagi orang yang tidak mampu membayarnya, beliau juga tidak membelanjakan harta daripada pinjaman yang telah di kembalikan kepadanya. Namun menggunakannya untuk maksud dan tujuan yang sama iaitu memberi pinjaman kepada orang yang memerlukan. Perbuatan baik ini adalah salah satu bentuk daripada keindahan akhlak dan pengecualian khusus daripada akhlak Islam.

Pinjaman sebagaimana ia memiliki keutamaan dan kelebihan yang mulia bagi orang yang memberikan pinjaman, ia juga merupakan perkara yang harus diperhatikan dan diambil berat bagi orang yang meminjamnya. Sebaliknya daripada keadaan ini sekiranya orang-orang yang memerlukan tidak dapat meminjam semasa berada

dalam keadaan kritikal dan keperitan ekonomi akan memungkinkan bagi mereka untuk melakukan jalan yang haram dengan menghalalkan semua cara serta melakukan dosa besar untuk mendapatkan harta.

Orang-orang yang sangat memerlukan pinjaman kerana berhadapan dengan masalah kesusahan dan keperitan ekonomi apabila mereka terjerumus ke dalam lembah-lembah keharaman misalnya riba, jumlah mereka tidaklah sedikit, hal itu disebabkan kurangnya rasa keprihatinan daripada orang kaya dalam menghulurkan sebahagian hartanya. Dalam sebuah hadith Rasulullah saw mendorong manusia agar mencari pinjaman yang halal sebagai ganti daripada kecenderungan berbuat kesalahan dan dosa, Rasulullah saw bersabda:

"Sesungguhnya Allah swt bersama orang yang berhutang sehingga ia membayarnya selama pinjaman itu bukan untuk sesuatu yang dilarang Allah swt".(HR. Ibnu Majah, As-Sadaqat,10)

Kesimpulannya, bahawa kita sebagai orang mukmin diwajibkan untuk menghidupkan ibadah pinjam-meminjam –Dengan mengambil berat sensitiviti di antara kedua belah pihak – dalam kehidupan keseharian kita sebagaimana dianjurkannya keutamaan-keutamaan Islam. Untuk terus menjaga berlangsungnya keindahan Islam ini dalam bingkai kehidupan maka diwajibkan bagi kita untuk memahami etika dan keadaan pinjam-meminjan serta mendalami dan mengamalkannya.

Kita mesti sentiasa mengingat akan keutamaan yang indah ini kerana apabila suatu hari nanti semasa kita berpindah ke tempat tinggal yang abadi –akhirat- tidak ada lagi peluang yang tersisa bagi orang kaya untuk melakukannya dan tidak pula ada keperluan bagi orang yang memerlukan.

Ringkasnya sesungguhnya dunia yang fana ini adalah tempat kita tinggal, di mana di tempat ini kita mempunyai peluang untuk melakukan dan memperbanyakkan perbuatan baik. Allah swt telah meletakkan suatu masa di mana masa itu memiliki keutamaan yang lebih berbanding dengan masa-masa lainnya, seperti bulan suci Ramadhan, hari raya dan hari-hari lainnya. Masa-masa seperti itu merupakan peluang bagi seorang hamba untuk memperbanyakkan lagi amal kebaikan sebagai penebus bagi kerugian dan kesalahan-kesalahan.

Sesungguhnya hikmah dan rahsia adanya bulan Ramadhan di antara hari-hari yang fana adalah tersimpannya rahmat ilahi agar kita dapat mengokohkan lagi semangat keimanan. Sebagaimana ibadah, zikir dan bantuan sosial secara khasnya merupakan perkara yang harus terhias dalam hati kita agar dapat dihulurkan kepada orang-orang yang memerlukan, fakir miskin dan anak yatim, kerana hal tersebutlah yang akan membuat kita memperolehi sinar rahmat ilahi yang akan datang di hari-hari yang penuh kebahagiaan di akhirat nanti.

Faktanya bahawa kesanggupan kita memperoleh ampunan daripada pelbagai jenis dosa pada bulan ini adalah adanya kemenangan yang kita raih, kemenangan diri kita dalam mempertahankan jiwa daripada godaan-godaan syaitan, kemenangan di mana kita dapat menghadapkan jiwa dengan pasrah kepada Sang Pencipta. Itulah kemenangan sebenar yang hanya mengharapkan redha ilahi.

Dari segi lain kita mesti dapat menghadirkan perasaan yang mulia dalam jiwa kita seperti ketenangan dan kedamaian, serta menyedari bahawa kehidupan di dunia ini seolah-olah seperti bulan Ramadhan yang pendek. Kerana pada hari-hari itulah terkumpulnya pelbagai peluang penting di sisa umur kita.

Sekiranya peluang-peluang di bulan Ramadhan –bulan yang penuh dengan ampunan, rahmat dan berkat- kita manfaatkan sebaik-baiknya dengan menghadirkan ruh dan jiwa secara menyeluruh maka tiada keraguan bahawa kelak di hari kiamat ia akan menjadi fajar hari raya yang abadi, hari yang sentiasa dihiasi kebahagiaan, tidak ada kesedihan juga tidak ada tangisan, hari di mana semua orang yang berjaya mendapatkan naungan kasih sayang ilahi yang abadi selama-lamanya.

Sungguh indah perkataan *Sayyid Bahlul* :

" Sesungguhnya hari raya bukan bagi orang yang mempergunakan pakaian baru dan bagus, namun hari raya adalah bagi mereka yang mempercayai azab Allah swt dan selamat daripada kerugian abadi di hari kiamat. Sekali lagi hari raya bukan bagi anak lelaki yang tampan, bukan pula bagi anak perempuan yang cantik, namun hari raya adalah milik orang-orang yang meninggalkan aib, kesalahan dan kekurangan serta mereka sentiasa berusaha untuk berubah menjadi hamba Allah yang membersihkan diri daripada semua dosa".

Ya Allah! Sampaikanlah kami pada hari-hari raya di dunia dan akhirat dengan keindahan dan kelapangan hati. Dan berilah kami di dunia tempat tinggal fana ini pelluang dan masa yang kami pergunakan di jalan yang Engkau redhai. Serta masukkanlah kami ke dalam golongan orang-orang yang beruntung yang selamat daripaada kesusahan di akhirat disebabkan perbuatan mereka menghilangkan kesusahan dan penderitaan orang beriman di dunia. Amiin…

Kasih Sayang

Wahai orang yang berjalan di jalan kebenaran, jadikanlah cintaanmu milik Tuhan Penguasa hakiki yang abadi sebelum datangnya hari kiamat. Dia lah yang akan membantumu di hari yang penuh dengan keperitan. Kerana pada hari itu tiada seorang pun yang akan membantumu tanpa seizin-Nya. Pada hari itu manusia akan melarikan diri daripada saudara, ibu, ayah, keluarga dan anak-anaknya. Dalam keadaan seperti itu kamu akan memahami benar akan makna cinta kepada Tuhanmu dan ketahuilah bahawa cinta adalah bibit serta bekal pada nafas terakhir.

-Maulana Jalaluddin Ar-rumi.-

KASIH SAYANG

Di kisahkan bahawa suatu hari Rasulullah saw jatuh sakit, semasa Abu Bakar ra mendengarnya ia secepatnya mengunjungi Rasulullah saw dan bertanya tentang keadaan serta sakitnya, namun apabila melihat Rasulullah saw terbaring sakit di atas tilam Abu Bakar ra tidak sanggup melihatnya, dan apabila ia kembali ke rumahnya ia jatuh ke tempat tidur dan sakit kerana kesan daripada sakitnya Rasulullah saw.

Selepas Rasulullah saw sembuh beliau mendengar bahawa Abu Bakar ra jatuh sakit, kemudian beliau pergi untuk mengunjunginya, orang-orang berkata kepada Abu Bakar ra : “Rasulullah saw akan datang untuk menjengukmu”.

Abu Bakar ra langsung melompat dari tempat tidurnya kerana merindukan Rasulullah saw, dan segera menuju pintu rumah untuk menyambut Rasulullah saw dengan penuh semangat dan kebahagiaan yang tidak tergambarkan, apabila sampai di rumah Abu Bakar ra , Rasulullah saw melihatnya dalam kesihatan dan kegembiraan yang terpancar daripada wajahnya, kemudian Rasulullah saw bingung dan bertanya kepada Abu Bakar ra: “Wahai Abu Bakar orang-orang berkata bahawa kamu sedang sakit!”

Abu Bakar ra merindukan Rasulullah saw dan mencintainya melebihi siapa pun di dunia ini dia bahagia kerana kunjungan Rasulullah saw dan menjawabnya: “Orang yang aku kasihi jatuh sakit wahai Rasulullah saw maka aku sakit kerana kesan daripadanya dan apabila ia sudah sembuh aku pun sembuh”.

Kerana kecintaan dan kerinduan yang dimiliki Abu Bakar ra kepada baginda saw maka Abu Bakar mendapat kemuliaan dengan menjadi *"Sedang dia salah seorang daripada dua orang semasa keduanya berada dalam gua" (QS. At-Taubah:40)* sebagaimana di sebutkan dalam al-qur'an.

Oleh itu masalah sebenarnya adalah kekuatan hubungan hati dengan ikatan cinta yang tulus yang menyebabkan Allah swt redha kepada kita dan menempatkan kita di jalan yang lurus. Demikianlah kita dapat mendapatkan sebahagian daripada cinta Ilahi sekiranya cinta yang kita tanamkan dalam hati benar-benar tulus hanya untuk mencapai redha-Nya yang pada akhirnya ia menghasilkan hakikat dalam makna cinta.

Sungguh indah perkataan imam Ali Ar-redha ini:

Sesungguhnya Allah swt memiliki minuman yang dihidangkan kepada orang-orang yang mencintai-Nya semasa mereka meminumnya mereka akan mabuk. Apabila mabuk mereka akan bangkit. Apabila bangkit mereka akan membersihkan diri. Apabila membersihkan diri mereka lalu lalang dan pergi. Mereka lalu lalang kepada Allah swt, apakah mereka sampai pada darjah ikhlas? Apabila mereka berjalan menuju Sang Maha Kuasa dengan rasa ikhlas maka mereka dapat mencapainya. Apabila mencapainya, mereka dekat dengan orang-orang yang mencintai kebenaran dan dicintai-Nya semasa mereka berhampiran maka mereka takkan terpisahkan selamanya".

Abu Bakar As-sidiq ra –bagaimana dia menggambarkan rasa cinta yang sesungguhnya kepada kekasihnya Nabi saw- dalam keadaan kasih sayang ia jatuh sakit, akan tetapi ia rela dan merasa sihat melebihi keadaan sihat pada keadaan biasanya kerana ia berbagi keadaan dengan orang yang ia kasihinya. Kerana secara hakikatnya orang-orang yang rindu terhadap kekasihnya, mereka merasa

bahagia yang tiada terhingga meskipun dalam pelbagai macam keadaan.

Sebagaimana yang di gambarkan oleh *Maulana Jalaluddin Ar-rumi* - semoga Allah swt merahmatinya - :

“Barang siapa yang duduk bersama orang yang dikasihinya meskipun ia berada dalam kobaran api ia pasti menyangka bahawa mereka sedang duduk di taman bunga. Wahai para pecinta sekiranya kamu melepaskan kecintaan pada jasad dan bentuk serta memasuki alam maknawi maka kamu akan melihat taman-taman syurga yang penuh hiasan dan keelokan melebihi keindahan daripada taman bunga di dunia”.

Sesungguhnya rasa cinta terpancar daripada kebersamaan yang bersifat positif mahupun negatif. Adapun cinta hakiki iaitu sentiasa menjaga jiwa dalam kebenaran. Sifat ini sesuai pada pribadi manusia yang sangat luhur. Dalam praktiknya sekiranya dua orang yang saling mencintai mereka mempunyai perasaan yang sama. Kerana cinta dan kasih sayang yang sesungguhnya mengalir di antara dua hati.

Semua keadaan orang yang dicintai pada hakikatnya akan memberi kesan kepada orang yang mencintainya, hal ini muncul kerana adanya arus perasaan cinta yang dihiasi oleh sungai kerinduan yang mengalir dalam hati, ia bagaikan matahari yang silih berganti wujud dari ufuk timur dan tenggelam di ufuk barat.

Misalnya semasa Maulana *Jalaluddin Ar-rumi* – semoga Allah swt merahmatinya – menjadi guru besar di sekolah *as-saljuqiyah* ia terkena percikan daripada meluapnya cahaya seorang alim yang zuhud ia bernama Syamsun, hatinya dipenuhi dengan kerinduan lalu Maulana Jalaludin terbakar olehnya.

Demikianlah kita dapat menjadi kekasih Allah swt sekiranya kita dapat mengamalkan seperti apa yang telah dihuraikan diatas dengan ukuran cinta seorang mukmin yang sentiasa istiqamah dalam melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Yang Maha Kuasa.

Sebaliknya keadaan sebahagian manusia mungkin terlihat ia berada di taman bunga yang bermekaran akan tetapi di dalamnya – kerana jauh dari Allah swt – ia berada dalam kobaran api neraka. Maka dari itu sesungguhnya tidak ada hubungan antara cinta Allah dan kekerabatan seperti saudara dan hubungan keluarga kerana pernikahan yang didasari oleh kekufuran, seperti Abu Lahab paman Rasulullah saw orang yang paling jauh darinya.

Sesungguhnya rahsia dan misteri alam ruh tiada habisnya, ini tidak termasuk pembentukan raga dan masyarakat. Cinta adalah aliran dan inspirasi yang datang daripada jiwa yang paling dalam, cinta dan kasih sayang Allah swt kepada Nabi Muhammad saw yang disampaikan melalui wahyu untuk pertama kalinya di gua hira' telah mendatangkan ketenangan mendalam bagi Nabi Muhammad saw, terlebih semasa *mi'raj* kepada kekasihnya Allah Azza Wajalla.

Cinta adalah anugerah Ilahi yang menyelamatkan manusia daripada kesendirian. Selepas di turunkannya Hawa as Dan Adam as ke dunia mereka di wajibkan untuk hidup sendiri dan berpisah satu sama lain selama empat puluh tahun, mereka merasakan kerinduan dan kesedihan kerana jauh daripada orang yang dicintainya. Seakan-akan cinta adalah pembahagian satu jiwa menjadi dua, kamu menemukan separuh jiwamu dan separuhnya lagi ada pada kekasihmu. Nabi saw telah menerangkan masalah ini dalam hadith :

"Ketaqwaan seseorang itu sesuai dengan teman karibnya, sekiranya kamu ingin mengetahui ketaqwaanya maka lihatlah pada teman karibnya ". (HR. Ahmad Ibn Hambali, Al-Musnad, juz2,303,334)

Cukuplah penjelasan Nabi saw ini tentang kasih sayang yang mempengaruhi manusia sehingga ke pembuluh darahnya, Nabi saw bersabda:

"Manusia itu bersama orang yang dicintainya". (HR. Bukhori, Al-Adab 96)

Dari segi lain terdapat banyak hadith yang telah menjelaskkan tentang masalah ini, iaitu semasa seseorang bersama dengan orang yang dicintainya maka mereka merasakan perasaan, kehidupan dan pemikiran yang sama, mereka sentiasa sepakat dalam beberapa hal seperti perkataan, unsur dan tingkah lakunya yang menggambarkan kecintaan terhadap kekasihnya seakan-akan mereka adalah satu kebersamaan dan tidak ada perbezaan antara mereka.

Sungguh menghairankan perkataan seseorang kepada kekasih hatinya, semua unsur, tingkah laku, dan perasaannya sentiasa bersama. Sebagaimana orang-orang yang perasaan, fikiran dan perbuatannya tidak bersama Allah swt dan Rasul-Nya maka mereka tidak di anggap sebagai para pecinta yang sesungguhnya.

Demikianlah agar kamu bersama orang yang kamu cintai maka kamu harus menghidupkan semua aspek, dan tidak mungkin bagi orang yang hidupnya lalai daripada Allah swt dapat melanjutkan antara lisannya yang berkata "Sesungguhnya saya mencintai Allah dan Rasul-Nya" dengan hatinya, mereka itulah orang-orang yang tidak mendapatkan khabar gembira sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa hadith.

Sebagaimana diketahui bahawa cinta tumbuh kerana adanya kebersamaan dalam suatu keadaan. Demikianlah Allah swt menghijaukan taman-taman dan ladang secara maknawi dalam hati para pecinta. Mungkin demikian pula yang terjadi pada Abu Bakar ra –yang mendapat kebaikan– dan dipenuhi dengan banyak hikmah.

Abu Bakar ra mencintai Rasulullah saw dan menemaninya dengan penuh cinta sehingga rasa cinta dan kerinduan itu semakin bertambah besar di tempat yang di yakininya dengan penuh ketenangan di dalamnya.

Suatu hari Rasulullah saw bercerita tentang Abu Bakar ra yang telah menginfakkan seluruh hartanya di jalan Allah saw dengan perkataan yang penuh dengan rasa cinta, pujian dan kasih sayang. Akan tetapi Abu Bakar ra – yang merasa tidak wajar akan pujian Rasulullah saw ini – merasa tertekan dan sedih semasa mendengarnya walaupun sebenarnya ucapan tersebut sebagai pujian dan ungkapan rasa cinta kepadanya, namun Abu Bakar ra melihat roman wajah perpisahan yang tampak daripada ucapan baginda saw.

Dengan ini Abu Bakar ra merasa dalam jiwanya yang terdalam terdapat getaran menyakitkan yang membakarnya seperti api yang akan memisahkan dan menjauhkan daripada Rasulullah, dia berkata dari lubuk hatinya yang paling dalam : *"Tidakkah jiwa dan seluruh hartaku ini melainkan kepunyaanmu wahai Rasulullah saw (HR. Ibnu Majah, Al-Muqaddimah,11)*

Kerana keluhuran jiwa seperti ini *Maulana Jalaluddin Ar-Rumi* – semoga Allah swt merahmatinya – mengucapkan perkataan ini :

"Hendaknya bagi seseorang yang ingin sentiasa dibawah naungan rahmat Allah ia menguatkan rasa cinta kepadaNya dengan cara duduk dan bergaul dengan para Auliya, mereka itulah para kekasih Allah. Kerana seorang kekasih apabila bersanding dengan orang yang dicintainya maka ia akan marasa bahagia tiada terhingga."

Salah seorang penyair juga berkata:"Sekiranya ada beberapa orang yang mencari tentang kebenaran Allah swt meskipun dalam masa yang tidak lama lalu ia menemukan-Nya maka semua langit pasti akan sujud di tempat mereka menemukannya itu."

Dan juga *Syaikh Sa'di* -yang menunjukkan penjelasan Ilahi- menuliskan perkataan kepada sang kekasih untuk membersihkan diri daripada kecintaan dunia dalam makna yang sesungguhnya dan berkata: "Sesungguhnya melihat wajah orang yang dicintai dan sahabat adalah ubat dan kesembuhan bagi pemilik hati yang mengalirkan air mata kerana luka".

Allah swt telah memberitahukan sesiapa yang layak untuk dijadikan kekasih, dalam Al-qur'an Allah swt:

Ertinya: Sesungguhnya penolongmu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman, yang melaksanakan salat dan menunaikan zakat, seraya tunduk (kepada Allah). (QS. Al-Maidah,55)

Wahai orang-orang yang berbahagia yang melepaskan dirinya daripada kemusyrikan dan perangkap orang yang dicinta serta teman yang fana. Di dunia ini ada sahabat sejati dan kekasih hakiki iaitu Allah Azza Wajalla, hendaklah kamu mengikat hati dan jiwamu kepadaNya serta Rasul-Nya dan jadikanlah diri kamu di antara orang-orang yang beriman.

Maulana Jalaluddin menyeru kepada hati-hati yang tercegah untuk mendapatkan rahsia disebalik hakikat cinta:

"Ketahuilah dengan baik bahawa para pecinta yang kerap cemburu akan sirna dan mereka yang mencintaimu dengan cinta palsu di dunia ini semuanya akan menjadi musuhmu di akhir nanti. Sesiapa yang simpati dan memihak kepadamu hari ini maka ia akan menunjukkan permusuhan esok hari. Apabila kekayaan dunia yang hanya menyisakan tangis dan penyesalan maka mintalah pertolongan kepada Allah swt sambil berkata dengan merendahkan diri dan menangis : "Ya Allah janganlah Engkau tinggalkan aku sendirian".

Sesungguhnya kemampuan untuk memperoleh pemikiran dan pandangan pada peringkat tinggi, serta menemukan hikmah dan

rahsia – dalam al-qur'an – dengan makna dan pemahaman yang sebenar, telah dilakukan oleh para pejuang cinta dan kasih sayang Ilahi mereka mampu menguasai hati secara sempurna, dan hidup dalam cinta yang hakiki serta berjaya dalam hal ini.

Sebagaimana contohnya, Nabi Ibrahim as meskipun berada dalam keadaan yang paling perit namun kerana ia adalah khalilullah (kekasih Allah) , maka ia tetap berserah diri dan tawakal untuk mendapatkan cinta-Nya, dalam hatinya tidak ada rasa sedih sedikitpun ataupun gelisah yang tampak daripada wajahnya. Semasa akan dilempar ke dalam kobaran api ia berkata kepada malaikat yang datang untuk membantunya:

"Jangan mencampuri urusan antara kekasih (Allah) dengan orang yang dikasihinya (Nabi Ibrahim as). Apa yang di kehendaki oleh Tuhanku aku rela. Apabila aku selamat itu kerana kebaikan dan kemurahan-Nya. Dan sekiranya aku terbakar maka itu kerana dosa-dosaku. Insyaallah aku akan bersabar. Selepas itu tiba-tiba ia berkata: " Dia Allah swt mengetahui keadaanku maka katakanlah kepadaku, api terbakar kerana perintah siapa ? dan pembakaran itu perbuatan siapa?"

Pada akhirnya Sang kekasih yang Maha Agung Allah Azza Wajalla menyelamatkan Nabi Ibrahim as lalu api menjadi sejuk dan menyelamatkan Nabi Ibrahim atas perintah Allah saw. Peristiwa ini menunjukkan kepada kita bahawa cinta Ilahi adalah cinta dalam bentuk yang paling agung dan indah.

Maka dari itu Allah swt berfirman tentang Ibrahim dalam kitab-Nya kerana kasih sayang dan cinta hakiki ini:

Ertinya: Dan (lembaran-lembaran) Ibrahim yang sentiasa menyempurnakan janji. (QS. An-Najm:37)

Demikianlah kasih sayang dan penepatan janji yang tergambar daripaada kisah Nabi Ibrahim as dan Allah swt. Hal demikian juga terpancar dari setiap individu dan segala sesuatu –dengan menjaga norma-norma kasih sayang antara satu sama lain– yang berkaitan dalam hal ini, maka orang-orang yang mempunyai sifat kasih sayang dalam hatinya mereka adalah manusia yang berpersonaliti luhur yang membezakan antara dirinya dengan yang lain sama ada dari segi agama mahupun sejarah. Di dalam catatan sejarah menceritakan seorang manusia bernama Yiyalah, ia adalah seorang kawan yang tulus dan sangat memenuhi janji pada raja Qurqud yang pada akhirnya terbunuh kerana pemberontakan. Apabila sultan Salim pertama mengetahui kesetiaan dan penunaian janji, sultan memanggil Yiyalah dan bertanya kepadanya: " Tentukanlah kedudukan dan posisi yang kamu inginkan sebagai balasan atas kasih sayang dan pengabdianmu kepada raja Qurqud meskipun kamu meminta untuk menjadi menteriku aku akan mengabulkannya".

Yiyalah berterima kasih kepada sultan dan berkata sebuah ucapan yang semakin mengokohkan kecintaannya kepada raja Qurqud: "Sultanku! tugasku selepas ini adalah melayani dan merawat makam raja Qurqud".

Sesungguhnya sikap dan perbuatan Yiyalah seperti ini adalah bentuk daripada pengertian kasih sayang yang sebenarnya, perbuatannya juga merupakan ikutan yang mendeskripsikan etika kasih sayang dan tanda-tanda dalam menjaga hubungan baik dengan para sahabat dan orang-orang yang dikasihi.

Abu Utsman Al-hairi berkata: Sesungguhnya cinta kepada Allah swt dinyatakan dengan perilaku baik dan sentiasa menjaganya, cinta kepada Rasulullah saw di tunjukkan dengan meniru dan mengikuti sunnahnya, serta ketaatan dan patuh kepadanya dengan penuh cinta, sedangkan cinta kepada para wali Allah swt dengan menghormati

dan melayani mereka. Kasih sayang kepada orang-orang yang kita cintai itu dengan sentiasa memperlihatkan senyuman kepada mereka, dan menjumpainya dengan wajah penuh keceriaan dengan syarat hal itu tidak di larang agama. Cinta kepada keluarga dengan bersikap baik kepada mereka. Cinta kepada orang-orang yang tidak tahu agama dengan berdoa bagi mereka agar Allah swt memberikan hidayah dan mengasihi mereka".

Setiap cinta dan kasih sayang memiliki cara dan keadaan tertentu, kerana cinta dan kasih sayang akan terus berlaku dengan menjaga etika dan norma. Cinta dalam hati tidak akan hilang, namun sekiranya etika cinta dan kasih sayang tidak di perhatikan maka pelbagai segala hubungan cinta akan berubah menjadi ikatan permusuhan. Oleh itu diwajibkan untuk sangat berjaga-jaga semasa berbicara dengan kawan-kawan kita, kerana perkataan itu ibarat pedang tajam yang dapat memutuskan cinta dan kasih sayang bahkan dapat membunuhnya, ia juga dapat mengguris luka dalam hati yang tidak dapat di sembuhkan dan akan meninggalkan bunga-bunga cinta yang kering di taman hati yang pada akhirnya merenggutnya. Ada juga ucapan yang menghijaukan pelbagai segi ciptaan seperti hujan di musim semi, dan memberikan manfaat yang tidak terbatas.

Sebaliknya kasih sayang palsu yang di anggap sebagai cinta dan kasih sayang, atau hidup dengan ketidak prihatinan maka tidak mungkin nampak seperti kasih sayang dan cinta yang sebenar, kerana kasih sayang yang dibina di atas ketidak prihatinan pada orang lain ia diibaratkan seperti tali rapuh yang ditarik oleh pisau yang tajam yang memungkinkan tali ini bertahan tiga atau lima goresan atas ketajaman pisau yang pada akhirnya ia akan putus. Sepertimana tidak diragukan bahawa cinta dan kasih sayang seperti itu tidak akan bermanfaat di dunia mahupun di akhirat. Sebaliknya ia akan menyebabkan bahaya tiada terkira bagi pemiliknya di dunia dan

akhirat. Oleh itu kewajiban untuk menjaga kasih sayang ini adalah dengan menjadi sahabat yang mencintai orang yang layak dicintai.

Dalam persekitaran seperti ini sesungguhnya cinta yang bersemayam dalam hati apabila dapat mencakup cinta pada semua makhluk maka ia akan menjadikan pemiliknya orang beriman yang sempurna, dengan perkataan lain seorang pecinta hakiki ialah kekasih Allah Azza Wajalla. Meskipun pada mulanya rasa kasih sayang berawal daripada cinta pada seseorang –yang pada hakikatnya ia bersifat fana- perlahan ia dapat mengarah pada "cinta ilahi" apabila kasih sayang itu berada pada titik kasih sayang yang mencakupi seluruh makhluk ilahi. Ia bagaikan bunga yang mekar selepas melalui beberapa fasa.

Aka tetapi sekiranyaa kasih sayang seseorang berhenti kerana wujudnya halangan–tanpa berusaha untuk melaluinya- ia tidak akan mencapai pada darjah cinta ilahi, kerana seorang pecinta hakiki ia akan mendapatkan kadar cintanya selepas melewati pelbagai halangan dan cabaran, sehingga membawanya menjadi orang yang arif dan bijaksana dalam menentukan sikap kasih sayang.

Sayyid Nakhsyabi mengisahkan suatu kisah sebagai contoh daripada orang-orang yang bergantung pada halangan orang lain :" suatu hari datanglah seorang pemuda kehadapan pintu istana sultan dan berkata sesungguhnya aku mencintai putri sultan. Apabila khabar ini sampai pada putri sultan, datanglah permaisuri ke hadapan pintu istana dan berkata kepada pemuda itu : ambillah seribu dirham ini dan jangan mengatakan sesuatu seperti ini lagi kerana akan membahayakan aku dan kamu. Namun pemuda itu tidak berlalu pergi dan tetap berada dihadapan pintu sultan. Selanjutnya permaisuri datang dan menawarnya dengan dua ribu dírham. Peristiwa ini terus berulang beberapa kali sehingga pada akhirnya penawaran

ini mencapai dua belas ribu dirham daripada wang yang di berikan permaisuri kepada pemuda itu kemudian ia pergi.

Apabila putri sultan melihat peristiwa ini ia berkata: bagaimana kamu bisa mencintaiku sedangkan dirimu telah dibutakan oleh wang dan harta yang telah menutupi kedua matamu? Tahukah kamu apa hukuman bagi orang yang telah berbuat demikian padaku? Hukumannya adalah dipenggal lehernya. Di sebabkan cinta palsu pemuda inilah yang semata-mata menginginkan wang pada akhirnya menyebabkan putri sultan menjauh".

Apabila salah seorang *arif* mendengar khabar ini ia langsung jatuh pingsan. Selepas sedar ia berkata: "Wahai manusia! Lihatlah apa yang di peroleh para pecinta palsu di dunia! sesungguhnya ia tidak akan berguna di akhirat bagi orang yang mengaku mencintai Allah swt akan tetapi berpaling pada yang lain!".

Sesungguhnya besarnya rasa cinta dapat diukur daripada pengorbanan yang di lakukan seorang kekasih pada orang yang dicintainya semasa diperlukan. Sesiapa yang merasakan cinta yang bergelora dalam jiwanya, ia tidak merasakan jiwanya berharga semasa diminta untuk mengorbankan jiwanya sebagai tebusan daripada orang yang ia cintai. Adapun mereka yang tidak mengetahui makna cinta dan kasih sayang ia tidak dapat merasakan dan memahami hakikat cinta. Mereka hanya hidup untuk memenuhi keperluan hasrat dan hawa nafsunya, mereka tidak dapat melewati cabaran menuju kesempurnaan cinta. Kerana hati yang kosong daripada hakikat cinta ibarat debu yang terbang berhamburan.

Hakikat pengetahuan ia bermula daripada cinta, kerana sebab kewujudan semua yang ada di alam semesta adalah cinta. Oleh itu orang yang mendapatkan cinta Allah swt melihat cinta dan kasih sayang bukan hanya pada manusia, namun pada semua tumbuhan, haiwan dan seluruh makhluk hidup yang ada di dunia ini.

Ayahku *Musa Afandi* – semoga Allah swt merahmatinya – telah menceritakan suatu peristiwa berkenaan kecintaan kapada semua makhluk Allah swt ia berkata: aku menyewakan sebuah rumah yang berada di madinah kepada guruku yang terhormat Sami Afandi – semoga Allah swt melimpahkan rahmat padanya– sejak hampir empat puluh tahun lalu. Rumah tersebut semasa itu dibangun dengan bata merah. Apabila kami memasuki ruangan yang aku persiapkan untuk tempat istirahat dan tidurnya, kami melihat seekor ular yang melilit sekeliling badannya di sudut rumah maka kami merasa khawatir dan takut serta tidak menginginkannya. Adapun Sami Afandi tetap berdiam dengan tenang, dan berkata: “Biarkanlah makhluk Allah swt ini berada dalam keadaanya dan jangan kalian sentuh dan mengusiknya”.

Pada akhirnya selepas beberapa masa haiwan ini keluar daripada rumah kita. Ini menjelaskan bahawa orang-orang yang mendekatkan diri pada Allah swt dan Rasul-Nya sampai pada pancaran cinta dan kasih sayang mereka akan menjadi sahabat bagi semua makhluk Allah swt. Kemungkinan kecintaan Yunus Emre penyair asal Turki kepada bunga berwarna kuning adalah salah satu contoh daripada kasih sayang ini.

Hati yang tidak dapat melihat bentuk cinta yang tersembunyi pada alam adalah hati yang buta. Jiwa manusia yang tidak dapat berbicara dengan alam adalah jiwa yang bisu. Dan hati yang mencari seorang kekasih meskipun belum menemukannya dalam wujud manusia ia mungkin dapat menemukannya dalam alam. Maka air yang mengalir, tempat-tempat yang hijau, pegunungan, bunga-bunga dan taman-taman yang membisikkan banyak syair-syair cinta dan kasih sayang ke dalam hati yang sedang mencari cinta.

Hati yang terangkai dengan senandung-senandung ini akan merasakan kebesaran dan keagungan ciptaan Allah Azza Wajalla,

dan kamu dapat berbicara padanya dengan melihat keadan sekeliling. Demikianlah akan terbuka banyak daripada rahsia Ilahi dalam lubuk hati yang paling dalam yang di penuhi oleh perasaan cinta dan kasih sayang.

Pada akhirnya hati tersebut akan sampai pada darjah keagungan yang terang bersinar, hati sedemikianlah yang akan menyembuhkan pelbagai bentuk penyakit dan kesedihan dalam hati. Sesungguhnya kekuatan yang tersimpan pada alam akan mengangkat perasaan hati untuk menjadi kawan bagi rahsia yang tersembunyi di dalamnya, serta menjadikannya jiwa yang dapat mencintai alam seluruhnya, kerana ribuan hiasan yang terukir pada alam semesta dan makhluk merupakan tangga penyambung menuju Sang Pencipta seluruh keindahan ini. Orang-orang yang menaiki dan mendaki tangga ini akan sampai pada ketinggian di mana naungan Allah sentiasa bersamanya. Tentunnya orang-orang beriman yang berada dalam kedudukan ini mereka akan sentiasa bersama Allah swt di setiap masa dan tempat. Daripada wajah mereka sentiasa memancarkan sinar kedamaian dan ketenteraman. Demikianlah keadaan tersebut merupakan tanda kebahagiaan dan kecemerlangan yang memancarkan keberkatan dan rahmat yang sebenar bagi umat dan semesta alam.

Malik Ibn Dinar – semoga Allah swt merahmatinya - bercerita:

“Apabila Umar Ibn Abdil aziz menjadi khalifah, para penggembala di gunung-gunung berkata: “Seorang lelaki sholeh telah menjalankan pemerintahan bagi manusia”. Semasa mereka di tanya: (dari mana kalian tahu hal ini?) mereka menjawab: “Sampai haiwan-haiwan pun hidup dalam kedamaian dan ketenangan”

Muhammad Ibn Ayyinah – semoga Allah swt merahmatinya – berkata:

"Aku mengembala biri-biri di daerah Kirman semasa itu Umar Ibn Abdil Aziz ra menjadi khalifah bagi kaum muslimin. Aku melihat biri-biri yang di gembala bersama serigala, dikeranakan keadilan dan roh pada jiwa Umar bin Abdul Aziz ra. Suatu malam seekor serigala memangsa salah satu domba aku merasa bingung dan berkata pada diri sendiri seolah dunia telah kehilangan semua kedamaian dan ketenangannya. Ternyata khalifah yang adil pembela kebenaran itu telah meninggal. Selepas aku mencari-cari dan bertanya maka tahulah aku bahawa Umar Ibnu Abdil Aziz ra telah meninggal pada malam itu".

Bagi setiap orang yang menginginkan hatinya di penuhi oleh personaliti yang patut di contoh dan menjadi suri tauladan yang dipenuhi oleh kesempurnaan sifat manusia maka ia harus melihat dan merenung dengan mata orang-orang yang mencintai kebenaran dan kebijaksanaan serta menjadikan mereka suri tauladan yang membuka hati. Mereka bagaikan matahari yang menerangi cakerawala dan terbenam di masa senja.

Semasa melihat warna-warni dan pelbagai macam lukisan yang tergambar di langit. Kita merasa hairan dan takjub pada lukisan itu,serta bertanya dalam hati siapakah seniman ulung yang menciptakannya? Kita sangat mengagungkan lukisan itu yang dibentangkan dihadapan kita. Demikianlah semasa kita melihat dan mengkaji perasaan ini maka akan menemui pelbagai macam ukiran, lukisan yang berwarna-warni serta kekuatan kuasa yang tergerak dihadapan mata kita. Semuanya bergerak melukiskan ciptaan alam yang telah dilukis oleh Allah swt –Maha Pelukis atas semua lukisan– dan semua pemandangan alam adalah sebuah penjelasan yang tidak tergambarkan sungguh luasnya makna yang terkandung di dalamnya.

Lihatlah pada bunga violet dan bunga mawar. Dan kalian akan hairan bagaimana mungkin tanah hitam ini menumbuhkan pelbagai

macam warna? Di dunia ini terdapat banyak keindahan, pancaran kekuasaan ilahi, seni dan ciptaan yang di luar kemampuan akal, serta anugerah kasih sayang ilahi yang tak terhingga dan terkira jumlahnya. Semua ciptaan yang ada di dunia ini bagi hati yang sentiasa bertafakkur dan merenungkannya merupakan ciptaan yang di luar batas kemampuan manusia dan mukjizat.

Semua keindahan dan kecantikan hakikatnya merupakan cerminan daripada keindahan Allah swt, dalam suatu hadith disebutkan bahawa Allah itu indah dan menyukai keindahan. Oleh itu mata dan hati yang sentiasa memerhatikan keindahan ciptaan dengan tafakkur serta mengambil pelajaran darinya akan melihatnya dengan penuh kekaguman dan katakjuban.

Sayangnya, masih banyak akal dan logik yang mengetahui banyak kebenaran tentang mukjizat serta kejadian-kejadian yang diluar kebiasaan ini tidak mengambil pengajaran darinya, mereka ibarat seseorang yang jalan di pegunungan berbatu dan keras yang diringi oleh rintik geirimis hujan, akan tetapi ia tidak dapat memperoleh setitik daripada air hujan tersebut.

Ya Allah, berikanlah dan anugerahilah hati kami perasaan mendalam untuk berfikir akan kekuasan, keagungan dan ciptaan-Mu yang nyata yang ada di dunia ini.

Semasa kita berfikir dengan sesungguhnya tentang keadaan dan semua yang ada pada diri kita, kita akan mengetahui –meskipun diri kita sentiasa diperhatikan oleh Yang Maha Kuasa di setiap masa- bahawa hati yang tertutup oleh halangan dan hambatan hawa nafsu akan menjadi penghalang untuk mendapatkan kasih sayang dan cinta ilahi.

Dalam hal ini *Maulana Jalaluddin Ar-rumi* – semoga Allah swt merahmatinya – berkata : “Wahai orang yang berjalan di jalan kebe-

naran kuatkanlah kasih sayang kepada Tuhanmu Penguasa Hakiki sebelum datangnya hari kiamat. Dia lah yang akan membantumu di hari yang penuh dengan kesusahan, kerana pada hari itu tiada seorang pun yang akan membantumu tanpa seizin-Nya. Pada hari itu manusia akan melarikan diri daripada saudara, ibu, ayah, keluarga dan anak-anaknya".

"Pada hari itu kamu akan memahami benar erti kasih sayang dan ketahuilah bahawa kasih sayang dan cinta kepada Tuhanmu adalah bibit yang disemai pada nafas terakhir iaitu untuk hari kiamat, dan untuk mencapai redha Allah Azza Wajalla".

Dakwah Islam telah mengalir deras daripada mulut yang suci iaitu mulut Rasulullah saw. Pada masa menjelang kematian Nabi saw, beliau berkata dalam bentuk yang menggambarkan kedalaman cintanya kepada Allah swt: "Dialah Allah kekasih yang agung, Dialah Allah kekasih yang Agung".

Sesungguhnya hati yang mengambil sedikit daripada kelimpahan arus ini telah mencapai puncak kecintahan pada Sang Ilahi. Dalam perjalanannya menuju alam keabadian, Allah swt menjanjikan dalam firmannya kepada para pemilik hati tersebut:

"Ingatlah wali-wali Allah itu, tidak ada rasa takut pada mereka, dan mereka tidak bersedih hati. (QS. Yunus:62)

Wahai Tuhan kami sibukkanlah hati kami dengan cinta yang dapat menyampaikan kami pada keredhaan-Mu yang agung dan luhur. Bahagiakanlah kami dan jadikanlah kami golongan daripada orang-orang baik serta sayangilah kami wahai Tuhan Pencipta Alam. Amin ....

❀

Oh, Dimanakah Penunaian Janji?!

Sesungguhnya penunaian janji kepada Allah swt hanya dapat dilaksanakan dengan menjaga dan mengikuti semua perintah-Nya. Penetapan janji ini adalah perasaan seseorang yang mendalam serta perbuatan yang hanya diperuntukkan kepada Sang Khaliq. Kerana Dia-lah satu-satunya Tuhan yang Maha Esa dan kekal Abadi. Hidup dan mati kita berada digenggamanNya. Sesungguhnya seorang hamba yang cinta kepada Allah swt dengan diiringi perasaan qalbu yang dalam serta sentiasa terikat denganNya merupakan hakikat daripada penghambaan yang sebenar, iaitu pemenuhan hutang.

OH, DIMANAKAH PENUNAIAN JANJI?!

Alayarham penyair Turki bernama Muhammah Akif suatu hari menjemput salah satu sahabat terdekatnya Ali Syauki Afandi Al-Bosnawi untuk menghadiri akad pernikahan anak perempuannya. Bapak tua ini agak sedikit terlambat kedatangannya. Lalu Ali Syauki menceritakan sebab keterlambatannya :"Sesungguhnya sebab keterlambatanku adalah kerana tidak adanya penunaian janji". Muhammad Akif ingin menenangkan sahabatnya, dan membelanya sambil tersenyum seraya berkata: "Apakah maksud daripada ketiadaan penunaian janji yang kamu bicarakan wahai saudaraku? Ali syauki menjawab: sesungguhnya generasi sekarang telah menimbun perkara ini sejak dahulu kala."

Fakta yang diungkapkan oleh almarhum Ali Syauki dengan kesedihan seolah-olah -akan ternampak ucapan terluka "Oh, di manakah penunaian janji?" Penunaian janji ini adalah sifat perangai yang tidak dapat dihindari, semua manusia sangat memerlukannya. Almarhum Akif – melihat peningkatan yang jelas dan bermaharajalela ketiadaan penunaian janji di zamannya. Apabila beliau mengucapkan perkataan itu– seandainya ia melihat keadaan masyarakat padahari ini maka siapa yang tahu bagaimana ia berteriak, minta bantuan, dan merintih. Pada hari ini manusia tidak lagi mengingati diri sendiri bahkan pada kebaikan-kebaikan yang telah ia tunjukkan.

Penunaian janji merupakan salah satu *syi'ar* (lambang kebesaran) agama Islam dan mungkin menjadi salah satu asas Islam yang

paling utama, meskipun pada secara realitinya asas paling utama dalam pandangan Islam adalah iman, namun sikap penunaian janji merupakan cermin yang bersih yang menggambarkan aras dan darjah keimanan seseorang. Kerana penunaian janji adalah menjaga janji, sedangkan iman adalah mempercayai adanya Allah swt dalam hati dan jiwa serta menyatakannya dengan menunjukkan kasih sayang dan cinta kepada-Nya di dunia ini, atau dengan kata lain menunjukkan nya dengan penunaian janji.

Oleh itu penunaian janji bukan hanya setakat menjaga janji. Namun ikhlas kepada ketentuan Allah swt serta menjaga hati untuk sentiasa bersamanya. Dalam hal menjaga hati kepada Allah swt kita diwajibkan untuk membina hubungan baik dengan sanak saudara kita yang jauh mahupun yang dekat, saudara-saudara seagama hingga ibu bapa. Juga menjaga hubungan baik terhadap para ulama, orang sholeh dan para Nabi yang telah menghabiskan masa dan umur mereka hanya untuk berjuang menyampaikan kenikmatan iman pada diri kita. Kecintaan dengan membina hubungan baik terhadap mereka tidaklah hanya sehingga ke masa tertentu, tetapi sepanjang hidup kita.

Sesungguhnya kalimat al-wafa (penunaian janji) mencakup beberapa makna, seperti kain yang mempunyai pelbagai karakter dari kelembutan, warna dan sebagainya. Diantara makna penunaian janji ini adalah kebersamaan.

Penunaian janji adalah sifat abstrak, ia sebagai mahkota yang paling mulia dalam darjat kehidupan manusia, ia juga sifat yang melekat pada para Nabi, auliya dan orang-orang yang mempunyai kelebihan.

Daripada gambaran ini sebahagian penafsir mendefinasikan Islam sebagai: perkataan dengan lisan, kepercayaan dalam hati, penyerahan diri dan penunaian janji kepada Allah swt dalam semua

keputusan dan ketentuan-Nya. Sesiapa yang hatinya telah meminum seteguk daripada telaga keikhlasan maka ia telah merubah jiwanya –yang pada mulanya seperti neraka– menjadi taman-taman bunga yang penuh bunga mawar, taman-taman yang penuh dengan nyayian kerana di dalamnya terdapat bunga mawar zikir, irama tasbih, kebun iman dan pengetahuan, bunga-bunga kebaikan Ilahi, dan sungai-sungai amal kebajikan. Demikianlah, sesungguhnya balasan hati sesuai dengan keadaan jiwanya, kerana balasannya adalah syurga-syurga dengan tingkatannya dan rahmat Allah ta'ala. Oleh itu jiwa yang diselimuti hati yang penuh keikhlasan, bara api pun akan berubah sifatnya yang semula panas menjadi taman-taman nyanyian. Contohnya pada masa Nabi Ibrahim as semasa raja namrud memerintahkan untuk mencampakkannya ke dalam api yang berkobar seperti gunung, Allah swt merubah keadaan api tersebut menjadi sejuk atas perintah-Nya :

Kami (Allah) berfirman, "Wahai api! Jadilah kamu dingin, dan penyelamat bagi Ibrahim." (QS. Al-Anbiya':69)

Api itu berubah menjadi taman rendang yang lebat, kerana *Sayyidina* Ibrahim as sebelum dicampakkan ke dalam api, beliau telah memadamkan kobaran api nafsu syahwat dengan air kepasrahan diri, Nabi Ibrahim adalah seorang Rasul dalam dirinya terdapat kasih sayang dan cinta kepada Allah swt dalam segala perkara.

Kehidupan Rasul kita yang paling agung – sebagai suri tauladan dan manusia paling mulia – Rasulullah saw adalah contoh dan suri tauladan yang memperlihatkan etika penunaian janji daripada awal hidupnya sehingga wafat. Apabila Allah swt memerintahkan Rasulullah saw untuk menaklukan Makkah –tempat yang penuh berkat dan kesucian serta tempat kelahiran dan rumah Rasulullah saw selepas fathu Makkah (penaklukkan kota Makkah)- cahaya kewujudan Rasulullah saw selama bermukim lima belas hari di

Makkah menyebabkan sebahagian kaum anshar bersedih dan berduka cita akan hal itu, mereka mengira bahawa Rasulullah saw tidak akan pernah kembali lagi ke madinah bersama mereka, mereka mula membicarakan masalah ini dikalangan mereka, Semasa Rasulullah saw merasakan kerisauan dan kegelisahan yang menyelimuti kaum anshar, Nabi saw mengumpulkan mereka dan bertanya: "Apa yang kalian bicarakan?" selepas baginda saw mengetahui apa yang menjadi kegelisahan dan kesedihan mereka Nabi saw ingin memberikan mereka sebuah contoh dalam penunaian janji lalu bersabda:

"Sesungguhnya aku adalah hamba Allah swt dan Rasul-Nya, aku berhijrah kepada Allah swt dan kepada kalian, maka kehidupan adalah kehidupan kalian dan kematian adalah kematian kalian" (HR. Muslim, Al-Jihad, 86, Ahmad Ibn Hambali, Musnad, Juz.11, 538)

Rasulullah saw telah mengulangi penunaian janji ini sekali lagi semasa menaiki mimbar masjid untuk yang terakhir kali dalam keadaan sakit yang mendekati ajalnya, Baginda saw berpidato di hadapan kaum muhajirin dan berpesan akan hak kaum anshar lalu bersabda:

"Aku berpesan kepada kalian tentang anshar, mereka seperti keluargaku cela mereka adalah celaku, kalian telah melaksanakan bagi mereka, dan menetapkan kepunyaan mereka, maka dekatilah orang yang berbuat baik kepada mereka , dan cegahlah orang yang berbuat buruk kepada mereka". (HR. Bukhori, manaqibu al-alshar,11)

Sebagaimana diketahui bahawa para Nabi adalah pembawa risalah yang memberi petunjuk bagi umat manusia, dan di antara petunjuk yang mereka sampaikan adalah makna yang terkandung pada penunaian janji. Agar menjadi hamba yang mendapatkan cinta Ilahi kita mesti menempatkan dan mendidik hati kita pada norma-norma dan ketentuan-ketentuan yang diletakkan oleh Rasulullah saw – penuntun kita – pada undang-undang etika dalam masalah penunaian

janji. Dan mungkin kita dapat mengira ketentuan-ketentuan tersebut sebagai berikut : -

1-*Penunaian janji kepada Allah swt Tuhan semesta alam* :

Sesungguhnya cinta dan penunaian janji pertama –yang menjadi intipatinya– adalah kepada Allah swt, kerana Allah swt telah mengambil kesaksian pada jiwa-jiwa yang di ciptakan-Nya dahulu kala "pada hari penciptaan" Allah berfirman pada jiwa-jiwa itu:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan dari sulbi (tulang belakang) anak cucu Adam keturunan mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap ruh mereka (seraya berfirman),"Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab, "Betul (Engkau Tuhan kami), kami bersaksi." (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan, "Sesungguhnya ketika itu kami lengah terhadap ini." (QS. Al-A'raf:172)

Kesaksian ini adalah perjanjian yang mengatakan ketuhanan Sang Pencipta Allah Azza Wajalla, dan kerelaan akan penghambaan manusia kepada-Nya. Sesiapa yang menerima keadaan ini maka akan menunjukkan kepercayaan dan keikhlasan dalam kesaksian ini, serta menjadikan penghambaanya terus berkelanjutan dalam bentuk yang paling indah sepanjang hidupnya.

Kerana kesaksian akan keesaan Allah swt tidak cukup hanya dengan keikhlasan dan penunaian janji. Namun terdapat sejumlah kewajiban-kewajiban hati dan fikiran yang di bangun oleh kerelaaan ini, kewajiban-kewajiban ini adalah melaksanakan perintah Allah swt dan menjauhi larangan-Nya.

Dalam keadaan seperti itu sesungguhnya penunaian janji kepada Allah swt hanya dapat di jalankan dengan melaksanakan segala perintah-Nya. Penunaian janji ini adalah perasaan tertinggi dan semua perbuatan yang berhubungkait dengan-Nya.

Kerana Sang Pencipta, Pemberi kehidupan, yang Satu dan kekal abadi adalah Allah swt maka kehidupan dan kematian kita berada di tangan-Nya, dalam hal ini sesungguhnya cinta yang besar kepada Allah swt diungkapkan dengan jiwa yang sentiasa berhubungan dengan-Nya, kerana itu, bingkai cakrawala paling agung dalam penghambaan adalah penunaian hutang. Para penyihir yang disalib oleh Fir'aun di batang pokok kurma, dan di potong kaki serta tangan mereka kerana menentangnya dan beriman kepada Allah swt , mereka tidak berkata : Wahai Tuhan kami selamatkan dan bebaskanlah kami daripada bencana ini, dan berikanlah kami ketenangan dan keselamatan, namun sungguh besar pemenuhan penghambaan yang di ucapkan oleh lisan mereka ketika berkata:

Ya Tuhan kami, lim pahkanlah kesabaran kepada kami dan matikanlah kami dalam keadaan muslim (berserah diri kepada-Mu)". (QS. Al-A'raf:126)

Kerana itu Sang Pencipta yang Maha Agung memberikan balasan yang besar kepada orang-orang yang dalam hidupnya memberikan contoh penunaian janji dan kasih sayang seperti mereka, Allah swt berfirman kepada mereka:

Agar Allah memberikan balasan kepada orang-orang yang benar itu kerana kebenarannya, dan mengazab orang munafik sekiranya Dia kehendaki, atau menerima tubat mereka. Sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang. (QS. Al-Ahzab: 24)

Adapun dalam ayat Al-Qur'an lainnya Allah swt telah memuji orang-orang beriman yang menunaikan janji dan berfirman tentang mereka:

Di antara orang-orang mukmin itu ada orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah. Dan di antara mereka ada yang gugur , dan di anatara mereka ada (pula) yang menung-

gu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak mengubah (janjinya). (QS. Al-Ahzab:23)

Di sebabkan kerana perkataan itu *Maulana* Jalaluddin Ar-Rumi –semoga Allah swt merahmatinya– memanggil orang yang berakal, berfikir dan memiliki hati yang suci, ia berbicara dalam bentuk kiasan tentang penunaian janji kepada Allah swt dan bersabar atas ujian dan cubaan di dunia fana ini dan berkata: "Wahai orang yang bersedih hati! Sampai kapan kamu akan meminta bantuan daripada keadaan yang sangat sejuk? Wahai orang yang bersedih hati! Apakah layak bagimu membicarakan kesia-siaan tanpa henti? Sekiranya hatimu benar-benar tertambat pada Allah swt dan mempercayai-Nya, maka bukalah matamu dan bersyukurlah kepada-Nya serta berbicaralah tentang penunaian janji. Tinggalkanlah duri dan berbicaralah tentang bunga. Jangan berpaling pada karakter bungamu khasnya pada batang dan akarnya, dan lihatlah pada bunga itu sendiri, maka mengapa kamu di sibukkan oleh dunia fana ini? Bukankah tempat yang ingin kamu capai berada di belakang dunia ini?".

Demikian juga sebagaimana yang telah di terangkan *Maulana* Jalaluddin – semoga Allah swt merahmatinya– sesungguhnya hasil daripada kelalaian dan tiada penunaian janji serta mengejar cinta yang fana dan sementara adalah kerugian yang nyata. Kerana itu Allah swt memperingatkan hamba-Nya dari kejatuhan yang disebabkan kelalaian ini, Allah swt berfirman kepada hamba-Nya:

Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, sehingga Allah menjadikan mereka lupa akan diri sendiri. Mereka itulah orang-orang fasik. (QS. Al-Hasyr)

Dan Allah swt juga berfirman:

Dan barang siapa berpaling dari peringatan-Ku, maka sungguh, dia akan menjalani kehidupan yang sempit, dan Kami akan

mengumpulkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta. Dia berkata, "Ya Tuhanku, mengapa Engkau kumpulkan aku dalam keadaan buta, padahal dahulu aku dapat melihat?".Dia (Allah) berfirman:"Demikianlah, dahulu telah datang kepadamu ayat-ayat Kami, dan kamu mengabaikannya, jadi begitu (pula) pada hari ini kamu diabaikan".(QS. Taha:124-126)

Dan demikian pula barang siapa yang memperlihatkan penunaian janji kepada Allah swt Tuhan semesta alam di dunia yang fana ini, maka Allah swt akan memperlihatkan penunaian janji pula di akhirat kelak, kerana penunaian janji yang paling tinggi darjahnya dan paling besar hanya milik Allah swt semata. Allah swt telah menjelaskan ciri-ciri orang yang menunaikan janji pada-Nya dalam firmanNya:

Ertinya:Dan sekiranya mereka bertubat, melaksanakan solat, dan menunaikan zakat, maka (bererti mereka itu) adalah saudara-saudaramu seagama. Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi orang-orang yang mengetahui. (QS. At-Taubah: 11)

Meskipun Allah swt telah menyebutkan sifat-sifat orang yang menunaikan janji, namun masih banyak orang yang berbuat sebaliknya, mereka tenggelam dalam kelalaian di dunia dan melupakan Tuhan mereka. kelak pada hari kiamat, hari yang sangat susah dan menakutkan, pada hari itu manusia memerlukan amal baik sekecil apapun, bahkan mereka sangat memerlukan huluran bantuan daripada orang lain walaupun ia jual dengan nilai yang sangat mahal, bagi mereka yang telah menunaikan janjinya pada Sang Khaliq wajah mereka berseri-seri adapun orang yang lalai akan penunaian itu maka kerugian dan kesengsaraan lah yang menimpa mereka.

Kerana penunaian janji adalah sifat yang dicari dan diminta dalam setiap urusan dan ia bagian paling asas dari nilai penghambaan

seorang manusia kepada Allah swt, kerana balasan dari penunaian janji seorang hamba adalah penunaian janji dari Allah swt.

Sungguh indah makna kalimat yang diungkapkan oleh *Maulana* Jalaluddin Ar-Rumi – semoga Allah swt merahmatinya –semasa berkata: “Sesungguhnya segala urusan seperti cinta dan kasih sayang semuanya berhubungan dengan penunaian janji. Maka carilah sentiasa orWang yang memenuhi janjinya. Dan jangan mendekati hati pengkhianat yang tidak mengetahui penunaian janji dan keikhlasan untuk selamanya”.

Dalam suatu ungkapan pena mengatakan “Penunaian janji balasannya adalah penunaian janji, kesia-siaan balasannya adalah kesia-siaan” kemudian keringlah tinta pena itu.

“Pemimpin manapun diana kan memotong kepala seseorang yang berkhianat padanya meskipun orang itu adalah anaknya sendiri, akan tetapi apabila orang tersebut menepati janjinya maka sang pemimpin akan bertepuk tangan padanya sambil berkata: “semoga anda berumur panjang”. Bahkan ratusan menterinya pun tidak mungkin mendapatkan kehormatan seperti apa yang telah dipersembahkan sultan bagi orang yang menepati.

“Bahkan sampai seekor anjingpun sekiranya ia mematuhi kehendak tuannya dan mengikuti perintahnya maka akan muncul di hati rasa senang dan kebahagiaan terhadap anjing itu, dan pemilik anjing pun tidak segan untuk mengajaknya bermain-main. Kerana kepatuhan dan ketaatan anjing kepada tuannya merupakan gambaran dari sifat penunaian janji.

2-*Penunaian janji kepada Rasulullah saw*

Sesungguhnya kewajiban penunaian janji tertinggi selepas Allah swt adalah penunaian janji kepada manusia paling sempurna iaitu Rasulullah saw. Penunaian janji kepada Rasulullah saw ini

dikeranakan bagi beliau umatnya adalah hal terpenting baginya. Beliau merendahkan diri kepada Allah swt meminta agar umatnya tidak diazab didunia sebagaimana umat-umat sebelumnya: “Umatku….Umatku”.

Penunaian janji ini bermula dengan rasa cinta dan kasih sayang mendalam kepada syakhsiah Rasulullah saw serta mengamalkan bentuk sunah-sunahnya dalam keseharian. Beilau adalah jalan penyambung uma manusia kepada Sang Khaliq, dial ah satu-satunya lamput pelita yang menerangi dan membimbing manusia dalam mengharungi kehidupan di dunia mahupun akhirat, serta menunjukkan jalan menuju kebahagiaan yang abadi. Sungguh banyak contoh pada hadith-hadith yang menerangkan dan menceritakan penunaian janji kepada Rasulullah saw dan balasan atas penunaian janji tersebut.

Semasa keadaan berbalik pada perang uhud –yang sebelumnya umat muslim hampir menang terhadap kaum musyrikin- orang-orang musyrik menyerang Rasulullah saw dengan seluruh kekuatan mereka dan bermaksud untuk membunuh beliau yang akhirnya menyebabkan gigi beliau tanggal. Dalam peperangan besar itu di samping Rasulullah saw adalah para sahabat yang mulia setiap orang daripada mereka ingin mengorbankan jiwanya sebagai tebusan dan pengorbanan – yang tidak dapat di gambarkan bagaimana besarnya pengorbanan jiwa para sahabat– sebahagian dari mereka menjadikan badannya sebagai perisai untuk melindungi Rasulullah saw, sebahagian lainnya menghalangi anak panah yang akan mengenai Rasulullah saw dengan tangannya, dan sebahagian lainnya menyerang musuh dan berusaha untuk mencerai-beraikan mereka. Pada hari itu Sa’ad bin Abi Waqash ra – yang di kisahkan bahawa ia melemparkan seribu anak panah kepada musyrikin – dia berada di samping Rasulullah saw dan memberikan tanda-tanda pengorbanan dan penebusan yang besar. Sampai Rasulullah saw meneriakkan ke-

padanya ungkapan terima kasih –atas tebusan dan pengorbanannya– dan berkata : "lemparkanlah anak panahmu wahai Sa'ad tebusanmu adalah ayah dan ibuku".

Sampai Ali ra berkata*:"Aku belum pernah melihat Rasulullah saw berkorban pada seorang lelaki selepas Sa'id, aku mendengar Rasulullah saw berkata:"Lemparkanlah anak panahmu tebusanmu adalah ayah dan ibuku". (HR. Bukhori, Al-Jihad, 80, Muslim, Fadhail Shahabah,41)*

Contoh lainnya iaitu semasa Rasulullah saw mengutus Utsman ra pada hari Hudaibiyyah untuk pergi ke Makkah. Utsman ra memaklumkan kaum musyrikin bahawa kaum muslimin berniat untuk melaksanakan umrah namun mereka tidak mengizinkan kaum muslimin untuk umrah pada tahun itu. Mereka berkata kepada *sayyidina* Utsman ra : Sekiranya kamu ingin melaksanakan tawaf di Ka'bah sekarang, lakukanlah!.

Sahabat Utsman ra merupakan salah satu orang yang rela menjual jiwanya kepada Allah saw dan Rasul-Nya, dia berkata: aku tidak akan tawaf selama Rasulullah saw belum tawaf di ka'bah, aku hanya ingin mengunjungi rumah Allah swt berada di belakang Rasulullah saw dan aku tidak akan berada di tempat yang belum diperintahkan oleh Rasulullah saw. Maka dengan ini kaum musyrikin mengetahui akan kecintaan dan keikhlasan Utsman ra kepada baginda saw.

Sementara itu pada masa yang sama –ketika Uthman ra masih dalam utusan Nabi- Rasulullah saw menerima ba'iah para sahabat disebabkan keadaan yang berkembang di sekeliling mereka. Di akhir ba'iah Utsman ra belum hadir, dan di keranakan ini Rasulullah saw meletakkan tangan yang satu atas tangan lainnya dan berkata*:"Ini tangan Utsman ra, Ya Allah swt ini adalah bai'ah Utsman. (HR. Ahmad, Juz.4, 324, Ibnu Sa'id, Juz.2, 97, Al-Waqidi, Juz.20, 600-602, Al-Bukhori, Ashabu Nabi, 7, At-Tirmizi, Al-Manaqib, 18)*

Ini adalah belas kasih Nabi saw yang di perlihatkan kepada *Sayyidina* Utsman ra dan meliputi seluruh umat dengan syarat agar mereka menghiasi dirinya dengan keikhlasan, kecintaan, dan penunaian janji sebagaimana yang di lakukan oleh Utsman ra. Kita juga dapat merasakan bersama-sama satu hati dengan para sahabat yang ada di baiah ridhwan dengan cara menunaikan janji dalam hati kita, dan kita juga mampu mendapatkan berita gembira seperti yang di terangkan dalam al-qur'an:

Bahawa orang-orang yang berjanji setia kepadamu (Muhammad), sesungguhnya mereka hanya berjanji setia kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka, maka barang siapa melanggar janji, maka sesungguhnya dia melanggar atas (janji) sendiri, dan barang siapa menepati janjinya kepada Allah, maka Dia akan memberinya pahala yang besar. (QS. Al-Fath:10)

Agar kita dapat memperolehi khabar gembira ini maka jalan yang harus kita lalui adalah mencintai Rasulullah saw dengan mengikuti sunnah-sunnahnya dan menjadi orang-orang yang sentiasa memenuhi janji. Dalam Al-quran Allah swt telah menjelaskan cara untuk memenuhi janji pada baginda saw:

Nabi itu lebih utama bagi orang-orang mukmin di bandingkan diri mereka sendiri, dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu mereka. Orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak (waris-mewarisi) di dalam Kitab Allah daripada orang-orang mukmin dan orang-orang muhajirin, kecuali kalau kamu hendak berbuat baik kepada saudara-saudaramu (seagama). Demikianlah telah tertulis dalam (Kitab Allah). (QS. Al-Ahzab:6)

Dalam bingkai ayat di atas – yang menerangkan penunaian janji kepada Rasulullah saw– menjadikan para pecinta Nabi saw tergerak hatinya untuk menjaga semua amanah peninggalan beliau, bermula daripada rambut-rambut kecil yang tumbuh dijanggut bag-

inda, rambut kepala hingga kesan dari jejak kaki beliau. Semua itu bagi orang-orang yang merindukan Nabi ibarat mahkota raja yang mulia. Bahkan semua peninggalan beliau yang masih ada sehingga kesemasa kini, seperti baju burdah, tongkat, pedang, panah dan cincin beliau dikelilingi oleh rasa kerinduan yang mendalam terhadapnya.

Umat Islam telah menemukan segala sesuatu yang menempel pada syaksiah Rasulullah saw bahawa beliau adalah “amanat suci” yang harus dijaga. Di dunia ini pemeliharaan, kemuliaan dan penunaian janji yang ditunjukkan oleh daulah Uthmaniah adalah di antara nota sejarah umat Islam yang banyak diperbincangkan. Sehingga sebahagian pemikir mengkaitkan antara kekuasaan dan kejayaan daulah Uthmaniah -yang agung dan disegani selama enam abad- dengan penghormatan mereka dalam menjaga peninggalan yang suci[24]. Setiap benda daripada peninggalan suci tersebut meninggalkan sisa kenangan yang berharga bagi umat Islam. Semua itu dikeranakan selama kepemimpinan daulah Uthman mereka berpegang teguh pada al-qur’an dan sunnah Nabi.

3- *Penunaian janji kepada para pembesar Islam:*

Setiap orang beriman hendaklah memenuhi hati mereka dengan perasaan penunaian janji kepada para pembesar Islam, merekalah yang menyampaikan perintah dan larangan Rasulullah saw serta akhlaknya yang mulia kepada kita, dan mereka adalah penyuluh keluhuran dan kemuliaan yang menerangi dunia dan akhirat kita. Masyarakat Islam harus mengikuti jejak mereka dengan ajaran, didikan dan bimbingan darinya, kita mesti melangkah ke hadapan

24. ( ) peninggalan suci ini dijaga di bawah pengawasan dan perlindungan khas di museum Tub Qabi di Istambul yang telah dijaga lebih dari empat ratus tahun. Para huffaz (penghafal quran) sentiasa membaca al-qur’an dengan bergantian pada malam dan siang hari tanpa henti (Duz Adam Aqin)

dengan menghias diri dengan unsur-unsur ruhani mereka. Oleh itu manusia berkata: "kematian ulama adalah kematian umat". Dari segi lain Allah swt telah berfirman dalam kitab-Nya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan bersamalah kamu dengan orang-orang yang benar. (QS. At-Taubah:119)

Sebahagian ahli tafsir menafsirkan bahawa kalimat '*as-sadiqiin'(orang-orang yang benar)* yang di sebutkan dalam al-qur'an adalah orang-orang yang memenuhi janji dan para sahabatnya. Ayat di atas menyuruh kita agar menjadi orang-orang yang menepati janji di jalan keimanan dan Islam agar kita mendapatkan keselamatan di dunia dan akhirat.

4- *Penunaian janji kepada kedua orang tua dan keluarga:*

Sesungguhnya hak orang tua merupakan perkara yang harus di ketahui dan sangat banyak sekali. Kerana mengabdi, menghormati dan berbicara baik kepada mereka adalah hutang terbesar yang harus dipenuhi anak kepada orang tua mereka khususnya ketika mereka sudah tua dan lanjut usia. Kerana itu Al-Qur'an menyebutkan cinta dan pengabdian kepada orang tua berada pada tingkatan selepas iman dan ibadah kepada Allah swt, sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Qur'an:

Ertinya:Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu-bapak. Sekiranya salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali jangalah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah engkau membentak keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik. Dan rendahkanlah dirimu terhadap keduanya dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah,

"Wahai Tuhanku! Sayangilah keduanya sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku pada waktu kecil." (QS. Al-Isra':23-24)

Kehidupan Nabi saw dipenuhi dengan banyak contoh dan suri tauladan dalam etika menunaikan janji, semasa Fatimah binti Asad bin Hasyim ibu daripada Ali ra meninggal – seorang wanita yang telah mengasuh Rasulullah saw pada masa mudanya, bahkan baginda saw menganggapnya seperti ibunya sendiri – Rasulullah saw memasuki rumahnya dan duduk di dekat kepalanya seraya berkata:

"Semoga Allah swt mengasihimu wahai ibuku, kamu adalah ibu selepas ibuku, ketika kamu lapar kamu mengeyangkanku, ketika tidak memiliki baju kamu memberiku pakaian, ketika kamu mencegah dirimu dari kenikmatan kamu memberiku makan, itu semua kerana kamu menginginkan keredaan Allah swt dan akhirat".

Kemudian Rasulullah saw memerintahkan agar jenazahnya dimandikan tiga kali, apabila sampai pada air yang di dalamnya wewangian atau kapur barus Rasulullah saw mengalirkannya dengan tangannya sendiri, seterusnya baginda saw melepaskan pakaian yang dipakainya dan memakaikannya kepada jenazah Fatimah binti Asad seterusnya mengkafaninya dengan kain di atasnya. Kemudian Rasulullah saw memanggil Usamah Ibn Zaid, Abu Ayyub Al-Anshari, Umar Ibn Khattab, dan seorang pemuda berkulit hitam agar menggali tanah untuk pemakamannya, ketika mereka sampai pada liang lahat, Rasulullah saw menggalinya dan mengeluarkan tanah dengan tangannya sendiri. Apabila sudah selesai Rasulululllah saw masuk dan berbaring di dalam liang lahat tersebut sambil berdo'a:

"Ya Allah, tuhan pemberi kehidupan dan kematian, yang hidup kekal dan tidak akan pernah mati, ampunilah dosa ibuku Fatimah Bintu Asad, dan tuntunlah ia dalam berhujjah, serta lapangkanlah jalan masuknya dengan kebenaran Nabi-Mu dan para Nabi-Nabi

sebelumku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha penyayang dari-pada para penyayang".

Kemudian Rasulullah saw bertakbir empat kali untuknya, set-erusnya beliau beserta Abbas ra dan Abu Bakar ra memasukkan jenazahnya ke dalam liang lahat". (HR. Thabrani, Al-Mu'jam Al-Kabir, Juz.24, 153-352)

Dalam kehidupan Rasulullah saw dipenuhi dengan contoh dan suri tauladan yang banyak sekali –yang tidak mungkin kita menca-painya sampai hal terkecil – dalam menunaikan janji, semua per-kataan dan perbuatanya akan sentiasa menjadi pelajaran dalam keu-tamaan bagi seluruh umat manusia.

Misalnya selepas selesai dari perang Hunain datanglah utusan daripada kabilah Hawazin kepada Rasulullah saw –selepas mereka masuk Islam– dan meminta Rasulullah saw untuk membebaskan tawanan perang mereka. Seterusnya berdirilah pembicara mereka dan berkata: Wahai Rasulullah saw sesungguhnya di antara para tawanan perang terdapat bibi-bibimu dan saudara perempuan se-susumu yang telah mengasuhmu di masa kecil. Semasa itu Rasu-lullah saw berkata dengan perasaan yang dipenuhi oleh penunaian janji yang besar: *"Adapun kepunyaanku dan kepunyaan bani Ab-dul Muthalib adalah mikik kalian juga".* Lalu para sahabat berkata: *dengan senang hati agar bisa mengambil bagian dari keutamaan yang sama dalam penunaian janji: apa yang menjadi milik kami adalah kepunyaan Rasulullah saw (HR. Ahmad, Juz.2, 184)*

Demikianlah pada hari itu juga Rasulullah saw membebaskan enam ratus tawanan perang tanpa sebarang tebusan apapun. Dan se-luruh kabilah Hawazin akhirnya masuk Islam selepas melihat keuta-maan dan kearifan yang terpancar daripada baginda saw.

Bersama orangtua muncullah rasa cinta kepada keluarga dan juga orang-orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan kerana pernikahan dengan kita serta penunaian janji yang berupa hak bagi mereka. Persaudaran terbahagi kepada dua macam : yang pertama adalah saudara seiman dan keutamaan dalam erti umum, sedangkan yang kedua adalah saudara khas iaitu saudara sedarah dan seketurunan. Saudara dekat ini sama dengan "Keluarga" dalam penjelasan al-qur'an, dan mengunjungi mereka disebut dengan *"Silaturahmi"*. Memutuskan hubungan kekeluargaan adalah perbuatan yang mencerminkan perangai buruk dan dosa besar. Maka dari itu dikatakan : "Tidak dirahmati suatu majlis apabila di dalamnya terdapat orang yang memutuskan hubungan silaturahmi".

Agama kita yang suci dan lurus telah memerintahkan pemeluknya agar menjaga hak-hak kerabat dengan sebaik-baiknya samada yang dekat mahupun yang jauh serta menjaga hubungan silaturahmi terhadap mereka. Islam menganjurkan perkara ini sebagai tugas wajib kehidupan.

Sesungguhnya fenomena daripada pernyataan hubungan keluarga melalui perkahwinan dan pembinaan keluarga merupakan bukti daripada kekuasaan Allah swt yang besar dan menakjubkan. Hal Itu kerana orang-orang asing –yang pada mulanya tidak saling mengenali- saling berdekatan satu sama lain bersatu dalam naungan pernikahan, ikatan dan hubungan kekeluargaan yang akhirnya membentuk suatu jaringan seperti ranting daripada cinta dalam keluarga. Itu semua merupakan kemurahan dan kasih sayang Allah swt kepada kita.

Memutus hubungan tali keluarga adalah perbuatan yang sangat buruk dan dikecam oleh agama. Manusia meskipun mempunyai perangai dan perwatakan berbeza-beza akan tetapi sesungguhnya mereka berkumpul dalam satu ayah dan ibu iaitu Adam as dan

Hawa as. Dan tentunya rasa penunaian janji yang dibina di atas kebahagiaan iman dan takwa akan melahirkan hubungan persaudaraan dan kekerabatan.

Sesungguhnya kebahagiaan dunia dikuatkan dan dikokohkan oleh hubungan persaudaraan dan kekeluargaan yang berasaskan norma Islam. Keikhlasan dan penunaian janji di dunia ini –yang menjadikan keikhlasan ini terus berkelanjutan– keduanya adalah kebahagiaan di akhirat. Bukanlah orang yang berhak mendapatkan penunaian janji daripada kita adalah orang-orang telah kami sebutkan sahaja, akan tetapi kita harus menempatkan penunaian janji dalam hati kepada semua orang, teman, saudara seagama bahkan kepada orang-orang yang tidak seiman. Darisegi lain penunaian janji juga diberikan kepada datuk-datuk kita terdahulu, pada manusia yang masih hidup mahupun yang sudah meninggal dan juga pada negara. Penunaian janji dalam berbakti menjaga amanah dalam masyarakat merupakan ciri sifat personaliti yang telah mencapai darjah tertinggi daripada ilmu, pengetahuan dan akhlak.

Sebagaimana di ketahui bahawa rasa penunaian janji dan ketakwaan yang tertambat pada hati seorang hamba ia tidak rela dirinya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditentukan Allah swt begitu juga dengan menghancurkan benteng cinta yang kokoh pada-Nya. Sebaliknya bagi jiwa yang hatinya tenggelam dalam nafsu dan syahwat dunia –yang akhirnya membawanya ke dalam jurang kemunafikan dan kelalaian- ia sentiasa berada dalam rawa-rawa yang jauh daripada kedalaman cinta ilahi.

Sebab kebinasaan suatu kaum terdahulu dengan datangnya melapetaka secara tiba-tiba adalah kerana keingkaran mereka tidak memenuhi janji dengan mengabaikan perintah dan ayat-ayat Allah swt.

Apabila mereka diharuskan untuk menepati janji dan ikhlas dalam menunaikannya kepada Allah swt serta membayar hak orang lain, mereka tidak memerhatikan perintah itu. Demikianlah ilmu akan menjadi penyebab kebinasaan seseorang sekiranya ia dicegah daripada pengetahuan yang mendalam dan ketundukan kepada Allah swt. Ini adalah suatu pelajaran yang harus dipetik bagi orang-orang yang melihat keadaan mereka, juga bagi umat selepasnya. Ia juga menjadi nasihat, peringatan serta petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa, Allah swt berfirman dalam al-qur'an:

Ertinya: Dan Kami tidak mendapati kebanyakan mereka memenuhi janji. Sebaliknya yang Kami dapati kebanyakan mereka adalah orang-orang yang benar-benar fasik. *(QS. Al-A'raf:102)*

Sungguh indah kisah yang diceritakan oleh penyair Farid Ad-din Al-Ithar, sebuah kisah yang mengambarkan keadaan orang-orang yang lalai akan nikmat yang telah Allah swt anugerahkan kepada mereka, serta menunjukkan bagaimana pengkhianatan mereka terhadap janji disebabkan hawa nafsu dan kecenderungan syahwat yang hina. Farid berkata: "Suatu masa seorang sultan memiliki anjing pemburu yang dipeliharanya, anjing itu sangat mahir dan pintar dalam hal berburu, dan Sultan sangat menyukainya. Setiap kali sultan keluar untuk berburu ia sentiasa ditemani oleh anjing itu, Sultan menghiasi lehernya dengan permata dan memakaikan gelang pada kakinya yang terbuat dari pada emas dan perak.

Suatu hari Sultan keluar untuk berburu bersama beberapa pembesar istananya serta ditemani pula oleh anjing itu, seterusnya Sultan menjalankan kudanya dengan tenang sambil memegang tali yang mengikat leher anjingnya yang terbuat daripada besi. Pada hari itu Sultan sangat bahagia sekali, namun ia melihat sesuatu yang tiba-tiba menghilangkan kebahagiaanya dengan cepat, anjing yang

sangat dia cintai tiba-tiba tidak lagi patuh terhadap sultan dan ia lebih senang dengan perkara lain.

Apabila sultan yang bersedih hati itu hendak menarik anjing-nya, ia menolak dengan pembangkangan yang sangat keras, anjing itu tetap sibuk dengan menggigit sepotong tulang di hadapannya. Melihat perilaku anjingnya itu Sultan berteriak dalam perasaan antara bingung dan marah: bagaimana mungkin kamu melupakanku sedangkan kamu bersamaku dan kamu sibuk dengan yang lain, ba-gaimana ini boleh berlaku?

Sultan merasa sedih dan berduka di atas pengkhianatan an-jingnya dan tiada penunaian janjinya. Sultan tidak mau menerima apa pun alasannya dan tidak terungkap sedikitpun di hatinya untuk memaafkan anjingnya itu. Bukankah melalaikan sultan yang telah memuliakan, berbuat baik dan sangat menyukainya tiba-tiba dibalas dengan sepotong tulang yang kecil, ini adalah sesuatu yang tidak da-pat dimaafkan kerana perbuatan anjing ini telah melukai hati sultan iaitu tidak memenuhi janji.

Sultan berkata dengan marah: “kosongkanlah jalan bagi yang tidak berakhlak seperti ini”. Anjing itu mengerti erti dari kebingun-gan yang tampak daripada raut muka sultan. Namun itu semua di luar kemampuannya untuk melakukan sesuatu. Dan tidak ada apap-un yang dapat di perbuat kepada sultan. Orang-orang yang berada disekelilingnya melihat kearah sultan dan berkata: “Wahai Sultan bukankah sebaiknya kita mengambil emas permata darinya dan membiarkannya berlalu dan pergi. Sultan menolaknya dan berkata: “Tidak, biarkanlah ia pergi dalam keadaan seperti itu” lalu sultan berkata lagi “Biarkanlah ia pergi seperti ini supaya berada dalam keterasingan, kelaparan dan kehausan di padang pasir yang hampa dan panas, biarkanlah ia melihat emas permata yang mengelilingi

tubuhnya serta merasakan hilangnya kemuliaan dan kebaikan yang sebelumnya didapat dariku”.

Alangkah indah pelajaran yang dapat dipetik dari kisah tersebut yang menggambarkan sekiranya seseorang yang tidak memenuhi janji dan mengabaikannya serta tidak menyedari sungguh besar nilai dan kurnia nikmat yang Allah berikan padanya yang tidak terhingga dan terhitung, ia lebih mencintai sesuatu yang nilainya rendah, hina yang pada akhirnya menyebabkannya terjerumus pada lembah kebinasaan. Manusia yang tergelincir dalam keadaan seperti itu –selepas mendapatkan pelbagai nikmat dari Alla swt- akan melihatnya bahawa semua kesenangan bersifat fana, kosong dan hina akan tetapi semuanya telah sirna.

Muaulana Jalaluddin Ar-Rumi –semoga Allah swt merahmatinya– berkata : *“Sekiranya pengkhianatan adalah cacian dan hinaan sampai pada seekor anjing maka bagaimana kamu rela sebagai manusia untuk memperlihatkan pengkhianatan dan tidak memenuhi janji seperti ini”.*

Oleh kerana itu sesungguhnya para pembesar Islam terdahulu berteriak kepada setiap orang yang melalui jalan dan berkata: “Ambillah pelajaran semampumu daripada keadaan orang-orang yang lalai, dan juga orang-orang saleh. Dan jadilah hamba yang memenuhi janji kepada Allah swt”. Benar, inti permasalahannya iaitu: ”Supaya kamu menjadi hamba yang memenuhi janji”.

Maka hendaklah kita bersyukur kepada Allah swt dengan syukur yang tiada henti yang telah memberikan kita kemuliaan dan kehormatan kerana beberapa tahun kita dapat dekat dengan hamba yang memenuhi janji dia adalah Ayah kita yang terhormat Musa Afandi – semoga Allah swtmerahmatinya – personaliti yang mulia ini telah berpulang ke rahmatullah pada tanggal 16-7-1999 M dan dimakamkan di pemakaman “Padang pasir baru” di Istanbul.

Orang tua dan guru kita ini adalah contoh sempurna pada zaman kita contoh daripada Abu Bakar As-Sidiq ra dari segi tabiat, penunaian janji dan budi pekerti, dia dikenali di antara para pecintanya bahawa ia adalah " orang yang memenuhi janji". Ungkapan ini tidak diragukan dan tidak dsandarkan pada orang besar seperti ini tanpa sebab, kerana kekasih kebenaran ini selama hidupnya adalah penjelmaan dan gambaran pengecualian dari penunaian janji dan kasih sayang, beliau adalah cakerawala dan samudera permata hati, matahari bagi hari-hari kita, bulan di waktu malam, pemimpin untuk istiqamah dan panutan bagi orang-orang bijak.

Dalam hatinya terkumpul semua tanda-tanda penunaian janji yang telah kami sebutkan dari awal sampai akhir. Oleh sebab itu ia seperti kuntum bunga yang merekah dan berhak untuk mendapatkan gelar dan sebutan "orang yang memenuhi janji". Meskipun sudah lama selepas pemergiannya, namun masa tidak akan dapat membalut luka perpisahan di hati kita. Bahkan sebaliknya luka itu akan semakin bertambah besar dan besar, kerana kelapangan hatinya yang di hiasi oleh penunaian janji –yang tidak dapat digambarkan–. Beliau adalah personaliti yang penuh kasih sayang dan sentiasa berhubungan dengan kita, serta tempat yang tiada duanya bagi cinta dan kasih sayang.

Semasa Allah swt menghendaki diri-Nya untuk melayani seorang hamba dengan palayanan mulia maka Ia akan menjadikan hamba tersebut sebagai hamba yang layak ke atas perbuatan tersebut. Demikian pula apabila ditinjau dari segi ini kita menemukan bahawa kesempurnaan lahir dan batin telah tercermin dalam kepribadian Musa Tubasy Afandi di setiap segi kehidupannya. Apabila beliau diminta untuk menghuraikan tentang peristiwa-peristiwa yang sulit maka beliau akan memberitahukannya dengan firasat, kepandaian dan perasaan yang mendalam sampai hal terkecil dengan rinci.

Bagai bunga mawar yang langka, bunga teluki, bunga narsis, dan mayang-mayang yang masih dalam seludang –yang terbentang di serambi dan taman penunaian janji– itu semua adalah keindahan yang menghijaukan taman-taman hati yang tidak akan pernah layu. Beliau - Musa Tubasy Afandi- adalah syaksiah yang dipenuhi dengan ribuan perasaan dan keindahan seperti cinta kepada Allah swt dan berakhlak sesuait dengan Al-qur'an dan As-Sunnah serta menjaga peninggalan amanah yang diwariskan oleh para pembesar Islam seperti berinfak, pergaulan baik terhadap para kerabat, orang-orang yang di cintai, teman bahkan orang yang tidak beliau kenal. Kegigihan beliau berkhidmat dalam agama suci ini merupakan contoh dan tauladan yang baik bagi kita dalam melaksanakan kalimat yang diberikan Allah swt "pada hari ini bukankah Aku Tuhanmu? ".

Kita mungkin sangat kagum dan takjub terhadap keteguhan hati Musa Afandi –semoga Allah melimpahkan rahmat padanya- dalam menunaikan janji terhadap Allah dan hak-hak manusia yang tidak terkira banyaknya, beliau sangat peka terhadap orang-orang yang tidak berkemampuan, orang-orang tua dalam masyarakat yang ditelantarkan hidupnya dalam kesendirian sehingga menitiskan air mata yang disebabkan oleh kepedihan hidup, kefakiran dan kekurangan. Semua itu kerana kurangnya kesedaran orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Musa Afandi berkata kepada kita: "Pada dasarnya kita harus melindungi orang-orang miskin di dalam rumah kita. Akan tetapi ini di luar kemampuan kita. Dalam hal ini kita harus membangun rumah-rumah ketenangan bagi mereka".

Musa Afandi bersama beberapa sahabat dekatnya telah berjaya menuangkan gagasan baik ini. Kadang kala ia mengunjungi orang-orang asing dan miskin untuk mengetahui lebih dekat tentang keperluan dan permintaan mereka.

Hatinya terbentang dalam kasih sayang untuk membantu orang lain semasa mereka tersepit dalam kesusahan, bahkan beliau menyayangi kucing-kucing yang berada di taman dan setiap kucing ditaman itu diberinya nama yang sesuai dengan sifatnya, beliau menyayanginya dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang sebaimana kecintaan terhadap anak-anaknya.

Adapun penunaian janji yang beliau berikan untuk gurunya Sami Afandi – semoga Allah swt merahmatinya – begitu besar, hingga menjadi buah pembicaraan di daerahnya. Semasa hari-hari besar Islam tiba rumah pertama yang ia kunjungi adalah rumah gurunya Sama Afandi, bahkan haiwan yang pertama kali Musa Afandi kurbankan ia sumbangkan bagi pihak gurunya.

Musa Afandi kerap ber*tawasul* dengan pembacaan khataman al-qur'an bagi arwah gurunya. Setiap tahun yang paling membahagiakan hatinya yang memenuhi janji adalah ribuan khataman al-qur'an yang yang dibacakan para muridnya bagi arwah gurunya.

Kesimpulannya, Musa Afandi bagi kita ibarat sekolah dalam mempelajari cinta dan kasih sayang seperti Abu Bakar As-Sidiq ra dalam kehidupan, perbuatan dan tingkah laku – selama hidupnya – dalam hal: "Bagaimana kita melaksanakan penunaian janji terhadap orang yang kita cintai serta melaksanakannya?"

Dan semasa ini semua orang yang hatinya telah tertambat kepada ahli mahabbah (pemilik cinta dan kasih sayang) telah berubah menjadi sekuntum bunga nabawi yang bermekaran di taman penunaian janji yang dihijaukan oleh panutan dan pemilik cinta serta kasih sayang di dunia ini Nabi Muhammad saw.

Ya Allah kasihinilah kami semua. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang-orang saleh dan perbaikilah hati kami sebagaimana

keadaan "orang yang memenuhi janji" yang baik, anugerahilah perbuatan kami dengan kebenaran, keikhlasan dan jadikanlah kami semua penghuni syurga.

Ya Allah, Jadikanlah anak cucu kami –penyejuk mata yang membahagiakan hati– sebagai mahkota di atas kepala orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami semua orang-orang yang memenuhi janji kepada-Mu, Rasul-Mu, kedua orang tua, semua kerabat, orang-orang beriman, negara, umat, dan semua amanat-amanat lainnya. Dan jadikanlah hidup kami dalam lapangan keredhaan-Mu yang mulia di dunia dan akhirat. Aminn…

❁

Jadilah Teladan Bagi Orang-orang Beriman

Sesungguhnya para wali Allah swt telah menghilangkan kecenderungan hawa nafsu dalam diri mereka seperti terbakarnya kertas di bawah lensa (kerana pantulan dari sinar matahari). Hal itu dikeranakan mereka berada di bawah naungan kasih dan cintaNya. Demikianlah, hati dan perangai mereka yang dihiasi oleh keindahan cahaya ilahi menarik orang-orang untuk ingin selalu bersamanya, mereka ibarat lentera ilahi yang yang bersinar dengan cahaya yang menawan.

JADILAH TELADAN BAGI ORANG-ORANG BERIMAN

Sesungguhnya Allah swt telah membuka pintu bagi para hambanya untuk mencapai kebahagiaan abadi dengan menjadikan orang soleh dan orang yang Dia pilih –dengan hati yang jernih nan suci-sebagai pebimbing menuju jalan hidayah-Nya.

Pada fitrah manusia, sejatinya ia memiki hajat besar kepada syakhsiah yang dapat dijadikan panutan dan teladan. Dimana ia sangat memerlukan contoh praktek *(amaliah)* untuk menunjukkan manusia pada kebajikan dan kebenaran dalam mendidik jiwa melalui hati dan akalnya. Oleh kerana itu sesungguhnya Allah swt tidak hanya menurunkan Al-qur'an sahaja, tetapi juga mengutus seseorang pemilik akhlak dan pribadi yang mulia untuk memberi petunjuk kepada manusia agar meningggalkan segala perbuatan buruk dari setiap sisinya. Dan mereka itu adalah para Nabi, Allah swt telah memberikan kita sebaik- baiknya penerus Nabi iaitu para ulama' yang berjalan di atas syari'at Al-Quran dan As-Sunnah.

Musuh-musuh islam tidak akan mampu menilai kepribadian yang dimiliki oleh para Nabi dan auliya Allah dengan sifat yang buruk. Dengan ini, sesungguhnya kebanyakan dari manusia telah mengetahui letak kenyataan dan kebenaran, mereka para Nabi dan wali Allah telah dimuliakan dengan kemuliaan iman dalam hatinya.

Misalnya, para sahabat sahabat -yang mulia- sangat mengagumi akhlak kepribadian Rasulullah saw yang luhur seakan-akan beliau seperti Al-quran yang berjalan. Mereka beriman kepadanya, memuliakannya hingga ketika beliau berada diantara mereka, mereka

datang berbondong-bondong mengerumuninya seperti kupu-kupu yang berkumpul di bawah sinar cahaya. Sedangkan manusia yang berprilaku biadab seperti binatang liar yang telah membunuh anak perempuan mereka hidup-hidup berubah menjadi syakhsiah mulia yang berada di punca kejayaan dalam sejarah islam.

Dengan ini sesungguhnya sifat yang paling utama bagi orang beriman –yang sentiasa pada keimanan, keikhlasan,dan ketakwaan– adalah membina pribadi yang sesuai dengan etika dan perangai Nabi saw. Demikianlah, bahawa orang-orang mukmin diri mereka sentiasa dihiasi oleh sifat dan etika yang indah, sehingga setiap individu dari mereka dapat menjadi daya tarik menuju jalan hidayah bagi khalayak manusia.

Sedangkan orang-orang yang ingkar, mereka telah jenuh untuk memahami dan mengetahui pelbagai makna hidayah yang terkandung di dalamnya, mereka memperoleh ketenangan jiwa dalam menjauhi jalan hidayah dan keluar darinya. Seperti yang telah dikisahkan Maulana Jalaludiddin –yang dirahmati Allah swt- tentang kenyataan orang-orang yang ingkar pada hidayah ilahi:

" Di zaman yang mulia Abu Yazid al-busthami[25] ada seorang hamba penyembah api. Pada suatu hari seorang muslim berkata padanya dengan nada kasar "*Apa yang menghalangimu, seandainya kamu seorang muslim maka kamu akan selamat dan memperoleh kemuliaan serta darjat yang tinggi?!"*

Kemudian lelaki penyembah api itu menjawab *"tidak satupun dari kamu yang akan menunjukkan padaku jalan menuju keselamatan. Sesungguhnya aku percaya dengan iman Abu Yazid al-busthami. Tetapi aku tidak terang-terangan menyatakan imanku dan lidah-*

25. Peristirahatan (makam) beliau masih ada sampai sekarang, terletak di dekat kampung Celalan.

ku masih tersimpul seakan-akan ada segel kuat yang mencegahku untuk mengucapkan kalimatul haq (kalaimat yang benar). Sesungguhnya dalam diri lelaki itu terdapat kedalaman jiwa dan keindahan yang jernih dan jelas. Meskipun aku belum mempersembahkan hatiku seutuhnya kepada agama islam, tetapi aku dibuat takjub oleh keluhuran dan kemuliaan imannya. Dialah seseorang yang memiliki kepribadian berbeza dari orang lain, ia sangat lembut sifat dan jiwanya sehingga memberi kesan teladan mulia bagi orang lain.

Dan jika iman yang kamu serukan itu seperti imanmu sahaja dan tidak ada model iman yang lainnya maka tidak ada faedahnya bagiku dalam iman ini, oleh kerana itu aku tidak akan meneladani iman yang anda miliki. Jika ada seseorang yang memiliki niat dalam hatinya untuk beriman pada agama islam, tetapi dikeranakan kekerasan dan kekasaran perangai yang kamu miliki maka iman itu akan layu dan pudar serta terputuslah jalan menuju kesana. Selain itu, perlahan iman dalam hati orang tersebut semakin lemah kerana iman yang kamu miliki telah berubah menjadi sebuah kata yang tidak mengandung esensi islam, ia menjadi fenomena yang kering dan hampa dari roh islam. Keadaan seperti ini bukanlah permainan dan kesia-siaan, ibarat seseorang yang memandang luasnya padang pasir yang jauh dan terpisah dari tanah yang subur, yang ditumbuhi oleh pelbagai macam bunga, rerumputan serta pokok-pokok rendang yang berbuah.

Sedangkan cahaya iman dapat saya lihat -sebatas kemampuan yang saya miliki- pada iman Abu Yazid Al-Busthami, bahawa setitis atau secubis dari iman yang ia miliki dapat berubah menjadi lautan samudera. Sedangkan imanmu telah terbelenggu pada lahiriah badan dan kesombongan sahaja kerana ia terlepas dari esensinya. Iman yang tidak memiliki akar kuat ibarat seorang muadzin dengan suara buruk yang tidak memiliki roh dalam azannya, apabila ia mengumandangkan azan orang-orang tidaklah datang untuk men-

jawab seruannya melainkan mereka menjauhinya. Yakni apabila iman kamu memasuki sebuah taman mawar maka ia akan menjadi duri bagi bunga-bunga tersebut yang harus disingkirkan.

Akan tetapi cahaya iman yang dimiliki syeikh Abu Yazid Al-Busthami turun dari langit dan memberkati jiwanya yang terang. Seandainya cahaya iman itu bersinar di alam ini ia akan menjadi permata zamrud paling berharga yang berterusan sampai di akerat nanti. Sedangkan alam hati bagi orang-orang mukmin adalah sumber bagi cahaya keimanan. Oleh kerana itu sesungguhnya iman Abu Yazid dan ketulusannya memberikan kesan kerinduan, kecintaan dan kedalaman yang tidak dapat digambarkan ataupun dijelaskan dengan kata-kata di dalam jiwa dan hatiku."

Dengan kepribadiannya yang mulia, syakhsiah Abu Yazid Al-Busthami dapat mempengarohi hati seorang penyembah api, beliau adalah pelita bagi orang-orang yang ingin memeluk agama islam. Lalu dengan apa beliau –pecinta ilahi- membina kepribadiannya sehingga dapat menjadi teladan? Jawapannya adalah keterikatan hati dan rasa cinta yang disematkan kepada Sang Pencipta juga kepada Rasul-Nya serta makhluk-makhluk lainnya. Beliau menjadi cermin bagi rasa kasih sayang kepada semua makhluk.

Dan diantara contoh perilaku yang mencerminkan keindahan hati Abu Yazid al-Busthami ‘habibullah diantaranya :

Suatu saat ia duduk di bawah pokok untuk beristirahat dalam salah satu perjalanannya, ketika ia merasa sudah cukup ia kembali memulai perjalanan, di tengah perjalanannya tiba-tiba Abu Yazi al-Busthami melihat sekumpulan semut yang terbawa dari tempat peristirahatannya tadi pada kantung yang menyimpan makanannya, agar tidak menghalanginya dari tempat tinggal semut-semut tersebut Abu Yazid kembali lagi ke tempat dimana ia beristirahat dan mengembalikan semut-semut itu ke tempatnya semula.

Fakta dari syakhsiah Abu Yazid adalah bahawa kasih sayang dan kelembutannya tersebut datang dari rasa cinta kepada Allah swt sehingga ia dapat merasakan ketidak berdayaan yang ada di dalam hati setiap ciptaanNya dengan fadhilah Sang pencipta. Pada suatu hari terdapat beberapa orang memukul keledai di hadapannya sehingga mengalirlah darah dari belakang haiwan tersebut, Abu Yazid tidak kuasa menahan kepedihan dan kasih sayang terhadap keledai tersebut hingga ia menitiskan air mata.

Apa yang dilakukan oleh Abu Yazid Al-Busthami merupakan cermin dari Akhlak mulia Rasulullah saw. Suatu ketika Baginda saw masuk sebuah perkebunan milik seseorang dari kaum Anshar, lalu baginda melihat seekor unta, unta itu sedih dan menitiskan air mata ketika melihat Rasulullah saw kemudian baginda menghampirinya dan mengusap kedua matanya, lalu berkata:

" *Siapa tuan dari unta ini? Milik siapa unta ini*?" lalu datanglah seorang pemuda dari kaum anshar dan berkata: "*unta itu milikku wahai Rasulullah*, Rasulullah.saw bersabda: " *apakah kamu tidak takut kepada Allah yang telah menitipkan unta itu kepadamu, sesungguhnya ia mengadu bahawa kamu telah membuatnya kelaparan dan kekerasan*." (Abu Daud, al-jihad, 44/2549)

Sesungguhnya seseorang seperti Abu Yazid al-busthami yang memiliki kelebihan seperti akhlak Rasulullah saw telah mengikuti dan meneladani ajaran Nabi dalam setiap perbuatan hidupnya. kerana hati mereka yang luhur telah mencapai darjat *qalbun salim* (hati yang bersih).

Untuk itu meraka yang berjalan di atas petunjuk hidayah selalu menjadi teladan bagi orang-orang yang beriman. Senyuman mereka seperti musim semi yang memberi kedamaian dan ketenangan dalam hati. Pandangannya seperti angin yang bertiup lemah lembut nan mendamaikan jiwa. Diri mereka selalu di penuhi cahaya Rasulullah

saw. Berikut adalah contoh yang menggambarkan keindahan sinar cahaya mereka:

Dikisahkan bahawa isteri Kurji Khatun Basya –salah satu murid Maulana Jalaluddin Ar-rumi- mengirim seorang pelukis -sebagai mata-mata, ia adalah pelukis yang tersohor dalam istana Saljuq- kepada Maulana Jalaludin Ar-Rumi untuk mengambil gambarnya secara rahsia lalu memberikan gambar Maulana kepadanya. Ketika pelukis itu keluar, ia lupa untuk melaksanakan perintah isteri Kurji Khatun dan mengkhabarkan kepada Maulana Jalaludin tentang maksud kedatangannya, kemudian beliau tersenyum dan berkata kepada pelukis “Laksanakanlah apa yang diperintahkan isteri Kurji kepadamu”.

Pelukis itu memulai menggambar sosok Maulana Jalaludin, tetapi dipertengahan melukis ia menyedari bahawa apa yang ia lukis sama sekali tidak menggambarkan wajah Maulana yang berada di hadapannya, ia pun memulai lagi untuk melukis. Ketika melukis lagi-lagi ia menggambarkan sesuatu yang bukan sosok Maulana dan itu terjadi hingga dua puluh kali, dan setiap gambar yang ia lukis selalu berbeza antara satu dengan lainnya.

Sejak itulah ,ia menyedari akan kelemahan dirinya dan mendorongnya untuk merubah pandangannya dari pekerjaan ini. kerana seni dan kepandaian melukis yang ia miliki hilang dengan sendirinya. Kejadian tersebut menjadi peringatan dan pelajaran bagi dirinya sehingga ia tenggelam dalam renungan, kebingungan serta ketakjuban. Dia pun bertanya-tanya dalam dirinya “apabila dia seorang wali Allah maka tidak mungkin seperti ini, lalu bagaimana dengan Nabi ?” seketika itu pelukis tadi tersungkur dan mencium tangan Maulana Jalaludin serta bertahubat kepada Allah di bawah bimbingannya.

Contoh yang lain: ketika kami pulang bersama ayah kami Musa Afandi – semoga Allah memberkati beliau – dari Bursa ke Istanbul untuk menemani tuan yang terhormat Sami Afandi – semoga Allah memberkatinya-. Dan ketika kami sampai di kota Yalofa kita berhenti di barisan kereta untuk menaiki kapal yang mengangkut kereta kami. Dan disana ada seorang lelaki yang bertugas menertibkan kereta-kereta pada barisannya supaya tidak muncul pertengkaran di antara penumpang kereta.

Ketika lelaki penertib itu menyiapkan tempat untuk kereta kami, dia melihat Sami Afandi dan Musa Afandi –yang duduk di bagian belekang kereta-, lalu dia berhenti sejenak mengamati keduanya penuh dengan rasa takjub dan hairan, perlahan lelaki itu berjalan mendekati tingkap kereta dan melihat dengan cermat dua orang yang duduk dibelakang, tiba-tiba ia mengaduh dengan rasa sedih dan berkata: "Allah…Allah, alangkah menakjubkannya dunia ini, di atasnya terdapat orang-orang yang wajahnya mirip malaikat tetapi ada juga sebahagian dari mereka wajahnya mirip dengan raja Namrud."

Keadaan seperti ini tidak diragukan lagi merupakan fenomena paling indah diantara penyebaran dakwah. Wajah mereka -Sami Afandi dan Musa Afandi- dapat menjadi alat dalam penyebaran agama suci ini, tidak hanya dengan kata-kata ataupun tulisan. Maka dari itu hendaknya kita membina dan mengokohkan pribadi kita dengan mengambil pelajaran dari hati dan jiwa orang-orang soleh seperti mereka yang kami jumpai.

Kita juga harus memperhatikan dan memuliakan pemimpin-pemimpin umat, iaitu orang-orang yang mempunyai kepribadian dan moral tinggi serta dapat menjadi magnet pemberi petunjuk bagi manusia. Kerana keadaan manusia ibarat roda belakang kereta yang mengikuti keadaan roda depan, mereka terbentuk dan menjalani

hidup bergantung kepada siapa syakhsiah yang dijadikan panutan hidupnya.

Oleh kerana itu, kelangsungan sistem kehidupan dan tiang akhlak di dunia ini dibina oleh kebiasaan yang terus-menerus iaitu dengan cara mendalami hati. Mereka orang-orang soleh yang selalu membersihkan hatinya dari keterikatan maksiat dan dunia, mereka adalah mentari yang bersinar di cakerawala kebahagiaan dan ketenangan. Sedangkan orang-orang yang lalai mereka bagaikan sumur-sumur kedhaliman yang gelap. Realita fenomena ini telah dikisahkan dengan jelas oleh Akhmad Jaudah Basya dalam bukunya:

"Walid Ibnu Abdul Malik adalah seorang khalifah ke enam pada masa khilafah Umawiyyah. Dia amat menyukai pembinaan bangunan-bangunan negara, pertanian dan sebagainya hingga kegemarannya itu berkesan kepada masyarakatnya bahkan dimanapun mereka berada mereka selalu membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan dan pertanian. Lain halnya dengan khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, khalifah ke tujuh dalam dinasti umayyah, ia amat menggemari makanan, perempuan dan bersenang-senang dengan harta, rakyat pada zamannya ketika itu pun demikian mereka berlumba-lumba dalam kesenangan duniawi, pesta yang besar-besar bahkan menyia-nyiakan hartanya. Sehingga dapat dikatakan hiburan adalah syiar pada masa kepemimpinannya. Ketika Umar bin Abdul Aziz menduduki jabatan kerusi khilafah, ia adalah seorang yang taat dalam ibadah dan berzuhud dalam hidupnya, ia juga merupakan salah satu pemimpin besar islam yang namanya tertulis oleh tinta emas dalam perjalanan sejarah islam. Pada masanya, orang-orang berduyun-duyun dalam mendekatkan diri kepada Allah, ia selalu bertanya ketika berada di majlis-masjlis mengenai keadaan rakyatnya dalam beribadah dan ketaatan kepada Sang Pencipta:

"Apa zikir-zikir yang kamu baca pada malam ini? Berapa ayat Al-Quran yang telah kamu hafal? Berapa hari kamu telah berpuasa pada bulan ini? Berapa banyak orang asing yang telah kamu beri makan dan tempat?" (Thabari, tarikh juz5, 266-267. Akhmad jaudat, qisas al-anbiya wa tawarikh al-khulafa', juz1, 717)

Mereka para pemimpin yang mempunyai jiwa keberkesanan dan marwah yang mulia pada rakyatnya diperoleh dengan hati yang selalu menanamkan kecintaan kepada Allah swt, mereka ibarat kupu-kupu yang mengitari cahaya ilahi. Pandangan mereka selalu dipergunakan untuk melihat tanda-tanda kekuasaan-Nya, pendengarannya hanya dipergunakan untuk mendengarkan ayat-ayat Allah.

Sesungguhnya para kekasih Allah swt telah meredamkan kesenangan-kesenangan hawa nafsu yang ada dalam diri mereka dengan sempurna. Itu semua kerana mereka sentiasa berada di bawah naungan rasa cinta dan kerinduan padaNya.

Dengan rasa cinta dan kerinduan kepada Ilahi yang tertambat pada hati para kekasih Allah, mereka menjelma menjadi pelita cahaya yang menarik sehingga orang berduyun-duyun mendatangiya tanpa adanya paksaan. Mereka dapat membersihkan jiwa dari godaan duniawi yang bersifat fana ini. Mereka hidup dengan keinginan dan keberanian yang kuat agar tidak terjerumus pada perbuatan tercela seperti sifat dengki dan sombong.

Tujuan dalam hidup mereka adalah mencari reda Allah swt semata, mereka tidak membezakan suatu objek dilihat dari banyak dan sedikitnya, kaya dan miskin, panas dan dingin semua itu hanya bentuk cermin dari bayangan yang akan sirna.

Dan mereka orang-orang yang berbahagia telah menjadikan diri mereka untuk selalu bertasbih dan memohon ampunan, men-

empatkan diri mereka selalu di bawah kendali, serta menundukkan pandangan mereka dari segala aib,maksiat,dan keburukan lainnya.

Mereka hidup dengan kehidupan dimana hati mereka tidak akan berpaling pada perhiasan dunia yang akan lenyap atau harta benda meskipun ia harus menahan rasa sakit dari hinaan orang bodoh. seperti dalam firman Allah swt :

Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini (QS: Al-furqan 63)

Dunia telah diperintahkan oleh Allah swt untuk melayani orang-orang soleh dan mentaatinya terhadap apa yang mereka cari. Dalam hadith Rasulullah saw bersabda :

Barangsiapa yang impiannya adalah akherat maka Allah akan menjadikan kekayaan dalam hatinya, dan Allah akan memudahkan urusannya, dan kenikmatan dunia akan datang kepadanya dalam keadaan tunduk. Dan barangsiapa yang impiannya hanyalah dunia maka Allah akan menjadikan kefakiran di depan kedua matanya, dan Allah akan mempersulit urusannya, dan ia tidak akan mendapatkan kenikmatan dunia kecuali apa yang sudah ditakdirkan untuknya. (at-Tirmidzi, sifat al-Qiyamah, 30)

Sedangkan kepribadian yang luhur adalah ia yang memiliki akhlak dan tabiat yang sesuai dengan ajaran Nabi saw. Kerana mereka tidak akan menyakiti orang lain kecuali dalam jalan Allah swt. Mereka hidup seperti yang telah dijelaskan dalam al-qur'an:

Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingat-

lah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik (*QS*: Ali Imran, 134)

Jakfar Shadik –semoga Allah memberkatinya- telah hidup dengan diselimuti sifat-sifat seperti ayat di atas , ia sangat meghormati hamba sahayanya yang memberinya makan setiap hari, bahkan ketika hambanya berbuat kesalahan ia dengan segera memaafkan kesalahannya hingga akhirnya ia membebaskannya.

Begitu juga dengan Hasan al-Bashri yang memaafkan orang yang telah memandangnya bodoh justeru ia berbuat baik padanya dan memberinya hadiah. Betapa indahnya apa yang dikatakan penyair turki Yunus memaparkan tentang keadaan para pembesar islam dan berkata:

"Janganlah kamu menyangka hanya dengan puasa, solat dan haji maka kamu telah selesai mengerjakan amal orang-orang zuhud, ilmu pengetahuan adalah perkara penting supaya kamu menjadi manusia yang sempurna."

Kesimpulannya, bahawa hamba soleh yang beriman mereka menjadi teladan bagi seluroh manusia, mereka mendahulukan kasih sayang dan kebaikan pada makhluk lainnya, juga tunduk dan patuh pada Sang Khalik serta menjadikan setiap nafas bertasbih padaNya.

Orang-orang yang bergaul dengan mereka merasakan kehidupan dalam kekayaan cinta dan kebahagiaan juga kenikmatan kasih sayang Ilahi. Hal itu disebabkan kerana hati orang soleh dipenuhi dengan kebahagiaan yang hakiki, mereka berdakwah kepada manusia sesuai dengan kadar kefahaman mereka. Dengan ini untuk mengambil manfaat dari mereka para kekasih Allah hendaknya kita bergaul dan menjalin persahabatan bersamanya serta menjadi pendamping dalam setiap perjalanan dan pengembaraan sampai kepada alam yang abadi (akherat).

Allah swt telah memerintahkan kepada seluroh isi dunia agar tidak memakan isi perut dari hamba soleh dikeranakan fadhilah dan akhlak mereka. Dikisahkan oleh Jabir Ibnu Abdullah, ia berkata:

*"Sebelum terjadi perang Uhud, ayahku memanggilku pada malam harinya. Dia berkata: 'Tidak aku kira kecuali aku akan terbunuh pada golongan yang pertama terbunuh di antara para sahabat Rasulullah saw. Dan sesungguhnya aku tidak meninggalkan setelahku orang yang lebih mulia darimu, kecuali baginda saw. Sesungguhnya aku memiliki hutang maka tunaikanlah. Berwasiatlah kepada saudara-saudaramu tentang kebaikan. Ketika masuk pagi hari dia termasuk orang yang pertama terbunuhdan dan ia dimakamkan bersama orang lain dalam satu kuburan. Lalu aku tidak merasa tenang ia dikuburkan bersama orang lain. kemudian aku mengeluarkannya dari pemakaman setelah enam bulan, aku mendapati tubuhnya tidak ada sedikitpun kotoran tanah yang menempelnya. (*HR bukhori, kitab: jana'iz 78)

Contoh lainnya dari keadaan seperti ini yang terjadi pada zaman sekarang adalah dikisahkan padaku tentang seseorang yang hafal al-qur'an, mua'dzin solat, ia termasuk salah satu orang yang istiqamah. cerita ini dikisahkan oleh tuan Mahmud Sami -semoga Allah memberkatinya- sebagai saksi kejadian tersebut:

Dikisahkan tiga puluh tahun setelah meninggalnya seorang muadzin ini, dibukalah kuburannya untuk kemudian dipindahkan kerana menyusahkan jalan, lalu orange-orang mulai menggali dan membuka kuburannya mereka mendapati jasad beliau masih utuh tetap seperti pertama kali dimakamkan, ia tidak dimakan tanah dan tidak pula rosak, dengan kain kapan yang sangat putih yang masih membalut bagaikan kain kapan yang masih baru.

Dalam sejarah islam, banyak kita jumpai kisah dan pemandangan yang menyerupai seperti kejadian tersebut, ini adalah tan-

da kebesaran Allah swt atas hambaNya yang soleh agar kita dapat mengambil pelajaran, nasihat, dan peringatan darinya. Jasad-jasad manusia ketika diletakkan di atas kubur ia akan menjadi debu seperti jasad-jasad lainnya. Akan tetapi Allah swt telah memberikan kekhususan nikmat atas hamba-hambanya yang soleh dengan tidak menjadikan jasad mereka rosak. Perkara ini adalah kurnia yang diberikan Allah swt yang didalamnya terdapat hikmah untuk kita. Akan tetapi hal yang terpenting adalah menjaga istiqamah dengan berusaha dan bersungguh-sungguh untuk menjadi pribadi seperti kepribadian orang-orang yang soleh. Pada keadaan yang sama kita diwajibkan untuk mendidik anak-anak kita supaya mereka kelak menjadi hamba Allah yang soleh serta bermanfaat bagi umat. Dalam sebuah hadith Rasulullah saw bersabda:

" *Sesungguhnya seseorang akan diangkat darjatnya disyurga, lalu ia berkata, bagaimana ini terjadi? Lalu dikatakan: kerana anakmu yang telah memohonkan ampunan untukmu*" (HR: Ibnu Majah, bab: Adab, 1)

Dalam hadith lain yang menjelaskan tentang keadaan ini, Rasulullah saw bersabda:

" *Jika manusia wafat maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu amal jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya*" (HR: Muslim, wasiat,14. Tirmidzi, ahkam, 36)

Sesungguhnya umur manusia -yang hidup dengan hati dan roh jiwa yang murni- merubah fenomena wajah dunia ke wajah syurga, Allah swt melimpahkan rahmat dan kasih sayang sebagai balasan bagi mereka. Sejatinya, Punca kebahagiaan hakiki pada kehidupan dunia ini merupakan permulaan untuk kebahagiaan yang abadi nanti, dengan mensemaikan rasa cinta dalam lubuk hati kepada Rasulullah saw. Sedangkan tugas terpenting bagi kita sebagai umatnya adalah

mengikuti segala bentuk perbuatan dan ucapan baginda saw serta menjaga kemuliaan yang telah beliau wariskan kepada umat ini.

Ya Allah, berikanlah nikmat dan kesanggupan pada kami untuk menjalankan amanah yang besar ini, agar kami hidup di sepanjang umur kami sebagai dari orang-orang yang beriman seperti; Umar ibnu Abdul Aziz, Abu Yazid Al-buthami, Mahmud Sami Afandi. Ya Allah, Jadikanlah kami termasuk dalam golongan orang-orang yang berbahagia di dunia dan akherat dimana kepribadian mereka menjadi teladan bagi umat ini. Amiiin…

❁

Qadar dan Rahsianya

Sesungguhnya kemampuan mata untuk melihat, dan telinga untuk mendengar mempunyai batasan tertentu. Dan tidak akan bisa penglihatan dan pendengaran melampaui batas tersebut. Begitu juga ilmu tentang qada dan qadar semuanya telah tersusun dengan susunan yang sesuai iaitu di atas kemampuan manusia. Meskipun kita telah berusaha untuk mengetahui segala kejadian dan mengaitkannya dengan sebab dan alasan. Kita tidak akan mungkin mengetahui hikmah dibalik itu semua.

QADAR DAN RAHSIANYA

Sesungguhnya kepastian qadar telah ditentukan oleh Yang Maha Kuasa secara detail sedangkan qada akan terjadi ketika masanya tiba. Allah swt telah menentukan qada dan qadar samada dari kejadian, tempat, masa, sebab-sebabnya bagi seluroh alam semesta mulai dari bintang hingga terbentuknya galaksi, dari biji-bijian menjadi tumbuhan dan dari alam zarah menjadi alam semesta. Kesemuanya merupakan hikmah yang menunjukan kebesaran Penciptanya.

Sesungguhnya Allah swt telah menciptakan semua makhluk yang ada di dunia ini dengan ketentuan qadar yang telah dia tetapkan. Dan setiap kejadian yang berlangsung dalam hidup ini adalah rancangan takdir ilahi. Oleh kerana itu bulan, matahari, bintang, tumbuh-tumbuhan, manusia, haiwan dan segala yang ada di dunia ini semuanya berhubungkait dengan jalan takdir, sampai pada setiap daun yang jatuh dari ranting tidak akan keluar dari rancangan takdir tersebut. Apabila setiap ciptaan yang Allah ciptakan tidak sejalan dengan rancangan takdir maka akan memberikan kesan pada hancurnya alam semesta. Setiap seni yang ada di atas alam ini diciptakan atas kebesaran zat dan takdirNya, sebagai contoh bahawa suatu gambar yang dilukis tersusun dan terbentuk atas kehendak dan keinginan seorang pelukis. Begitu juga dengan takdir Allah, Dia telah menetapkan dan menentukan segala sesuatu dari ciptaan-Nya atas kehendak yang Ia ingingkan sejak zaman azali yang nantinya akan berlaku bagi makhluknya mulai dari kehidupan, kematian, hikmah dan rahsia-rahsia yang terkandung di dalamnya sampai bentuk

karakter khas yang dimiliki makhluk lain. Semuanya itu merupakan tanda-tanda dari kebesaran dan keagungan zat-Nya.

Dengan demikian sesungguhnya qadar adalah sebuah nama yang menggambarkan intipati dari ketentuan-ketentuan yang Allah swt takdirkan. Allah swt telah berfirman mengenai fakta ini dalam Al-qur'an:

"*Sungguh, kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran*" (QS:Al-qamar 49)

Dan Allah swt berfirman:

"*Setiap bencana yang menimpa di bumi dan yang menimpa dirimu sendiri,semuanya telah tertulis dalam kitab (lauh mahfudz) sebelum kami mewujudkannya. sungguh yang demikian itu mudah bagi Allah*" (QS:Al-hadid 22)

Kesimpulannya, sesungguhnya qadar adalah ilmu yang dimiliki Allah tentang kejadian akan tetapi ia belum diciptakan, sedangkan penentuan dan makrifat (pengetahuan) terhadapnya telah ditetapkan di lauhul mahfuz. Adapun qada adalah pelaksanaan kejadian tersebut yang telah ditetapkan Allah swt di dalam lauhul mahfuz.

Pengetahuan (makrifat) Allah swt terhadap terjadinya sesuatu sebelum tiba masanya adalah maksud daripada tahuhid uluhiyyah (ketuhanan).

Allah swt lah yang menjadi penentu waktu dan tempat suatu kejadian, Dialah pemilik ilmu tersebut. Kerana kita sebagai manusia ciptaan-Nya diwajibkan untuk beriman tentang qada dan qadar, kita tidak diharuskan mencari ilmu yang berkenaan dengan keduanya kerana ia hanya milik Allah swt semata.

Yang terpenting adalah kita harus mempercayai atas segala sesuatu yang ada di alam semesta ini baik yang dhahir mahupun yang

ghaib, Allah swt menciptakan segala sesuatu hanya dengan kalimat '*kun*! (jadilah!?). Dengan demikian sesungguhnya percaya pada qada dan qadar Allah swt –salah satu dari rukun iman yang berjumlah enam- merupakan syarat kesempurnaan iman seorang muslim.

Qada dan qadar Allah adalah kepastian yang akan datang bagi setiap individu, meskipun terdapat orang yang mengingkarinya tetapi dalam lubuk hati yang terdalam –dikeranakan fitrah manusia- mereka mempercayai kebenaran qada dan qadar, dengan bukti ketika mereka terkena musibah mereka berkata: "Oh, semoga nasib menolong diri saya".

Seorang sastra dari turki Najib Fadil mengibaratkan suatu ungkapan yang paling indah tentang kebenaran qadar yang tidak diketahui namun setiap orang yang berakal harus mepercayainya, ia berkata:

"Sebagai contoh, suatu hari terjadilah kemalangan kereta milik seseorang di sebuah lapangan. Seandainya kita kembali ke sepuluh saat sebelum terjadinya kemalangan dan terdapat seseorang yang berdiri di depan lapangan tersebut dan ia dapat memperkirakan arah datangnya kereta, maka apakah kita dapat melihat pemandangan tersebut? Datangnya seribu orang, hilir mudiknya pengangkutan tidak ada satu orang pun yang tahu bahawasanya orang tersebut akan dilanggar begitu pula tidak ada yang tahu bahawa sebuah kereta akan melanggar, keduanya saling berdekatan dan tidak mengetahui peristiwa ini akan terjadi, seseorang yang sedang membeli satu bungkus rokok dan berdiri dekat dengan terjadinya kemalangan tersebut juga tidak tahu hal itu akan terjadi, ia hanya berjalan memandang kemalangan tersebut dengan hati tersentak. Momen terjadinya kemalangan tersebut boleh jadi disebabkan oleh perkara yang remeh, seperti: kelalaian, ketidak hati-hatian ataupun sebab-sebab lainnya. Maka

siapa yang dapat menyangka suatu kemalangan tersebut akan terjadi dan dapat menyelamatkannya?. (Ciptaan Manusia, Halaman: 43)

Kejadian seperti itu sepatutnya menjadikan manusia untuk selalu berfikir disetiap peristiwa yang ia jumpai, ia tidak dapat menghindar tentang kepercayaan pada dirinya bahawa di sebalik itu semua terdapat perancangan scenario ilahi yang agung dan tidak dapat dijangka oleh akal. Semuanya akan muncul dan terjadi di bawah perancangan kalimat ilahi.

Seperti halnya orang buta yang tidak dapat mengataui warna. Maka orang yang berfikir melalui nalurinya yang bersumber dari ciptaan ilahi –yang terbatas daya pencapaiannya pada masa dan tempat- ia tidak dapat mencapai darjat yang layak untuk mengetahui rahsia ilahi yang agung seperti qada dan qadar. Hal ini memberikan hikmah tersendiri bagi manusia bahawa mereka tidak perlu gelisah atau berduka terhadap masa yang akan datang, juga tidak perlu dirinya disibukkan dengan pencapaian untuk mengetahui rahsia-rahsia alam yang hanya dimiliki Allah swt sahaja.

Pada hakikatnya Allah swt telah merahsiakan kebesaranNya pada setiap mahkluk. Dan seseorang tidak akan dapat mengetahui qadar (takdir) sebelum terjadinya qada, tetapi Allah swt telah memberikan sedikit dari ilmuNya iaitu ilmu laduni pada sebahagian hambaNya.

Kenyataan yang berlaku bahawa ketetapan qadar tidak dapat diketahui oleh manusia, mereka tidak memiliki kemampuan untuk mengetahuinya, akal minda manusia juga tidak akan dapat melewati batas dinding yang tinggi yang disebut dengan *alam ghaib*. Ia merupakan kekuasaan yang dimiliki Allah swt semata. Akan tetapi terdapat pengecualian yang dimiliki oleh para orang soleh atas mimpi yang mereka peroleh, mimpi itu dapat menembus batasan dinding ini atas kelembutan dan kasih sayang Allah swt.

Oleh kerana itu banyak kita jumpai khabar pada masa yang akan datang yang dilihat oleh orang soleh dalam mimpi mereka. Dan mimpi mereka ini merupakan sinar cahaya yang terpancar dari *'lauhul mahfudz'* di dalam hati mereka.

Apa yang dapat dicapai oleh orang soleh untuk melihat keadaan pada masa yang akan datang dari baik dan buruknya disebut "iradah juziyyah" (kemampuan kecil). Sedangkan kemampuan Sang Khaliq disebut sebagai "iradah kulliyah" (kemampuan yang sempurna).

Dengan ini sesungguhnya tidak akan mungkin seorang hamba memiliki kemampuan mutlak. Maka perkara seperti kelahiran, kematian, umur, jenis kelamin, kebangsaan, kecerdasan, tidak mungkin seorang manusia ikut mencampuri dalam mengaturnya kerana ia masih dalam wilayah *"qadar mutlak"* dan bukanlah kuasa manusia atas perkara ini.

Allah swt telah memberati kepada setiap hambanya tanggung jawab untuk melaksanakan perintah-perintahNya sesuai dengan kemampuan mereka. Oleh kerana itu Allah swt tidak akan memberi dosa kepada hambanya dimana hal itu diluar kemampuannya. Seperti contoh makan dan minumnya orang yang berpuasa kerana lupa, maka Allah swt tidak akan memberinya dosa. Dengan demikian tidak ada hukuman baginya.

Allah swt telah menjelaskan dalam firmanNya, sesungguhnya Dia tidak akan membebani manusia di atas kemampuannya:

"Allah swt tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau menyangkakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebankan kepada

kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir." (QS: Al-baqarah, 286)

Allah swt telah menjadikan manusia sebagai pemimpin pada dirinya sendiri yang bertanggung jawab atas segala perbuatan yang sesuai dengan kemampuannya. Dan ketika ia melakukan maksiat atas kehendaknya bukan kerana terpaksa maka disana lah ia bertanggung jawab atas dosa kerana kelalaian dan kebodohannya.

Allah swt telah menetapkan asas-asas kemaksiatan dan ketakwaan dalam diri manusia kerana manusia adalah makhluk yang diciptakan untuk diuji.

Allah swt telah memberikan manusia kebebasan dalam memilih diantara dua perkara dan memakai keduanya dengan bebas atas kehendaknya, yakni manusia yang ada di dunia fana ini telah diberikan kebebasan dengan batasan-batasan tertentu. Seperti orang tua yang memberikan wang kepada anaknya ia mempunya kebebasan dalam membelanjakan wang tersebut apakah ia belanjakan di jalan yang baik atau di jalan yang buruk. Seperti inilah sesungguhnya pilihan yang Allah swt berikan kepada hambanya, ia adalah modal yang paling penting untuk mencapai kebahagiaaan atau kehancuran abadi.

Di alam semesta ini semuanya bergerak dan berputar atas izin Allah swt, sekalipun daun yang terjatuh dari rantinya. Meskipun kehendak Allah swt yang akan menentukan segala sesuatu yang wujud akan tetapi ridhoNya tidak akan terjadi kecuali dalam kebaikan. Seperti contoh, tujuan setiap guru adalah meluluskan setiap murid-

nya, tetapi apabila murid itu sendiri tidak belajar dan bersungguh-sungguh, maka tidak ada lagi yang dapat dilakukan seorang guru.

Contoh lain, tugas seorang dokter adalah menyembuhkan orang yang sakit, tetapi apabila pesakit tersebut tidak mengikuti arahan ubat dari dokter, maka akan memberi kesan negatif baginya. Dengan ini tidak ada kesalahan dan dosa bagi dokter.

Apabila manusia berbuat dosa atau berjalan pada jalan yang salah dan berkata: "*apa yang dapat aku perbuat hanya sebatas ini*", maka kalimat ini berasal dari kelalaiannya dan kebodohannya. Oleh kerana itu barang siapa yang menolak untuk mendirikan solat maka ia harus memberikan alasan pada Allah swt sebab-sebab ia tidak mendirikannya.

Dengan demikian sesungguhnya manusia yang berbuat dhalim terhadap dirinya sendiri dan menentang perintah Allah maka kelak di hari kiamat ia harus memberikan alasan dihadapanNya.

Allah swt telah berfirman dalam Al-qur'an:

"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat zarrah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar" (QS: An-nisa, 40)

Dan Allah swt berfirman dalam ayat lain:

"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu" (QS: As-shuro, 30)

Maulana Jalaluddin -semoga Allah swt memberkatinya- telah menjelaskan dalam penafsiran ayat tersebut tentang tanggung jawab

manusia dengan kemampuannya yang kecil, dan hendaknya ia tidak menyalahkan qadar ketika keburukan terjadi padanya, ia berkata:

"Apabila tertanam duri dalam diri kamu maka ketahuilah sesungguhnya kamulah yang telah mananamkan duri tersebut. Dan apabila kamu melabuhkan baju yang indah dan lembut maka ketahuilah sesungguhnya kamulah yang menjahit baju tersebut."

Sesungguhnya kemampuan mata untuk melihat, dan telinga untuk mendengar mempunyai batasan tertentu. Dan tidak akan bisa penglihatan dan pendengaran melampaui batas tersebut. Begitu juga ilmu tentang qada dan qadar semuanya telah tersusun dengan susunan yang sesuai iaitu di atas kemampuan manusia. Meskipun kita telah berusaha untuk mengetahui segala kejadian dan mengaitkannya dengan sebab dan alasan. Kita tidak akan mungkin mengetahui hikmah dibalik itu semua. Seperti contoh pada suatu hari datanglah seorang laki laki kepada Sayidina Ali ra dan bertanya pada beliau tentang rahsia qada dan qadar lalu Ali ra berkata padanya : "*perkara itu bagaikan lautan yang dalam*"

Banyak dari manusia yang telah mencuba menyelami lautan ini -bersandarkan kecerdasan mereka- yang jatuh dalam jurang kesesatan seperti **jabariah** : (aliran yang berfaham tidak ada ikhtiyar bagi manusia) dan **qadariayah** (yang menyerukan bahawasanya manusia mempunyai ikhtiyar) dan pada akhirnya tenggelamlah mereka dalam lautan yang tidak memiliki dan dasar laut.

Kerana itu sebelum kita menentukan dengan benar suatu batasan keinginan yang mana yang akan kita pilih, maka kita tidak akan dapat melepaskan diri kita dari nilai-nilai kemerosotan moral seperti penyimpangan dan berbuat kesalahan.

Sebenarnya manusia diberikan kekuasaan untuk menciptakan perbuatannya sendiri dengan memuliakan dirinya iaitu melakukan

perilakau yang baik atau dengan mengingkari dirinya iaitu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang buruk. Semua itu –kuasa manusia dalam menciptakan perbuatannya- adalah anugerah terbesar yang diberikan Allah swt kepada manusia.

Meskipun kita sebagai manusia diberikan daya dalam menciptakan perbuatan, akan tetapi kita tidak dapat menembus dan memecahkan rahsia qadar Allah, kerana itu di luar kemampuan manusia. Maka dari itu menyedari akan lemahnya akal terhadap qadar ilahi dan mengetahui batasan-batasan akal terhadapnya serta tidak memaksakan akal untuk melangkah lebih jauh merupakan nilai dari ubudiyyah (penghambaan) yang sempurna kepada Sang Khaliq.

Betapa indahnya cerita yang dikisahkan Maulana Jalaluddin -semoga Allah melimpahkan berkat padanya– dalam kitab Mathnawi yang menghuraikan bahawasannya akal manusia tidak mempunyai kemampuan untuk mengetahui dan menjelaskan rahsia qadar. Dan itu sebenarnya merupakan nikmat besar yang Allah swt berikan kepada manusia, dia berkata:

Datanglah seseorang laki-laki kepada Nabi Musa as dan berkata kepadanya: *"Wahai hamba yang dapat berbicara langsung dengan Allah, ajarkan padaku bahasa haiwan, agar aku mengerti bahasa mereka dan mengambil pelajaran dari keadaaan mereka dan mengetahui keagungan Allah."*

Lalu Nabi Musa as menjawab lelaki tersebut dan berkata : *("Jauhkan fikiranmu dari keinginan itu dan janganlah kamu berusaha untuk mempelajari sesuatu yang di atas kemampuanmu, apabila seekor semut berusaha untuk meminum air di atas bekas yang ukurannya lebih besar dari tubuhnya, maka ia akan tercekik, tenggelam dan binasa. Ertinya janganlah kamu memaksakan dirimu sendiri untuk melampaui ilmu yang telah ditentukan untukmu. Kerana akan mendatangkan banyak kemudharatan. Dan lihatlah*

sesuai dengan kemampuan akalmu dalam mengambil ibrah atau pelajaran dari keagungan Allah yang ada di alam semesta ini, dan tundukkan hatimu kepada Allah swt, dan ketahuilah sesungguhnya rahsia keagungan Allah dapat dilihat dengan hati yang bersih" lalu lelaki itu berkata : *" setidaknya ajarkan padaku bahasa anjing yang berdiam di depan pintu dan menjaga rumah, dan bahasa burung peliharaan yang hidup bersama kita."*

Dan ketika Nabi Musa as yakin bahawasanya Ia tidak akan mampu menasihati orang itu yang bersikeras atas keinginannya ,maka Nabi Musa as mengingatkannya dan berkata *" berhati-hatilah kamu dan jangan sampai tenggelam dalam lautan rahsia ini."*

Ketika lelaki itu bangun di pagi hari ia berkata pada dirinya sendiri :"*Aku akan melihat apakah sudah belajar bahasa haiwan tersebut dengan benar* ?" kemudian ia berdiri di depan pintu untuk mengetahui jawapannya. Ketika itu seorang pembantu membuka tutup bekas dan mendapati sepotong roti lama lalu membuangnya di atas tanah.

Seketika itu juga seekor ayam jago mendatangi dan memakannya, tidak lama kemudian seekor anjing datang dan berkata pada ayam : " Kamu telah mendhalimiku, kerana kamu bisa memakan biji-bijian gandum, sedangkan aku tidak. Lalu mengapa kamu merebut sepotong roti yang seharusnya itu menjadi bagianku? Lalu ayam itu menjawab : "Jangan bersedih! besok akan mati seekor kuda milik seseorang maka makanlah dagingnya sampai kenyang."

Ketika lelaki itu mendengar kalimat tersebut, ia menyangka bahawasanya ayam itu dapat memberi khabar sesuatu yang ghaib maka ia langsung menjual kudanya. Akhirnya hal itu membuat si ayam merasa malu terhadap anjing. Pada hari berikutnya lelaki tersebut mendengar bahawa bighal (haiwan dari hasil perkahwinan antara kuda dan keledai) yang ia miliki akan mati, mendengar hal itu ia

pun langsung menjual bighalnya. Di hari yang ketiga lagi-lagi lelaki itu mendengar percakapan ayam dan anjing bahawa hamba sahaya yang ia miliki akan mati dan ia pun menjuanya. Lelaki tersebut sangat percaya apa yang dikatakan ayam dan yakin bahawa ayam itu memilki ilmu tentang apa yang akan terjadi.

Demikianlah, anjing tersebut tidak mendapatkan apa yang diinginkannya sedangkan ayam berasa malu kerana apa yang ia janjikan kepada anjing tak kunjung datang. Akhirnya pada hari keempat ayam berkata kepada anjing "Sungguh lelaki ini adalah orang pintar dan mengetahui segala sesuatu dia dapat menyelamatkan hartanya dari kebinasaan, akan tetapi perbuatannya tersebut justeru akan membawanya pada kematian kerana esok dia akan mati dan para ahli waris akan menangis. Tentunya ketika ia mati, mereka para ahli waris akan menyembelih sapid an setiap orang akan mendapatkan bagian, begitu juga denganku dan kamu. Sebenarnya apa yang dilakukan lelaki itu dengan menjual kuda, bighal dan hamba sahayanya merupakan benteng dan penghalang bagi dirinya akan datangnya kematian, tetapi untuk sekarang ini ia tidak dapat lagi lari dari ajal yang sebentar lagi akan menjemputnya."

Dan ketika lelaki itu mendengar perkataan ayam pucatlah wajahnya, hatinya bernyala-nyala seperti bara api, lalu ia pergi bergegas dengan perasaan sedih kepada Nabi Musa as dan meminta belas kasih kepadanya, kemudian berkata : "*Wahai hamba yang dapat berbicara dengan Allah!!! Kasihilah permohonanku, ringankanlah seksaku dan kepedihanku"*

Lalu berkatalah Nabi Musa as kepadanya: "Sungguh *kamu telah masuk dalam perbuatan di atas kemampuanmu, dan sekarang kamu tersesat dalam kebingungan. Apakah kamu menyangka akan mendapatkan keuntungan dari penjualan haiwan-haiwanmu itu? Aku telah mengatakan dengan mendesakmu agar jangan memak-*

sakan dirimu untuk mengetahui rahsia qada dan qadar . Sedangkan manusia yang berakal yang ingin mencari tahu masa depannya sebelum itu terjadi akan berakhir menjadi manusia bodoh. Meskipun kamu orang yang pintar atau seorang yang ahli dalam perniagaan maka belilah jiwamu sekarang juga untuk menyelamatkannya."

Ketika lelaki itu memohon kepada Nabi Musa as dengan penuh rasa sesal, maka berkatalah Musa kepadanya : "*Sudah terlambat, anak panah telah dilepaskan dari busurnya dan tidak akan mungkin ia kembali lagi selamanya. Akan tetapi aku memohon kepada Allah swt Pemilik rahmat dan kasih sayang supaya mencabut nyawamu dalam keadaan iman."*

Lalu Nabi Musa as menundukan dirinya kepada Allah swt, tidak lama kemudian wafatlah lelaki itu dengan imannya berkat doa Nabi Musa as -hamba yang dapat berbicara langsung dengan Allah swt-. Ketika itu Allah swt bertanya kepada Nabi Musa "*Wahai Musa apakah kamu meminta padaKu untuk menghidupkan dia kembali*?" Nabi Musa as menjawab: "*Wahai Tuhanku untukMulah segala pujian dan rasa syukur tiada akhir. hidupkan ia di akherat iaitu alam yang terang dan agung, kerana disanalah keabadian, tempat yang didalamnya menunjukkan rahsia qada dan qadar.*"

Dari cerita tersebut terdapat pelajaran dimana terkadang manusia meminta sesuatu dengan ketamakan, bahkan mungkin sesuatu yang ia minta mendatangkan mudharat baginya, atau mungkin sesuatu yang ia inginkan akan menyebabkannya pada kehancuran. Maka manusia itu sendiri yang akan menanggung segala akibatnya seperti contoh di atas, ia tidak akan bisa menghindari dirinya dari penyesalan, air mata dan rintihannya.

Kerana itu sesungguhnya perkara yang utama untuk ketenangan hati di dunia ini dan kebahagiaan yang abadi di akherat adalah bertawakal dengan menerima segala ketentuan Allah swt serta me-

nyedari bahawa itu semua di bawah kuasa Allah swt. Dan intipati seorang hamba yang ikhlas adalah mereka yang menyedari bahawa dirinya tidak ada kekuasaan sama sekali.

Yakni pasrah terhadap ketentuan Allah swt adalah satu-satunya wasilah dalam menghadapi qada dan qadar, kerana kepasrahan diri dan beratawakkal adalah kunci terbukanya rahmat. Seperti yang dikatakan Rasulullah saw :

"*iman kepada qadar dapat menghilangkan kegelisahan dan kesedihan"* (As-suyuthi, jami' shagir juz1, 107)

Akan tetapi keredaan, berserah diri, dan tawakkal tanpa merancang suatu pengaturan serta tidak menunjukkan usaha apapun untuk menolak malapetaka yang akan datang serta menerima keadaan dengan apa adanya adalah pebuatan yang tidak dibenarkan, kerana tawakal adalah berserah diri kepada Allah swt dan mengembalikan hasilnya kepadaNya setelah adanya usaha dalam mendatangkan perkara yang baik. Dengan demikian tawakkal tanpa melihat sebab-sebab tersebut dinamakan tawakal kering yang palsu, sesungguhnya ia tidak diterima dan bertentangan dengan roh tawakal yang sebenarnya.

Sebagai contoh ketika Sayidina Umar Ibnu Khatab ra pergi ke suatu daerah yang malang sampai tiba di Sharga ia bertemu para pemimpin tentara Abu Ubaydah ibnu Al-jarrah beserta para sahabatnya, dan mengkhabarkan kepada beliau bahawa telah terjadi wabak di negeri Syam. Ibnu Abbas bekata: lalu Umar berkata "panggilkan kepada saya kaum muhajirin yang pertama." Umar lalu meminta pendapat dan memberitahukan kepada mereka bahawa wabak telah berjangkit di Syam. Ternyata sahabat muhajirin berselisih pendapat. Sebahagian mereka berkata: "Kamu pergi untuk suatu urusan dan kami tidak sepakat jika kamu kembali." Sebahagian lain berkata: "Bersama kamu masih banyak rakyat dan para sahabat dan kami

tidak sepakat apabila kamu membawa mereka menuju wabak itu." Umar berkata: "Tinggalkanlah aku, dan tolong panggilkan sahabat-sahabat Ansar!" Aku pun (Ibnu Abbas) memanggil mereka. Ketika dimintai pendapat, mereka juga berbeza pendapat seperti halnya orang-orang Muhajirin. Umar berkata: "Tinggalkanlah aku!" Lalu berkata: "Panggilkan pembesar Quraisy yang dahulu hijrah di tahun penaklukan (Fathu Makkah) yang sekarang berada di sini!" Aku pun memanggil mereka, dan ternyata mereka tidak berselisih. Mereka semua berkata: "Menurut kami sebaiknya kamu kembali bersama orang-orang, dan tidak mengajak mereka mendatangi wabak ini. (Setelah mendengar pelbagai pendapat) Umar berseru di tengah-tengah manusia (berijtihad memutuskan apa yang beliau anggap mendekati kebenaran): "Sungguh Aku akan mengendarai tunggangganku untuk pulang esok pagi, hendaknya kalian juga mengikuti !" Abu Ubaidah bin Jarrah ra. bertanya: "Wahai Umar apakah untuk menghindari takdir Allah? "Umar menjawab: "Kalau bukan kamu yang mengatakan itu, wahai Abu Ubaidah (Tentu Aku tidak akan hairan) !, Ya, kita lari dari satu takdir Allah menuju takdir Allah yang lain. Apa pendapatmu wahai Abu Ubaidah seandainya kamu memiliki seekor unta yang turun di sebuah lembah yang memiliki dua lereng, salah satunya subur dan yang kedua tandus, bukankah jika kamu menggembalakannya di tempat yang subur bererti kamu menggembalakanya dengan takdir Allah? Begitu pun sebaliknya, kalau kamu menggembalakannya di tempat yang tandus, bukankah kamu menggembalakanya juga dengan takdir Allah?" (Demikian pula apa yang kita putuskan tidak lepas dari takdir Allah sebagaimana apa yang dilakukan si penggembala mengarahkan untanya dari tanah tandus ke tanah subur tidak lepas dari takdir Allah)

Berkata Ibnu Abbas Ra.: Tiba-tiba datanglah Abdurrahman bin 'Auf, yang sebelumnya tidak hadir kerana keperluannya, ia berkata:

“Sungguh dalam masalah ini aku memiliki ilmunya, aku mendengar Rasulullah r bersabda:

إذا سمعتم به بأرض فلا تَقْدَمُوا عليه، وإذا وقع
بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا فراراً منه

“Jika kamu mendengar wabak di sebuah negeri maka janganlah kalian memasukinya, dan seandainya wabak terjadi di negeri yang kamu di dalamnya janganlah kamu meningalkan negerimu karena lari dari wabak itu.” Berkata Ibnu ‘Abbas: (Begitu mendengar hadith), Umar memuji Allah, lalu meninggalkan majelis. (HR: Bukhari, At-Tib, 30)

Seperti kisah di atas sesungguhnya kita tidak akan terlepas dari qadar. Dan sebagai hamba yang sempurna hendaknya kita selalu berusaha dan reda dengan hasil yang telah ditentukan Allah swt.

Rahsia qadar yang disembunyikan Allah swt serta ketidak mampuan manusia untuk mencapainya merupakan hikmah bagi orang-orang yang mahu memikirkannya. Hal tersebut merupakan bentuk kasih sayang dan nikmat yang besar dari Sang Khaliq kepada manusia. Andaikan manusia dapat mengetahui takdirnya maka mereka akan selalu berada di bawah bayang-bayang ketakutan dan kehancuran yang tidak dapat dipisahkan. Dan ini adalah suatu kenyataan yang tidak dapat dipungkiri.

Seperti contoh apabila seseorang menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan, maka dengan ketidak tahuannya terhadap qadar ia akan berada jauh dari rasa gelisah dan gundah sampai tiba waktunya dimana ajal menjemputnya. Akan tetapi jika seseorang mengetahui kapan ia akan meninggal maka pada masa dimana ia akan mendekati hari kematiannya ia akan melepaskan segala kemampuannya dan tidak akan mahu mengerjakan sesuatu. Dalam

keadaan seperti itu ia akan merasakan mati berkali-kali, dan memperbaharui kematiannya di setiap saat. Seorang ibu yang mengetahui bahawa anaknya yang tersayang akan meninggal sebelum tiba ajalnya ia akan hidup dengan kesedihan yang mendalam setahun bahkan lebih sebelum tiba masanya. Dengan demikian, keadaan tersebut akan menyebabkan kepincangan sistem hidup bahkan akan merosak keseimbangannya. Barangkali kejadian-kejadian yang terjadi belakangan ini seperti kegelisahan, resesi ekonomi, bunuh diri dan sebagainya disebabkan oleh hampanya hati dari kedekatan kepada Sang Pencipta, kerana hati yang jauh dari tarbiyah (pendidikan) agama tentunya akan menjadikan pemilik hati tersebut terbelenggu dalam kesenangan syahwat dan ketamakan jiwa. Sedangkan hati yang dapat menghadapi cabaran hidup adalah hati yang selalu dipenuhi ketenangan dan ketabahan, dan itu dapat terjadi dengan berserah diri akan takdir kepada Allah swt dan yakin bahawa Allah swt tidak akan menentukan takdir bagi seorang hamba melainkan itu yang terbaik baginya. Penyerahan dan kepasrahan diri inilah yang akan menghantarkan seseorang paada darjat keimanan yang sempurna.

Kebahagiaan yang gemilang adalah kebahagiaan yang menjadikan akal mengikuti wahyu, hati yang dihiasi dengan akhlak yang mulia serta reda dalam menghadapi ujian hidup. Sekali lagi, bahawasanya kebahagiaan yang hakiki adalah menerima segala ketentuan yang terbentang di bumi samada baik dan buruk, menunjukkan rasa ketabahan dalam menghadapi segala masalah, melihat dengan positif atas segala sesuatu dan berserah diri kepada Allah swt. Allah swt terkadang menunjukkan kasih sayang pada hambaNya dengan suatu kesukaran dan cubaan hidup, semakin besar cubaan yang diberikan maka semakin tinggi darjat di sisiNya. Oleh kerana itu, ketidak tahuan manusia terhadap bentuk kasih sayang

ilahi disebabkan kerana dunia ini adalah tempat ujian bagi mereka. Allah swt berfirman :

"*Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya"* (QS: al-baqarah, 216)

Dan Allah swt berfirman dalam ayat lainnya:

"*Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawaka*" (QS: at-tahubah, 51)

Sebagai contoh kebutaan mata adalah cubaan dan musibah yang besar jika dilihat dari sisi duniawi, kerana manusia menyangka bahawasanya ia tidak akan mendapatkan nikmat tak terkira iaitu nikmat mata yang dapat melihat.

Akan tetapi seseorang yang buta di dunia apabila ia dapat menjaga dirinya dari terjerumus pada jurang dosa –yang nampak sepertiz azab baginya di dunia- akan berubah menjadi kebahagiaan yang sesungguhnya. Begitupula dengan kemiskinan dan kekayaan, apabila seseorang yang miskin tidak merintih atas keadaannya dan reda dengan apa yang Allah swt berikan padanya, maka sesungguhnya kemiskinan ini akan menjadikan ia kaya yang abadi. Sebaliknya jika orang miskin tadi menjadi kaya di dunia ini maka sangat memungkinkan dengan apa yang ia miliki menjadikan dirinya terjerumus dalam sifat keangkuhan, bahkan mungkin dapat menyusahkan dirinya sendiri, meyebabkan kelalaian dan tenggelam dalam rasa takbur maka hilanglah kebahagiaan yang sesungguhnya bagaikan debu yang berterbangan. Dan biasanya kejadian yang berlawanan ini

sangat memungkinkan terjadi. Akan tetapi bagi orang-orang beriman yang memandang positif atas segala hal dan reda dengan segala ketentuan Allah atasnya ia perlu mengetahui bahawa disanalah terdapat kesempatan untuk memperoleh kebahagiaan yang abadi dan hendaknya selalu menghiasi dirinya dengan sifat kesabaran, rasa syukur serta berpasrah diri. Dalam hal ini baginda saw bersabda:

"Sungguh ajaib dalam urusan orang mukmin! Sesungguhnya setiap urusannya baginya ada kebaikan dan perkara ini tidak berlaku melainkan kepada orang mukmin. Sekiranya dia diberi dengan sesuatu yang menggembirakan lalu dia bersyukur maka kebaikan baginya dan sekiranya apabila dia ditimpa kesusahan lalu dia bersabar maka kebaikan baginya.". (HR; muslim, zuhud, 64)

Selesailah kita dalam mendalami dasar-dasar yang telah kita bincangkan hingga saat ini -yang berkaitan dengan permasalahan qada dan qadar- kita mendapati pelbagai macam permasalahan yang pada akhirnya akan berujung pada perbahasan dan perdebatan yang berkaitan dengan ilmu kalam. Oleh kerana itu, baginda saw memerintahkan kita supaya cukup beriman dengan adanya qada dan qadar dan melarang kita untuk membahas lebih jauh tentang keduanya yang tentunya tidak akan mendatangkan faedah dan manfaat. Dala sebuah hadith yang diriwayatkan Abu Huraira ra, bahawa Rasulullah saw bersabda:

"Suatu hari Rasulullah mendatangi kami yang sedang berselisih pendapat dalam masalah takdir, lalu Rasulullah marah sampai mukanya merah seolah-olah dikeluarkan dari pipinya biji delima seraya bersabda: "Apakah yang seperti ini kalian diperintahkan, atau yang seperti ini aku diutus kepada kalian? Sesungguhnya orang-orang sebelum kalian hancul ketika mereka berselisih dalam masalah ini (takdir). Aku tegaskan pada kalain, aku tegas-

kan pada kalian untuk tidak berselisih dalam masalah takdir" (HR. tirmidzi, qadar,1)

Seorang penyair penyair turki Dhiya'u Basya berbicara tentang keadaan yang tidak dapat dicapai oleh akal manusia:

Pengetahuan yang tinggi tidak sesuai dengan akal yang kecil ini.

Kerana keterbatasan ini tidak dapat menahan beban yang sangat besar.

Ya Allah... Jadikanlah kami termasuk orang yang bertawakal kepadaMu dengan sebenar-benarnya tawakal, jadikanlah amal perbuatan kami amal yang mendapatkan redaMu dan jadikanlah kami termasuk dari bagian orang yang reda atas qada dan qadarMu. Amiiin…

❀

Musa Afandi (semoga Allah swt memberkatinya) Dari iman menuju ihsan (1917 -1999)

Sesungguhnya nikmat terbesar yang Allah kurniakan kepada hambaNya adalah memperlihatkan kelemahan-kelemahan hambaNya. Bahkan mungkin nikmat terbesar yang telah aku dapatkan dengan jalan yang penuh dengan makna iaitu Allah swt menunjukkan kepadaku segala dosa-dosaku dan kekhilafanku serta menunjukan betapa hinanya aku dihadapanNya. Oleh kerana itu seharusnya manusia berusaha mengintropeksi segala kesalahan dan kekhilafannya dan berusaha untuk memperbaikinya. Dengan itu ia tidak akan pernah sibuk untuk melihat keburukan orang lain. Alhamdulillah dengan rasa syukur kepadaNya sesungguhnya aku diberikan semua kenikmatan itu.

(Musa Afandi –semoga Allah swt memberkatinya-)

MUSA AFANDI (SEMOGA ALLAH SWT MEMBERKATINYA) DARI IMAN MENUJU IHSAN (1917 -1999)

Sesungguhnya ihsan adalah kesedaran seorang mukmin yang berterusan bahawa ia selalu berada di bawah pengawasan Allah swt dan mejadikan kesedaran itu sebagai prinsip dalam hidupnya, iaitu dengan membina tingkah laku dan akhlak sesempurna mungkin.

Kehidupan Musa Afandi -semoga Allah memberkatinya- yang telah kembali ke Rahmatullah pada 16 Julai 1999 masehi telah dipenuhi dengan perangai baik dan murni dari sisi hubungan sesama manusia. Singkat kata sesungguhnya hidup beliau bergelumang dengan kebaikan.

Dikisahkan bahawa sampainya beliau dengan keadaan ini dikeranakan beliau adalah seorang yang bersungguh-sungguh menempatkan dirinya selalu di bawah pengawasan Allah swt. Sikap peribadi dan perilaku beliau mengingatkan orang-orang yang berada disekitarnya pada kebaikan dan kedermawanannya.

Beliau Musa Afandi dengan kepribadiannya yang luhur sangat bersemangat dalam menerapkan sistem iman menuju ihsan dalam segala perilaku dan ucapannya. Kehidupan beliau dalam keseharian selalu menggambarkan perangai yang baik sehingga menjadikannya sebagai syakhsiah yang layak dijadikan qudwah hasanah (teladan yang baik) di zaman kita sekarang ini. Etika dan ucapannya yang keluar memberikan cahaya kedamaian pada manusia yang berada

disekitarnya, ibarat matahari yang selalu menyinari bumi dengan tanpa hentinya.

Beliaulah kekasih Allah swt yang memancarkan cahaya kepada setiap orang yang mengenalnya samada mereka yang tinggal dekat mahupun yang jauh, atau dengan orang-orang yang mempunyai sedikit hubungan atau banyak dengan beliau. Hatinya selalu disibukkan dengan kebaikan dan mengikuti peraturan-peraturan yang diwajibkan Allah. Perilakunya mencerminkan kepekaan dan kecermatan sehingga dapat menolak datangnya kesalahan dan kerosakan.

Contoh perbuatan beliau adalah ketika itu dirinya merasa tidak tenang kerana adanya papan yang miring ketika ditampal di dinding, juga ketika ada sajadah yang dibentangkan dengan berselerak. Dan ketika ada kejadian seperti itu, beliau lah yang membenarkannya atau minta seseorang untuk merapikannya.

Betapa indahnya ayat Al-qur'an yang mensifati perangai wali-wali Allah swt dengan rahmatNya. Allah swt berfirman:

"*Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini; Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri,*" (QS; Al-Furqan: 63-64)

Pada ayat ini Allah swt menyebutkan sifat-sifat orang mukmin yang soleh, dan mengkhususkannya dalam delapan perangai, iaitu:

1. "*Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan ka-*

ta-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini." (QS: Al-furqan: 63)

2. "*Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri.*" (QS: Al-furqan: 64)

3. "*Dan orang-orang yang berkata ,"Ya Tuhan kami, jauhkanlah azab jahanam daripada kami, kerana sesungguhnya azabnya itu membawa kebinasaan yang kekal*" (QS; Al-furqan: 65)

4. "*Dan (termasuk hamba-hamba Tuhan yang Maha Pemurah) orang yang apabila menginfakkan (harta), mereka tidak berlebihan dan tidak pula kikir, sebaliknya perbelanjaan mereka adalah secara wajar dan sederhana (antara boros dan kikir itu).*" (QS; Al-furqan: 67)

5. "*Dan orang yang tidak mempersekutukan Allah dengan sembahan lain dan tidak membunuh orang yang diharamkan Allah kecuali dengan (alasan) yang benar dan tidak berzina; dan barang siapa melakukan demikian itu, nescaya dia mendapat hukuman yang berat.*" (QS; Al-furqan: 68)

6. "*Dan orang yang tidak memberikan kesaksian palsu dan apabila mereka bertemu dengan (orang) yang mengerjakan perbuatan yang tidak berfaedah , mereka berlalu dengan menjaga kehormatan dirinya*" (QS; Al-furqan: 72)

7. "*Dan orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka , mereka tidak bersikap sebagai orang tuli dan buta*" (QS; Al-furqan 73)

8. "Dan juga mereka berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadi-

kanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa" (QS; Al-furqan: 74)

Dan pada penutup ayat tersebut Allah swt telah menjelaskan suatu ganjaran dan keabadian yang akan didapat seperti orang beriman dan orang soleh, Allah swt berfirman :

"*Mereka itu akan diberi balasan dengan tempat yang tinggi (dalam syurga) atas kesabaran mereka, dan di sana mereka akan disambut dengan penghormatan dan doa sejahtera*" (QS; Al-furqan 75)

Sesungguhnya hati yang telah sempurna kejernihan dan kemurniannya dikeranakan rahmat dan kasih sayang Allah akan menjadikan pemiliknya meninggalkan sifat-sifat perangai manusia mendekati cahaya sifat-sifat malaikat. Yang pada akhirnya akan membawa pemilik hati tersebut menuju sifat-sifat orang mukmin yang telah disebutkan Allah swt dalam Al-Quran.

Sebahagian dari mereka yang hidup dengan keadaan seperti itu, mereka bagaikan bintang-bintang yang bersinar di langit –yang tidak terhitung jumlahnya- yang menyinari roh dalam jiwanya dan tertutup dari pandangan manusia. Sehingga orang-orang tidak mengetahui isi hati mereka.

Sedangkan sebahagian daripada wali-wali Allah swt dan para kekasihNya dapat diketahui dengan jelas, hal itu disebabkan kerana mereka dibebankan tugas untuk membimbing umat manusia. Mereka mendapatkan balasan yang melimpah dari Allah swt dikeranakan khidmat mereka pada umat manusia, mereka bagaikan mentari hidayah yang akan selalu bersinar pada zamannya dan zaman yang akan datang. Mereka juga para wali dan kekasih Allah swt mengetahui hikmah dan rahsia ilahi yang tersirat dari setiap kejadian yang terjadi.

Kerana itu mereka hidup dalam kedamaian yang diliputi hikmah ilahi sehingga mereka mengetahui rahsia disebalik hikmah tersebut. Mereka juga menjaga diri mereka dari sifat-sifat manusia yang lemah seperti gelisah, kesedihan dan kebimbangan. Dalam meningkatkan diri mereka ke darjat spiritual yang dimulai dengan mengamati ciptaan Sang Khaliq yang penuh dengan ketakjuban dan keindahan, mereka memulai memandang lebih jauh dengan pandangan hikmah yang diiringi oleh rasa cinta, iktibar dan kekaguman padanya. Dan tidak ada bagi mereka atas semua ciptaan ilahi yang bersifat *abats* (sia-sia).

Dengan ini, tampak jelas sifat kelembutan, belas kasih dan kemuliaan yang ada di dalam akhlak dan pribadi Musa Afandi –kami telah melihat sifat-sifat terpuji tersebut dalam diri Musa Afandi sepanjang hidup beliau- telah terlaksana dalam keseharian hidupnya. Kerana beliau memandang semua bentuk ciptaan Allah swt dengan mata kasih sayang dan rahmat.

Dari apa yang telah beliau kerjakan, beliau mempunyai sifat kasih sayang yang sangat luas di antaranya memberi makan terhadap haiwan kucing dan memberinya tempat tinggal, juga pada burung-burung yang berterbangan di atas kebunnya.

Kita juga harus sentiasa ingat dengan firman Allah yang berkata:

"Dan terhadap nikmat Tuhanmu, hendaklah engkau nyatakan (dengan bersyukur)" (QS: Ad-duha; 11)

Dan apa yang telah dilakukan oleh Musa Afandi –diantara orang-orang yang memiliki kesan dalam pemikiran dan perilaku pada kita- telah menjadikan kami untuk menulis kalimat "*min al-iman ila al-ihsan*" (dari iman menuju amal kebaikan) sebagai akhir tajuk dari buku ini dengan nama "At-Tasawwuf min al-iman ila al-

ihsan" (pemahaman tasawuf dalam perspektif iman menuju amal kebaikan).

Dengan perantara buku ini kita sangat merasakan untuk mengingat –atas nama pelajar-pelajar dan muridnya- syakhsiah Musa Afandi –semoga Allah melimpahkan berkat dan rahmat padanya- sebagai kekasih Allah swt. Dengan rasa hormat kami yang mendalam, cinta dan doa, kami meminta kepada pembaca buku ini yang mulia untuk mengirimkan bacaan surah Al-fatihah kepadanya.

Secubis Nasihat Beliau (Musa Afandi):

Disini kita akan memaparkan sedikit nasihat yang mulia Musa Afandi- semoga Allah swt memberkatinya- yang mana telah teringkas dari khutbah-khutbah beliau, yang telah ditulis oleh murid-muridnya. Berikut kumpulan nasihat beliau yang sangat indah:

Jadilah orang yang selalu memiliki hati rendah diri dan ketahuilah nilai dari masa dan nafas yang kamu miliki, janganlah kamu sia-siakan keduanya.

Cintailah hamba-hamba Allah dan janganlah berselisih dengan mereka, bergaul lah dengan manusia sesuai dengan tingkat iman mereka, tutuplah keburukan-keburukan mereka dan berhati-hatilah terhadap perkara halal dan haram.

Jadikanlah maksiat yang dilihat orang lain kecil namun besar di matamu. Kerana sesiapa yang memandang dosa itu kecil maka ia seperti menganggap perintah maha suci Allah swt dengan suatu hal kecil.

Untuk mencapai reda Allah swt, hendaklah kita menghiasi waktu akhir malam dengan solat, zikir dan doa.

Hendaklah kita memberi khidmat bagi setiap anggota keluarga kita juga kepada orang-orang yang sudah tua.

Hendaklah kita mengurangi pergaulan bersama orang yang tenggelam dalam kelalaian (pada Sang Pencipta), serta memperbanyak muamalah dengan orang soleh.

Bantulah pare kerabat terdekat kita ketika mereka dalam kesusahan, juga kepada orang yang memerlukan meskipun dengan kata-kata yang baik ataupun dengan harta.

Perhatikanlah dengan cermat terhadap perkara-perkara haram dan halal. Dan yang lebih penting adalah menjaga dan bersikap wara dalam perniagaan jual-beli kerana harta yang kita makan dapat meningkatkan nilai ibadah kita.

Seorang hamba akan dekat dengan Tuhannya disebabkan rasa kasih sayang dan akhlak terhadap makhluk lainnya. Sedangkan hamba yang dekat pada Sang Pencipta merupakan cermin dari hadith Nabi saw yang berbunyi:

"*Tuhanku telah mendidikku, maka Dial ah sebaik-baiknya yang mendidik.*" (As-suyuty, Jami shaghir, juz1,12)

Ketahuilah bahawa kesalahan, perkara syubhat dan tergelincir dalam maksiat semua itu datang kerana kelalaian kita kepada Sang Pencipta, iaitu pada saat-saat kita seharusnya mengingat Allah swt.

Sedangkan orang-orang yang selalu menjaga hatinya dalam mengingat Allah swt, ia tidak akan merasakan kegelisahan, kesedihan, dan kesusahan di dunia bahkan bertambah kebahagiaan mereka. Mereka sentiasa menyibukkan hatinya dengan kedamaian, kedermawanan, dan kasih sayang kepada makhluk lain. Yakni seorang hamba yang benar-benar cinta kepada Allah swt ia akan mensemaikan zatNya di dalam hati di setiap masa dan tempat. Seseorang yang sudah mencapai darjat seperti itu akan mencintai orang lain sesuai dengan kadar cinta orang tersebut kepada Sang Khaliq..

Manusia yang berakal setiap kali ia memikirkan kebesaran Sang pencipta atas nikmat –dunia dan akherat- yang telah diberikan padanya maka semakin bertambah ketakwaan dan ketawadhuan dalam hatinya, ia akan mencintai manusia sesuai dengan kedudukannya di sisi Allah swt dan akan meninggalkan perselisihan dan pertengkara sesama manusia meskipun ia berada dalam keadaan yang benar.

Pada saat yang sama mereka sedar akan dirinya bahawa hidup ini sangat singkat, kesedaran itulah yang menjadikan dirinya selalu berfikir dalam mencari reda Allah swt. Oleh kerana itu, keadaan hati mereka berubah yang awalnya gelap dan sempit menjadi tenang dan bahagia.

Manusia hendaknya menyedari bahawa tugas yang paling indah dan utama adalah berkhidmat pada masyarakat dalam hal kebajikan yang semata-mata hanya untuk mencari reda Allah swt, dan orang yang dalam hidupnya berusaha untuk membantu masyarakat, membina dan membimbingnya dia adalah orang yang paling mulia, dermawan dan bagus dalam masyarakatnya itu. Adapun balasan yang ia terima dari Allah swt berdasarkan kesungguhan dan usahanya. Dalam hal ini baginda saw bersabda:

"*Pimpinan kaum adalah seseorang yang berkhidmat pada mereka*" (Bayhaqi, syuab, juz: 6, hlm: 334.)

Kebanyakan dari manusia ketika menjalankan ibadah dan ketaatan mereka tidak memperhatikan tabiat (menutupi aib) iaitu memaafkan aib dan kekurangan orang lain. Padahal sifat tersebut adalah sifat yang dimiliki Sang Pencipta yang harus dicontoh oleh manusia. Dengan ini mereka tidak dapat meningkatkan darjat mereka secara sempurna sesuai dengan yang mereka inginkan.

Sesungguhnya perbuatan ihsan dan menutupi aib orang lain diantara perbuatan yang mencerminkan akhlak mulia. Sebagaiamana

Allah swt memiliki sifat pemaaf atas dosa dan perbuatan maksiat hambaNya yang tidak terkira, sepatutnya kita sebagai makhluk Allah juga melakukan hal yang sama dengan memberi maaf atas kesalahan orang lain terhadap kita, kerana orang yang memiliki rasa cinta kepada Allah dalam hatinya ia tahu makna yang terkandung dalam kata *afwu* (maaf). Berikanlah maaf atas kesalahan orang lain maka Allah akan memaafkan dosa-dosa kita.

Sedangkan berserah diri adalah kunci kebahagiaan dan ketenangan yang tiada duanya iaitu reda atas apa yang telah Allah berikan padanya dan memperhatikan sesuatu yang halal dan haram.

Hamba Allah (orang yang berjalan untuk mencapai darjat di sisi Allah swt) terdapat dua golongan: yang pertama ialah mereka yang menjadikan bacan zikir-zikirnya sebagai suatu kebiasaan dan mereka mendapatkan pahala. Golongan yang kedua adalah mereka yang tidak hanya menjadikan zikirnya sebagai suatu kebiasaan akan tetapi mereka mendapatkan ketenangan ikhlas dalam setiap lantunan zikir yang dibacanya, mereka (golongan yang kedua) juga memperhatikan setiap ayat Al-Qur'an yang dibacanya, berserah diri kepada Allah atas qada dan qadar yang telah ditetapkan, menjadikan setiap perbuatannya sentiasa bersesuaian dengan reda Allah serta hati dan roh mereka mendapatkan darjat di sisi Allah. Akan tetapi golongan kedua ini tidak banya bahkan dalam realitinya mereka berjumlah sangat sedikit.

Kemahiran dan kedamaian jiwa yang sentiasa bersama Allah swt dalam hiruk pikuknya kehidupan yang berada di tengah-tengah pelbagai kesibukan merupakan akhlak mulia yang diberikan Allah swt terhadap hamba-hambaNya yang soleh. Dan apabila kita merenungkan hal ini maka kita akan menyedari bahawa dunia ini akan lenyap.

Sesungguhnya nikmat terbesar yang Allah kurniakan kepada hambaNya adalah pengetahuan tentang manusia bahawa ia diciptakan dalam keadaan lemah, dan barangkali kenikmatan terbesar yang Allah swt telah berikan padaku –Musa Afandi- adalah kesedaran terhadap kesalahan dan dosa yang telah aku lakukan. Oleh kerana itu, bagi setiap orang hendaknya menyedari atas kesalahan-kesalahan dosa yang telah dia lakukan serta berusaha untuk memperbaikinya, dengan demikian aku tidak memiliki daya untuk memperhatikan kesalahan orang lain dan disibukkan olehnya. Akhir kata, Segala puji dan syukur hanya milik Tuhan semesta alam yang telah memberikanku segala nikmat yang tidak terkira..

Sungguh nasihat-nasihat dan amaran beliau penuh dengan rasa cinta, kasih sayang dan keistiqamahan beliau, semuanya telah memberika pantulan sinar cahaya pada diri kita. Beliau –Musa Afandi- adalah syaksiah yang menjadikan *al-ihsan* (semua amal baik) sebagai landasan dan pegangan hidupnya. Semoga Allah swt melimpahkan rahmat padanya serta

❁

Tasawuf dari Iman Menuju Ihsan, Percikan dan Titisan Dalam Hati

Tasawuf dapat menjadikan ibadah seseorang lebih bermakna dan indah, disebabkan sentiasa adanya rasa pengawasan dari Allah swt serta amal yang sesuai dengan Al-quran dan As-sunnah. Tasawuf adalah ilmu yang membimbing seorang hamba untuk menghilangkan hambatan dirinya dalam mencapai darjat ubudiyyah (ketaatan) yang sempurna serta menjadikan hati lebih kuat dan ikhlas dalam melaksanakan ibadah.

TASAWUF DARI IMAN MENUJU IHSAN, PERCIKAN DAN TITISAN DALAM HATI

Dalam buku yang bertajuk "tasawuf dari iman menuju ihsan"[26]

"Tasawuf dapat menjadikan ibadah seseorang lebih bermakna dan indah, disebabkan sentiasa adanya rasa pengawasan dari Allah swt serta amal yang sesuai dengan Al-quran dan As-sunnah. Tasawuf adalah ilmu yang membimbing seorang hamba untuk menghilangkan hambatan dirinya dalam mencapai darjat ubudiyyah (ketaatan) yang sempurna serta menjadikan hati lebih kuat dan ikhlas dalam melaksanakan ibadah."

Majalah Alton uluq :"Tuanku anda telah menyediakan buku yang bertema (tasawuf dari iman menuju ihsan) sedangkan saat ini telah banyak terbit buku-buku yang membahas permasalahan tasawuf, lalu mengapa anda merasakan keperluan untuk menyusun buku baru ini?"

Penulis: "Memang benar, banyak sekali buku-buku yang bertemakan tasawuf, akan tetapi pasang surut yang ada dalam dinamika kehidupan yang bergerak- iaitu ketundukan masyarakat pada materi duniawi menyebabkan rosaknya ketenangan dan ketentraman sosial. Sedangkan manusia dihadapkan pada permasalahan-permasalahan yang baru. Dengan kesamaan unsur permasalahan seiring berjalan-

26. Dalam bagian buku ini akan dipaparkan perbincangan antara majalah Altun Uluq dengan penulis.

nya waktu maka munculah pelbagai pandangan dan hasrat manusia yang baru.

Seperti halnya keperluan dalam membuat buku-buku tentang syari'at dan buku-buku sains untuk meletakkan perkembangan pendapat-pendapat dan teori yang berlangsung, kita juga memerlukan dalam perkembangan zaman penulisan permasalahan-permasalahan ilmu tasawuf yang baru sebagai suatu hajat hidup dalam memenuhi jiwa, tentunya hal tersebut harus bersesuaian dengan keadaan zaman tersebut dan keperluannya. Maknanya penulisan mengenai perkara-perkara baru yang berkaitan dengan perkembangan ilmu tasawwuf –yang ditulis dengan gaya bahasa yang sesuai pada zaman tersebut- harus menggambarkan hakikat sufi yang sebenarnya serta meluruskan faham-faham yang salah.

Tentunya itu semua bukan satu-satunya alasan dalam pembuatan buku ini, akan tetapi hal yang lebih penting adalah bagaimana tasawuf itu sendiri dapat memperlihatkan keindahan sufi sehingga dapat menyentuh hati jiwa manusia -disetiap saat dan tempat-. Oleh kerana itu diperlukanlah penyusunan-penyusunan buku sufi yang banyak.

Dengan demikian kita berusaha untuk mempersembahkan sedikit titisan pena untuk menyejukkan hati dalam lautan ilmu Allah swt demi tercapainya matlamat ilmu tasawuf. Kerana tasawuf adalah perkara yang banyak dibincangkan, maka kami akan merasa bahagia jika kami dapat menjadi penyambung bagi hati kepada darjat tinggi di sisi Allah swt.

Dengan kata lain kami tidak menulis dalam buku kami matlamat yang menyimpang terhadap apa yang sudah tertulis –dari ilmu-ilmu tasawuf- hingga saat ini, demi menjaga adab dalam menghormati buku-buku sebelumnya. Apa yang kami lakukan ini ibarat pembaharuan tasawuf pada takwim kehidupan dengan serangkaian

tulisan yang sesuai dengan maslahat keadaan zaman kita sekarang, tanpa mengelakkan manfaat yang dapat diperoleh dari buku-buku tasawuf sebelumnya mahupun manfaat dari para kekasih dan wali Allah swt.

Buku ini juga ibarat titisan air yang direnjiskan oleh buku-buku sufi terdahulu yang ditulis para kekasih Allah swt dan dipersembahkan kepada manusia zaman sekarang.

Para kakasih Allah swt memandang matahari yang terbit dan keindahan warna pelangi yang disebabkan sinar matahari semasa hujan dengan penuh rasa takjub dan kagum, mereka menjadikan hukum alam (sebab-musabbab) sebagai perantara makrifat Zat Allah swt. Hati mereka selalu penuh dengan rasa cinta kepada makhluk Allah swt, ketika melihat ular mereka tidak lari menjauh ataupun takut kerananya, tetapi mereka mengamati keindahan corak kulit ular tersebut dengan rasa kagum. Dengan kata lain mereka para kekasih Allah swt sentiasa memandang makhluk-makhluk Allah dengan pandangan hikmah dan rasa kasih sayang.

Sekali lagi, dalam buku ini yang telah selasai penulisannya memiliki matlamat iaitu menjelaskan bahawasannya tasawuf dan islam adalah satu kesatuan yang tidak terpisahkan, yang kedua buku ini juga menjelaskan pentingnya menghidupkan agama dan menghadirkannya dalam setiap keadaan dahir mahupun batin. Dan untuk lebih menekankan maksud dari matlamat buku ini kami memberinya tajuk "*Tasawuf dari iman menuju ihsan*".

Tujuan lain dari penyusunan buku ini adalah meletakkan mahkota ihsan dalam dimensi iman dan islam, iaitu dengan menumbuhkan perasaaan adanya pengawasan Allah swt dalam setiap gerak hati, kerana makna hakikat tasawuf adalah hidup dengan mengetahui rahsia-rahsia dan hikmah yang terkandung dalam Al-quran dan As-sunnah. Dan setiap perkataan, keadaan dan prilaku yang berten-

tangan dengan Al-qur'an dan hadith maka hukumnya bathil. Oleh kerana itu terdapat ungkapan: "*Syariat itu ibarat kaki jangka sudut yang tetap*". Maulana Jalaluddin –semoga Allah merahmatinya- berkata: "Kita ini ibarat jangka sudut yang mengedepankan ketetapan dan kepastian dalam syariat, sedangkan kaki kita yang pertama mengelilingi tujuh puluh dua umat lainnya."

"Syariat itu ibarat lilin yang menyebarkan cahaya dan menyinari jalan, apabila kamu memperhatikan lilin tersebut atau mencari cahayanya maka kamu tidak akan tersesat. Akan tetapi kamu tidak dapat melalui sebuah jalan tanpa adanya lilin, lalu apakah kita dapat memulai berjalan sebelum adanya cahaya syariat? Seperti inilah tasawuf ia ibarat jalan tersebut.

Dari sisi yang lain, sesungguhnya ihsan dapat menjadikan ibadah menjadi lebih bermakna dan berkesan di dalam hati serta menjadikan seorang hamba merasakan seakan-akan ia melihat Allah swt dalam setiap masa. Ihsan juga dapat membimbing seseorang menjadi pribadi yang dapat menyusun hidupnya lebih bermanfaat sehingga ia pada akhirnya menjadi hamba-hamba Allah yang dekat di sisinya. Dan itulah hakikat kehidupan jiwa yang sebenarnya.

Matlamat dari seseorang yang masuk dalam tasawuf ialah mencapai hakikat kehidupan tersebut. Hal ini juga menerangkan adanya ikatan antara roh di dalam jiwa manusia dengan Sang Khaliq. Sedangkan orang yang membina pertalian ini –antara jiwa dengan Zat Allah swt- dengan cara yang benar maka ia akan menjadi wali Allah swt di muka bumi ini, dan inilah yang disebut sebagai berakhlak dengan perangai ilahi.

Hal tersebut merupakan makna ubudiyyah (penghambaan) kepada Allah swt dengan cara paling indah serta menggambarkan kesungguhan hamba dalam persiapan menuju alam yang abadi. Dengan kata lain bahawa tasawuf adalah amalan yang menghidupkan ubudi-

yyah dengan sebaik-baiknya bentuk. Kerana Allah swt mencipta-kan manusia supaya mereka beribadah padaNya.

Dengan demikian tasawuf memungkinkan seseorang untuk melaksanakan ibadah dengan sebaik-baiknya bentuk. Hal itu dik-eranakan ia selalu merasa dirinya diperhatikan oleh Allah swt serta hidup yang selalu berpegang pada al-Quran dan hadith. Tasawuf juga dapat menghilangkan penghambat atau rintangan yang mence-gah sampainya ibadah pada Allah swt serta pengokohan jiwa yang digunakan sebagai medium perantara dalam beribadah.

Tasawuf ibarat tanah yang gersang dan tandus atau tempat yang mati tidak ada kehidupan di dalamnya kemudia ia berubah menjadi taman yang dihiasi oleh pelbagai macam bunga dengan keindahan warnanya. Tasawuf dapat menjadikan hati yang hancur berubah menjadi suaty istana yang dapat di diami.

Ringkasnya tasawuf adalah jalan terang yang menjadikan se-orang hamba di sisi Allah swt mempunyai kedudukan yang layak dengan "sebaik-baik hamba", mereka meninggalkan alam yang fana menuju alam yang kekal abadi. Dan hal tersebut tidak diragukan akan menaikkan iman ke tingkat ihsan.

Majalah Alton Uluq: "Apa yang anda katakana sedikitnya te-lah menggambarkan kandungan isi buku, secara umum apa yang anda bincangkan dalam buku ini? Dan apa faedah yang dapat diper-oleh dari perbincangan tersebut?

Penulis: "Setelah kami menerangkan dalam buku ini kandun-gan tasawuf secara umum, kita mulai menjelaskan masalah-masalah –yang menjadi tajuk-tajuk utama- seperti makrifat dan cinta kepada Allah swt, pembersihan jiwa, pemurnian hati, metode dan tariqah dalam sufi, dan lain sebagainya.

Selepas itu kami berusaha memberikan contoh-contoh syakhsiah yang dijadikan teladan dari para pembesar islam khususnya Nabi Muhammad saw dan orang-orang yang meneladaninya dengan ihsan. Kami juga menerangkan maklumat berkali-kali sebagai jawapan dari pelbagai pandangan negatif dan syubhat-syubhat yang berkaitan dengan tasawuf tanpa kita menyebutkan orang-orang tersebut (yang mempunyai pandangan negatif).

Di samping itu kami telah menjelaskan dalam buku ini bahawasanya tidak ada hubungan apapun antara jalan yang penuh berkat ini dengan perkataan mahupun perbuatan tidak pantas yang dilakukan oleh orang-orang yang jauh dari pendidikan spiritual –yang dapat diberikan oleh tasawuf-, atau mungkin kerana kebodohan dan kelalaian mereka meskipun dalam hatinya memeliki niat yang baik

. Kerana tasawuf bertujuan untuk membina diri manusia dengan cara membersihkan diri dan jiwa sebagaimana disebutkan dalam al-qur'an dan hadith pada khususnya, serta bertujuan untuk mencari kebahagiaan yang abadi melalui jalan ini. Masalah ini adalah kenyataan yang diisyaratkan Allah Azza Wajalla dalam firmanNya serta mengulanginya berkali-kali. Dia berfirman dalam Al-Quran:

Ertinya: Demi matahari dan sinarnya di pagi hari, demi bulan apabila mengiringinya, demi siang apabila menampakkanya, demi malam apabila menutupinya (gelap gulita), demi langit serta pembinaanya (yang menakjubkan), demi bumi serta hamparannya, demi jiwa serta penyempurnaan (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntung orang yang menyucikan (jiwa)nya, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya, *(QS. Asy-Syams:1-10)*

Allah swt dalam ayat tersebut bersumpah dengan beberapa makhluk ciptaanNya, hal itu menunjukan kemulian ciptaan makhluk tersebut, juga menunjukan keagungan dan keluhuran kehendak dan

matlamat ilahi yang dijelaskan selepas ayat sumpah. Apabila kita perhatikan pada ayat-ayat tersebut Allah swt bersumpah sebanyak tujuh kali, dan di dalam Al-quran tidak ada ayat seperti ayat tersebut yang disebutkan sebanyak tujuh kali secara beriringan, terkadang Allah swt menambahkan kata **qad** yang mengandung penguatan makna pada kalimat selepasnya. Oleh kerana itu Allah swt berfirman setelah ayat-ayat sumpah:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّيهَا

Ertinya: sesungguhnya beruntung orang yang menyucikan (jiwa)nya. (QS. Asy-Syams: 9)

Dan yang harus diperhatikan dengan baik bahawa tidak pernah disebutkan dalam Al-Qur'an ayat sumpah yang beriringan sebanyak tujuh kali dalam perkara lain kecuali dalam hal *tazkiyah nafs* (penyucian jiwa). Kenyataan ini cukup untuk menjelaskan betapa pentingnya pembersihan jiwa untuk memperoleh kejayaan dan keselamatan manusia di dunia dan akherat.

Demikianlah buku yang kami tulis dalam pembahasan "*Tasawuf dari iman menuju ihsan*" yang menggambarkan tentang kekasih dan wali Allah swt dalam membersihkan jiwa mereka dengan perkataan, sikap dan keindahan akhlak mereka.

Majalah alton uluq: "Semua itu tanpa diragukan merupakan jawapan dari pertanyaan tentang "bagaimana tatacara bertasawuf" maka dari itu bagaimana kami harus mengetahui pengertian tasawuf dengan definasi yang jami' mani' (ringkas dan mengandung erti luas sehingga tidak dapat dimasuki oleh pengertian lain)? Dapatkah anda memberikan satu definasi atau beberapa pengertian mengenai tasawuf dan nilai terpenting dari tasawuf itu sendiri?

Penulis: “Tasawuf adalah ilmu yang dapat dirasakan dan diketahui melalui interaksi hubungan sesama makhluk. Oleh kerana itu pada umumnya setiap manusia mengalami pelbagai macam perkara dan kejadian yang ia rasakan dalam hidupnya. Dan kesan dari perjalanan hidup manusia inilah terdapat banyak pengertian mengenai tasawuf.

Dengan kata lain kita dapat mengatakan bahawa para ulamak tasawuf telah melalui suatu jalan (spiritual) yang akhirnya menjadi perangai mulia yang terpancar dari diri mereka, ibarat sebuah kristal yang memancarkan kilauan warna ke pelbagai hala.

Dan berikut ini adalah sebahagian dari beberapa pengertian tasawuf yang diletakkan oleh para kekasih Allah swt melalui pengalaman perjalanan kehidupan spiritual mereka, di antaranya:

– Tasawuf adalah perangai dan adab yang baik.

– Tasawuf adalah penyucian jiwa dan hati

– Tasawuf adalah peperangan dalam jiwa yang tidak ada kelembutan di dalamnya.

– Tasawuf adalah keikhlasan.

– Tasawuf adalah istiqamah.

– Tasawuf adalah reda dan pasrah kepada Allah swt.

– Tasawuf dapat menjadikan kamu sebagai kekasih Allah dan tidak membawa beban berat, yakni kamu akan bersabar terhadap beban berat orang lain dan tidak akan membebani mereka.

Dari sisi yang sama dalam pengertian tasawuf -yang memiliki pelbagai makna berbeza-beza- kita dapat mengatakan bahawa tasawuf adalah pembersihan alam jiwa orang-orang mukmin sehingga mereka mencapai darjat kesempurnaan spiritual, membimb-

ing kepribadian dengan keluhuran akhlak serta medekatkan mereka pada Sang Pencipta Allah swt. Dengan gambaran tasawuf seperti itu menunjukan bahawa tasawuf merupakan ilmu yang menghantarkan seorang hamba untuk mencapai makrifatulllah.

Komuniti tasawuf yang terkenal milik Syaikh Ibrahim Afandi yang berada di daerah "Aq saray" menjelaskan kepada kita pengertian dari tasawuf. Dan diantara pengertian tersebut adalah:

– Tasawuf ialah menjadikan jiwamu terlepas dari keterikatan pada dunia di awal dan membawamu menuju takhta hati di akhir.

– Tasawuf membawa totalitasmu pada nilai tanggung jawab keimanan yang kuat serta menjadikan dirimu sebagai syakhsiah pemaaf.

– Tasawuf adalah bertindak dengan nama yang agung ketika berinteraksi dengan semua makhluk iaitu menjadi syakhsiah Al-Quran yang berjalan di atas muka bumi.

– Tasawuf di bawah pelebagai jenis pengertiannya memilki garis kesamaan makna iaitu penyucian hati dari kotoran-kotoran duniawi dan berprilaku dengan akhlak yang luhur.

– Tasawuf adalah berusaha menghidupkan islam dengan perangai luhur dan berkesan yang sesuai dengan norma islam. Tasawuf dalam pengertian ini bermakna pencapaian pada kematangan dan kesempurnaan pandangan terhadap rahsia-rahsia, hikmah dan misteri ilahi –yang tersimpan di dalam ciptaan makhluk- yang tidak dapat dicapai oleh akal fikiran semata.

– Tasawuf bermakna kesungguhan untuk menghilangkan penghalang di dalam jiwa yang menghambat hati -disebabkan perbuatan dosa dan maksiat- demi mencapai kebahagiaan hakiki yang tidak aka nada habisnya.

– Tasawuf adalah menjauhkan diri dari kecenderungan dan kegemaran pada hawa nafsu yang memenjarakan jiwa. Setelah itu ia memimpin pada pengetahuan dan keadaan spiritual yang hakiki, juga pada perasaan dan kepekaan hati dalam mengetahui hakikat-hakikat yang tersembunyi disebalik alam ciptaan ini. Sedangkan lembaran-lembaran ibrah (pelajaran) dan hikmah yang tersimpan di alam ciptaan ini menunjukan kebesaran Sang Penciptanya.

Tasawuf dengan pengertian-pengertian di atas menggambarkan erti cinta yang mendalam dan hidup (dengan mengambil teladan) bersama Rasulullah saw secara dhahir dan batin. Kerana kehidupan tersebut menampakkan kemuliaan jiwa lahiriah dan batin seseorang terhadap Rasulullah saw.

Dengan demikian kita dapat mencapai sebahagian dari kehidupan spiritual Rasulullah saw iaitu menjadi pribadi platonik (dalam bentuk majaz). Dengan kata lain tasawuf adalah penyatuan antara iman dan ibadah yang menuju pada etika dan keindahan perangai.

Ringkasnya, tasawuf ibarat titisan-titisan embun cahaya yang bersemai dalam hati-hati yang penuh dengan rasa cinta, dimulai dari ditiupnya roh pada Nabi Adam as hingga akhirnya mencapai kesempurnaan pada Nabi akhir zaman Muhammad saw.

– **Majalah alton uluq** : apakah mungkin kita dapat mempercayai sebuah hubungan yang kuat di dalam bingkai kehidupan tasawuf sepanjang perjalanan sejarahnya telah terealisasikan disebabkan adanya faktor keimanan dan kemurnian makrifat seperti yang telah anda sebutkan dalam beberapa definasi tasawuf?

Melihat kenyataannya, tasawuf yang ada sekarang ini sama seperti yang dahulu –meskipun terkadang terjadi beberapa penyimpangan yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggung jawab-, dan seiring bergantinya hari manusia semakin merasakan

sangat perlunya kehadiran tasawuf dalam praktikal keseharian. Pada saat yang sama banyak dari kalangan orang-orang islam dan bukan islam memperhatikan suatu hubungan yang jauh dari nilai-nilai keluhuran etika yang mungkin dapat kita namakan “jauhnya nilai spiritual dalam islam”, menurut anda apa penyebab terjadinya fenomena ini?

– **Penulis**: sesungguhnya tasawuf membimbing manusia menuju jalan hakikat, dan hakikat tersebut memberikan ketenangan spiritual yang sesuai pada setiap keadaan individu –dalam menitin-ya-. Dengan demikian, segala sesuatu yang berhubung kait dengan jiwa dan roh manusia adalah objek dari tasawuf.

Perjalanan-perjalan yang ditempuh seorang hamba dalam me-niti tangga spiritual tasawuf memiliki beragam keadaan, pengeta-huan serta ribuan pengalaman rohani yang tidak terkira, seperti ke-mampuan untuk mengetahui wujud Allah swt Tuhan semesta alam melalui makrifat dan penghambaan padaNya.

Untuk itu, dalam bertasawuf –yang menyeru kepada setiap in-dividu manusia- seseorang tidak boleh memiliki sifat lemah dan ma-las ketika tiba masa istirahat dalam mencari nafkah mahupun dalam bermasyarakat. Akan tetapi ia harus menghidupkan jiwanya dengan semangat spiritual rohani serta menjadikannya sebagai perbuatan atau amalan yang berterusan tidak berhenti.

Tasawuf dari sisi lain dapat membuka tingkap rabbani pada hati yang menghirup sesaknya udara disebabkan hiruk pikuk kedhali-man, kelalaian dan maksiat yang menyelimutimya dan menjadikan-nya kembali menghirup udara cahaya ilahi yang penuh kedamaian dan ketenangan. Tasawuf juga air ibarat hujan yang turun rintik-rintik membasahi hati yang berlumur dosa dan air kehidupan bagi akal fikiran yang kering serta jiwa-jiwa yang dahaga.

Kehidupan tasawuf juga dapat menjaga diri dari perbuatan dusta, sombong dan ujub serta memberikan rasa tawadhuk (rendah diri) bagi orang-orang yang telah mencapai darjat tertinggi dalam berakhlak mulia dan ibadah. Ia juga dapat menolong jiwa-jiwa yang tenggelam dalam rawa maksiat seperti menjadi pribadi pemaaf, pemurah serta kasih sayang. Misalnya dalam sejarah kenyataan ini, bertambahnya kekuatan dalam beberapa jamaah aliran sufi serta banyak munculnya pembesar-pembesar sufi pada masa datangnya serangan dari pasukan mongol. Ketika itu para sufi menjadi penenang dan pelipur lara bagi kekacauan dan gangguan-gangguan yang menyebabkan tersebarnya fitnah dan kerosakan yang menyerang wilayah Anadol saat itu.

Kerana tasawuf sendiri memiliki kelembutan dalam menyentuh hati serta dapat menghidupkan hati dengan cara berserah diri kepada Allah swt atas semua permasalahan-permasalahan hidup yang tidak dapat dijangkau oleh akal. Setelah berpasrah diri inilah hati akan mengetahui cara penyelesaian permasalahan tersebut ibarat tirai makrifat yang menyingkap rahsia-rahsia ayat-ayat Al-Quran dan hadith.

Barangkali ungkapan Muhammad Hamidallah, salah satu ulama islam yang masyhur pada abad kita ini yang telah menghabiskan seluroh hidupnya untuk berdakwah dan menyebarkan agama islam khususnya karangan-karangan beliau dengan pelbagai bahasa dari barat mengatakan dengan perkataan yang penuh makna dan matlamat: “Sungguh aku dahulu mempelajari apapun hanya bersandar pada akal, ketika itu pelajaran dan kajian-kajian yang berkenaan dengan syariat tidak dapat menjadikan diriku merasa puas dan tidak menyentuh hati. Aku hanya melaksanakan perintah Allah swt seperti solat, zakat, puasa bukan kerana adanya jiwa sufi dalam diriku tetapi hanya kerana kewajipan syariat sahaja. Lalu aku berkata pada diriku: sesungguhnya Tuhan dan kekasihku adalah Allah swt. Dia

telah memerintahkanku untuk melakukan semua ini. Maka dari itu aku harus melaksanakan semua perintah kewajipan-kewajipan dari-Nya, di samping itu sesungguhnya kebenaran dan kewajipan saling berhubungan satu sama lain. Allah swt telah memerintahkanku "ambillah manfaat dan faedah dari semua itu". Dalam hal ini tanggung jawabku adalah bersyukur kepada-Nya.

Sejak saat itu aku mulai hidup dalam masyarakat barat di wilayah seperti paris, aku merasa tercengang dan hairan kerana apa yang menyebabkan orang-orang kristian di negeri ini masuk islam bukanlanh kerana pandangan-pandangan atau pendapat ulama fiqah ataupun ilmu kalam dan lain sebagainya, akan tetapi para pembesar sufi seperti Ibnu Arabi, Maulana Jalaluddin ar-Rumi. Saya adalah saksi mata pada kejadian, dan ketika mereka meminta padaku untuk menjelaskan salah satu pembahasan mengenai islam saya memberinya dengan jawapan yang bersandar pada dalil-dalil akal sahaja sehingga orang yang bertanya tidak merasa puas –atas jawapanku-, akan tetapi dalam tasawuf ia tidak meninggalkan buah atau kesan dalam penjelasan. Akhirnya aku ketika itu merasa kehilangan kekuatan dalam kesan atas pembahasan yang aku berikan. –selepas kejadian ini- aku yakin dan percaya bahawa yang dapat menyebarkan islam di barat bukanlah akal mahupun pedang tetapi hati –tasawuf- seperti pada masa Kazan Khans setelah kehancuran dan kerosakan yang disebabkan oleh Hulaku.

Setelah kejadian ini aku mulai untuk mempelajari beberapa buku karangan berkenaan dengan tasawuf, dan hal itu membuat mata hatiku terbuka. Akhirnya aku mengerti bahawa tasawuf yang berlangsung pada zaman Nabi Muhammad saw dan tariqah para pembesar sufi tidak hanya disibukkan dengan kemampuan akal sahaja atau sesuatu yang tidak mengandung makna, akan tetapi mereka berjalan melalui jembatan yang menghubungkan manusia

dan Sang Pencipta iaitu dengan pembinaan dan perkembangan seseorang menuju syaksiah yang ideal.

Manusia -dalam perjalanan hidupnya- ia diharuskan untuk mengkaji dan memperlajari sebab-sebab (ilmu) yang berkaitan dengan syariat, akan tetapi banyaknya syarah (penjelasan) yang disampaikan bersifat logik menjadikan ia jauh dari matlamat –sampainya ilmu dalam hati-. Adapun ilmu-ilmu yang disampaikan melalui penjelasan maknawi (spiritual) itulah sebenarnya yang dicari oleh manusia.[27]

Perbincangan kita kali ini menunjukan betapa pentingnya tasawuf pada zaman sekarang, terlebih semakin bertambahnya pelbagai krisis seperti krisis sosial (bermasyarakat) dan krisis ekonomi meskipun pada masa yang sama industri-industri berat dan perkembangan industry telah mencapai puncak kemajuan sehingga menyebabkan manusia seolah-olah ia seperti alat mesin.

❁

27. Muhammad Aziz Lahbabi, syaksiah islam, diterjemahkan oleh Ismail Haqi Aqin, hlm: 114-115, baris: 8, Istanbul, 1972 M.

Tasawuf dari Iman Menuju Ihsan

Apakah Tasawuf itu Penting?

Sesungguhnya barang siapa yang menganggap bahawa tasawuf tidak berfaedah dan tidak penting, maka ia seperti menganggap tidak pentingnya akhlaq, takwa, pengetahuan, pensucian diri, pembersihan hati, serta sampainya seorang hamba pada darjat ihsan kepada Allah swt.

– **Alton uluq**: memahami apa yang telah anda bincangkan dengan jelas bahawa tasawuf memiliki peran penting dalam menyampaikan dakwah islam. Seandainya kami bertanya rahsia apa yang terdapat dalam metode tasawuf dalam memberikan kesan positif yang banyak dalam menyebarkan islam, membimbing manusia hingga menjadi syaksiah yang mulia?

– **Penulis**: poin penting yang ada dalam tasawuf pada zaman ini adalah bahawa ia suatu jalan dan metode yang dapat diikuti dan direalisasikan dalam kehidupan untuk membina umat manusia. Hukum-hukum syariat islam pada asasnya bertujuan untuk *hifdhu an-nas* (menjaga manusia) dan membimbing mereka ke jalan yang lurus, samada mereka nantinya mendapatkan ganjaran ataupun seksa di dunia mahupun di akherat.

Sedangkan tasawuf yang dapat kita katakan sebagai *al-ahkam al-batiniyyah* (hukum-hukum dalam jiwa) ia menggunakan kecintaan, rasa kasih sayang dan pemurah –disamping mencari pahala Allah- untuk mencapai suatu matlamat. Kebanyakan dari umat manusia pada era moden sekarang ini jiwa mereka terlampau jauh dari nilai-nilai agama serta berbuat pelbagai kemaksiatan dikeranakan ketundukan jiwanya untuk mengikuti syahwat dunia. Oleh kerana itu tidak ada seorangpun yang menolak bahawa penyelesaian dan penyelamatan jiwa mereka dapat dilaksanakan dengan cara mem-

beri sikap maaf, bertoleransi dan kasih sayang kepada sesama manusia.

Oleh sebab itu, sebenarnya zaman kita sekarang ini peranan tasawuf memiliki tanggung jawab yang sangat diperlukan, seperti halnya ilmu-ilmu syariat yang memberikan kesan syarat sahnya amal ibadah diterima oleh Allah swt.

Seperti halnya di daerah kita terdapat orang-orang yang memiliki sikap pemaaf, toleransi dan kasih sayang. Di eropah kita dapat menyaksikan kejayaan masuknya islam dalam lubuk hati masyarakatnya justeru banyak dilakukan dengan cara pendekatan spiritual, bukan dengan pendekatan ancaman (seksaan), kemarahan ataupun dengan seruan-seruan yang menjadikan mereka semakin menjauh. Hal itu dikeranakan mereka hidup terbiasa bersandar pada akal semata, padahal metode berdakwah yang paling berkesan adalah dengan memperlihatkan perilaku yang penuh dengan rasa kasih sayang dan sikap murah hati.

Manusia mendapatkan kemuliaan dalam dirinya sesuai dengan sejauh mana kedekatannya dengan matlamat hakiki ia diciptakan iaitu ibadah, semakin ia mendekatkan diri kepada Sang Pencipta maka semakin dekat pada hakikat penciptaannya. Sedangkan manusia –yang diciptakan atas fitrah dan intipatinya yang mulia- ketika terperosok ke dalam jurang dosa ia ibarat jatuhnya hajar aswad dari Ka’bah ke atas tanah dan bercampur dengan kotoran-kotoran.

Sulit digambarkan bagaimana perasaan orang mukmin ketika melihat Hajar Aswad sebagai batu yang mulia jatuh ke atas tanah ia tidak marah dan tidak memberontak. Jatuhnya batu yang paling mulia tersebut tidak akan memalingkan pandangan orang mukmin di seluroh alam dari rasa hormat padanya, juga tidak akan mengurangi sedikitpun nilai kedudukannya yang agung di mata mereka.

Bahkan sebaliknya, orang-orang mukmin akan menjauhkannya dari debu-debu tanah, mereka membersihkannya dengan air mata yang mengalir dari kedua matanya, mereka akan berlumba berebut satu sama lain untuk meletakkannya kembali di tempat yang mulia dengan penuh rasa hormat dan pengagungan. Pengagungan mereka terhadap batu yang diturunkan dari Syurga, maka bagaimana dengan hati kecilmu tentang manusia yang dalam dirinya tersimpan rahsia:

"*Serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) ku.*" (QS; Al-hajar,29)

Rahsia roh dalam jiwa manusia merupakan asas diciptakan wujudnya dan intipati paling mulia. Oleh kerana itu darjat dan kedudukan manusia di dalam intipatinya -roh- tidak akan berkurang sedikitpun meskipun ia terjatuh pada titik terendah darjatnya disebabkan perbuatan maksiat dan dosa-dosa.

Sesungguhnya roh manusia seperti yang dikatakan Maulana Jalaluddin –semoga Allah memberkatinya- ibarat air jernih yang berkilau, akan tetapi ketia ia tercampur oleh kotoran disebabkan perbuatan-perbuatan dosa maka kamu tidak akan bisa melihat apapun di dalam air tersebut.

Dengan demikian hendaknya kita menjernihkan air tersebut agar kita dapat melihat kenikmantan maknawi –spiritual- dan cahaya yang hakiki. Dalam hal ini matlamat dari tasawuf adalah pembersihan jiwa dari sifat sombong dan syahwat serta membimbing tiap individu mahupun jamaah ke jalan hidayah, kedamaian dan keamanan.

Manusia yang melakukan perbuatan dosa sebesar apapun seperti syirik (mempersekutukan Allah), kufur (keluar dari islam) atau dosa-dosa besar lainnya selama ia belum menghembuskan nafas

terakhirnya maka masih ada kesempatan bagi dirinya untuk kembali kepada jalan hidayah yang diredai Allah swt di setiap masa.

Berikut ini adalah contoh kisah pada zaman kebahagiaan (*Asru Sa'adah*), ketika itu Rasulullah saw mengirim surat kepada Wahsyi –orang yang membunuh Hamzah ra paman Nabi saw- menyerunya untuk masuk islam, lalu wahsyi menjawab surat itu dan berkata: "Wahai Muhammad bagaimana mungkin kamu menjemputku untuk masuk islam, sedangkan dalam Al-Quran dikatakan:

"Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan, - " (QS;Al-Furqan 68-69)

Sesungguhnya aku telah melakukan tiga perkara tersebut, maka apakah masih ada pintu taubat untukku?

Lalu turunlah ayat:

"*Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* "(QS;Al-Furqan 70)

Kemudian baginda saw menulis ayat tersebut kepada Wahsyi, dan Wahsyi berkata: "Sesungguhnya dalam ayat tersebut ada syarat yang harus dipenuhi iaitu amal soleh (perbuatan baik) dan aku tidak tahu apakah aku mampu untuk berbuat amal baik atau tidak?, lalu turunlah ayat:

"*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengam-*

punkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar. ." (QS;An-Nisa 48)

Kemudian baginda saw menulis ayat tersebut kepada Wahsyi, dan Wahsyi berkata: "Sesungguhnya dalam ayat tersebut ada syarat juga, dan aku tidak tahu apakah Dia (Allah) menghendaki untuk mengampuniku atau tidak?"

Lalu turunlah ayat:

"*Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* (QS; Az-Zumar 53)

Kemudian Baginda saw menuliskan ayat tersebut pada Wahsyi, lalu ia menjumpainya tidak ada syarat dalam ayat tersebut kemudian ia merasa gembira seraya berkata "*Ya Tuhanku, alangkah besarnya rahmatMu*", lalu Wahsyi datang ke Madinah dan bartaubat *taubat nasuha* (taubat yang murni) serta memeluk islam. Lalu orang-orang berkata: sesungguhnya telah terjadi pada kami apa yang terjadi pada Wahsyi. Rasulullah saw bersabda: "*Ia untuk orang muslim semua.*" (Al-Haistami juz10, 214-215)

Adapun sikap khas yang terdapat pada seorang sufi -yang selalu mendapatkan inspirasi hidupnya dari pelbagai kejadian- adalah melihat individu berasaskan fitrahnya. Manusia tentunya dalam hal ini memiliki sifat ilahi -roh- sehingga ia sebagai makhluk yang dibebankan hukum ilahi. Oleh kerana itu manusia dalam dirinya meny-

impan rahsia ilahi seperti harta karun yang terpendam dalam tanah ataupun permata yang tersimpan dalam lautan.

Seperti yang telah kita bincangkan, bahawa manusia meskipun dia terjatuh dalam darjat paling rendah dikeranakan perbuatan dosa atau maksiat akan tetapi intipati dan fitrah dirinya tetap bernilai mulia. Ketika kita membicarakan hal tersebut bukan bermakna bahawa tasawuf adalah suatu istilah yang berdiri tanpa adanya syarat atau kaedah.

Apa yang dibina tasawuf dalam diri individu dalam hal ini adalah "*janganlah mengurangi rasa hormat dan sikap toleransi terhadap orang yang berbuat dosa disebabkan perbuatannya serta tidak menimbulkan rasa permusuhan dan kemarahan yang berubah menjadi dosa disebabkan orang yang berbuat maksiat*."

Tasawuf dalam sudut pandang ini memiliki kesan yang paling efektif sebagai medium penyebaran dakwah islam pada zaman sekarang ini, kerana hati manusia pada dasarnya selalu merindukan kehadiran para kekasih Allah yang memiliki sifat kasih sayang dan pemurah seperti Abdul Qadir al-Jailani, Aziz Mahmud Khodaya, Yunus Amroh, Baha'udin Naqsyabandi, Maulana Jalaluddin Arrumi dan yang lainnya.

Alton uluq: Anda telah mendefinasikan apa itu tasawuf sebagaimana yang telah anda katakan, bahawa ia keadaan yang menghantarkan manusia dari pribadi keras yang masih lemah menuju syaksiah kuat yang sempurna. Berdasarkan hal tersebut seperti apa kedudukan tasawuf dalam kehidupan seorang muslim? Atau dengan kata lain adakah tasawuf suatu hal yang penting?

-Penulis: anda bertanya dengan pertanyaan yang bagus dan sangat penting, sesungguhnya tasawuf adalah nikmat ilahi yang bercahaya serta penyataan islam –dengan asas dan kandungan spir-

itualnya yang luas- bagi setiap orang-orang yang beriman. Bertolak dari sini, tasawuf memiliki peran penting dalam membimbing seorang muslim kepada darjat kemuliaan, ia juga memiliki peran dalam memberi hidayah bagi orang-orang non islam sehingga mereka dapat mencintai dan memeluk islam yang akhirnya menjadi individu-individu yang mencerminkan nilai-nilai islam dengan benar.

Maklumat-maklumat yang tertulis dalam buku pada hakikatnya ia seperti biji jagung, lalu lihatlah apa yang terjadi seandainya biji tersebut hanya tersimpan dalam sebuah laci dan tidak ditaburkan di tanah, ia akan tetap menjadi biji jagung yang tidak tumbuh dan tidak pula berbuah meskipun bertahun-tahun lamanya. Begitu juga dengan ilmu yang tertulis diatas lembaran-lembaran buku tanpa dibaca atau dipelajari maka tidak akan menghasilkan apa-apa.

Sebaliknya, apabila biji jagung itu disemai di atas tanah maka ia akan berkembang dan tumbuh besar sesuai dengan sifat serupa pada biji tersebut, bahkan mungkin salah satu biji yang ditanam akan berubah menjadi pokok yang memiliki ranting yang banyak dan daun lebat. Keadaan tersebut sama halnya dengan ilmu pengetahuan yang tertulis dalam buku lalu dibaca dan tersemat dalam hati, ia akan menjadi hati yang penuh dengan makna hakikat spiritual. Yang pada akhirnya akan membukakan pintu-pintu hikmah dan rahsia dalam memahami makna ilmu yang diperoleh.

Dari sudut pandang ini, sesungguhnya syariat yang ada di dalam agama memberikan gambaran seperti asas tiang untuk membina sesuatu, sedangkan taqwa adalah unsur-unsur yang lembut dan indah yang menghiasi tiang tersebut dengan sempurna. Tasawuf dalam hal ini menggabungkan antara keindahan keduanya -syariat dan taqwa-. Dari sisi lain tasawuf juga mendatangkan akhlak, amal soleh, dan keindahan menuju suatu kesempurnaan, ia juga mampu memanifestasi dan menafsirkan manusia, alquran dan alam semesta,

serta membantu untuk mengetahui pelbagai tanggung jawab yang dibebankan pada manusia sebagai khalifah di muka bumi dengan hikmah yang luas. Dengan demikian maka tasawuf ibarat tingkap spiritual yang terbuka bagi setiap muslim yang berhasrat untuk mencintai dan memahami makrifat Allah swt, ia selalu terbuka bagi setiap hati dengan melalui tangga-tangga hakikat.

Oleh kerana itu, tasawuf adalah perkara paling urgen dan penting yang tidak dapat dihindari bagi hati dan jiwa. Ketika tasawuf memilki kedudukan seperti ini maka kehidupan setiap muslim selalu dipenuhi oleh perbincangan tasawuf, atau dengan kata lain ketika seorang muslim berjumpa dengan orang lain maka perbincangan yang menjadi tajuk utamanya adalah nilai-nilai yang berkenaan dengan tasawuf.

Dan apabila kita berpaling dari realita ini dan bertanya apakah tasawuf itu penting? Maka kita seperti halnya bertanya apakah tafsir, hadith, ilmu kalam, fiqah, dan ilmu-ilmu islam lainnya yang merupakan asas islam itu penting?

Maka sesungguhnya barang siapa yang menganggap bahawa tasawuf tidak berfaedah dan tidak penting, maka ia seperti membenarkan tidak pentingnya akhlaq, takwa, pengetahuan, pensucian diri, pembersihan hati, serta sampainya seorang hamba pada darjat ihsan di sisi Allah swt. Kerana perkara-perkara tersebut adalah matlamat dan maksud dari tasawuf.

Oleh sebab itu, sesungguhnya manusia yang menghidupkan perkara-perkara tersebut –akhlak, taqwa, pembersihan jiwa dan sebagainya- bagi kami dia telah hidup dengan nilai-nilai tasawuf meskipun dia tidak menerima istilah tasawuf. Kerana istilah taqwa, zuhud, ihsan dan tasawuf sebenarnya memiliki makna yang saling berdekatan dan menunjukan pada satu matlamat. Ditengah istilah-istilah tersebut terdapat syakhsiah yang paling ideal dan dijadikan

panutan iaitu baginda Muhammad saw dialah mursyid (petunjuk) yang sempurna bagi umat manusia seluruhnya kemudian para sahabat -yang mulia- yang telah terdidik dibawah naungan tarbawi (pendidikan) yang agung. Setiap pribadi dari mereka menunjukan syakhsiah yang luhur ibarat bintang yang tersemai dan bersinar dalam qalbu dan jiwa.

Ketika sukma telah merasakan kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan maka ia telah mencapai pada tingkatan darjat spiritual yang sempurna.

Untuk itu, seorang hamba harus mendapatkan pendidikan agama yang bermakna, kerana terisinya hati dengan ilmu dan hikmah. Sedangkan pengetahuan hamba pada hakikat agama yang sebenarnya serta perjalanannya menuju darjat spiritual yang sempurna mungkin tercapai hanya dengan amalan-amalan yang berterusan.

Bahkan para Nabi yang diutus kepada manusia sebagai teladan dan pemberi petunjuk mereka telah melalui suatu masa untuk mempersiapkan dirinya sebelum diturunkannya wahyu. Kerana tentunya mereka harus memiliki hati yang jernih dan lembut supaya siap ketika wahyu diturunkan. Pembersihan dan pensucian hati itulah yang akhirnya menjadikan hati dapat menerima kelembutan wahyu ilahi dan melihat hakikat dari spiritual. Rasulullah saw sebelum diutus menjadi seorang Nabi, beliau berjalan mendaki gua Hira dan beri'tikaf di dalamnya sebelum dibebankan menjadi Nabi dan pembawa akhir risalah. Nabi Musa as, dia pergi ke atas gunung Sina dalam perjalanan ruhiyyah sebelum Allah swt berfirman padanya. Nabi Yusuf as, dia berdiam dalam penjara selama dua belas tahun lamanya sebelum menjadi pemimpin Mesir, di dalam penjara itu Nabi Yusf as melalui hari-harinya dengan penuh cabaran dan rintangan, kesungguhan spiritual sampai pelbagai jenis penderitaan. Seperti

itulah keadaan qalbu mereka, tidak sedikitpun terlintas di dalamnya rasa ketergantungan kecuali hanya pada Allah swt semata.

Rasulullah saw adalah fenomena dari ayat yang berbunyi *Alam Nasyrah* (bukankan kami telah melapangkan hatimu) sebelum beliau melakukan perjalanan mi'raj. Hati baginda dibelah dan dibasuh dengan air cinta dan kerinduan, lalu dipenuhi dengan spiritual ilmu dan hikmah kerana beliau nanti akan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang penuh dengan ketakjuban dan kekaguman, beliau juga akan menyaksikan kejadian yang lembut dan rahsia-rahsia ilahi yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia.

Apabila para *anbiya'* – sebagai hamba-hamba Allah swt yang ikhlas dan dapat dipercaya – telah menghadapi masa untuk membersihkan hati maka alangkah besarnya keperluan manusia untuk membersihkan hati, hati mereka yang penuh kekerasan tidak mungkin dapat mendekati kelembutan Allah swt. Ibarat orang yang kehilangan deria penciuman ia tidak bisa mencium semerbak bunga cengkeh, juga dengan kaca yang tertutup oleh asap maka kita tidak dapat melihat apapun di dalamnya. Pada saat yang sama jiwa yang tercampur di dalamnya oleh perkara-perkara halal dan haram atau dengan perkara syubhat akan semakin menjauhkannya dari kesucian dan kebersihan hati, seperti air sedikit yang tercemar oleh benda najis maka akan menghilangkan kejernihan dan kesuciannya.

Dengan demikian diharuskan bagi hati-hati yang keras dan kotor untuk menjernihkannya serta meningkatkan kepekaannya dalam menghadapi spiritual ilahi supaya dapat menerima rahsia dan hikmah ilahi. Sebagaimana hati diharuskan untuk diselimuti oleh kelembutan, kehalusan dan kesucian. Dalam Al-Quran Allah swt berfirman::

"Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun .Kecuali (harta benda

dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik);" *(*Asy-Syuara':88-89*)*

Perubahan hati menjadi hati yang mulia dan baik hanya dapat dicapai dan diperoleh dari pendidikan yang bermakna dan pendidikan yang jernih, kerana hati yang belum dididik dengan pendidikan spiritual ia ibarat besi yang masih dingin, supaya kita dapat membentuknya sesuai dengan yang kita inginkan maka kita harus membakarnya dahulu lalu membersihkannya dari kotoran-kotoran dan karat yang masih melekat. Setelah besi tersebut tidak keras dan lunak maka kita dapat memukul dan membentuknya sesuai dengan yang kita inginkan. Seperti itulah keadaan hati, dengan tanpa melalui proses-proses tersebut maka tidak mungkin hati mencapai darjat kesempurnaan.

Setelah terwujudnya kesempurnaan hati ini maka sesungguhnya dunia hakikat yang sebenarnya –yang tidak bisa dilihat oleh mata dan dicapai akal– akan tersingkap oleh hati dan diketahui oleh perasaan. Kerana itu bagi seorang mukmin harus menyempurnakan dan mematangkan kekuatan dan pengatahuan hati.

Untuk lebih meyakinkan pentingnya penyempurnaan dan pematangan hati, maulana Jalaludi –semoga Allah swt merahmatinya- mengisahkan dirinya ketia beliau menjadi seorang guru di Madrasah as-saljuqiyyah dalam masa kejayaan ilmu pada puncanya. Lalu dia berkata: "Dahulu aku adalah orang yang belum matang dank keras, ketika alam ini –yang penuh dengan tabir makrifatullah- berubah menjadi kumpulan buku atau kitab, serta rahsia-rahsia ilahi dapat dinikmati oleh mata saya menggambarkan keadaanku seraya berkata "Aku telah matang". Tetapi ketika diriku hampa dan musnah akan cinta padaNya aku berkata "Sungguh aku telah merugi."

Perkataan maulana Jalaludin menjelaskan bahawa jiwa manusia memerlukan pendidikan spiritual yang hakiki supaya hati mereka sampai pada darajat kesempurnaan. Hal itu dikeranakan diterimanya amal seorang mukmin oleh Allah swt berhubung kait dengan kejernihan hati. Sebagai contohnya para sahabat dahulu pada masa jahiliyyah –sebelum datangnya islam- mereka mengubur anak perempuan secara hidup-hidup demi menanggaung rasa malu –seakan-akan hati mereka keras seperti batu- akan tetapi ketika telah diutus seorang Nabi dan mereka belajar di bawah naungan tarbiyahnya yang hakiki beransur-ansur perangai mereka berubah memiliki sifat kasih sayang, lemah lembut sampai kedua-dua mata tak kuasa menahan titisan air yang mengalir darinya. Mereka berusaha dengan sungguh-sungguh mengorbankan jiwa dan ruhnya di jalan Allah dan RasulNya.

Secara ringkas saya ingin mengatakan: "Bahawa seseorang mungkin ia dapat memiliki agama tanpa adanya tasawuf, akan tetapi agama ini tidak akan mencapai tonggak kedudukan ihsan", ertinya: kehidupan seorang muslim yang terlepas dari tasawuf –sebagai tarbiyah spiritual yang sesungguhnya- tidak akan bisa menyentuh tonggak dan nilah ubudiyyah (penghambaan) ihsan yang memiliki slogan "An ta'budallah ka annaka tarahu" (kamu beribadah kepada Allah seakan-akan kamu melihatnya).

Alton Uluq: Tuanku bahawa orang-orang yang membaca majalah Alton Uluq adalah orang-orang yang mencintai kepribadianmu dari hati. Mereka merasakan dirinya bahagia ketika bersama dengan anda dalam satu taman hati. Lalu apa yang ingin anda katakan pada mereka tentang tasawuf sebagai penutup perbincangan kita ini?

Penulis: tambahan dari apa yang sudah kami katakan sampai sekarang maka saya ingin menuturkan nasihat-nasihat yang dipegang teguh oleh ahli iman dengan ketetapan hatinya, iaitu:

Sesungguhnya tasawuf adalah pendidikan spiritual yakni berusaha untuk mencapai dan mencontoh akhlak Rasulullah saw samada ketika berinteraksi dengan Allah swt dengan kecintaan dan kekhusyukan dalam beribadah ataupun berinteraksi baik kepada sesama manusia. Tasawuf juga membimbing seorang muslim untuk menanamkan rasa rindu dan cinta kepada Allah swt dan RasulNya. Kerana orang yang hatinya tertanam rasa cinta kepada Allah swt dan Nabi Muhammad saw –dengan cinta yang jujur dan tulus- mereka akan menjadi kekasih para ciptaanNya.

Persahabatan dan keakraban bersama orang-orang soleh akan memperbaiki keadaan orang beriman, kerana berinteraksi dengan mereka memberikan kesan pada cahaya keimanan. Orang-orang soleh yang memberikan hidangan rohani pada setiap jiwa mereka telah lebih dahulu membersihkan jiwanya, mereka juga memalingkan pandangannya dari pelbagai nikmat dan keindahan dunia. Mereka adalah syaksiah-syakhsiah yang selalu memenuhi hatinya dengan cahaya ilahi. Kebersamaan dan keakraban dengan mereka menjadikan seseorang hamba yang bermanfaat bagi makhluk-makhluk lainnya dengan tangan mahupun lisannya.

Rasa cinta muncul dari garis yang membentang antara dua hati, manusia sangat kagum dan takjub atas anugerah hati ini. Kerana itu seorang mukmin harus menggunakan eliksir mahabbah (cinta) dalam setiap perjalanan hidupnya.

Berpindahnya ilmu yang kita peroleh menjadi suatu pengetahuan merupakan perantara yang digunakan untuk mengetahui hakikat Allah swt (makrifatullah) dalam hati. Dan segala ciptaan yang ada di alam semesta menyimpan begitu banyak rahsia dan hikmah ilahi. Sedangkan makrifat bukanlah hanya pada kesaksian mata dan minda, akan tetapi mengetahui segala tabir hikmah dan rahsia ilahi yang tersimpan.

Sesungguhnya hati yang terlepas dari perangai kasar dan keras serta diselimuti oleh kelembutan dan kasih sayang adalah cara jalan dalam mendekatkan diri kepada Allah swt. Orang mukmin yang selalu menghidupkan hatinya dengan cahaya ilahi ia akan menggapai jalan abadi. Adapun orang-orang yang selalu memuaskan hatinya dengan dunia mereka akan kehilangan sifat tabiat manusianya disebabkan hasrat hawa nafsu yang menyelimutinya.

Asas dalam akhlak islam adalah cinta kepada Allah swt serta berpasrah diri kepada-Nya dengan penuh keikhlasan. Tidak diragukan bahawa pengabdian pada Allah swt merupakan satu-satunya tanda dalam hal ini.

Cinta adalah sihir yang paling kuat yang dapat mengubah kesulitan menjadi kasih sayang. Meskipun pengabdian kepada Sang Pencipta dilalui dengan berat apabila dilakukan dengan rasa cinta maka akan menjadi mudah dan ringan. Pada masa yang sama sesungguhnya nilai pengabdian bersandar pada seberapa besar usaha yang dikorbankan dalam melaksanakan dan menunaikan suatu amal ibadah.

Pengabdian kepada Allah swt dengan hati yang benar-benar ikhlas dan tulus adalah modal utama menuju kematangan dan kesempurnaan hati. Sedangkan hati yang telah sampai pada kesempurnaan ini adalah: “Tempat untuk mengetahui hakikat Allah Azza Wajalaa”

Sesungguhnya nama Allah swt “*Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang*” yang banyak di sebutkan di dalam al-qur’an menggambarkan sifat keindahan Allah Azza Wajalla. Maka dari itu kita sebagai orang mukmin harus memilik perangai kasih sayang dan lemah lembut.

Pribadi yang tidak memiliki rasa belas kasih dan tidak faham akan kasih sayang dan kesabaran sesungguhnya ia telah kehilangan semua kunci perbendaharaan kebahagiaan. Oleh sebab itu, kita harus banyak belajar dan introsperksi diri dari cermin mereka –orang-orang yang tidak peka atas kasih sayang dan kesabaran-.

Sesungguhnya sebab dari perbuatan zalim adalah terhalangnya jiwa dari perasaan cinta. Orang yang tidak memiliki rasa cinta dia akan akan berubah menjadi pribadi yang kasar dan bengis sepanjang masa, sedangkan buah dari kerinduan yang hakiki adalah kasih sayang dan lemah lembut.

Telah dikisahkan tentang tukang pembusar seseorang yang memiliki kedudukan tersendiri dalam hatinya mengenai rasa rindu bahawa dia memberikan contoh besar dalam keutamaan hati ketika berdoa kepada Allah swt dengan merendah diri "Ya Allah, ampunilah dosa-dosa orang yang menyakitiku sebelum Engkau mengampuni dosaku."

Apabila kita ingin mengetahui kedudukan kita dalam meniti jalan yang hakiki, maka kita harus mengintrospeksi tingkah laku, keadaan dan perbuatan kita serta mengarahkannya ke jalan yang lurus.

Sesungguhnya sifat egois dan takabbur adalah penghalang dalam menuju jalan ilahi. Iblis telah dilaknat Allah dan menerima kerugian besar kerana dirinya yang egois dan sombong.

Maulana Jalaludin – semoga Allah swt. merahmatinya – berkata: "Penting bagi kita untuk menjadi perangai bunga mawar, iaitu kita menjadi mawar bagi seluruh alam ini yang menaungi setiap makhluk ketika musim bunga tiba serta membawa mereka –makhluk- lupa akan pedihnya seksaan musim sejuk, bukan untuk melihat durinya ataupun merasakan sakitnya seksaan tersebut.

Boleh jadi nasihat tuan Abdul Khalok Al-Kujduwani yang berharga ini bagi kebaikan jiwa dan keindahan perangai adalah salah satu yang paling utama dalam menata lembaran hati dan jalan menuju tasawuf. Dia berkata:

"*Wahai anakku ini adalah pesanku untukmu: jadikanlah ilmu, adab dan ketakwaan menyelimuti seluruh perilakumu. Bacalah kitab-kitab orang terdahulu dan berjalanlah di jalan ahli bait Nabi saw dan ahlusunnah waljama'ah. Belajarlah ilmu fiqah, hadith, dan jauhilah orang-orang sufi yang bodoh. Dirikanlah selalu solat lima waktu dengan berjamaah. Ketika kamu merasakan kecenderungan hawa nafsu pada kemasyhuran maka janganlah kamu mengumandangkan azan dan menjadi imam. Jauhilah nafsu syahwat menurut kesanggupanmu. Syahwat adalah penyakit. Jangan mendekatinya untuk selamanya, akan tetapi tempatkanlah tawadhu (rendah diri) dalam dirimu. Janganlah kamu mengerjakan suatu pekerjaan yang kamu tidak mampu kerana itu di luar batas kekuatanmu.*"

Jangan ikut campur urusan orang lain yang tidak ada sangkut pautnya denganmu. Janganlah berdiri dan duduk bersama orang-orang yang fasik, bersikaplah tengah-tengah dalam menghadapi suatu permasalahan. Jauhilah prasangka dan dugaan, dan jangan tertipu dengan banyak mendengarkan suara yang indah, kerana ini akan menggelapkan jiwa, dan mendatangkan kemunafikan pada akhirnya. Dengan ini janganlah mengingkari suara indah, kerana kumandang azan dan bacaan qur'an yang di tilawahkan dengan suara yang indah akan menghidupkan hati dan jiwa. Makanlah dan bicaralah sedikit serta tidurlah sebentar sahaja. Larilah dari orang-orang bodoh dan lalai sebagaimana kamu lari dari kejaran singa.

Pilihlah kesendirian di masa-masa yang penuh dengan huru-hara. Jauhilah orang-orang yang memberikan fatwa kerana mencari manfaat dari orang lain sesungguhnya hati mereka hanya mencintai

dunia, dan jauhilah orang-orang kaya yang sombong serta orang-orang bodoh. Makanlah makanan yang halal dan waspadalah dari perkara syubhat serta berpegang teguhlah dengan ketakwaan ketika nikah, kerana disebaliknya tersimpan kecintaan terhadap dunia dan melanggar aturan agama.

Janganlah banyak tertawa dan jadikanlah tawamu dengan senyuman bukan tertawa yang terbahak-bahak, kerana banyak tertawa akan menjadikan hati keras dan gelap. Akan tetapi jangan menunjukkan wajah masam, kerana senyum adalah sedekah. Lihatlah semua orang dengan mata penuh kasih sayang, dan janganlah memandang rendah kepada seorangpun.

Jangan berlebih-lebihan dalam berhias dan mempercantik bentuk luar. Pakailah pakaian yang sederhana dan indah, kerana mementingkan penampilan luar akan mendatangkan kehancuran dari dalam dan merosaknya. Janganlah berdebat dan meminta sesuatu pada orang lain.

Jangan meminta orang lain, jadilah kaya dan berkecukupan dengan merasa puas atas apa yang kamu miliki dan jagalah ketenanganmu. Agungkanlah dan muliakanlah orang-orang yang mengajari, mendidik dan memberikan kesan padamu, layanilah mereka dengan segenap jiwa dan apa yang kamu miliki ikutilah mereka. Dan tidak akan beruntung orang-orang lalai yang menghina dan tidak menghormati mereka. Janganlah cenderung pada dunia dan penghuninya yang lalai.

Lembutkanlah hatimu dengan kesedihan dan basahilah kedua matamu dengan air mata taubat untuk menguatkan badanmu dalam beribadah. Jauhkanlah hati dari ketergantungan pada syahwat dunia dan berlindunglah dengan do'a. Pergaulilah orang-orang soleh.

Jadikanlah sikap rendah hati sebagai hiasan pakaianmu, jadikanlah ilmu agama zahir dan batin sebagai modal utamamu. Binalah rumahmu sebagai masjid atau dekat dengannya maka kamu akan menjadi orang-orang yang disayang Allah swt… Ya Allah swt jadikanlah kami orang-orang yang menjaga nasihat dan wasiat ini Amiiiin…

❁

KANDUNUNGAN